



**LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
SERTA PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA



LAPORAN MAKLUM BALAS DARIPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2011

ISI KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2011
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
3	Dewan Bahasa dan Pustaka - Pengurusan Penswastaan Buku Teks Sekolah dan Judul Am	1 - 7
4	Perbadanan Labuan - Pengurusan Projek Pembangunan Hab Halal	8 - 14
5	Universiti Kebangsaan Malaysia - Pengurusan Linen Dan Perkhidmatan Dobi Di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia	15 - 20
6	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia - Pengurusan Levi Terhadap Projek Pembinaan	21 - 28
7	Lembaga Getah Malaysia - Pengurusan Program Pembangunan Bahan Termaju Dan Produk Tambah Nilai	29 - 32
8	Suruhanjaya Koperasi Malaysia - Pengurusan Pemberian Geran Kepada Koperasi	33 - 38
9	Perbadanan Putrajaya - Pengurusan Taman	39 - 42
10	Universiti Teknologi Mara - Pengurusan Biasiswa Tenaga Pengajar Muda	43 - 46

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
11	Universiti Teknologi Mara - Pengurusan Sistem Kewangan Pelajar UiTM	47 - 52
12	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara - Pengurusan Koleksi Himpunan Tetap	53 - 59
13	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia - Pengurusan Dana Perfileman	60 - 63
14	Suruhanjaya Syarikat Malaysia - Pengurusan Penguatkuasaan	64 - 68
15	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia - Pengurusan Projek Pembangunan Tambahan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	69 - 75
16	Universiti Putra Malaysia - Pengurusan Kemudahan Dan Ternakan Di Taman Pertanian Universiti	76 - 100
17	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang - Pengurusan Program Latihan Kemahiran Oleh Institut Kemahiran Tinggi PERDA	101 - 106
18	Bank Simpanan Nasional - Pengurusan Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	107 - 110
19	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia - Pengurusan Dana Eksport Perkhidmatan	111 - 112

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
20	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - Pengurusan Pelaburan Hartanah	113 - 118
21	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia - Pengurusan Aset	119 - 123
22	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) - Pengurusan Pelaburan Sekuriti Hutang Persendirian Dan Bon Kuasi	124 - 126
23	Pertubuhan Keselamatan Sosial - Pengurusan Pembayaran Faedah	127 - 136

HASIL PENGAUDITAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
24	Lembaga Tabung Angkatan Tentera - Pengurusan Caruman Ahli	137 - 138
25	Lembaga Tabung Haji - Pengurusan Pelaburan Hartanah	139 - 140

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan	Syarikat	Muka Surat
30	Pengurusan MARDITECH CORPORATION Sdn. Berhad	141 - 145
31	Pengurusan KESEDAR Perkilangan Sdn. Berhad	146 - 150
32	Pengurusan MAJUIKAN Sdn. Berhad	151 - 155

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

Perenggan 3 : Pengurusan Penswastaan Buku Teks Sekolah Dan Judul Am

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.2.1.a	<p>Prestasi Kewangan</p> <p>Syarikat konsesi telah melaksanakan aktiviti penswastaan ini bermula dari tahun 2003 dengan pembentukan awal sejumlah RM35 juta untuk percetakan buku teks tahun 2004. Pada tahun 2004, syarikat konsesi telah menerbitkan bon Sukuk berjumlah RM100 juta untuk membayar pinjaman dan menambah modal operasi. Pada bulan April 2009, disebabkan kekangan kewangan, syarikat konsesi telah membuat pembiayaan semula bon Sukuk yang telah diterbitkan pada tahun 2004 dengan menerbitkan bon Sukuk Musyarakah berjumlah RM105 juta. Pada bulan Mac 2010, syarikat ini membuat pinjaman berjumlah RM20 juta bagi menampung pembelian kertas dan operasi percetakan Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) untuk kegunaan tahun 2011. Selain itu, syarikat ini mempunyai hutang untuk pembelian kertas berjumlah RM11.50 juta.</p>	<p>Pemantauan prestasi kewangan Dawama Sdn. Bhd. telah dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP mulai mesyuarat ke-11 (1/2012) pada 24 Julai 2012. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan ini dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola yang diadakan sebanyak 4 kali setahun.</p>
3.4.2.1.b	<p>Pada 9 Mac 2011, syarikat konsesi telah memohon pendahuluan daripada DBP sejumlah RM17 juta bagi tujuan pembelian kertas untuk percetakan BTSP untuk kegunaan tahun 2012. Namun begitu, Lembaga Pengelola tidak meluluskan pendahuluan ini. Operasi syarikat ini semakin terjejas kerana masalah bebanan hutang dan kekurangan modal. Ini menyebabkan aktiviti percetakan dan pengedaran buku teks tidak dapat diteruskan.</p>	
3.4.2.1.c	<p>Semakan Audit mendapati syarikat konsesi hanya menyediakan penyata kewangan dari tahun 2003 hingga 2008 tetapi tidak diserahkan kepada DBP manakala penyata kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011 tidak disediakan. Pihak Audit selanjutnya membuat analisis perbandingan keuntungan dan pinjaman syarikat ini dari tahun 2002 hingga 2008 yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat</p> <p>Pada pendapat Audit, DBP hendaklah memantau prestasi kewangan syarikat dan membangkitkan ketidakupayaan syarikat dalam meneruskan operasinya serta bebanan hutang yang tinggi dalam mesyuarat Lembaga Pengelola supaya tindakan awal dapat diputuskan oleh Lembaga Pengelola DBP.</p>	

	<p><i>DBP memaklumkan pemantauan terhadap prestasi kewangan syarikat telah dibuat tetapi hanya terhad kepada terma perjanjian iaitu memastikan syarikat konsesi mempunyai pembiayaan dari segi kewangan untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam perjanjian. Penerbitan bon Sukuk pada tahun 2004 berjumlah RM100 juta dan bon Sukuk Musyarakah berjumlah RM105 juta pada tahun 2009 adalah dalam pengetahuan DBP selaras dengan klaus 17.2 yang mensyaratkan semua penyempurnaan dokumen pembiayaan dimaklumkan kepada DBP. Masalah kekurangan modal untuk membeli kertas dan art kad serta operasi syarikat konsesi telah dimaklumkan oleh pengurusan DBP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP pada bulan Jun 2010. Pada 7 Mac 2011, Lembaga Pengarah syarikat konsesi telah membentangkan kedudukan kewangan dan perancangan kewangan untuk mengatasi masalah tersebut. Seterusnya, DBP mengeluarkan Notis Kemungkiran pada 8 April 2011.</i></p>	
3.4.2.2.a	<p>Tunggakan Pembayaran Fi Tahunan</p> <p>Mengikut Fasal 13 perjanjian konsesi, pembayaran dan kiraan fi tahunan adalah 30 peratus daripada Nilai Jualan BTSP dan 20 peratus daripada Nilai Jualan Terbitan selain BTSP. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011, DBP tidak menerima bayaran fi tahunan pada setiap suku tahun dari bulan Januari hingga September 2010 yang berjumlah RM3.06 juta. Syarikat konsesi tidak dapat mematuhi jadual pembayaran fi tahunan yang ditetapkan dan seterusnya mengakibatkan penerimaan hasil DBP tertunggak.</p> <p><i>DBP memaklumkan fi tahunan dari bulan Januari hingga Disember tahun 2010 telah diselaraskan dengan fi BTSP syarikat konsesi. Bagaimanapun, syarikat konsesi tidak mengemukakan laporan jualan pada tahun 2011 dan surat peringatan telah dikeluarkan kepada syarikat konsesi untuk mengemukakan laporan jualan setiap suku tahun 2011 tetapi tiada maklum balas diberikan.</i></p>	<p>Dawama Sdn. Bhd. telah mengemukakan kepada DBP laporan jualan buku pasaran terbuka dari Januari hingga Jun 2011. Fi tahunan daripada jualan ini sebanyak RM2.501 juta dibayar pada Oktober 2012 melalui tuntutan Dawama untuk buku BTSP kegunaan tahun 2013. Walau bagaimanapun, laporan jualan dari bulan Julai 2011 hingga Julai 2012 masih belum dikemukakan oleh Dawama kepada DBP walaupun surat peringatan telah dihantar sebanyak 4 kali mulai 4 April 2011 dan kali terakhir pada 8 Ogos 2012. Sehubungan dengan itu, DBP mengenakan fi minimum sebanyak RM2.759 juta bagi jualan buku tahun 2011 terhadap Dawama berdasarkan Fasal 13.8, Perjanjian Konsesi, yang dibayar melalui pemotongan tuntutan BTSP kegunaan tahun 2013 pada Oktober 2012 atas kelewatan Dawama mengemukakan laporan jualan. Selain itu, penahanan pembayaran dan denda kelewatan sebanyak 2% setahun di atas kadar pemberian pinjaman asas dikenakan terhadap Dawama sehingga laporan jualan diserahkan kepada DBP.</p>
3.4.2.3	<p>Kelewatan Pengedaran Buku Teks</p> <p>Semakan Audit mendapati syarikat konsesi gagal merancang pembekalan BTSP dengan baik. Selain itu, kelewatan pengedaran buku teks ke sekolah di seluruh negara menyebabkan DBP dikenakan denda oleh KPM dari tahun 2003 hingga 2008 berjumlah RM2.36 juta. Bagaimanapun, DBP membayar denda ini kepada KPM dengan menolak dari fi tahunan yang sepatutnya diterima oleh syarikat konsesi. Mulai tahun 2009, DBP tidak lagi dikenakan denda kelewatan pengedaran buku teks ke sekolah di seluruh negara.</p> <p>Pada pendapat Audit, syarikat konsesi dari awal penswastaan tidak berupaya melaksanakan tanggungjawabnya dan DBP perlu mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap syarikat ini.</p>	<p>Bagi memastikan urusan BTSP berjalan dengan lancar dan mengikut tarikh akhir penghantaran BTSP (Buku Cetak Semula), iaitu pada 25 Julai 2012 di Semenanjung Malaysia dan pada 22 Ogos 2012 di Sabah dan Sarawak, Mesyuarat Pembekalan BTSP Kegunaan Tahun 2013 telah diadakan setiap minggu dengan pihak Dawama mulai pengambilalihan Dawama oleh pengurusan syarikat yang baharu pada 9 Mei 2012. Mesyuarat ini telah bersidang sebanyak 14 kali dan mesyuarat terakhir telah diadakan pada 6 September 2012. Setakat ini urusan pembekalan BTSP (Buku Cetak Semula) kegunaan tahun 2013 ke sekolah di seluruh negara berjalan lancar.</p>

	<p><i>DBP memaklumkan kelewatan pengendalian buku teks disebabkan oleh beberapa faktor seperti bilangan judul yang banyak, pengendalian jumlah naskhah BTSP yang diuruskan adalah besar, masa pengedaran singkat, melibatkan banyak pihak seperti pencetak, penjilid, syarikat pengangkutan dan pengedar serta bilangan sekolah yang melebihi 10,000 buah termasuk berada di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Oleh itu, mulai bulan Februari 2009 fungsi kawal selia penswastaan telah diletakkan di bawah Ketua Pengarah DBP.</i></p>	
3.4.2.4.b	<p>Kegagalan Menerbitkan Buku Judul Am</p> <p>Semakan Audit mendapati syarikat konsesi hanya menerbitkan 303 Judul Am iaitu 87 naskhah kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan bagi tahun 2010 dan tiada fi dibayar kepada DBP. Pada tahun 2011, syarikat ini tidak menerbitkan sebarang buku Judul Am mengakibatkan DBP tidak dapat menerima fi minimum yang sepatutnya berjumlah RM2.76 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBP hendaklah melaksanakan pemantauan bagi memastikan syarikat konsesi menerbitkan buku Judul Am berpandukan kepada jadual yang ditetapkan di dalam perjanjian konsesi. Selain itu, Jawatankuasa Judul Am hendaklah memastikan Fasal Kecil 7.5 Perjanjian Konsesi dipatuhi supaya kelewatan dalam percetakan dan pengedaran buku Judul Am tidak berlaku.</p> <p><i>DBP memaklumkan berdasarkan Fasal 7 perjanjian konsesi jawatankuasa pemantauan bagi judul selain buku teks iaitu Jawatankuasa Judul Am telah diwujudkan. Selain itu, pemantauan judul am juga dibincangkan dalam mesyuarat yang melibatkan syarikat konsesi dan teguran secara bertulis kepada syarikat konsesi.</i></p>	<p>Semenjak Dawama beroperasi semula, di bawah pengurusan baharu pada 9 Mei 2012, persetujuan di antara DBP dengan Dawama telah dicapai iaitu untuk menerbitkan sebanyak 60 buku judul am setiap bulan. Pemantauan kemajuan kerja penerbitan ini dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Judul Am yang diadakan dua kali sebulan mulai Jun 2012. Sehingga 7 September 2012, 19 judul telah diterbitkan daripada 419 judul yang akan diterbitkan oleh Dawama sehingga Disember 2012.</p>
3.4.2.5.b	<p>Kegagalan Meneruskan Aktiviti</p> <p>Semakan Audit mendapati DBP telah mengeluarkan Notis Kemungkiran pada bulan April 2011 tetapi tiada tindakan susulan diambil sehingga awal bulan Januari 2012. Berdasarkan Minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengelola pada 7 Mac 2011, syarikat konsesi telah mengalami masalah kewangan yang kritikal apabila hutang keseluruhan syarikat berjumlah RM123.61 juta dan tidak berkemampuan untuk meneruskan obligasi percetakan dan pengedaran buku teks bagi kegunaan tahun 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan syarikat konsesi melaksanakan obligasinya berpunca daripada masalah aliran tunai dan hutang yang serius. DBP hendaklah membuktikan syarikat telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan seterusnya dapat menguatkuasakan klausu penamatian konsesi seperti dalam perjanjian.</p> <p><i>DBP memaklumkan masalah kekurangan modal operasi syarikat konsesi termasuk untuk pembelian kertas telah dibangkitkan oleh pengurusan DBP dalam Mesyuarat</i></p>	<p>Sejak Dawama beroperasi semula pada 9 Mei 2012 dengan pengurusan baharu yang diterajui oleh Utusan Printcorp Sdn. Bhd. (dipunyai oleh Utusan Melayu (M) Bhd. dan DTSP Consortium Sdn. Bhd.), Dawama telah mengambil langkah menyusun semula hutang dengan pemegang sukuk yang terlibat. Di samping itu, suntikan modal terhadap Utusan Printcorp Sdn. Bhd. dibuat oleh Utusan Melayu (M) Bhd. Pada 1 Oktober 2012. Lanjutan daripada itu, Dawama telah dapat melaksanakan semula aktiviti yang diswastakan termasuk kerja-kerja percetakan dan pengedaran BTSP (Buku Cetak Semula) kegunaan tahun 2013 yang telah dilaksanakan oleh Dawama mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pada 25 Julai 2012 di Semenanjung Malaysia dan 22 Ogos 2012 di Sabah dan Sarawak.</p>

	Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP pada bulan Jun 2010. Kegagalan syarikat konsesi melaksanakan obligasinya berpunca daripada masalah aliran tunai dan hutang yang telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengelola pada bulan Mac 2011.	
3.4.3.1	Penambahbaikan Perjanjian Konsesi Oleh DBP Mengikut Fasal 27.7, pindaan kepada perjanjian konsesi boleh dibuat dengan persetujuan secara bertulis antara DBP dengan syarikat konsesi. Pindaan tersebut hendaklah menjadi tambahan kepada perjanjian dan terus berkuatkuasa sepenuhnya antara pihak yang terlibat.	Pengurusan DBP telah menyediakan cadangan terma perjanjian konsesi yang baharu dan terma ini akan digunakan selepas perjanjian konsesi sedia ada tamat pada 31 Ogos 2014. Cadangan terma perjanjian konsesi ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP Ke-10 (2/2012) pada 21 Oktober 2011. Selanjutnya, cadangan terma perjanjian konsesi telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola DBP Bil. 256 pada 3 September 2012 dan mesyuarat memutuskan supaya cadangan terma perjanjian konsesi ini diperhalusi semula oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP.
3.4.3.2	Semakan Audit mendapati kelemahan penswastaan ini telah dibangkitkan dalam taklimat kepada Ketua Setiausaha (KSU), KPM pada bulan Januari 2006. KSU telah mengarahkan supaya masalah ini diselesaikan dengan segera tetapi tiada tindakan susulan diambil. Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu mengarahkan supaya rundingan antara DBP dan syarikat konsesi diselesaikan segera dalam tempoh sebulan semasa lawatan beliau ke DBP pada bulan April 2006.	
3.4.3.3	 Semakan Audit selanjutnya mendapati Bahagian Penyelarasan Penerbitan dan Kawal Selia Penswastaan telah ditubuhkan oleh DBP untuk menyelia dan mengawal aktiviti syarikat konsesi. Bahagian ini didapati tidak menyelia secara berkesan terhadap prestasi kewangan bagi mengawal aktifitinya. Pada bulan Jun 2005, rundingan Penambahbaikan Terma Perjanjian Konsesi Penswastaan dengan syarikat konsesi telah diadakan dengan Bahagian Penyelarasan Penerbitan dan Kawal Selia Penswastaan. Semakan selanjutnya mendapati Jawatankuasa Pemantauan Dan Penswastaan (JKPP) telah memutuskan 12 terma yang perlu ditambah baik dan memohon kelulusan daripada Lembaga Pengelola dalam Kertas Kerja Lembaga Pengelola, pada bulan April 2007 tetapi tidak diambil sebarang tindakan. Kesemua 12 terma penambahbaikan yang diusulkan telah ditolak oleh Lembaga Pengelola kerana justifikasi yang dikemukakan oleh pengurusan DBP adalah tidak kukuh. Pada pendapat Audit, DBP dan pihak yang terlibat seperti UPE perlu mengkaji semula perjanjian konsesi ini bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak serta kepentingan Kerajaan. Pengurusan DBP perlu membuat justifikasi yang lebih kukuh dan dibentangkan kepada Lembaga Pengelola untuk dikaji semula serta mengambil tindakan penambahbaikan. <i>DBP memaklumkan kajian semula perjanjian konsesi telah dibuat pada bulan Januari 2007. Pihak pengurusan DBP telah mengenal pasti 12 perkara yang memerlukan penambahbaikan. Perundingan dengan syarikat konsesi telah diadakan dan 10 perkara telah dipersetujui oleh DBP dan syarikat konsesi. Pada bulan November 2008, cadangan penambahbaikan ini telah dibentangkan dalam mesyuarat JKPP. Cadangan yang diputuskan dalam mesyuarat JKPP telah dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga Pengelola Tahun 2009 pada bulan Januari 2009 dan memutuskan untuk menerima cadangan bagi mengekalkan terma perjanjian konsesi</i>	

	<p>yang sedia ada sehingga tahun 2014. Selepas tamat perjanjian tersebut, Lembaga Pengelola akan membuat keputusan sama ada perjanjian konsesi ini akan diteruskan atau sebaliknya.</p>	
3.4.4.2	<p>Perjanjian Pajakan Tanah Kepada Syarikat Konsesi</p> <p>Pada bulan Disember 2011, semakan Audit mendapati premis syarikat konsesi di Ulu Klang mempunyai tunggakan cukai tanah dan penalti lewat berjumlah RM236, 656 serta tunggakan cukai taksiran berjumlah RM100, 307. Pihak Audit juga dimaklumkan syarikat konsesi tidak berupaya untuk meneruskan obligasi percetakan tersebut.</p> <p><i>DBP memaklumkan syarikat konsesi telah mengemukakan rayuan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak untuk membayar tunggakan cukai tanah secara ansuran dan denda kelewatan dikecualikan melalui surat bertarikh 2 Februari 2012. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah bersetuju pada bulan Mac 2012 untuk memansuhkan denda kelewatan sejumlah RM22,961 dengan syarat syarikat konsesi menjelaskan cukai tanah semasa dan tunggakan cukai sebelum 31 Mei 2012.</i></p>	<p>Setakat Jun 2012, Dawama telah membayar secara ansuran tunggakan cukai tanah berjumlah RM124,141 dan tunggakan cukai taksiran berjumlah RM50,774 mulai 9 Mac 2012 dan dijadualkan selesai pada Jun 2013.</p>
3.4.5.1	<p>Penurunan Fi Tahunan Terhadap Penerbitan Judul Am</p> <p>Semakan Audit mendapati hasil penerbitan selepas penswastaan telah berkurangan disebabkan bilangan penerbitan judul am telah menurun. Kesan daripada penurunan fi tersebut, DBP terpaksa menanggung pembayaran royalti kepada penulis daripada sumber kewangannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, hasil DBP merosot disebabkan oleh syarikat konsesi mengabaikan penerbitan buku Judul Am untuk pasaran terbuka. Ini mengakibatkan kurangnya buku dan majalah DBP di pasaran serta orang awam sukar memperoleh buku atau majalah DBP di pasaran.</p> <p><i>DBP memaklumkan teguran terhadap syarikat konsesi telah dibuat secara bertulis selain daripada perbincangan melalui mesyuarat yang diadakan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, pemantauan dan teguran tersebut tidak diambil tindakan oleh syarikat konsesi kerana tiada klausa dalam perjanjian konsesi yang membolehkan DBP mengenakan denda atau tindakan tegas terhadap syarikat konsesi. Ini menyebabkan jualan buku judul am untuk pasaran terbuka berkurangan dan tidak mencapai sasaran tahunan yang telah ditetapkan dalam perjanjian.</i></p>	<p>Selaras dengan cadangan menerbitkan sebanyak 419 judul baharu pada tahun 2012, DBP menjangkakan fi tahunan akan meningkat secara beransur-ansur dengan pemantauan yang lebih ketat daripada DBP. Berdasarkan Fasal 13.8, Perjanjian Konsesi, DBP bakal menerima bayaran fi minimum tahun 2012 berjumlah RM3.035 juta daripada Dawama pada suku pertama tahun 2013.</p>
3.4.6	<p>Pengambilalihan Semula Aktiviti Penswastaan Buku Teks Sekolah Oleh DBP</p> <p>Berdasarkan keputusan mesyuarat dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) pada bulan Julai 2011, DBP terpaksa mengambil alih aktiviti percetakan dan pengedaran buku teks sekolah kerana ketidakupayaan syarikat konsesi meneruskan aktiviti percetakan dan pengedaran demi kepentingan Negara.</p>	<p>DBP telah mengingatkan Dawama sebanyak 5 kali, mulai Jun 2012 dan kali terakhir pada 8 Ogos 2012, meminta Dawama menyerahkan salinan lembut terkini buku cetak ulang. Memandangkan proses mencetak buku teks belum selesai, salinan lembut dijangka diperoleh sepenuhnya daripada Dawama pada akhir September 2012 bagi judul cetak ulang.</p>

3.4.6.2	<p>Semakan Audit mendapati DBP melantik pencetak luar bagi memastikan cetakan buku teks dapat dibuat dan diedarkan dengan segera bagi memenuhi <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> yang ditetapkan oleh KPM. DBP terpaksa menggunakan kaedah perolehan terus dengan memanggil syarikat pencetak yang berdaftar kerana kesuntukan masa dan atas arahan YAB Menteri Pelajaran supaya mempercepatkan percetakan serta pengedaran buku teks sebelum sesi persekolahan tahun 2012 bermula. Perolehan terus ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola.</p>	<p>Bagi buku teks judul baharu kegunaan tahun 2013, salinan lembutnya ada dalam simpanan DBP kerana pelantikan syarikat yang menyediakan pruf muka surat buku dilantik terus oleh DBP.</p>
3.4.6.3	<p>DBP telah mengeluarkan kos tambahan berjumlah RM57 juta bagi menanggung kos aktiviti pra-cetak, percetakan dan pengedaran buku teks ke sekolah di seluruh negara. Jumlah ini termasuk kos filem untuk percetakan semula kerana syarikat konsesi enggan mengemukakan manuskrip <i>blue print</i> asal. Ketua Pengarah DBP juga telah memperakarkan cadangan pelantikan 50 syarikat pencetak dengan kos sejumlah RM3.88 juta dan komisen berjumlah RM3.10 juta bagi 24 syarikat pengedar.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBP yang merupakan pemilik hak intelek terhadap manuskrip <i>blue print</i> bagi percetakan buku teks sekolah perlu mendapat balik daripada syarikat untuk mengelakkan kos tambahan percetakan semula.</p> <p><i>DBP memaklumkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membeli kertas secara rundingan terus telah diperoleh. Dalam tempoh masa yang singkat, DBP terpaksa menggunakan perkhidmatan syarikat pra-cetak, pencetak, pengedar dan pengangkutan bagi menguruskan percetakan dan pengedaran buku teks ke sekolah seluruh negara sebelum tarikh pesanan Kerajaan tamat iaitu sebelum bulan September 2011 bagi buku teks cetak semula manakala buku baharu sebelum bulan Disember 2011.</i></p>	
3.4.7.2	<p>Rundingan Semula Perjanjian Konsesi</p> <p>DBP masih lagi meneruskan aktiviti penswastaan memandangkan terdapat lagi perkara teknikal yang tidak diselesaikan oleh pengurusan baru syarikat konsesi. Antara perkara yang perlu diselesaikan ialah kepastian secara bertulis daripada pihak pemegang sukuk/amanah, penstrukturkan semula hutang pemegang sukuk dan penyelesaian pemutang lain dan 3 penghakiman pembayaran pampasan kepada pekerja syarikat konsesi yang telah diberhentikan kerja berkuat kuasa pada bulan September 2011.</p> <p><i>Pihak Audit dimaklumkan Kerajaan telah meluluskan permohonan pengambilalihan syarikat konsesi oleh syarikat berkenaan pada bulan Mei 2012 dengan syarat syarikat tersebut memberi sokongan padu terutamanya menyuntik ekuiti tambahan dan tiada bantahan daripada Lembaga Pengelola DBP.</i></p>	<p>Selaras dengan surat arahan daripada pihak UKAS bertarikh 7 Mei 2012, DBP telah menyerahkan semula aktiviti penerbitan dan pemasaran buku teks, judul am dan majalah kepada Dawama mulai 9 Mei 2012.</p>

3.4.8.3	<p>Pemantauan</p> <p>DBP hanya mengambil tindakan setelah mendapat syarikat konsesi menghadapi krisis kewangan yang kritikal dan tidak mampu untuk meneruskan operasinya. Ini disebabkan perjanjian konsesi tidak mempunyai klausa yang menjamin kepentingan Kerajaan atau klausa perjanjian tidak dikuatkuasakan sepenuhnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, DBP perlu memantau secara berkala pengurusan dan operasi penswastaan termasuk pemantauan terhadap aliran tunai syarikat. Tindakan awal sepatutnya diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi sebelum syarikat memberhentikan operasinya.</p> <p><i>DBP memaklumkan pemantauan operasi telah dibuat sejak syarikat konsesi mengambil alih fungsi DBP yang diswastakan melalui jawatankuasa dan mesyuarat lain. Sehingga awal tahun 2010, syarikat telah menjelaskan semua pembayaran yang dinyatakan dalam perjanjian konsesi. Masalah kewangan hanya dikesan apabila syarikat konsesi gagal membayar ansuran pertama Sukuk Musyarakah pada awal tahun 2011.</i></p>	<p>Pemantauan secara berkala telah dilaksanakan oleh DBP bagi memastikan operasi Dawama berjalan dengan lancar. Mesyuarat-mesyuarat yang memantau aktiviti penerbitan yang dilaksanakan oleh Dawama adalah seperti yang berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penswastaan Lembaga Pengelola DBP yang telah diadakan sebanyak 11 kali mulai April 2007. ii. Mesyuarat Jawatankuasa Judul Am dan Buku Teks yang telah diadakan sebanyak 7 kali mulai Julai 2010. iii. Mesyuarat Pembekalan BTSP Kegunaan Tahun 2013 yang telah diadakan sebanyak 14 kali mulai Mei 2012; dan iv. Mesyuarat Pemantauan Judul Am yang telah diadakan sebanyak 3 kali mulai Jun 2012.
---------	--	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PERBADANAN LABUAN

Perenggan 4 : Pengurusan Projek Pembangunan Hab Halal

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.1	<p>Penubuhan Syarikat Subsidiari Sebagai Pengendali Hab Halal</p> <p>Mengikut Laporan Akhir oleh perunding utama yang dikeluarkan pada bulan November 2010, syarikat subsidiari perlu ditubuh sebagai pengendali hab halal untuk memastikan pengurusan yang cekap dan berkesan bagi mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan.</p> <p>Semakan Audit mendapati penubuhan syarikat subsidiari oleh Perbadanan Labuan iaitu Labuan Halal Hub Sdn. Berhad hanya dibuat pada 11 November 2011. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perbadanan Labuan hanya mengemukakan cadangan penubuhan syarikat subsidiari kepada KWPKB pada 11 Januari 2011. ii. Perbadanan Labuan telah mengemukakan surat kepada KWPKB pada 8 Mac 2011 untuk memanjangkan permohonan penubuhan syarikat subsidiari kepada Kementerian Kewangan. iii. Proses penubuhan syarikat subsidiari hanya dapat diselesaikan pada bulan November 2011 setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 21 September 2011. Kelulusan penggunaan perkataan "HALAL" pada nama syarikat telah diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada 18 Oktober 2011. iv. Sehingga bulan Januari 2012, syarikat tersebut masih belum beroperasi kerana Perbadanan Labuan masih dalam proses pelantikan pegawai pengurusan tertinggi syarikat subsidiari. <p>Pada pendapat Audit, kelewatan penubuhan syarikat subsidiari sebagai pengendali hab halal telah menyebabkan kilang hab halal tidak beroperasi dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, peruntukan projek di bawah RMKe-9 berjumlah RM50 juta tidak dapat dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi berdasarkan sumber makanan laut yang halal.</p>	<p>Syarikat subsidiari Labuan Halal Hub Sdn. Bhd lewat ditubuhkan kerana melibatkan tiga elemen iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Penelitian opsyen berkenaan kaedah pengurusan Halal Hub iaitu sama ada menuahkan syarikat subsidiari atau Perbadanan Pembangunan Halal Hab. Ini adalah bagi mengelakkan kegagalan pengoperasian hab tersebut dan pengoperasian dioptimumkan. Hab Halal ini merupakan projek pertama negara dalam aspek Pembangunan Sistem Penjejakkan Halal (HTTS), sehubungan itu, pandangan pelbagai pihak perlu diambil kira dan ini menyumbang kepada kelewatan penubuhan syarikat subsidiari; (ii) Proses pendaftaran syarikat pula perlu mendapatkan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Kementerian Kewangan; dan (iii) Kelulusan menggunakan perkataan "Halal" pada nama syarikat juga memerlukan kelulusan pihak JAKIM. <p>Walau bagaimanapun sehingga kini tindakan-tindakan bagi mengoperasi Halal Hab tersebut telah dilaksanakan oleh syarikat dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pada 1 Julai 2012 manakala Ahli Lembaga pada 11 Julai 2012.</p> <p>Syarikat buat masa ini sedang aktif dalam kerja-kerja pemasaran dan mengurus ikatan kesefahaman bersama agensi berkepentingan iaitu JAKIM dan Halal Industry Development Corporation (HDC).</p>

	<p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan kelewatan penubuhan syarikat subsidiari adalah kerana pihaknya perlu mengambil pandangan pelbagai pihak dan meneliti kaedah pengurusan Labuan Halal Hub Sdn. Berhad. Ini bagi memastikan operasi Hab Halal dapat dijalankan dengan baik memandangkan ia adalah projek pertama negara dalam aspek pembangunan sistem penjejakan halal. Selain itu, Perbadanan Labuan telah menubuhkan Interim Team pada bulan Februari 2012 untuk melaksanakan tugas awal seperti melantik Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Labuan Halal Hub Sdn. Berhad.</i></p>	
4.4.1.2.a	<p>Penyewaan Bangunan Hab Halal</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KWPKB yang diadakan pada 14 September 2006 telah memaklumkan bahawa sebuah syarikat perikanan telah bersetuju untuk menjalankan operasi perkilangannya di bangunan hab halal. Syarikat tersebut merupakan pengusaha produk makanan berasaskan sumber makanan laut yang terbesar di Labuan dan telah beroperasi sejak tahun 1992. Draf Memorandum Persefahaman telah disediakan pada 10 November 2007. Syarikat tersebut juga telah mengemukakan surat permohonan untuk menyewa bangunan hab halal kepada KWPKB pada 13 April 2011. Selain itu, kertas cadangan mengenai penyewaan bangunan hab halal telah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan pada 13 Ogos 2011 untuk pertimbangan dan persetujuan.</p>	<p>Jawatankuasa Pemandu Halal Hab telah memutuskan agar pengusaha produk makanan laut untuk mengoperasikan bangunan Labuan Halal Hub Fasa 1. Melalui keputusan Jawatankuasa Pelaburan Perbadanan Labuan pada 26 Mei 2011, proses penyewaan yang melibatkan kadar sewa yang tinggi perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan.</p> <p>Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan pada 13 Ogos 2011 telah memutuskan agar tawaran dibuka semula secara bidaan terbuka. Mesyuarat juga memutuskan agar sewaan perlu diurus sendiri oleh anak syarikat bagi mencapai matlamat kewangan pada Pelan Perniagaan Labuan Halal Hub yang telah disediakan dan dipersetujui.</p>
4.4.1.2.b	<p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2011, penyewa masih belum dilantik walaupun terdapat permohonan penyewaan. Perbadanan Labuan memaklumkan pengurusan hab halal termasuk pelantikan operator dan penyewaan bangunan akan diuruskan oleh syarikat subsidiari iaitu Labuan Halal Hub Sdn. Berhad. Ini menyebabkan Perbadanan Labuan tidak dapat memperoleh hasil sewa yang dianggarkan berjumlah RM38,000 sebulan atau RM456,000 setahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu melantik penyewa bangunan hab halal dengan segera sementara syarikat subsidiarinya iaitu Labuan Halal Hub Sdn. Berhad masih belum beroperasi. Ini membolehkan Perbadanan Labuan menjana pendapatan daripada kutipan sewa bangunan hab halal.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan tawaran penyewaan telah dibuat kepada syarikat tersebut pada 16 Februari 2012 dengan sewa sejumlah RM38,000 sebulan.</i></p>	<p>Tawaran penyewaan telah dibuat kepada syarikat pengusaha produk makanan laut terbabit pada 16 Februari 2012 dengan sewa sejumlah RM38,000 sebulan. Perjanjian telah dimeterai pada 25 Julai 2012 dan sewaan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.</p>
4.4.2.1.b	<p>Pembangunan HTTS Lewat Disiapkan</p> <p>Semakan Audit mendapati pembangunan perisian HTTS telah lewat disiapkan selama 11 bulan daripada tarikh sepatutnya siap pada 30 September 2010. Sistem ini telah diperakurkan oleh perunding utama pada 18 Ogos 2011. Bagaimanapun, sehingga bulan November 2011 <i>System Of Accepted Certificate</i> belum dikeluarkan oleh Perbadanan Labuan dan perisian HTTS belum digunakan. Perisian HTTS gagal disiapkan mengikut jadual kerana kelewatan menandatangani perjanjian selama 6 bulan; kelewatan melantik <i>pilot users</i>; kelewatan menyiapkan pusat data untuk</p>	<p>Sistem aplikasi HTTS merupakan yang pertama dibangunkan di dunia bagi mengesan dan menjelak bahan dalam sesuatu produk makanan adalah halal dari ladang hingga ke kilang prosesan. Projek julungkali ini, tiada sebarang <i>benchmark</i> yang boleh dirujuk. Kelewatan selama 11 bulan adalah berpunca daripada kesukaran semua pihak (Marditech, PERNEC dan PL) untuk memperinci keperluan, kaedah dan kandungan sistem bagi</p>

	<p>menguji dan mentauliah perisian HTTS. Semakan lanjut mendapati Perbadanan Labuan tidak meluluskan permohonan pelanjutan masa daripada syarikat tersebut pada 13 Disember 2010.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan Halal <i>Traceability and Tracking System</i> menyebabkan keupayaan sistem untuk mengesan dan menjelak halal dalam pengeluaran produk makanan belum dapat diuji dan dinilai sepenuhnya.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan kelewatan untuk menyiapkan sistem HTTS disebabkan sistem ini yang pertama dibangunkan dan tiada rujukan yang dapat dibuat. Perbadanan Labuan juga tidak meluluskan permohonan lanjutan masa syarikat berkenaan dan syor lanjutan tempoh masa juga tidak diberi oleh perunding. Perunding telah bersetuju dengan analisis kegunaan HTTS yang berjaya mengesan produk halal dari ladang ke kilang.</i></p>	<p>menghasilkan HTTS.</p> <p>Pihak Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pensijilan Halal Malaysia bersama JAKIM dan Majlis Agama Islam / Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) bertarikh 24 Mei 2012 bersetuju menggunakan penyelesaian Halal <i>Traceability and Tracking System</i> (HTTS) milik Labuan Halal Hab Sdn. Berhad ke atas semua produk berstatus halal. Sehingga ini, terdapat hampir 100,000 produk tempatan yang telah diberikan pensijilan halal JAKIM akan mendapat manfaat penggunaan sistem ini bagi penjejakan halal produk terbabit.</p>
4.4.2.2.a	<p>Tiada Perjanjian Dengan Pilot Users</p> <p>Perbadanan Labuan telah membekalkan perisian HTTS dan perkakasan teknologi maklumat kepada 2 syarikat yang dipilih sebagai <i>pilot users</i> iaitu di Labuan pada bulan Oktober 2010 dan di Tanjung Karang, Selangor pada bulan September 2010.</p>	
4.4.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati tiada perjanjian dimeterai oleh Perbadanan Labuan dengan kedua-dua syarikat tersebut. Tempoh percubaan perisian HTTS juga tidak ditetapkan. Selain itu, perisian HTTS dan peralatan yang telah dibekalkan tidak dinyatakan syarat penggunaan. Peralatan yang dibekalkan kepada <i>pilot users</i> adalah berjumlah RM392,002 iaitu di Labuan sejumlah RM169,376 dan di Tanjung Karang sejumlah RM222,626.</p>	<p>Pemilihan dua syarikat perintis yang bersesuaian telah mengambil masa yang lama, teliti dan terperinci. Dua syarikat yang dipilih iaitu Lay Hong Berhad dan GroPoint Sdn Bhd merupakan syarikat yang telah berjaya beroperasi di peringkat antarabangsa dan mempunyai keuntungan tahunan syarikat melebihi RM100 juta setahun.</p> <p>Perbadanan Labuan menyedari peri pentingnya mengadakan kontrak bersama kedua dua syarikat perintis kerana pemasangan peralatan yang berkos tinggi iaitu kos RM170,000 dan RM223,000 dan telah memaklumkan kepada pihak perunding Marditech berkenaan perkara ini. Lanjutan dari itu, Marditech selaku perunding telah mengeluarkan surat MoU bahawa peralatan yang dipasang adalah bagi tujuan ujian HTTS untuk tempoh 3 bulan.</p>
4.4.2.2.c	<p>Lawatan Audit ke premis <i>pilot users</i> di Labuan pada 1 Disember 2011 dan di Tanjung Karang pada 2 Februari 2012 mendapati perisian HTTS dan peralatannya tidak digunakan oleh syarikat untuk pengesanan produk halal sebaliknya peralatan digunakan untuk operasi syarikat. Selain itu, terdapat juga peralatan yang tidak digunakan langsung dan rosak.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu mengkaji semula penempatan perisian dan perkakasan HTTS di premis <i>pilot users</i> supaya tidak berlaku penyalahgunaan perisian dan perkakasan HTTS.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan perunding perlu mengeluarkan surat perjanjian kepada kedua-dua pilot users supaya peralatan yang dipasang adalah untuk tujuan ujian HTTS yang dijalankan selama 3 bulan. Selain itu, peralatan yang rosak telah diganti dan semua peralatan telah dipindahkan ke Perbadanan Labuan pada bulan Mei 2012.</i></p>	<p>Kesemua peralatan yang ditempatkan di premis <i>pilot users</i> iaitu di Bagan Tengkorak, Tanjung Karang dan Patau-Patau, Labuan telah dipindahkan ke Kompleks Hab Halal Labuan pada 2 Mei 2012.</p>

4.4.2.3.b	<p>Pusat Data Hab Halal Belum Digunakan</p> <p>Semakan Audit mendapati Pusat Data Hab Halal tidak disediakan di bangunan hab halal sebaliknya ditempatkan secara sementara sejak bulan Januari 2011 di bangunan Telekom Malaysia Berhad, Labuan. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 30 November 2011 mendapati pusat data tersebut belum digunakan kerana projek hab halal belum beroperasi. Ini menyebabkan objektif projek hab halal tidak tercapai dan perlu membayar sewa kepada Telekom Malaysia Berhad berjumlah RM3,240 sebulan selama 3 tahun. Setakat 30 April 2012, sejumlah RM38,880 telah dibayar kepada Telekom Malaysia Berhad.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembangunan Pusat Data Hab Halal tidak mencapai matlamat yang ditetapkan dan tidak dapat digunakan seperti yang dirancang.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan kos pemasangan talian rangkaian berkapasiti 4Mbps di bangunan hab halal yang perlu ditanggung oleh Labuan Halal Hub Sdn. Berhad adalah berjumlah RM1 juta untuk tempoh 3 tahun. Oleh itu, Perbadanan Labuan membuat keputusan untuk menempatkan Pusat Data Hab Halal di bangunan Telekom Malaysia Berhad bertujuan untuk penjimatan kos, keselamatan data dan mempunyai teknologi hosting data center yang terkini. Perbadanan Labuan merancang untuk menjadikan pusat data di bangunan hab halal sebagai backup site untuk data yang ditempatkan di bangunan Telekom Malaysia Berhad.</i></p>	<p>Laporan perunding menyatakan bahawa syarikat Labuan Halal Hub Sdn Bhd dijangka memperolehi <i>break-even</i> pada tahun ketiga operasi.</p> <p>Pemasangan talian rangkaian khusus dari pusat data Labuan Halal Hub akan menelan belanja RM1 juta untuk tempoh 3 tahun bagi kapasiti 4Mbps dan kos ini perlu ditanggung oleh Labuan Halal Hub Sdn Bhd.</p> <p>Keputusan telah dilakukan oleh Perbadanan untuk menggunakan kaedah yang paling menjimatkan iaitu dengan kemajuan teknologi <i>hosting data center</i> melalui penyumberan luar bagi Pusat Data Labuan Halal Hub.</p> <p>Penempatan pusat data di bangunan Telekom Malaysia Berhad Labuan dengan sewaan RM38,880.00 setahun dilihat lebih menjimatkan kerajaan dan syarikat dengan mengambil kira perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan data; • Kawalan 24 jam oleh personel khusus berkaitan pusat data; dan • Peningkatan kapasiti talian internet sehingga 55Mbps. <p>Kos sewaan data center hosting di bangunan Telekom Malaysia adalah termasuk dalam kos projek untuk tempoh 3 tahun.</p>
4.4.3.1.a	<p>Kemasan Lantai, Dinding Dan Siling Jenis Altro</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2002 menetapkan kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum bahan atau barang import bernilai melebihi RM50,000 digunakan.</p>	<p>Permohonan untuk mendapatkan kelulusan mengimport barang bagi penggunaan kemasan lantai, dinding dan siling Altro telah pun diperolehi melalui surat daripada pihak MITI bertarikh 10 Julai 2012. Surat susulan untuk Borang Senarai Perolehan Barang Import telah dihantar.</p>
4.4.3.1.b	<p>Semakan Audit mendapati lantai, dinding dan siling dengan keluasan 3,765 meter persegi di bangunan hab halal Fasa 1 menggunakan kemasan jenis Altro diimport dari United Kingdom tanpa memohon kelulusan MITI. Kos pemasangan kemasan ini berjumlah RM1.57 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu mendapat kelulusan daripada MITI terlebih dahulu sebelum menggunakan barang import melebihi RM50,000 selaras dengan kehendak pekeliling yang ditetapkan.</p>	

	<p>Perbadanan Labuan memaklumkan pihaknya telah menghantar surat permohonan kelulusan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri untuk menggunakan barang import tersebut pada 10 Mei 2012.</p>	
4.4.3.2.a	<p>Kualiti Pembinaan Bangunan Hab Halal</p> <p>Klausula 44 perjanjian menetapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan, sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati perjanjian akan dimaklumkan oleh Perbadanan Labuan kepada kontraktor secara bertulis. Dalam tempoh tanggungan kecacatan, kontraktor hendaklah membaiki semua kecacatan dan kerosakan dengan perbelanjaannya sendiri. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, Perbadanan Labuan berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan memotong dari bon pelaksanaan kontraktor.</p>	<p>Perbadanan Labuan telah membuat pemeriksaan secara menyeluruh dan semua kecacatan yang dibangkitkan pada 23 November 2011 telah diperbaiki pada 6 Disember 2011.</p> <p>Bangunan Halal Hab Fasa 1 telah diterima setelah CPC dikeluarkan pada 14 Disember 2010 dan kondisi bangunan pada kala itu adalah baik. Kecacatan yang diadukan adalah berpunca oleh kelusuhan daripada kesan cuaca. Binaan binaan adalah mengikut spesifikasi.</p>
4.4.3.2.b	<p>Lawatan Audit pada 23 dan 24 November 2011 ke tapak hab halal mendapati kualiti pembinaan kurang memuaskan dan tidak mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, selepas teguran Audit kebanyakannya kecacatan bangunan telah diambil tindakan kecuali perkara yang dinyatakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu membuat pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan bangunan dibaiki segera oleh kontraktor sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat. Pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan kerja pembaikan adalah berkualiti. Perbadanan Labuan juga perlu memastikan kerja pembinaan adalah berkualiti dan mengikut spesifikasi bagi projek pembinaan prasarana hab halal Fasa 2 yang dalam pembinaan.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan kerosakan tersebut telah dirujuk kepada perunding dan kontraktor untuk tujuan pemeriksaan serta pembaikan.</i></p>	
4.4.3.3.b	<p>Pembangunan Fizikal Dan Prasarana Hab Halal Fasa 1 Lewat Disiapkan</p> <p>Semakan Audit mendapati projek ini lewat disiapkan selama 9 bulan iaitu pada 15 Disember 2010 kerana kontraktor menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan simen dan konkrit menyebabkan kerja pemasangan konkrit tidak dapat dijalankan mengikut jadual. Selain itu, Perbadanan Labuan telah mengeluarkan satu Arahan Perubahan Kerja mengenai tambakan tanah, pemasangan kabel Telekom dan lain-lain yang berjumlah RM3.28 juta yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor. Bagaimanapun, Perbadanan Labuan juga telah mengeluarkan 2 Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa kepada kontraktor mulai pada 15 Mac hingga 14 Disember 2010.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memantau prestasi kerja pembinaan dengan lebih berkesan bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Perbadanan Labuan perlu menyediakan pelan tindakan terhadap masalah yang dihadapi supaya tindakan penyelesaian dapat</p>	<p>Perbadanan Labuan mengambil maklum akan kelewatan projek ini disiapkan atas alasan masalah kekurangan tenaga kerja, kekurangan tenaga mahir dan kekurangan bahan binaan yang perlu diimport dari luar Labuan atau Semenanjung Malaysia mahupun peraturan perolehan supaya kontraktor dilantik dari kalangan kontraktor tempatan. Permasalahan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat-mesyuarat Jawantankuasa Tindakan Pembangunan peringkat Kementerian. Antara jalan penyelesaian yang dipersetujui iaitu dengan menetapkan polisi untuk pemilihan kontraktor berdasarkan tempoh kontrak yang bersesuaian dengan keadaan di Wilayah Persekutuan Labuan.</p>

	<p>diambil dengan segera.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan pelaksanaan Projek Pembangunan Hab Halal dalam tempoh satu tahun adalah terlalu singkat. Kelewatan menyiapkan projek tersebut adalah disebabkan terdapat masalah kekurangan tenaga kerja dan bahan binaan serta memerlukan khidmat tenaga pakar.</i></p>	
4.4.4.a	<p>Peralatan Belum Digunakan</p> <p>Semakan Audit mendapati tempoh jaminan bagi <i>cold room</i> dan <i>air blast freezer</i> adalah selama setahun dan telah luput pada 15 Disember 2011. Bagaimanapun, penyaman udara masih dalam tempoh jaminan selama 5 tahun iaitu sehingga 15 Disember 2015.</p>	<p>Penyewa dan Perbadanan Labuan telahpun menjalani ujian ke atas kesemua peralatan dimaksudkan pada 2 Mei 2012 dan semua peralatan didapati berfungsi dengan baik.</p>
4.4.4.b	<p>Lawatan Audit pada 23 November 2011 mendapati kelewatan kilang makanan laut beroperasi telah menyebabkan 30 unit penyaman udara bernilai RM321,528 belum digunakan. Selain itu, sebanyak 5 unit <i>cold room</i> dan 4 unit <i>air blast freezer</i> yang tidak dapat dikenal pasti nilai perolehannya juga belum digunakan dan telah luput tempoh jaminan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan syarikat subsidiari dapat beroperasi dengan segera supaya kilang yang dibina dan peralatan yang dibeli dapat disewakan.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan penyewa dijangka akan menggunakan kesemua peralatan sebelum tempoh tanggungan kecacatan bangunan tamat pada 14 Disember 2012.</i></p>	
4.4.5.b	<p>Perjanjian Pelantikan Perunding Dan Kontraktor</p> <p>Semakan Audit mendapati perjanjian pelantikan kontraktor dan perunding bagi Projek Pembangunan Hab Halal lewat ditandatangani selama masing-masing 13 dan 6 bulan. Kelewatan ini disebabkan Perbadanan Labuan perlu meneliti draf perjanjian pelantikan perunding dan kontraktor dengan lebih terperinci. Ini menyebabkan kepentingan Perbadanan Labuan tidak dilindungi oleh undang-undang sepenuhnya bagi tempoh tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu memastikan perjanjian pelantikan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan supaya pelaksanaan Projek Pembangunan Hab Halal dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan perjanjian lewat ditandatangani disebabkan pihaknya perlu menyemak skop kerja Pembangunan Hab Halal yang dilaksanakan melalui tiga kelompok dengan lebih terperinci dan memerlukan kerjasama daripada perunding dan kontraktor.</i></p>	<p>Memandangkan skop kerja dilaksanakan dalam tiga kelompok dan memerlukan penelitian yang lebih serta masa untuk menentukan skop perkhidmatan perunding bertepatan dan ini menyebabkan kelewatan penyediaan kontrak.</p> <p>Perbadanan telah pun menetapkan polisi untuk mengeluarkan surat amaran kepada perunding sekiranya dokumen perjanjian belum disediakan selepas 3 bulan daripada tarikh surat setuju terima.</p>

4.4.6.a	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan Projek Pembangunan Hab Halal dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dengan segera.</p>	
4.4.6.b	<p>Semakan Audit mendapati prestasi projek dan masalah yang dihadapi bagi Projek Pembangunan Hab Halal tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Antara perkara yang tidak dibentangkan adalah mengenai perolehan tanah yang telah dibuat, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan kemajuan kerja projek pembinaan. Ini menyebabkan kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal projek pembinaan tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perbadanan Labuan perlu membentangkan prestasi dan masalah projek kepada Lembaga Pengarah secara berkala supaya tindakan penyelesaian dapat diambil dengan segera.</p> <p><i>Perbadanan Labuan memaklumkan pemantauan terhadap Projek Pembangunan Hab Halal dibuat melalui Jawatankuasa Pemandu Hab Halal Labuan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan. Pengerusi ini merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar yang dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan bagi tempoh 1 Jun 2009 sehingga 31 Mei 2011. Selain itu, pemantauan di peringkat pengurusan dibuat melalui Mesyuarat Tapak Projek dan Mesyuarat Pemantauan Projek Perbadanan Labuan.</i></p>	<p>Pemantauan telah mula dilaksanakan dan Laporan Prestasi Projek - Projek Perbadanan Labuan telah dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan mulai tahun 2012.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Perenggan 5 : Pengurusan Linen Dan Perkhidmatan Dobi Di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.1.2	<p>Semakan Audit mendapati kontraktor gagal membekalkan kuantiti minimum linen seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Merujuk kepada Laporan Penambahan Linen Baru, kontraktor hanya dapat membekalkan sebanyak 20,292 helai linen atau 25.1 peratus pada permulaan perjanjian. Kontraktor juga gagal menyediakan 6 set linen seperti yang dikehendaki oleh PPUKM. Sehingga bulan September 2011, kontraktor hanya membekalkan sebanyak 49,629 helai linen atau 29.4 peratus daripada keseluruhan keperluan 6 set linen.</p>	<p>Had minimum telah dipinda dari 6 set kepada 4 set dan digunakan pada 1 Ogos 2012 setelah mendapat persetujuan kedua-dua pihak. Penentuan <i>par level</i> baru ini adalah berasaskan kepada Linen <i>Par Level Management</i>.</p> <p>Penambahan bekalan secara berterusan oleh kontraktor telah dibuat secara berperingkat mulai Januari 2012 bagi semua jenis linen.</p>
5.4.1.3	<p>Berdasarkan kepada soal selidik yang telah dijalankan mendapati kekurangan linen telah menyebabkan pesakit terpaksa menggunakan pakaian sendiri atau tidak menyalin linen baru, pembedahan lewat dijalankan, <i>thermal blanket</i> digunakan sebagai cadar dan katil tidak dapat digunakan.</p>	<p>Pembekalan cadar baru dan linen bersaiz besar telah dibuat mulai Januari 2012 oleh kontraktor.</p>
5.4.1.4	<p>Semakan Audit selanjutnya juga mendapati kontraktor masih belum membekalkan 18 jenis linen melibatkan sebanyak 8,150 helai berdasarkan kuantiti minimum yang ditetapkan di dalam perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu mengambil tindakan segera dengan memastikan kontraktor membekalkan linen seperti yang ditetapkan dalam perjanjian supaya memenuhi keperluan operasi PPUKM. Selain itu, PPUKM perlu mengkaji semula keperluan sebenar kuantiti dan ukuran saiz linen bagi memenuhi permintaan pengguna.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan kajian semula terhadap perjanjian telah dibuat dan senarai serta bilangan keperluan linen telah dikenal pasti.</i></p>	<p>Keperluan linen-linen telah disemak semula dan akan dimasukkan dalam tender baru yang dijangka akan diiklankan September 2012.</p>
5.4.2.2	<p>Pemeriksaan fizikal terhadap 130 helai linen di bilik linen bersih merangkumi 10 jenis linen mendapati linen yang dibekalkan oleh kontraktor adalah tidak menepati kualiti yang ditetapkan. Sebanyak 40 linen atau 30.8 peratus telah lusuh, 34 linen atau 26.2 peratus telah nipis, 27 linen atau 20.8 peratus telah luntur manakala 24 linen atau 18.5 peratus kotor. Pihak Audit juga mendapati linen yang didaftarkan pada tahun 2002 juga masih digunakan walaupun telah lusuh dan nipis.</p>	<p>Saringan telah dibuat secara berterusan dan berkala ke atas semua linen-linen yang dibekalkan melalui :</p> <p>a) Pengguna di Wad/Dewan Bedah dan Klinik dengan membuat saringan menggunakan borang Penolakan Linen Bersih / Kualiti Linen telah dilaksanakan 16 Julai 2012.</p>

	<p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu memastikan kontraktor membekalkan linen yang berkualiti untuk digunakan supaya pegawai, kakitangan dan pesakit selesa untuk memakai serta menjaga imej PPUKM. PPUKM perlu memastikan kontraktor membuat pemeriksaan terhadap semua linen yang dibekalkan dan menggantikan linen yang berkualiti rendah atau tidak sesuai digunakan lagi dengan linen baru.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan bahawa kontraktor sedang membekal linen baru secara berperingkat mulai bulan April 2012.</i></p>	<p>b) Penempatan seorang kakitangan untuk memantau dan membuat saringan di stor linen.</p>
5.4.3.2	<p>Kekurangan Bekalan Linen</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2011, PPUKM telah membuat pemotongan bayaran disebabkan <i>owing</i> sebanyak 259,615 helai linen berjumlah RM50,283 bagi tempoh 11 bulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pengiraan <i>owing</i> telah dibuat oleh kontraktor tanpa pengesahan oleh jabatan pengguna. Selain itu, pengiraan <i>owing</i> tidak dibuat berdasarkan linen <i>par level</i> yang dikeluarkan pada bulan Mac 2011 tetapi menggunakan linen <i>par level</i> lama yang dikeluarkan pada tahun 2009. Perbezaan linen <i>par level</i> baru dengan linen <i>par level</i> lama menyebabkan pengiraan <i>owing</i> tidak tepat.</p>	<p>Penambahan bekalan secara berterusan oleh kontraktor telah dibuat secara berperingkat mulai Januari 2012 bagi semua jenis linen.</p> <p>Pengenaan denda <i>owing</i> akan dilaksanakan semula setelah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak berdasarkan <i>par level</i> terkini.</p> <p>Penambahbaikan berkaitan denda <i>owing</i> telah dimasukkan dalam tender baru yang akan diiklankan pada September 2012.</p>
5.4.3.3	<p>Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap pengiraan <i>owing</i> bagi bulan Ogos 2011 mendapati jumlah <i>owing</i> sebenar berdasarkan <i>par level</i> baru adalah sebanyak 164,234 helai berbanding 11,590 helai. Pengiraan ini menjadikan jumlah potongan bayaran sepatutnya daripada tuntutan kontraktor ialah RM55, 580 berbanding RM1, 132.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan pengiraan kekurangan bekalan linen bersih perlu diperakurkan oleh jabatan pengguna, kontraktor dan Jabatan Pentadbiran Am bagi memastikan ketepatan penghantaran oleh kontraktor. PPUKM juga perlu memastikan pengiraan dibuat berdasarkan <i>par level</i> yang baru serta membuat pemotongan denda dengan tepat terhadap kontraktor.</p> <p><i>Jabatan Pentadbiran Am, PPUKM telah menambah baik borang (<i>owing</i>) kekurangan bekalan linen dengan menyediakan ruangan pengesahan oleh jabatan pengguna. PPUKM juga akan mengkaji semula kaedah denda yang dikenakan terhadap kontraktor kerana pemotongan yang dibuat adalah terlalu rendah.</i></p>	
5.4.4.1	<p>Penimbangan Berat Linen</p> <p>Berdasarkan perjanjian, pembayaran sejumlah RM3.40 sekilogram dibuat bagi setiap linen bersih yang dihantar kepada jabatan pengguna. Berat linen bersih akan dikira berdasarkan bilangan linen bersamaan dengan purata timbangan yang dijalankan pada setiap 3 bulan sebagai asas pengiraan timbangan sebenar.</p>	<p>Kakitangan Gred U3 telah ditempatkan di stor linen mulai Julai 2012 dan tugas beliau seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> Penimbangan linen setiap 3 bulan sekali dan telah dibuat pada 16 Mei 2012 Menerima, mengumpul keperluan <i>par level</i> yang diperlukan pada setiap pagi kecuali hari Sabtu dan Ahad dari

5.4.4.2	<p>Semakan Audit mendapati purata timbangan tidak dijalankan pada setiap 3 bulan seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian. Pengiraan berat linen bersih adalah berdasarkan berat purata yang dibuat pada bulan Februari 2010. Pemeriksaan fizikal pada bulan Oktober 2011 mendapati berat purata timbangan bagi 6 dari 10 jenis linen telah berkurangan daripada berat purata yang dituntut oleh kontraktor. Kekurangan berat purata ini menyebabkan sejumlah RM19,749 telah terlebih dibayar daripada tuntutan kontraktor bagi bulan Ogos 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, penimbangan berat linen yang tidak mengikut perjanjian telah menyebabkan tuntutan kontraktor telah terlebih dibayar. PPUKM perlu memastikan kontraktor membuat penimbangan linen selaras dengan perjanjian. Pihak Audit juga mencadangkan supaya linen ditimbang pada setiap penghantaran linen kepada jabatan pengguna supaya asas bagi pembayaran menjadi lebih tepat.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan penimbangan linen akan dilaksanakan secara berkala iaitu 3 bulan sekali mulai pada penghujung bulan April 2012. PPUKM juga akan menempatkan seorang kakitangan untuk memantau penimbangan setiap kali penghantaran linen dilakukan.</i></p>	<p>pengguna bagi memastikan bekalan 2 <i>par level</i> dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> c. Memantau penggunaan plastik merah bagi linen kotor berjangkit. d. Pemantauan bagi memastikan keadaan stor linen tidak kotor dan memastikan sistem 5S diamalkan di stor linen bersih. e. Memastikan stok linen di daftarkan dan digunakan sepenuhnya. f. Saringan ke atas kualiti linen secara berkala.
5.4.5.1	<p>Linen bersih yang disifatkan tidak boleh digunakan atau berkualiti rendah perlu ditolak oleh jabatan pengguna. Merujuk kepada perjanjian, sekiranya penolakan linen kerana tidak mencapai tahap kebersihan dan kualiti yang diperlukan masih berlaku melebihi 2 kali, pemotongan daripada tuntutan bulanan kontraktor akan dikenakan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pemotongan 2.5 peratus sekiranya berat linen yang ditolak melebihi 225 kilogram sebulan; b. Pemotongan 5 peratus sekiranya berat linen yang ditolak melebihi 450 kilogram sebulan; dan c. Pemotongan 10 peratus sekiranya berat linen yang ditolak melebihi 900 kilogram sebulan. 	<p>Saringan telah dibuat secara berterusan dan berkala ke atas semua linen-linen yang dibekalkan melalui :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pengguna di Wad/Dewan Bedah dan Klinik dengan membuat saringan menggunakan Borang Penolakan Linen Bersih / Kualiti Linen telah dilaksanakan Julai 2012. b) Pengenaan denda <i>owing</i> akan dilaksanakan semula setelah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak berdasarkan <i>par level</i> terkini.
5.4.5.2	<p>Semakan Audit mendapati PPUKM hanya menguatkuasakan penolakan linen bermula pada bulan Ogos 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,532 helai linen bersih telah ditolak oleh jabatan pengguna bagi tempoh bulan Ogos hingga September 2011. Bagaimanapun, PPUKM tidak menimbang berat linen yang ditolak ini menyebabkan pemotongan tuntutan bulanan kontraktor tidak dapat dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu menguatkuasakan penolakan linen bersih yang berkualiti rendah dan menimbangnya supaya pemotongan terhadap tuntutan bulanan kontraktor dapat dibuat.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan borang penolakan linen bersih telah ditambah baik dan telah diguna pakai. PPUKM juga akan menempatkan kakitangannya semasa penimbangan bagi tujuan penyeliaan dan pengesahan.</i></p>	

5.4.6.2	<p>Semakan Audit mendapati PPUKM telah menetapkan <i>par level</i> bagi <i>surgical gown</i> yang perlu dibekalkan kepada dewan bedah adalah sebanyak 60 helai. Kontraktor berjaya membuat penghantaran <i>surgical gown</i> berkenaan selaras dengan <i>par level</i> yang ditetapkan. Purata penghantaran harian oleh kontraktor bagi <i>surgical gown</i> tersebut bagi tempoh bulan Januari hingga September 2011 adalah sebanyak 64 hingga 79 helai.</p>	<p>Pihak Pengurusan bersetuju pengurangan penggunaan <i>disposable item</i> secara berperingkat memandangkan Pembekalan <i>disposable item</i> bukan hanya digunakan di dewan bedah sahaja. Ianya juga diguna di jabatan/unit lain seperti keskes HIV, sitopatologi dan lain-lain.</p>
5.4.6.3	<p>Bagaimanapun, PPUKM masih membuat perolehan linen pakai habis iaitu <i>sterile disposable surgical gown</i> bagi kegunaan dewan bedah. Perjanjian perolehan ini berjumlah RM1.86 juta untuk tempoh 2 tahun bermula pada bulan September 2011 hingga Ogos 2013. Perjanjian ini adalah sambungan daripada perjanjian sebelumnya yang tamat pada bulan Mac 2011. Dari tempoh bulan Januari hingga September 2011, sejumlah RM257,907 telah dibayar kepada pembekal luar untuk membekalkan linen pakai habis.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan <i>sterile disposable surgical gown</i> atau linen pakai habis tidak wajar dibuat oleh PPUKM memandangkan kontraktor telah dapat membekalkan <i>surgical gown</i> untuk kegunaan dewan bedah dengan cukup selaras dengan <i>par level</i> yang ditetapkan. Perolehan ini bertentangan dengan syarat dan menyebabkan pertambahan kos sejumlah RM1.86 juta. Pihak Audit juga mencadangkan PPUKM mengkaji semula kuantiti <i>surgical gown</i> yang diperlukan untuk kegunaan harian di dewan bedah supaya perolehan linen pakai habis tidak perlu dibuat.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan kos kontrak bekalan bahan pakai habis berjumlah RM1.86 juta adalah untuk tempoh 2 tahun. PPUKM dan jabatan pengguna telah mengkaji semula keperluan <i>surgical gown</i> secara harian di dewan bedah supaya dapat mengelakkan pembaziran.</i></p>	
5.4.7.2	<p>Penghantaran Linen Bersih Kepada Jabatan Pengguna</p> <p>Semakan Audit mendapati permohonan linen bersih tidak dibuat oleh jabatan pengguna tetapi pekerja kontraktor akan membuat kiraan baki <i>par level</i> sebelum membuat penghantaran berdasarkan sistem <i>top up</i>. Bilangan linen yang akan ditambah dicatatkan di Borang Penerimaan Linen Kotor Dan Penghantaran Linen Bersih. Pengesahan oleh jabatan pengguna di borang tersebut dibuat tanpa pemeriksaan kerana linen yang dihantar disusun terus di bilik linen jabatan pengguna oleh kontraktor. Perkara ini menyebabkan jabatan pengguna tidak tahu jumlah sebenar linen yang diperlukan serta kuantiti dan kualiti linen yang dihantar.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengiraan baki <i>par level</i> dan permohonan linen perlu dibuat oleh jabatan pengguna sendiri supaya kuantiti linen dihantar betul mengikut keperluan jabatan pengguna. Pengguna juga perlu membuat pemeriksaan fizikal dan mengesahkan penerimaan linen selepas berpuas hati dengan kuantiti serta kualiti penghantaran linen. Selain itu, PPUKM perlu memastikan laluan penghantaran linen bersih tidak melalui stor linen kotor dan berjangkit supaya linen tersebut tidak tercemar.</p>	<p>Penempatan seorang kakitangan U3 telah dilaksanakan di stor linen mulai Julai 2012.</p> <p>Sistem e-laundry dalam sedang dirangka pembangunannya oleh Jabatan Teknologi Maklumat bersama Jabatan Pentadbiran Am.</p>

	<p><i>PPUKM memaklumkan Borang Par Level dan Penghantaran Linen Bersih telah ditambah baik dan diguna pakai bermula dari bulan April 2012. PPUKM juga akan menempatkan seorang pegawai khas bagi memantau dan mengesahkan penerimaan dan penghantaran linen mengikut keperluan yang ditetapkan.</i></p>	
5.4.8.2	<p>Pengutipan Linen Kotor</p> <p>Lawatan Audit ke Dewan Bedah Utama mendapati linen kotor berjangkit belum dimasukkan ke dalam beg berwarna merah serta tidak diletakkan di lokasi pengumpulan linen kotor.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pengguna memasukkan linen kotor dan berjangkit mengikut beg yang telah dikhaskan serta ditempatkan di lokasi pengumpulan linen kotor dengan segera. Laluan khas bagi membawa linen kotor juga perlu disediakan supaya tidak melalui stor linen bersih.</p> <p><i>Mengikut maklum balas, PPUKM akan memastikan proses kerja penghantaran dan kutipan dilaksanakan secara sistematis dengan segera. Pengubahsuian ruang juga akan dijalankan dengan menyediakan laluan yang dikhaskan bagi pengutipan linen kotor dan penghantaran linen bersih.</i></p>	Stor linen sedang diubahsuai dengan mengambil kira laluan bersih dan laluan kotor dan dijangka siap November 2012.
5.4.9.2	<p>Penyimpanan Stok Linen Dan Penyelenggaraan Rekod</p> <p>Pemeriksaan Audit pada bulan Oktober 2011 dan Januari 2012 di stor linen bersih mendapati keadaan stor adalah kotor, berdebu dan berhabuk. Linen seperti seluar dan baju <i>Operation Theatre, Gown Operation Theatre, bed sheet, draw sheet</i> dan <i>thermal blanket</i> tidak disusun di rak selepas dilipat oleh pekerja kontraktor. Selain itu, linen yang diletakkan di rak pula tidak disusun dengan kemas, tidak dilabelkan dan hanya ditutup dengan kain. Keadaan stor yang kotor boleh menyebabkan pencemaran dan kotoran kepada linen bersih. Pihak Audit juga mendapati ada stok linen yang masih tidak digunakan walaupun didaftar pada tahun 2008. Stok linen ini disimpan di stor linen baru untuk proses penimbangan sahaja menyebabkan kekurangan linen di lokasi jabatan pengguna.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu memastikan kontraktor menyenggara stor linen bersih dengan teratur, kemas, bersih dan sistematis. Linen bersih hendaklah disimpan di tempat yang dikhaskan dan ditutup serta bebas daripada pencemaran. Selain itu, kontraktor perlu menyelenggara rekod berkaitan untuk simpanan dan rujukan. Rekod berkenaan akan memudahkan PPUKM, kontraktor dan pihak berkaitan mengenal pasti dengan mudah dan tepat kuantiti dan jenis linen yang dibekal, diguna, rosak atau hilang. Selain itu, pihak Audit mencadangkan PPUKM dan kontraktor mewujudkan sistem pengurusan maklumat linen bagi memudahkan penyelenggaraan rekod berkenaan.</p>	Pengenalan kad stok dan pelabelan dilaksanakan di stor linen. Stor linen telah diubahsuai dan dijangka siap November 2012.

	<p>Mengikut maklum balas, PPUKM dan kontraktor serta jabatan pengguna akan mengenal pasti secara terperinci penggunaan dan penyelenggaraan linen dan mewujudkan sistem secara dalam talian. Selain itu, kontraktor telah melaksanakan sistem kad stok sebagai langkah awal untuk merekod dan menyenggara stok penyimpanan linen. Stok linen tahun 2008 yang masih baru telah diguna pakai untuk menampung kekurangan linen setelah mendapat pengesahan kualiti linen daripada Jabatan Pentadbiran Am, PPUKM.</p>	
5.4.10.1	<p>Tahap Kepuasan Jabatan Pengguna</p> <p>Pihak Audit telah menjalankan soal selidik mengenai tahap kepuasan jabatan pengguna terhadap pengurusan linen dan perkhidmatan dobi di PPUKM. Responden yang dipilih terdiri daripada Ketua Jururawat di 39 Jabatan Pengguna.</p>	<p>Laporan Penilaian Prestasi pembekal telah dilaksanakan mulai Januari – Jun 2012 dan akan dibuat semula bagi tempoh Julai – Disember 2012.</p>
5.4.10.2	<p>Secara keseluruhannya, tahap kepuasan jabatan pengguna terhadap 8 kriteria penilaian yang digunakan adalah memuaskan. Hasil analisis terhadap 39 maklum balas menunjukkan 15 peratus jabatan pengguna berpendapat pengurusan linen dan perkhidmatan dobi di PPUKM adalah baik. Sebanyak 67 peratus jabatan pengguna berpendapat prestasi adalah memuaskan manakala 18 peratus jabatan pengguna berpendapat ia kurang memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPUKM perlu memastikan kontraktor meningkatkan prestasinya dalam pengurusan linen dan perkhidmatan dobi kepada jabatan pengguna PPUKM sehingga ke tahap baik atau sangat baik supaya keperluan jabatan pengguna dapat dicapai sepenuhnya.</p> <p><i>PPUKM memaklumkan akan meneruskan soal selidik kepada jabatan pengguna dan kontraktor dari semasa ke semasa bagi menilai prestasi kontraktor.</i></p>	<p>Kajian kepuasan pelanggan akan dilaksanakan pada Disember 2012.</p>
5.5.1	<p>Rumusan dan Syor Audit</p> <p>Mengkaji semula <i>par level</i> linen yang diperlukan oleh PPUKM supaya bekalan linen sentiasa mencukupi dan perolehan tambahan yang dibuat dapat dielakkan.</p>	<p>Prosedur Kerja Pengurusan Laundri dan linen telah ditambahbaik selaras dengan teguran audit dan dikuatkuasakan September 2012.</p>
5.5.2	<p>Menjalankan pemeriksaan terhadap semua linen dan memastikan kontraktor menggantikan linen yang berkualiti rendah serta tidak sesuai untuk menjamin keselesaan pengguna dan juga tidak menjaskan imej PPUKM.</p>	<p>Penggunaan <i>par level</i> baru mulai 1 Ogos 2012.</p>
5.5.4	<p>Penghantaran linen berdasarkan <i>par level</i> linen, pengiraan <i>owing</i> dan timbangan berat linen dibuat mengikut perjanjian supaya pembayaran kepada kontraktor dapat dibuat mengikut kadar yang tepat.</p>	

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)

Perenggan 6 : Pengurusan Levi terhadap Projek Pembinaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.1.a	<p>Pengenaan Levi Terhadap Kontraktor</p> <p>Semakan Audit mendapati unit tersebut ada menyediakan rancangan tahunan dan jadual siasatan atau lawatan ke tapak pembinaan bagi mengenal pasti projek yang layak dilevi. Semakan lanjut terhadap pengenaan levi di 4 LPIPM negeri mendapati LPIPM tiada sumber rujukan yang menyenaraikan semua maklumat projek pembinaan yang dilaksanakan di setiap negeri.</p>	<p>LPIPM telah diberikan laluan untuk mengakses portal <i>One Stop Centre (OSC) PBT</i>, Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dan <i>Centralised Information System (CIS)</i> Kementerian Kerja Raya untuk mendapatkan maklumat tersebut.</p> <p>Di samping itu, LPIPM juga telah menggunakan sistem <i>MyProcurement</i> Kementerian Kewangan untuk mendapatkan data-data projek pembinaan yang boleh dikenakan levi melalui sistem tersebut.</p>
6.4.2.1.b	<p>Penalti tidak dikenakan terhadap kontraktor yang gagal memaklumkan projek pembinaan yang layak dikenakan levi kepada LPIPM kerana klausu mengenai penalti tidak dinyatakan dalam Akta 520.</p>	
6.4.2.2	<p>Pihak Audit juga telah memilih 33 sampel projek pembinaan daripada tender Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tahun 2007 hingga 2011 untuk dibuat semakan dalam Sistem Maklumat Bersepadu (SMB). Semakan Audit mendapati 6 daripada 33 atau 18.2 peratus projek tersebut dengan kos berjumlah RM13.59 juta masih belum dikenakan levi. Bagaimanapun, sehingga bulan Jun 2012 kesemua 6 kontraktor tersebut telah menjelaskan bayaran levi.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan LPIPM memperoleh maklumat mengenai semua projek pembinaan yang patut dikenakan levi menyebabkan LPIPM kehilangan hasil levi setiap tahun. Sehubungan itu, LPIPM perlu mengadakan kerjasama dengan PBT dan agensi yang berkaitan supaya semua projek pembinaan yang layak dilevi dimaklumkan kepada LPIPM untuk tindakan selanjutnya.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan telah mengenal pasti sumber bagi mendapatkan maklumat projek pembinaan yang diluluskan. Antara usaha yang telah diambil adalah dengan mengemukakan surat kepada KKR dan JKR untuk mendapatkan kelulusan bagi capaian terhadap Sistem CIS dan Sistem SKALA. Selain itu, LPIPM juga memohon kelulusan dari ICU, Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan laluan kepada Sistem SPP II dan langganan kepada Sistem e-Perolehan. Bahagian Pendaftaran dan Levi, LPIPM juga telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Pengarah LPIPM negeri supaya menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkua Tempatan di</i></p>	<p>Levi telah dijelaskan sepenuhnya oleh 3 kontraktor berkaitan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Awal Harmoni bayar pada 22/5/2012. 2. Pembinaan Usaha Gemilang bayar pada 4/6/2012. 3. Scami Sdn. Bhd. bayar pada 16/7/2012. <p>Oleh yang demikian, semua isu levi yang berbangkit telah dijelaskan sepenuhnya.</p>

	<p><i>negeri masing-masing bagi mendapatkan maklumat projek pembinaan yang telah diluluskan.</i></p> <p><i>LPIPM juga memaklumkan Akta 520 telah dipinda dengan memperuntukkan penalti RM50,000 atau 4 kali ganda amaun levi bagi kesalahan gagal memaklumkan maklumat projek pembinaan kepada LPIPM. Selain itu, LPIPM memaklumkan sebanyak 6 kontraktor yang terlibat telah dikenakan levi melalui pengeluaran borang L2/96. Sehingga bulan Jun 2012, kesemua kontraktor tersebut telah menjelaskan bayaran levi.</i></p>	
6.4.3.2.a	<p>Penguatkuasaan Bayaran Levi</p> <p>Semakan Audit terhadap tunggakan levi bagi tahun 2009 hingga bulan September 2011 mendapati pengeluaran surat peringatan dan NTS bagi pengenaan levi sebelum 17 Ogos 2010 di 4 LPIPM negeri mendapati sebanyak 148 surat Peringatan Pertama, 96 Surat Peringatan Terakhir dan 67 NTS lewat dikeluarkan kepada kontraktor antara 1 hingga 332 hari.</p>	Tindakan telah diambil oleh semua LPIPM Negeri dengan mengeluarkan Notis Tunjuk Sebab (NTS) terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan levi dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pengeluaran Borang CIDB I2/96.
6.4.3.2.b	<p>Pengauditan di 4 LPIPM negeri juga mendapati sebanyak 19 Surat Peringatan Pertama, 24 Surat Peringatan Terakhir dan 35 NTS masih belum dikeluarkan kepada kontraktor bagi tunggakan levi yang berjumlah RM1.43 juta di 3 daripada 4 LPIPM negeri yang dilawati.</p>	
6.4.3.2.c	<p>Semakan lanjut mendapati tempoh liabiliti kontraktor untuk membayar levi menjadi lebih lama sekiranya surat peringatan dan NTS lewat dicetak. Ini adalah kerana tempoh liabiliti surat peringatan dan NTS yang dijana melalui SMB dikira 30 hari daripada tarikh ia dicetak dan bukan dari tarikh tamat tempoh liabiliti pengenaan levi seperti yang ditetapkan dalam garis panduan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPIPM perlu memastikan surat peringatan dan NTS dikeluarkan kepada kontraktor yang gagal menjelaskan bayaran levi bagi mengelakkan hasil levi lewat diperoleh atau gagal dikutip.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan semua LPIPM negeri yang terlibat telah diarah untuk mengeluarkan NTS terhadap kontraktor yang mempunyai tunggakan levi melalui surat arahan bertarikh 3 Mei 2012. LPIPM juga memaklumkan surat bertarikh 8 Mei 2012 telah dikeluarkan kepada semua LPIPM negeri untuk memantau dan mengambil tindakan segera terhadap kontraktor yang gagal menjelaskan levi sebelum tamat tempoh liabiliti. Selain itu, SMB telah dibuat penambahbaikan dengan menyediakan pop-up peringatan di menu utama SMB untuk mencetak NTS apabila sistem dibuka.</i></p>	

6.4.4.1.a	<p>Levi Berbaki Negatif</p> <p>Levi berbaki negatif adalah disebabkan oleh pelarasan, pemansuhan atau pembatalan levi dibuat selepas bayaran diterima. Mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965, wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urus niaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dari 2 tahun hendaklah diwartakan. Semakan Audit terhadap senarai levi berbaki negatif sehingga bulan Oktober 2011 mendapat Sebanyak 148 kes pengenaan levi yang berbaki negatif berjumlah RM1.14 juta masih belum dipulangkan kepada kontraktor yang berkenaan.</p>	<p>Daripada 132 kes kontraktor yang belum <i>wind-up</i> sebanyak 30 kes telah dikeluarkan surat pemulangan dengan lebihan levi berjumlah RM 548.62. Baki sebanyak 102 kes dengan lebihan levi berjumlah RM 677,847.26 masih diperingkat siasatan untuk menentukan status kontraktor dan projek kerana melibatkan pemulangan jumlah levi yang besar. Perkara ini akan diselesaikan pada suku pertama tahun 2013.</p>
6.4.4.1.b	<p>Sehingga 24 Oktober 2011, terdapat 141 daripada 148 kes levi berbaki negatif yang berjumlah RM1.10 juta telah melebihi 2 tahun tetapi tidak diserahkan kepada Akauntan Negara selaras dengan kehendak Akta Wang Tak Dituntut 1965.</p>	
6.4.5.1	<p>Pengenaan Levi Bernilai Negatif</p> <p>Levi akan dikenakan terhadap kontraktor pada kadar 0.125 peratus bagi projek pembinaan yang bernilai melebihi RM500,000. Semakan Audit terhadap rekod bagi levi berbaki negatif sehingga 24 Oktober 2011 yang diperoleh daripada Bahagian Kewangan mendapat berlaku 1 kes pengenaan levi yang bernilai negatif berjumlah RM843 berbanding 17 kes sehingga akhir tahun 2010 yang berjumlah RM418,733.</p>	<p>Sistem Maklumat Bersepadu (SMB) telah dikemas kini untuk pengenaan levi bernilai negatif dengan membuat pengiraan levi berdasarkan kepada nilai kontrak baru dan tiada pemulangan semula daripada nilai kontrak lama.</p>
6.4.6.1.a	<p>Penyediaan Laporan Tatatertib dan Undang-undang Terhadap Kontraktor</p> <p>Berdasarkan Garis Panduan Pungutan Levi Versi 2 Tahun 2010, laporan tatatertib hendaklah disediakan oleh pegawai Unit Levi LPIPM negeri dan dikemukakan kepada Urus Setia Tatatertib, Ibu Pejabat LPIPM untuk dibawa kepada panel prosiding tatatertib. Laporan ini perlu disediakan dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh liabiliti bagi NTS. Laporan untuk tindakan undang-undang pula diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang bagi kontraktor yang masih ingkar pada keputusan panel prosiding tatatertib supaya menjelaskan bayaran levi dalam tempoh tertentu. Semakan Audit mendapat Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2011, terdapat 12 kes berjumlah RM788,511 di 3 LPIPM negeri masih belum menyediakan laporan tatatertib walaupun tempoh liabiliti NTS telah tamat.</p>	<p>Tindakan telah diambil terhadap semua kontraktor berkenaan dan 2 daripada 14 kes tersebut telah menjelaskan tunggakan levi manakala baki 12 kes telah dirujuk secara berperingkat bermula 4 Mei hingga 10 Mei 2012 kepada Unit Undang-undang untuk tindakan selanjutnya. Bahagian Pendaftaran dan Levi telah mengemukakan surat peringatan kepada semua LPIPM negeri melalui surat bertarikh 10 Mei 2012 supaya memantau serta memastikan laporan tatatertib disediakan dengan segera apabila Notis Tunjuk Sebab (NTS) telah tamat tempoh dan dikemukakan kepada Unit Tindakan Tatatertib untuk tindakan selanjutnya. Di samping itu, LPIPM negeri diminta untuk memantau serta memastikan laporan tatatertib disediakan dengan segera apabila NTS telah tamat tempoh.</p>
6.4.6.1.b	<p>Laporan tatatertib terhadap 26 kontraktor berjumlah RM1.42 juta lewat disediakan antara 8 hingga 646 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPIPM perlu memastikan laporan tatatertib disediakan bagi kontraktor yang gagal menjelaskan bayaran levi dalam tempoh yang ditetapkan seperti di garis panduan supaya tunggakan levi dapat dikutip dan tindakan segera dapat diambil terhadap kontraktor yang terlibat.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan tindakan telah diambil terhadap semua kontraktor berkenaan dan 2 daripada 14 kes tersebut telah menjelaskan tunggakan levi manakala baki 12 kes telah dirujuk kepada Unit Undang-undang untuk tindakan selanjutnya. Bahagian</i></p>	

	<p>Pendaftaran dan Levi telah mengemukakan surat peringatan kepada semua LPIPM negeri supaya memantau serta memastikan laporan tatatertib disediakan dengan segera apabila NTS telah tamat tempoh dan dikemukakan kepada Unit Tindakan Tatatertib untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, SMB juga telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan ciri-ciri amaran bagi tujuan pengeluaran surat peringatan.</p>	
6.4.7.2	<p>Tindakan Tatatertib Dan Undang-undang</p> <p>Semakan Audit mendapati, Unit Tindakan Tatatertib dan Unit Undang-undang tidak menyelenggara daftar bagi merekodkan laporan tindakan tatatertib atau Undang-undang yang dikemukakan oleh LPIPM negeri bagi tindakan selanjutnya. Keadaan ini menyebabkan senarai dan status tindakan kes yang dikemukakan oleh Unit Levi negeri bagi sesuatu tahun tidak dapat dikenal pasti dan disahkan bagi tujuan pemantauan. Selain itu, terdapat sebanyak 22 kes levi tertunggak dari tahun 2009 sehingga bulan September 2011 yang masih belum selesai.</p> <p>Pada pendapat Audit, Unit Tindakan Tatatertib dan Unit Undang-undang LPIPM hendaklah menyelenggara daftar bagi merekodkan senarai laporan tatatertib yang dikemukakan oleh LPIPM negeri supaya bilangan kes yang diterima bagi sesuatu tahun dapat dipantau.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan Sistem Pengawalaan dan Tatatertib telah selesai dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan dalam proses pengujian kemasukan data serta dijangka dapat menyelesaikan isu berbangkit. Sebagai langkah sementara, Unit Tindakan Tatatertib, Bahagian Pengawalaan akan menyelenggarakan rekod dan laporan tatatertib secara manual iaitu menggunakan Microsoft Excel. Selain itu, status terkini bagi levi tertunggak adalah sebanyak 11 kes telah menjelaskan tunggakan levi, 1 kes pemansuhan levi kerana pembatalan projek, 1 kes sedang dalam tindakan LPIPM negeri manakala 9 kes telah dirujuk kepada Unit Undang-undang untuk tindakan selanjutnya.</i></p>	<p>Sistem Pengawalaan dan Tatatertib telah selesai dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan dalam proses pengujian kemasukan data serta dijangka dapat menyelesaikan isu berbangkit. Sebagai langkah sementara, Unit Tindakan Tatatertib, Bahagian Pengawalaan akan menyelenggarakan rekod dan laporan tatatertib secara manual iaitu menggunakan Microsoft Excel. Selain itu, status terkini bagi levi tertunggak adalah sebanyak 11 kes telah menjelaskan tunggakan levi, 1 kes pemansuhan levi kerana pembatalan projek, 1 kes sedang dalam tindakan LPIPM negeri manakala 9 kes telah dirujuk kepada Unit Undang-undang untuk tindakan selanjutnya.</p>
6.4.8.1.b	<p>Panduan Pelaksanaan Proses Pungutan Levi Untuk Pejabat Wilayah/Negeri Tidak Lengkap dan Kemas kini</p> <p>Semakan Audit mendapati proses pengisian maklumat status kelayakan di Sub-Menu Pengenaan Levi dan maklumat pegawai sah cadangan di Sub-Menu Levi Pembayaran Ansuran tidak dinyatakan dalam panduan dan panduan tersebut juga tidak dikemas kini mengikut Sub-Menu Levi yang terkini di SMB. Selain itu, tiada tarikh pengemaskinian dicatatkan pada panduan dan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh akhir pengemaskinian panduan tersebut dibuat oleh Unit Levi, Ibu Pejabat LPIPM. Pihak Audit juga mendapati panduan tersebut tidak dibukukan, senarai isi kandungan tidak disediakan dan nombor muka surat tidak dicatat pada setiap helaian panduan.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan panduan pelaksanaan proses pungutan levi telah dikemas kini dengan penambahbaikan terkini seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Audit</i></p>	<p>Panduan pelaksanaan proses pungutan levi telah dikemas kini dengan penambahbaikan terkini seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Audit Negara</p>

	<i>Negara.</i>	
6.4.8.2.a.i	<p>Sub-Menu Levi Pembayaran Ansuran - Pegawai Sah Cadangan Dan Pegawai Sah Kedua</p> <p>Semakan Audit mendapati ada medan sah cadangan yang tidak diisi oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pegawai sah kedua bukan pegawai yang diberi kuasa. Semakan lanjut mendapati medan sah kedua pula tidak dihadkan kepada pegawai yang diberi kuasa iaitu Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Negeri.</p> <p>Tarikh Cadang</p> <p>Semakan Audit terhadap Sub-Menu Levi Pembayaran Ansuran mendapati berlaku kes seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tarikh cadang masih boleh dijana walaupun tiada tarikh mula ansuran dimasukkan di dalam sub-menu tersebut. - Tarikh cadang kurang 21 hari dari tarikh mula ansuran pertama. - Tarikh cadang bersamaan dengan tarikh mula ansuran pertama. <p>Tarikh Dan Jumlah Ansuran Bulanan</p> <p>Semakan Audit mendapati tarikh dan jumlah ansuran bulanan tidak dijana secara automatik seperti yang dinyatakan di panduan tersebut sebaliknya dimasukkan secara manual oleh pegawai input.</p> <p>Tarikh Bayar Dan Nilai Bayar</p> <p>Pihak Audit dimaklumkan maklumat tarikh bayar dan nilai bayar di medan Ansuran Telah Disahkan akan dijana secara automatik apabila bayaran levi diterima. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati berlaku kes di mana ada maklumat bayaran tidak dijana secara automatik walaupun bayaran telah diterima dan ditunjukkan di Sub-Menu Semakan Bayaran.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan Sub-Menu Pembayaran Ansuran Levi telah dibuat penambahbaikan iaitu menghapuskan medan pegawai sah cadangan, medan pengesahan kedua diganti dengan keputusan ansuran, tarikh cadang adalah tarikh kemasukan data, tarikh mula ansuran adalah 21 hari daripada tarikh cadang, tarikh dan jumlah ansuran dijana secara automatik dengan menekan butang kira serta medan maklumat bayaran digugurkan.</i></p>	Sub-Menu Pembayaran Ansuran Levi telah dibuat penambahbaikan iaitu menghapuskan medan pegawai sah cadangan, medan pengesahan kedua diganti dengan keputusan ansuran, tarikh cadang adalah tarikh kemasukan data, tarikh mula ansuran adalah 21 hari daripada tarikh cadang, tarikh dan jumlah ansuran dijana secara automatik dengan menekan butang kira serta medan maklumat bayaran digugurkan.
6.4.8.2.a.ii	<p>Sub - Menu Penguatkuasaan Dan Semakan Bayaran</p> <p>Sub-Menu Penguatkuasaan Bayaran Levi (LV0031) digunakan untuk pemantauan terhadap tunggakan levi bagi tujuan pengeluaran surat peringatan. Sub-Menu ini memaparkan senarai semua kontraktor yang perlu dan telah dikeluarkan surat peringatan bagi sesuatu tempoh. Sub-Menu Semakan Penguatkuasaan Bayaran (LV0040) pula memaparkan semua peringatan yang telah dikeluarkan kepada setiap</p>	Sub-Menu Penguatkuasaan Bayaran Levi dan Semakan Penguatkuasaan Bayaran telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan ciri-ciri tidak membenarkan sebarang kemasukan data dibuat pada tarikh cetak. Medan KIV pula ditanda bagi menghentikan tindakan penguatkuasaan, medan catatan pula

	<p>kontraktor mengikut projek. Semakan Audit terhadap kedua-dua sub-menu tersebut mendapatkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Medan Tarikh Akhir Yang Dibenarkan di (LV0040) boleh dipinda secara manual untuk penangguhan atau lanjutan tempoh liabiliti ke tarikh liabiliti baru yang diluluskan. Penangguhan tempoh liabiliti dibuat bagi kes tertentu seperti kes rayuan, ansuran, tangguh bayar, pelarasan, projek berkala, projek tangguh dan projek mansuh. Semakan Audit mendapatkan berlaku kes di mana tiada tarikh akhir dicatatkan pada LV0040 yang menyebabkan kontraktor tersebut tidak tersenarai di (LV0031) bagi tujuan pengeluaran notis peringatan. • Maklumat yang dipaparkan di (LV0040) dan (LV0031) adalah tidak seragam. Semakan Audit di kedua-dua sub-menu tersebut mendapatkan berlaku kes Notis Tunjuk Sebab (NTS) ada dikeluarkan kepada kontraktor di LV0040 tetapi di LV0031 tiada nama kontraktor berkenaan dipaparkan dalam senarai levi yang perlu menerima NTS. • Laporan tata tertib perlu disediakan dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh liabiliti NTS dan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Tata Tertib untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit di LV0040 mendapatkan berlaku kes laporan tata tertib disediakan sebelum NTS dikeluarkan kepada kontraktor. <p><i>LPIPM memaklumkan Sub-Menu Penguatkuasaan Bayaran Levi dan Semakan Penguatkuasaan Bayaran telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan ciri-ciri tidak membenarkan sebarang kemasukan data dibuat pada tarikh cetak. Medan KIV perlu ditandakan bagi menghentikan tindakan penguatkuasaan, medan catatan pula dikemas kini dengan tarikh akhir dibenarkan bagi kes rayuan penangguhan bayaran levi dan tarikh akhir dibenarkan akan berubah apabila kes rayuan diluluskan tetapi tidak dibenarkan tidak diisi.</i></p>
6.4.8.2.a.iii	<p>Sub-Menu Log Levi</p> <p>Log Levi merekodkan semua maklumat seperti tarikh, masa, butiran transaksi dan pengguna yang memasukkan maklumat di dalam Sub-Menu Levi. Status pengemaskinian atau proses kerja levi bagi setiap projek yang dilevi boleh dirujuk terus pada Sub-Menu Log Levi bagi tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapatkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Log levi tidak memaparkan tarikh input dan butiran transaksi dengan tepat. Contoh di Sub-Menu Semakan Bayaran (LV0025) bagi nombor rujukan levi JH057138-05 menunjukkan tiada sebarang bayaran levi dibuat oleh kontraktor tetapi di butiran transaksi Log Levi menunjukkan terdapat Perakuan Pembayaran Levi dibuat pada 7 Julai 2009. • Tarikh surat peringatan dicetak di LV0040 berbeza dengan tarikh yang dipaparkan di Log Levi. Contoh di LV0040 bagi nombor rujukan levi JH124677-

	<p>01 menunjukkan tarikh Peringatan Pertama dicetak adalah pada 6 Januari 2011 tetapi di log levi bertarikh 30 November 2010.</p> <p><i>LPIPM Negeri Johor memaklumkan kes tersebut berlaku kerana kesilapan teknikal semasa proses pengenaan levi bagi projek tersebut di mana berlaku pertindihan nombor rujukan levi menyebabkan projek tersebut dikenakan levi sebanyak 2 kali. Bahagian Pengurusan Maklumat telah membuat kajian terperinci bagi mengesan punca masalah dan menyelesaikan perkara tersebut. Data pembayaran levi telah dimasukkan semula ke skrin Semakan Bayaran. Selain itu, paparan tarikh yang berbeza di antara log levi adalah berlaku disebabkan oleh proses penyediaan Laporan Tatatertib di mana data di Log Levi diubah berdasarkan format yang ditetapkan. Sehubungan itu, bagi mengelakkan berlakunya perubahan terhadap Log Levi asal, Bahagian Pengurusan Maklumat telah mewujudkan satu lagi modul Log Levi yang boleh dibuat pindaan bagi tujuan penyediaan Laporan Tatatertib. Sebarang pindaan yang dilakukan di dalam modul Log Levi kedua ini tidak akan mengubah data asal.</i></p>	
6.4.8.3.b	<p>Pelarasian Levi</p> <p>Semakan Audit mendapati bagi kes pelarasian disebabkan oleh perubahan nilai kontrak, nilai kontrak asal di Sub-Menu Nilai Kontrak (LV0004) diubah kepada nilai kontrak baru manakala bagi kes pengecualian levi pula, nilai kontrak yang dikecualikan levi dimasukkan dalam Sub-Menu Kos Penolakan (LV0006). Kedua-dua sub-menu tersebut adalah <i>interface</i> dengan Sub-Menu Pengenaan Levi. Sehubungan itu, sebarang perubahan yang direkodkan pada kedua-dua sub-menu tersebut akan menyebabkan perubahan terus pada Sub-Menu Pengenaan Levi. Ini menyebabkan jumlah kontrak dilevi yang asal pada Sub-Menu Pengenaan Levi berubah sedangkan jumlah levi yang ditunjukkan di skrin tersebut adalah jumlah levi asal iaitu sebelum pelarasian. Jumlah levi baru pula hanya ditunjukkan di Sub-Menu Pelarasian. Selain itu, perubahan nilai kontrak pada Sub-Menu Nilai Kontrak juga menyebabkan nilai kontrak asal tidak dapat dikenal pasti sekiranya tiada catatan dibuat pada Sub-Menu Pelarasian.</p>	<p>Bagi mengelak kekeliruan semasa pelarasian levi dilakukan, penambahbaikan telah dibuat oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) terhadap skrin pengenaan levi di mana medan jumlah kontrak asal telah ditambah dan maklumat jumlah kontrak terkini akan sentiasa dipaparkan pada setiap skrin di SMB. Walaupun pelarasian levi dibuat berdasarkan kepada nilai kontrak baru, nilai kontrak asal dikenakan sebagai rujukan dan rekod serta data berkaitan pelarasian levi akan dipaparkan di skrin pelarasian.</p>
6.4.8.4.a.i	<p>Maklumat Status Kelayakan</p> <p>Semakan Audit mendapati kemasukan data di medan status levi untuk 4 LPIPM negeri yang dilawati adalah tidak seragam kerana terdapat LPIPM negeri yang tidak memasukkan status levi di medan Maklumat Status Kelayakan.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah mengemas kini dan menambah baik paparan di skrin pengenaan levi bagi semua LPIPM negeri dan cawangan dengan mengambil kira medan Maklumat Status Kelayakan di skrin yang berkenaan.</p>
6.4.8.4.a.ii	<p>Semakan Audit mendapati LV0009 yang telah dibuat penambahbaikan hanya digunakan di LPIPM Wilayah Persekutuan manakala 3 LPIPM negeri yang dilawati pula masih menggunakan LV0009 yang lama. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati ada juga kes di mana LV0009 tidak mempunyai medan Maklumat Status Kelayakan.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan BPM telah mengemas kini dan menambah baik paparan di skrin pengenaan levi bagi semua LPIPM negeri dan cawangan dengan mengambil</i></p>	

	<p><i>kira medan Maklumat Status Kelayakan di skrin yang berkenaan.</i></p>	
6.4.8.5.a.i	<p>Tindakan Penahanan Sementara</p> <p>Tindakan penahanan sementara dikenakan terhadap kontraktor yang gagal membayar levi dalam tempoh liabiliti yang ditetapkan. Tindakan ini menyebabkan kontraktor tidak dapat memperbaharui pendaftaran selagi tunggakan levi tidak dijelaskan. Semakan Audit mendapati tindakan penahanan sementara masih dikenakan kepada kontraktor walaupun pengenaan levi telah dibatalkan dan Peringatan Pertama dikeluarkan kepada kontraktor tersebut selepas pembatalan levi dibuat.</p>	<p>Penambahbaikan terhadap sistem telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) di mana Surat Pembatalan Levi hanya boleh dijana selepas pembatalan levi disahkan. Surat peringatan juga tidak boleh dijana, sekiranya pembatalan levi telah disahkan.</p> <p>Sehubungan itu, penambahbaikan terhadap sistem telah dilaksanakan oleh BPM di mana selepas sijil bayaran levi dicetak, status bayaran penuh akan diubah oleh sistem secara automatik dan skrin LV0023 yang sebelum ini digunakan bagi mengemas kini data pembayaran levi pula telah dimansuhkan.</p>
6.4.8.5.a.ii	<p>Tindakan penahanan sementara masih dikenakan kepada kontraktor walaupun bayaran levi telah diterima daripada kontraktor dan Peringatan Pertama dikeluarkan kepada kontraktor tersebut selepas bayaran levi diterima.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPIPM perlu memastikan Sub-Menu Levi yang dibangun digunakan sepenuhnya oleh pegawai Unit Levi. Di samping itu, LPIPM juga perlu mengenal pasti punca kelemahan beberapa Sub-Menu Levi dalam SMB dan membuat penambahbaikan terhadap sistem supaya semua maklumat di dalam sistem adalah lengkap dan data yang dijana tepat serta tidak boleh dipertikaikan kesahihannya.</p> <p><i>LPIPM memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan Pegawai Pengesah lewat mengesahkan pembatalan levi. Penambahbaikan terhadap sistem telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) di mana Surat Pembatalan Levi hanya boleh dijana selepas pembatalan levi disahkan. Surat peringatan juga tidak boleh dijana, sekiranya pembatalan levi telah disahkan.</i></p> <p><i>Kes surat peringatan dikeluarkan selepas bayaran levi diterima pula berlaku kerana maklumat pembayaran tidak dikemas kini di skrin Kemas Kini Data Pembayaran Levi (LV0023). Ini menyebabkan maklumat kontraktor masih tersenarai di skrin pemantauan bagi tujuan pengeluaran surat peringatan. Sehubungan itu, penambahbaikan terhadap sistem telah dilaksanakan oleh BPM di mana selepas sijil bayaran levi dicetak, status bayaran penuh akan diubah oleh sistem secara automatik dan skrin LV0023 yang sebelum ini digunakan bagi mengemas kini data pembayaran levi pula telah dimansuhkan.</i></p>	

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

Perenggan 7 : Pengurusan Program Pembangunan Bahan Termaju Dan Produk Tambah Nilai

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.1.a	Perpindahan Teknologi Tidak Tercapai Sepenuhnya Perjanjian yang ditandatangani antara Lembaga Getah Malaysia (LGM) dengan sebuah Syarikat menghendaki LGM memindahkan kepakaran, maklumat dan kemudahan berkaitan dengan teknologi pemprosesan <i>TG Rubber</i> kepada Syarikat seperti yang ditetapkan. Syarikat akan mengeluarkan, membekal, menggalak dan memasarkan secara komersial <i>TG Rubber</i> tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian. Pengenalan <i>TG Rubber</i> sebagai getah gred berkualiti tinggi melalui pembangunan teknologi terkini menyediakan peluang untuk menjana nilai tambah yang menyeluruh kepada industri getah.	LGM telah menguatkuasakan dan melaksanakan prosedur baru iaitu Tatacara/Prosedur Pengurusan Perjanjian LGM berkaitan kelulusan bagi pengkomersilan produk R&D dimana penilaian perjanjian oleh pegawai undang-undang dan seterusnya kelulusan Lembaga LGM serta Kementerian disyaratkan sebelum perjanjian pengkomersilan sesuatu teknologi dilaksanakan. Status terkini sehingga 5 September 2012:- Tatacara/Prosedur Pengurusan Perjanjian LGM baru berkaitan kelulusan bagi pengkomersilan produk R&D dilaksanakan sepenuhnya.
7.4.1.1.b	Semakan Audit mendapati 2 perjanjian utama telah ditandatangani antara LGM dengan Syarikat pada 25 November 2008 berkaitan perpindahan teknologi. Bagaimanapun, kedua-dua perjanjian asal yang telah dimeterai tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Semakan lanjut mendapati 3 salinan perjanjian yang dikemukakan telah dimatikan setem dengan nombor siri 934609, 934610 dan 934611. Perjanjian bernombor siri 934609 dan 934611 merupakan perjanjian yang sama manakala perjanjian bernombor siri 934610 adalah berbeza.	
7.4.1.1.c	Pihak Audit juga mendapati satu perjanjian tambahan telah dimeterai pada 16 Februari 2009 kerana terdapat tambahan definisi produk. Bagaimanapun, LGM tidak dapat mengemukakan perjanjian tambahan yang asal untuk semakan Audit.	
7.4.1.1.d	Semakan Audit mendapati semua perjanjian utama dan tambahan tidak disemak oleh Penasihat Undang-undang LGM. Adalah didapati perjanjian yang telah ditandatangani tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat beberapa klausa di dalam perjanjian tersebut tidak dipersetujui oleh LGM setelah ia dikaji semula.	

7.4.2.2	<p>Peralatan Dibeli Belum Digunakan</p> <p>LGM telah memperuntukkan sejumlah RM5.22 juta di bawah Program Bahan Termaju bagi pembelian peralatan untuk kegunaan Kilang Pemprosesan Susu Getah, Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah (KIPG) di Stesen Penyelidikan Getah Kota Tinggi, Johor. Objektif pembelian peralatan adalah untuk merealisasikan konsep baru di dalam industri pemprosesan susu getah pekat yang menekankan konsep kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.</p>	
7.4.2.3	<p>Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2011 mendapati peralatan tersebut berjumlah RM5.22 juta masih belum digunakan kerana KIPG masih dalam proses pembinaan.</p>	
7.4.2.4	<p>LGM telah menerima komponen bagi 6 jenis peralatan berjumlah RM5.22 juta secara berperingkat. Penerimaan komponen peralatan yang pertama adalah pada bulan Jun 2010 manakala penerimaan terakhir adalah pada bulan Oktober 2010. LGM telah membuat bayaran sejumlah RM5.09 juta atau 97.5 peratus dan wang tahanan sejumlah RM0.13 juta atau 2.5 peratus belum dibayar.</p>	
7.4.2.5	<p>Semakan Audit juga mendapati pada awal perancangan, LGM menjangkakan KIPG siap dibina pada akhir tahun 2010 setelah kesemua peralatan diterima. Pembinaan KIPG tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan kerana LGM tidak menyediakan pelan induk pembangunan dan infrastruktur untuk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. LGM memaklumkan kompleks ini akan siap dibina pada tahun 2015.</p>	
7.4.2.6	<p>Berdasarkan kepada klausula 13.2 perjanjian yang telah ditandatangani, tempoh jaminan peralatan adalah selama 12 bulan daripada tarikh akhir penerimaan peralatan. Penasihat Undang-undang LGM menyatakan tarikh penerimaan akhir peralatan ialah apabila peralatan tersebut telah ditaliah sepenuhnya oleh pembekal. Selain itu, pembekal telah mengemukakan <i>Letter Of Undertaking</i> bertarikh 4 Oktober 2011 menyatakan kesediaan memenuhi perjanjian setelah KIPG siap dibina dan peralatan boleh dipasang. Semakan lanjut mendapati jumlah wang yang telah dibayar kepada pembekal adalah termasuk pemasangan peralatan walaupun ia belum dibekalkan.</p>	
7.4.2.7	<p>Lawatan Audit 19 Disember 2011 mendapati 6 jenis peralatan berjumlah RM5.22 juta masih belum dipasang dan telah disimpan di premis pembekal dan pihak yang dilantik olehnya. Semakan lanjut mendapati tiada surat atau perjanjian yang menyatakan pembekal dan pihak yang dilantik olehnya boleh menyimpan komponen peralatan tersebut bagi pihak LGM.</p>	
7.4.2.8	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati LGM tidak membuat perancangan yang teliti semasa pembelian peralatan dan pembinaan KIPG. Peralatan yang masih belum digunakan telah menyebabkan objektif pembelian peralatan tidak tercapai. Selain itu, komponen peralatan yang disimpan oleh pembekal boleh menyebabkan peralatan</p>	

	<p>tersebut disalah guna dan LGM perlu bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan sesuatu peralatan hendaklah dirancang dengan teliti selari dengan kemajuan pembinaan bangunan supaya pembelian peralatan berjumlah RM5.22 juta dapat dimanfaatkan sepenuhnya.</p> <p><i>LGM memaklumkan semua peralatan yang disimpan oleh pihak yang dilantik oleh pembekal adalah di dalam premis yang berkunci. Selain itu, peralatan yang disimpan di gudang pembekal telah diinsuranskan dan mempunyai khidmat kawalan keselamatan.</i></p>	
7.4.3.2	<p>Peralatan Dibeli Tidak Digunakan</p> <p>Peralatan 13L dan 100L <i>Fermenters</i> telah diterima oleh LGM pada bulan Disember 2008. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2011 mendapati peralatan ini telah siap dipasang sepenuhnya tetapi tidak digunakan. Tempoh peralatan tidak digunakan selama 36 bulan kerana masih belum ada keperluan bagi tujuan penyelidikan menyebabkan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.</p> <p>Pada pendapat Audit, LGM hendaklah memastikan peralatan yang dibeli digunakan bagi mengelakkan pembaziran. Selain itu, tempoh jaminan peralatan telah tamat sebelum peralatan dapat digunakan dan ia memerlukan kos tambahan untuk penyenggaraan.</p> <p><i>LGM memaklumkan bahan yang akan digunakan untuk peralatan 13L dan 100L Fermenters tidak dapat diperoleh buat masa ini kerana kilang getah di Felda Trolak telah ditutup manakala KIPG masih belum siap dibina.</i></p>	<p>Peralatan yang dibeli masih belum boleh digunakan disebabkan oleh sumber bahan mentah (serum getah) yang mencukupi belum diperoleh berikutan penutupan Kilang Getah Felda Trolak.</p> <p>Sumber bahan mentah bagi tujuan penyelidikan ini akan dihasilkan oleh Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di KIPG Kota Tinggi.</p> <p>LGM telah melaksanakan proses tender bagi pembinaan pusat ini yang dijangka siap pada Julai 2013.</p> <p>Status terkini sehingga 5 September 2012:-</p> <p>Proses tender bagi Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah telah dijadualkan semula untuk kajian semula skop tender. Tender akan diiklankan pada 2-4 Oktober 2012, lawatan tapak pada 8 Oktober 2012, dan tutup tender pada 6 November 2012.</p>
7.4.4.2	<p>Peralatan Dibeli Tidak Digunakan Sepenuhnya</p> <p>Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2011 mendapati peralatan berjumlah RM1.71 juta telah dipasang tetapi tidak digunakan sepenuhnya sebagaimana objektif pembelian. Peralatan ini hanya dapat digunakan untuk mengujilari <i>Profile Product</i> dan <i>Surface Product</i>. Perkara ini disebabkan komponen peralatan iaitu <i>Cooling</i> dan <i>Cutter Line</i> belum dibeli untuk menghasilkan produk. Semakan Audit mendapati komponen peralatan ini tidak dimasukkan dalam spesifikasi pembelian <i>Cold Feed Extruder</i>. Mengikut Minit Mesyuarat Ringkasan Projek Pembangunan RMKe-9, peruntukan yang tidak mencukupi menyebabkan pembelian komponen peralatan terpaksa ditangguhkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LGM tidak membuat perancangan yang teliti semasa pembelian peralatan <i>Cold Feed Extruder</i> berjumlah RM1.71 juta. Peralatan yang</p>	<p>Peralatan yang dibeli boleh digunakan sepenuhnya setelah perolehan komponen dibuat. Untuk itu, permohonan peruntukan bagi perolehan komponen mesin telah diluluskan Lembaga LGM pada Mesyuarat Lembaga LGM bil 68/2011 bertarikh 20 September 2011.</p> <p>LGM juga sedang menyelaraskan pengurusan aset di bawah pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan (<i>centers of excellence</i>) bagi memastikan pengurusan yang efektif dan efisien disamping penggunaan peralatan-peralatan secara lebih optimum.</p>

<p>tidak digunakan sepenuhnya telah menyebabkan pembaziran dan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.</p> <p><i>LGM memaklumkan peralatan Cold Feed Extruder tidak boleh digunakan jika komponen peralatan iaitu Cooling dan Cutter Line tidak dibeli. Perkara ini disebabkan tiada peruntukan membeli Cooling dan Cutter Line. Peruntukan telah dipohon melalui bajet one-off pada tahun 2012 tetapi tidak diluluskan. Bagaimanapun, LGM telah membuat permohonan semula bajet 2014 untuk pembelian komponen peralatan tersebut.</i></p>	<p>Status terkini sehingga 5 September 2012:-</p> <p>LGM di dalam peringkat proses merangka pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan yang melibat semua sektor penyelidikan getah. Pelaksanaan dijangka dimulakan pada penghujung tahun 2012.</p>
---	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

Perenggan 8 : Pengurusan Pemberian Geran Kepada Koperasi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.2.1.b	<p>Pelantikan Konsultan Progam TUKAR</p> <p>Semakan Audit mendapati pelantikan konsultan dan pembekal program TUKAR telah diuruskan sepenuhnya oleh SKM dengan melantik sebuah syarikat secara lantikan terus. Bagaimanapun, tiada surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk pelantikan ini. Selain itu, SKM tidak mengeluarkan surat tawaran pelantikan konsultan dan pembekal program TUKAR kepada syarikat tersebut. Pelantikan ini hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah SKM pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 30 Mei 2011.</p>	<p>SKM telah menerima kelulusan khas perolehan secara rundingan terus dari Kementerian Kewangan bagi perkhidmatan/bekalan program pemodenan kedai runcit koperasi untuk pembayaran kepada Felda Trading Sdn. Bhd. pada 2 Julai 2012 bagi tempoh selama 5 tahun mulai tahun 2011 hingga 2015.</p> <p>SKM telah mengeluarkan surat tawaran perlantikan konsultan dan pembekal melalui surat bertarikh 27 Januari 2012.</p>
8.4.2.1.c	<p>Syarikat ini telah melaksanakan pengubahsuaian kedai runcit, bekalan peralatan dan <i>P.O.S System</i> kepada 111 koperasi yang terlibat dengan program TUKAR dengan jumlah peruntukan RM5.40 juta. Sehingga bulan Mei 2012, SKM telah membayar balik tuntutan pembekalan sejumlah RM5.41 juta kepada syarikat itu dengan menggunakan peruntukan RMKe-10 berjumlah RM3.05 juta dan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi berjumlah RM2.36 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu memastikan setiap perolehan bekalan atau perkhidmatan dilakukan hendaklah mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan. Kelulusan bertulis daripada Kementerian Kewangan perlu diperoleh bagi pengecualian terhadap peraturan yang berkenaan. Ini adalah untuk memastikan semua perolehan mematuhi peraturan serta mengelakkan ketidakpatuhan dalam proses perolehan.</p> <p><i>SKM memaklumkan permohonan kelulusan khas dan perolehan secara runding terus telah dikemukakan pada 5 Jun 2012.</i></p>	
8.4.2.2	<p>Pembekalan Peralatan</p> <p>Syarikat itu juga bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pengubahsuaian kedai runcit, bekalan peralatan dan <i>P.O.S System</i> di 111 koperasi yang terlibat dengan Program TUKAR. Lawatan Audit ke 14 koperasi yang menerima geran Program TUKAR di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah pada bulan Disember 2011</p>	<p>Semua peralatan <i>Point of Sales (POS)</i> telah di terima dan digunakan oleh koperasi selepas mendapat latihan dan disahkan berfungsi secara bertulis oleh koperasi-koperasi seperti berikut:-</p>

	<p>mendapati 3 koperasi masih belum menerima peti sejuk manakala 7 koperasi telah menerima <i>P.O.S System</i> tetapi masih belum berfungsi. Semakan lanjut mendapati pembayaran telah dilakukan kepada syarikat tersebut walaupun koperasi masih belum menerima peti sejuk yang sepatutnya dibekalkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu mematuhi peraturan kewangan supaya semua peralatan telah dibekalkan dan boleh berfungsi sebelum membuat bayaran.</p> <p><i>SKM memaklumkan selepas teguran Audit tindakan susulan telah diambil dan semua P.O.S System telah berfungsi serta peti sejuk telah diterima oleh pihak koperasi.</i></p>	<p>a. Koperasi Matrade Kuala Lumpur (7/5/2012), b. Koperasi Kakitangan Bernas Berhad (3/5/2012), c. Koperasi Kampung Magatang Berhad (8/5/2012), d. Koperasi Tolungan Babagon Penampang Berhad (8/5/2012), e. Koperasi Taburi Kota Belud Berhad(21/9/2011), f. Koperasi Kakitangan Taman-Taman Sabah Bhd (7/5/2012), g. Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd (4/5/2012) dan h. Koperasi Kedamaian Kota Belud Berhad (7/5/2012).</p> <p>Manakala peralatan peti sejuk telah diterima oleh koperasi-koperasi melalui pengesahan secara bertulis seperti Koperasi Tolungan Babagon Penampang Berhad (2/4/2012), Koperasi Taburi Kota Belud Berhad (21/9/2011) dan Koperasi Kedamaian Kota Belud Berhad (2/4/2012).</p>
8.4.2.3.a	<p>Caj Perkhidmatan</p> <p>Garis Panduan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional Pemborongan Dan Peruncitan (Transformasi Kedai Runcit) Versi 1.1 Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh KPDNKK sebagai panduan pelaksanaan Program TUKAR menetapkan konsultan tidak dibenarkan untuk mengenakan caj perkhidmatan kepada peserta.</p>	SKM tidak menggunakan Garis Panduan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional Pemborongan dan Peruncitan (Tranformasi Kedai Runcit) Versi 1.1 Tahun 2011 kerana program Pemodenan Kedai Runcit Koperasi bermula lebih awal lagi dengan menggunakan peruntukan tahunan yang diluluskan. SKM menggunakan Garis Panduan sendiri bermula pada Disember 2011 dan Garis Panduan ini merangkumi caj perkhidmatan.
8.4.2.3.b	<p>Semakan Audit terhadap 22 tuntutan bayaran balik mendapati syarikat tersebut telah mengenakan caj perkhidmatan runding cara kepada 22 koperasi yang berjumlah antara RM10,000 hingga RM15,000. Selain itu, koperasi juga turut dikenakan caj perkhidmatan menyusun atur kedai (<i>planogram</i>) berjumlah antara RM1,000 hingga RM2,500. Nilai keseluruhan caj perkhidmatan yang dikenakan adalah sebanyak 20 peratus hingga 32 peratus daripada nilai geran yang diluluskan kepada koperasi. Tiada dokumen yang ditandatangani oleh koperasi sebagai persetujuan untuk dikenakan caj perkhidmatan tersebut. Borang penerimaan bantuan yang ditandatangani oleh koperasi semasa menerima bantuan tidak menyatakan bahawa caj perkhidmatan akan dikenakan kepada koperasi yang menerima bantuan.</p>	<p>Dua puluh dua (22) buah koperasi telah bersetuju menerima caj perkhidmatan dan runding cara program TUKAR melalui pengesahan bertulis pada tarikh-tarikh seperti berikut:</p> <p>a. Koperasi Matrade Kuala Lumpur Berhad (7/5/2012), b. Koperasi Kakitangan Bernas Berhad (3/5/2012), c. Koperasi Kampung Magatang Berhad (8/5/2012), d. Koperasi Pembangunan Ummah Berhad (8/5/2012), e. Koperasi Kedamaian Kota Belud Berhad (7/5/2012), f. Koperasi Tolungan Babagon Penampang Berhad (8/5/2012), g. Koperasi Serbaguna Tabori Kota Belud Berhad (2/4/2012), h. Koperasi Kakitangan Taman-Taman Sabah Bhd (7/5/2012), i. Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad (4/5/2012), j. Koperasi KOBARU Berhad (15/5/2012), k. Koperasi Pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun Kerian Berhad (4/5/2012), l. Koperasi Kampung Pichin Serian Berhad (24/7/2012), m. Koperasi Kampung Mongkos Serian Berhad (17/6/2012), n. Koperasi Kampung Bidayuh Tebakang Berhad (21/7/2012),</p>
8.4.2.3.c	<p>Pihak Audit tidak dapat membuat analisis jumlah keseluruhan caj perkhidmatan yang telah dikenakan oleh syarikat pada tahun 2011 kerana SKM tidak mempunyai semua perincian kos yang dituntut untuk kerja yang dilaksanakan terhadap 111 koperasi yang menerima geran. Bagaimanapun, dianggarkan caj perkhidmatan berjumlah RM1.6 juta telah dikenakan kepada kesemua 111 koperasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, caj perkhidmatan yang telah dikenakan mengakibatkan geran maksimum RM50,000 bagi setiap koperasi bagi tujuan pengubahaui dan peralatan telah berkurang dari yang sepatutnya diterima. SKM juga perlu mematuhi terma rujukan konsultan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian di dalam Garis Panduan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional Pemborongan Dan Peruncitan (Transformasi Kedai Runcit) Versi 1.1 Tahun 2011. SKM perlu mengkaji semula</p>	

	<p>tuntutan bayaran balik oleh syarikat dan menuntut semula caj perkhidmatan yang dikenakan kepada koperasi daripada syarikat.</p> <p><i>SKM memaklumkan pihaknya tidak menggunakan pakai Garis Panduan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional Pemborongan Dan Peruncitan (Transformasi Kedai Runcit) Versi 1.1 Tahun 2011 dan tindakan telah diambil untuk mendapatkan persetujuan koperasi berhubung caj perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> o. Koperasi FELDA Lui Muda Negeri Sembilan Bhd (5/7/2012), p. Koperasi Peguh Al-Barakah Kinta Berhad (18/7/2012), q. Koperasi FELDA Gunung Besout 2 Sungkai Bhd (6/7/2012), r. Koperasi Kumpulan Kakitangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Berhad (3/7/2012), s. Koperasi Lokos Tamparuli Sabah Berhad (4/5/2012), t. Koperasi Serbaguna Kampung Narinang Kota Belud Bhd (11/6/2012), u. Koperasi Malanggang Lama Tamparuli Bhd (29/6/2012), and v. Koperasi Majlis Daerah Keningau Berhad (27/6/2012).
8.4.2.4.a	<p>Pengesahan Dan Pembayaran Bagi Pelaksanaan Kerja Dan Bekalan</p> <p>Pengesahan terhadap sesuatu kerja dan bekalan hendaklah dilakukan bagi memastikan kerja dilaksanakan sepenuhnya dan peralatan telah dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semua baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai setiap perkhidmatan, bekalan atau kerja bagi memudahkan semakan dibuat.</p>	<p>SKM telah mengadakan mesyuarat penambahbaikan sistem tuntutan oleh pembekal. bagi Program TUKAR pada 23 Mei 2012.</p> <p>Garis panduan TUKAR telah disediakan yang menjelaskan secara terperinci pelaksanaan kerja-kerja pengubahsuaian kedai TUKAR termasuk dokumen yang perlu dikemukakan bagi tujuan tuntutan dari pembekal dan persetujuan bertulis daripada koperasi sebagai pengesahan kerja-kerja telah di laksanakan. Pengesahan bergambar sebelum dan selepas perlaksanaan juga dijadikan SOP pelaksanaan kerja. Semua dokumen berkaitan perlaksanaan TUKAR juga diperincikan selaras dengan prosedur kewangan. Garis Panduan ini mula diguna pakai pada awal Julai 2012. Garis panduan ini telah diluluskan oleh mesyuarat Pengurusan Tertinggi SKM bil.14/2012 bertarikh 13 Ogos 2012.</p>
8.4.2.4.b	<p>Semakan Audit mendapati pengesahan pelaksanaan kerja dan bekalan telah dilakukan oleh wakil koperasi yang menerima bantuan geran Program TUKAR. Bagaimanapun, wakil koperasi tidak mempunyai dokumen spesifikasi kerja dan pembekalan yang sepatutnya diterima daripada syarikat itu untuk tujuan pengesahan. Selain itu, pengesahan pelaksanaan kerja dan bekalan yang dilakukan oleh wakil koperasi tidak dibuat secara terperinci kerana kuantiti dan nilai peralatan serta nilai kerja pengubahsuaian tidak dinyatakan dalam borang pengesahan pelaksanaan tersebut.</p>	
8.4.2.4.c	<p>Semakan lanjut mendapati pembayaran kepada syarikat telah dilakukan walaupun tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti pesanan pembelian dan invoice yang terperinci. Invoice syarikat hanya mengandungi jumlah keseluruhan kerja dan bekalan serta tiada terperinci bagi pengubahsuaian kedai runcit, peralatan dan P.O.S System yang dibekalkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan terhadap pelaksanaan kerja dan bekalan hendaklah dilakukan oleh SKM dengan memperincikan kuantiti dan nilai peralatan serta nilai kerja pengubahsuaian yang dibekalkan. Sekiranya pengesahan dilakukan oleh koperasi, SKM perlu mengemukakan perincian pembekalan yang sepatutnya diterima oleh koperasi berkenaan untuk membolehkan pengesahan dilakukan. Selain itu, SKM hendaklah memastikan setiap pembayaran mempunyai invoice yang terperinci dan dokumen sokongan yang lengkap supaya bayaran dibuat mengikut nilai kerja pengubahsuaian dan peralatan yang dibekalkan.</p> <p><i>SKM memaklumkan tindakan penambahbaikan telah dilakukan terhadap proses pengesahan pelaksanaan kerja dengan mengeluarkan pesanan bekalan dan penghantaran stok serta memastikan kontraktor panel mengeluarkan pengesahan siap kerja pengubahsuaian. Selain itu, SKM telah memastikan syarikat</i></p>	

	<p><i>mengemukakan invois terperinci mengenai nilai kerja pengubahsuaian dan peralatan yang telah dibekalkan kepada koperasi.</i></p>	
8.4.2.5.c	<p>Tiada Perjanjian Ditandatangani Antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia Dengan Syarikat Konsultan dan Pembekal Program</p> <p>Semakan Audit mendapati tiada perjanjian ditandatangani antara SKM dengan syarikat berkenaan. Selain itu, tiada dokumen yang boleh dirujuk sebagai panduan untuk syarikat melaksanakan Program TUKAR dan tiada penetapan dibuat bagi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Spesifikasi dan nilai pengubahsuaian kedai runcit. • Senarai peralatan yang sepatutnya dibekalkan kepada koperasi. • Tempoh jaminan bagi kerja pengubahsuaian dan peralatan elektrik. • Tempoh penghantaran bekalan barang kepada koperasi. <p>Nilai bagi setiap peralatan seragam yang dibekalkan seperti papan tanda “COOPMART” berlampa, papan tanda “SELAMAT DATANG & TERIMA KASIH”, eye signage, kaunter bayaran, rak rokok, rak gondola dan peti sejuk</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu menyediakan perjanjian yang lengkap bagi menetapkan tanggungjawab syarikat sebagai konsultan dan pembekal untuk Program TUKAR. Ini bagi memastikan kepentingan SKM serta koperasi yang menerima bantuan TUKAR dilindungi dan terjamin.</p> <p><i>SKM memaklumkan perjanjian akan dimateraikan setelah selesai semakan akhir oleh Penasihat Undang-undang.</i></p>	<p>MOU telah ditandatangani pada 27 Oktober 2011 di antara pembekal dengan SKM. Ekoran dengan teguran Audit, perjanjian telah disediakan dan akan ditandatangani sebelum 1 Oktober 2012.</p>
8.4.3.1	<p>Geran Masih Belum Digunakan</p> <p>Semakan Audit terhadap 10 koperasi yang menerima Geran Asas mendapati 6 koperasi masih belum menggunakan geran yang diterima berjumlah RM135,400 antara 9 hingga 25 bulan. Selain itu, pihak Audit mendapati satu daripada 10 koperasi yang menerima Geran Pengukuhan Dan Pemantapan pada bulan Ogos 2011 berjumlah RM40,000 masih belum menggunakan geran tersebut. Antara sebab geran masih belum digunakan adalah perpindahan koperasi ke bangunan baru, pertukaran skop kerja, masalah status tanah dan ternakan mati.</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu memantau penggunaan geran dan memastikan setiap geran yang diluluskan kepada koperasi digunakan supaya mencapai matlamat yang ditetapkan. SKM juga perlu mengambil tindakan segera terhadap koperasi yang masih belum menggunakan geran yang telah diberikan.</p>	<p>SKM memantau penggunaan wang geran bantuan oleh koperasi melalui laporan pemantauan yang disediakan oleh pegawai penyelia koperasi setiap 6 bulan selepas wang diterima oleh koperasi. Laporan penggunaan geran ini dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa bantuan yang diadakan sebulan sekali.</p> <p>Daripada tujuh buah koperasi yang belum menggunakan geran bantuan, 4 buah koperasi telah menggunakan wang bantuan tersebut bagi melaksanakan projek seperti yang diluluskan sehingga bulan Mei 2012 iaitu Koperasi Usahajaya Bersaudara Keningau Berhad, Koperasi Bela Rakyat Kawasan Senaling Kuala Pilah Berhad, Koperasi Sekolah Menengah Perempuan Pudu Berhad dan Koperasi Bela Rakyat Kawasan Kedamaian Berhad</p> <p>Manakala tiga buah Koperasi yang masih belum menggunakan geran bantuan iaitu, Koperasi Kakitangan Utusan Melayu</p>

		Malaysia Berhad, Koperasi Penduduk Tanjung Siam Selangor Berhad dan Koperasi Bela Rakyat DUN Seri Menanti Kuala Pilah Berhad telah diminta untuk menggunakan wang bantuan sebelum akhir tahun 2012. Jika koperasi masih gagal menggunakan wang bantuan ini selepas tarikh tersebut, koperasi berkenaan akan diminta untuk memulangkan semula wang bantuan kepada SKM.
8.4.4.3	<p>Geran Mengurus ANGKASA</p> <p>Semakan Audit mendapati SKM menggunakan garis panduan Kadar Penggunaan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi yang bertujuan untuk menyelaraskan tatacara penggunaan oleh ANGKASA dan SKM. Bagaimanapun, garis panduan tersebut tidak menetapkan had dan prosedur terperinci untuk pemberian geran mengurus kepada ANGKASA. Pihak Audit mendapati pembayaran balik dibuat berdasarkan ringkasan tuntutan ANGKASA tanpa pengesahan oleh SKM.</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu menyediakan <i>Standard Operating Procedures</i> yang lengkap bagi pemberian geran mengurus kepada ANGKASA berdasarkan garis panduan yang digunakan. SKM perlu membuat pengesahan terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh ANGKASA bagi memastikan tuntutan tersebut telah dilaksanakan dan disertai dokumen sokongan. Ini juga bagi memastikan geran yang diluluskan hanya digunakan untuk perkara yang dibenarkan SKM.</p> <p><i>SKM memaklumkan akan menyediakan Standard Operating Procedures untuk pengurusan kewangan dan penggunaan wang ANGKASA. Selain itu, SKM akan melantik pasukan petugas khas yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Audit Koperasi untuk memantau penggunaan wang Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi oleh ANGKASA.</i></p>	<p><i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> mengenai pembayaran kepada ANGKASA telah sedia ada dalam peraturan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAP). SKM telah menubuhkan kumpulan petugas untuk menilai penggunaan wang oleh ANGKASA. Jawatankuasa Petugas ini telah dilantik pada 23 April 2012 dan telah menjalankan pemeriksaan pada 7 hingga 16 Mei 2012. Laporan pemeriksaan telah disediakan pada 28 Mei 2012 dan pembayaran Belanja Mengurus ANGKASA berjumlah RM3,654,343.00 telah dibuat pada 11 Julai 2012.</p> <p>Jawatankuasa Petugas Khas akan membuat pemeriksaan setiap permohonan daripada ANGKASA sebelum pembayaran diluluskan mulai Julai 2012.</p>
8.4.5.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap prestasi koperasi selepas mendapat bantuan geran adalah tidak memuaskan. Pemantauan dilaksanakan dengan menggunakan borang prestasi yang sepatutnya dihantar kepada SKM setiap 6 bulan. Pegawai Penyelia SKM dikehendaki mengemukakan laporan pemantauan 2 kali setahun iaitu 6 bulan dan 12 bulan setelah bantuan diterima. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati hanya 232 daripada 678 atau 34 peratus koperasi yang menerima geran dari tahun 2009 hingga 2011 telah menghantar borang prestasi selepas 12 bulan menerima geran. Pada tahun 2011, hanya 7 atau 2 peratus koperasi yang menghantar borang prestasi berbanding 310 koperasi yang menerima geran. Ini menunjukkan penurunan yang ketara berbanding tahun 2010 sebanyak 27 peratus dan tahun 2009 sebanyak 31 peratus koperasi yang menghantar borang prestasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, SKM perlu melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dan laporan pemantauan yang komprehensif juga perlu disediakan supaya</p>	<p>Sistem pemantauan yang digunakan oleh SKM menetapkan bahawa pegawai penyelia SKM dikehendaki membuat laporan penggunaan wang dan prestasi bantuan selepas 6 bulan dan 12 bulan bantuan diterima oleh koperasi. Sehingga 30 Jun, 2012 jumlah laporan pemantauan bantuan yang telah diterima telah meningkat daripada 232 laporan kepada 406 laporan. Laporan pemantauan bantuan juga telah dimasukkan sebagai salah satu <i>Key Performance Index (KPI)</i> Pengarah SKM Negeri.</p> <p>Laporan keberkesanan (<i>outcome</i>) bantuan pembangunan telah disediakan oleh SKM dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan (setiap bulan) dan Mesyuarat Pengarah SKM Negeri setiap tiga (3) bulan sekali.</p> <p>Laporan ini juga telah dibentangkan kepada Unit Penyelaras</p>

	<p>kelemahan pemberian geran kepada koperasi dapat dikenal pasti dan tindakan penambahbaikan boleh dibuat dengan segera.</p> <p><i>SKM memaklumkan surat peringatan telah dihantar kepada Pengarah SKM Negeri dan Pegawai Penyelia Koperasi untuk mengemukakan laporan pemantauan bantuan.</i></p>	<p>dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri serta <i>Project Monitoring Unit (PMU)</i> di Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2011 dan 2012.</p>
--	--	--

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

Perenggan 9 : Pengurusan Taman

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.1.2.a	<p>Kehadiran Pengunjung</p> <p>Semua 10 taman di Putrajaya yang siap dibangunkan dari tahun 2003 hingga 2009 telah mula beroperasi dan dibuka kepada pengunjung. PPj menjalankan aktiviti promosi melalui media, laman web, risalah dan mengadakan Program Kenali Taman serta aktiviti perkhemahan. Bahagian Operasi Dan Pendidikan Taman bertanggungjawab terhadap aktiviti promosi taman melalui Unit Pemasaran Dan Pendidikan. Antara aktiviti promosi yang dijalankan oleh unit tersebut adalah pengiklanan di media massa dan penerbitan Buletin Taman serta pengedaran risalah. Selain itu, PPj juga menganjurkan aktiviti di taman seperti Putrajaya Agro Bazaar di Taman Warisan Pertanian, Program Karya Seni Alam di Taman Botani, Bengkel Kayak di Taman Wetland serta <i>Putrajaya Extreme Games</i> di Taman Cabaran. Semakan Audit mendapati PPj hanya menyelenggara data pengunjung bagi 4 taman iaitu Taman Botani, Taman Cabaran, Taman Wetland dan Taman Warisan Pertanian.</p>	<p>Pihak PPj telah mula merekod dan mengurus data pengunjung ke lain-lain taman mulai Januari 2012 sebagaimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Taman Putra Perdana dari Januari hingga Julai 2012 seramai 66,568 orang ii. Taman Rimba Alam dari Januari hingga Julai 2012 seramai 34,022 orang iii. Taman Wawasan dari Januari hingga Julai 2012 seramai 59,441 orang iv. Taman Saujana Hijau dari Januari hingga Julai 2012 seramai 16,437 orang v. Taman Pancarona dari Januari hingga Julai 2012 seramai 22,027 orang. <p>Penyusunan semula kakitangan yang terlibat dalam pengurusan taman secara pentadbiran akan dilaksanakan mulai 3 September 2012.</p>
9.4.1.3.c	<p>Semakan lanjut mendapati PPj tidak mempunyai perancangan aktiviti bagi 5 taman yang kurang dilawati iaitu Taman Putra Perdana, Taman Pancarona, Taman Wawasan, Taman Saujana Hijau dan Taman Rimba Alam. PPj hanya menjalankan aktiviti bagi 4 taman yang lain iaitu Taman Warisan Pertanian, Taman Wetland, Taman Botani dan Taman Cabaran. Analisis Audit terhadap aktiviti yang dijalankan mendapati Taman Warisan Pertanian paling kerap mengadakan aktiviti iaitu sebanyak 43 aktiviti diikuti oleh Taman Wetland sebanyak 42 aktiviti.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPj perlu mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran secara menyeluruh terhadap semua taman dan mempelbagaikan kaedah promosi seperti mengadakan aktiviti kepada penduduk Putrajaya, persatuan dan pelajar sekolah. Ini bagi memastikan perbelanjaan pembangunan taman yang berjumlah</p>	<p>Pihak PPj mengambil maklum dan bersetuju dengan rumusan dan syor audit supaya pihak Perbadanan menyediakan strategi promosi dan pemasaran secara menyeluruh melalui pelbagai saluran bagi menarik pengunjung tempatan dan luar negara ke taman-taman di Putrajaya.</p> <p>Pihak PPj telah mengatur strategi dan sedang melaksanakan beberapa program promosi dan pemasaran produk-produk taman sebagaimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghantar <i>product update</i> taman-taman melalui pos ke Pejabat Pelajaran dan sekolah-sekolah di Lembah Klang dan

<p>RM744.93 juta dapat dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan sosioekonomi dan rekreasi oleh penduduk, warga kerja dan pelancong.</p> <p><i>PPj memaklumkan pihaknya menghadapi kesukaran untuk merekod dan menyelenggara data pengunjung bagi taman lain kerana kekurangan perjawatan. Bagaimanapun, Jabatan Landskap Dan Taman telah menyediakan cadangan penyusunan semula perjawatan bagi memastikan operasi harian taman dapat dilaksanakan dengan lebih cekap termasuk menyelenggara data pengunjung. Cadangan ini akan dikemukakan kepada pihak pengurusan tertinggi PPj untuk pertimbangan.</i></p> <p><i>PPj turut mengadakan aktiviti di Taman Putra Perdana, Taman Wawasan, Taman Rimba Alam dan Taman Saujana Hijau secara integrasi dengan Taman Wetland dan Taman Warisan Pertanian seperti Kem Sahabat Alam, Walkathon, Kembara Taman, Treasure Hunt dan Orienteering. PPj mengambil maklum syor Audit dan akan mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran taman secara menyeluruh kepada pelbagai pihak termasuk komuniti, pelajar, pelancong, persatuan dan orang awam.</i></p>	<p>seluruh negara dalam bentuk <i>sales kit</i> yang mengandungi video, buletin taman, brosur taman dan selembaran harga perkhidmatan taman pada Disember 2011 hingga Januari 2012,</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Mengambil bahagian dalam pameran untuk mempromosi produk-produk taman Putrajaya sempena Pelancaran 1 Malaysian Chopper di PWTC pada 23 Mac 2012, iii. Mengedarkan brosur taman dan kad promosi taman di Hotel Marriot Putrajaya pada 22 Mei 2012, iv. Mengambil bahagian dalam promosi taman di pameran MITE 2012 di MAEP Serdang pada 31 Mei hingga 3 Jun 2012, v. Merancang untuk mengadakan lawatan bagi menjalin kerjasama dengan hotel-hotel di Putrajaya, Cyberjaya, Puchong, Bangi, Kajang, Salak Tinggi dan Sepang dalam mempromosikan produk-produk taman mulai bulan September hingga Disember 2012, vi. Mengedarkan poster FLORIA Putrajaya 2012 berserta <i>sales kit</i> taman-taman ke sekolah-sekolah, Pejabat pelajaran, IPTA, PTS, Taska di Lembah Klang dan Pusat Kokurikulum seluruh Malaysia pada 1 hingga 26 Jun 2012, vii. Mengedarkan brosur taman-taman Putrajaya kepada pelawat-pelawat FLORIA Putrajaya 2012 pada 30 Jun hingga 8 Julai 2012, viii. Menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran produk taman melalui <i>Familiarization Tour</i> melibatkan One Hotel Helang dan map tourism.my pada bulan April 2012, NKS Hotel dan PDS Training Camp pada bulan Mei 2012, Sarawak Convention Bureau, Pahang Homestay Association, Villagers Travel and Tour pada bulan Jun 2012 dan Service Source (M) Sdn Bhd pada bulan Julai 2012, ix. Mengadakan beberapa program <i>Familiarization Tour</i> taman-taman Putrajaya mulai bulan September hingga Disember 2012, x. Menyertai aktiviti pameran untuk mempromosi produk-produk taman Putrajaya di pameran MAHA 2012 di MAEP Serdang pada 23 November hingga 2 Disember 2012; dan xi. Menghantar <i>product update</i> taman-taman melalui pos ke
--	--

		<p>Pejabat Pelajaran dan sekolah-sekolah di Lambah Klang dan seluruh negara dalam bentuk <i>sales kit</i> mengandungi video, buletin taman, brosur taman dan selembaran harga perkhidmatan taman mulai 1 November hingga 31 Disember 2012.</p> <p>Program dan aktiviti mempromosi dan memasarkan produk-produk taman ini akan diteruskan secara berperingkat pada tahun 2013.</p>
9.4.2.1.b	<p>Pusat Pelawat Interpretif Tidak Beroperasi Sepenuhnya</p> <p>Lawatan Audit pada bulan November 2011 di Pusat Pelawat Interpretif mendapati 23 daripada 25 peralatan pameran interaktif yang bernilai RM3.96 juta tidak berfungsi. PPj telah menjalankan pemeriksaan terhadap peralatan pameran interaktif pada bulan Disember 2006 dan mendapati sebanyak 12 peralatan tidak berfungsi. Selain itu, sebanyak 11 peralatan yang lain mengalami kerosakan selepas diambil alih oleh PPj. Sehingga bulan November 2011, tiada pembaikan dibuat terhadap semua peralatan yang rosak.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerosakan peralatan pameran interaktif menyebabkan Pusat Pelawat Interpretif tidak dapat beroperasi sepenuhnya dan objektif penubuhan pusat tersebut tidak dicapai. Selain itu, perbelanjaan berjumlah RM3.96 juta tidak dapat dimanfaatkan sebagai tempat pembelajaran mengenai alam flora secara interaktif.</p> <p><i>PPj memaklumkan Jabatan Landskap Dan Taman telah bercadang untuk membaik pulih peralatan pameran interaktif pada tahun 2009. Bagaimanapun, kos pembaikan adalah terlalu tinggi dan teknologi mekanikal peralatan tersebut tidak lagi bersesuaian dengan teknologi semasa. PPj bercadang untuk menaik taraf pusat tersebut dan pelan konsep akan disediakan pada akhir tahun 2012 serta kerja menaik taraf akan dilaksanakan pada tahun 2013.</i></p>	<p>Pihak PPj telah mewujudkan satu pasukan kerja untuk menyediakan pelan konsep pameran interaktif menggunakan teknologi terkini. Kemajuan tindakan sehingga akhir Julai 2012 ialah pengumpulan maklumat asas bagi tujuan penyediaan pelan konsep. Pelan konsep tersebut dijadualkan siap pada akhir tahun 2012 dan akan mula dilaksanakan pada tahun 2013.</p>
9.4.3.2	<p>Semakan lanjut mendapati 5 daripada perjanjian tersebut menyatakan jentera dan peralatan adalah hak milik kontraktor manakala 2 perjanjian tidak dinyatakan hak milik setelah tamat tempoh perjanjian. Analisis Audit mendapati keseluruhan kos jentera dan peralatan yang dimasukkan dalam <i>Bill of Quantities</i> adalah berjumlah RM1.74 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, PPj perlu mengkaji semula semua perjanjian penyenggaraan yang mengambil kira kos jentera dan peralatan bagi memastikan PPj mendapat perkhidmatan penyenggaraan yang cekap dan menguntungkan. Pihak Audit berpendapat pemilihan kontraktor perlu dibuat dengan mengambil kira kontraktor yang mempunyai jentera dan peralatan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas penyenggaraan.</p> <p><i>PPj memaklumkan pihaknya telah menggunakan kaedah baru iaitu bekalan tenaga pekerja mengantikan kaedah pengiraan berdasarkan keluasan kawasan dan</i></p>	<p>PPj mengambil maklum rumusan dan syor audit supaya pihak PPj mengkaji semula kos perjanjian penyenggaraan taman yang termasuk kos jentera dan peralatan penyenggaraan serta mempertimbangkan pelantikan kontraktor penyenggaraan yang mempunyai jentera dan peralatan yang lengkap dan mencukupi.</p> <p>PPj telah meneliti dan menambah baik syarat-syarat khusus dalam dokumen tender penyenggaraan taman semasa. Aspek yang akan ditekankan ialah keupayaan teknikal (<i>technical capability</i>) kontraktor yang meliputi keupayaan menyedia dan membekal jentera dan peralatan selengkap dan secukupnya beserta operator sebagaimana yang dinyatakan dalam <i>Bills of Quantities</i>.</p>

	<p><i>bilangan pokok di samping penyediaan jentera dan peralatan bagi setiap jenis kerja yang memerlukan penggunaan jentera dan peralatan yang dikontrakkan. Kaedah ini telah mengurangkan kos penyenggaraan, penggunaan tenaga kerja yang optimum, dan meningkatkan kualiti kerja penyenggaraan. Selain itu, hak milik jentera dan peralatan bagi perjanjian penyenggaraan Taman Warisan Pertanian dan Taman Wetland telah dinyatakan dalam Bill of Quantities dengan penggunaan perkataan ‘menyediakan’ yang bermaksud jentera dan peralatan perlu disediakan oleh kontraktor. Ini termasuk membiayai kos pembelian, penyenggaraan, bahan api, operasi dan alat ganti dan PPj akan membayar kontraktor secara bulanan.</i></p>	<p>Dalam proses tawaran terbuka bagi kerja-kerja penyenggaraan taman-taman Putrajaya yang akan datang bermula September 2012, syarat-syarat khusus ini akan dijadikan sebagai sebahagian daripada dokumen tender.</p>
9.4.4.1.b	<p>Kehilangan Aset di Taman</p> <p>Semakan Audit mendapati berlaku 18 kes kehilangan aset daripada tahun 2009 hingga 2011 di Taman Putra Perdana, Taman Wetland, Taman Rimba Alam dan Taman Wawasan. Aset yang sering hilang adalah penebat petir, tong sampah, besi penutup longkang dan muncung air pancut. Semakan lanjut mendapati sebanyak 9 kes kehilangan telah dilaporkan kepada syarikat kawalan keselamatan manakala 9 kes kehilangan belum dilaporkan. Bagaimanapun, semua kes kehilangan ini masih belum diselesaikan sehingga tarikh pengauditan pada bulan November 2011.</p>	<p>PPj telah mengemukakan tuntutan gantirugi ke atas kehilangan aset-aset Perbadanan daripada syarikat pengawal keselamatan yang berkenaan. Bagi <i>item-item</i> yang gagal diganti oleh syarikat pengawal keselamatan yang berkenaan seperti tong sampah dan besi penutup longkang, tindakan undang-undang sedang diambil terhadap syarikat pengawal keselamatan berkenaan.</p> <p>Bagi mengelakkan insiden kecurian daripada berulang, pihak PPj seterusnya mengambil langkah untuk menggantikan tong-tong sampah yang hilang sejak Ogos 2012 dengan tong-tong sampah yang diperbuat daripada bahan-bahan yang tiada nilai untuk dijual semula.</p> <p>Pihak PPj sedang mengkaji secara keseluruhan dan akan melaksanakan kerja-kerja pembinaan pos pengawal di lokasi yang sesuai di beberapa buah taman secara berperingkat mulai pertengahan tahun 2013.</p>
9.4.4.1.c	<p>Lawatan Audit di Taman Wawasan pada 24 November 2011 mendapati 38 tong sampah tiada di tempat yang sepatutnya. Semakan lanjut mendapati tong sampah tersebut yang dianggarkan bernilai RM34,200 iaitu RM900 seunit telah dilaporkan hilang pada tahun 2007. PPj telah mengemukakan laporan kehilangan kepada syarikat kawalan keselamatan pada 27 November 2007 bagi memohon penggantian semula tong sampah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Pihak Audit mendapati Surat Setuju Terima bagi penggantian tong sampah hanya dikeluarkan pada 16 Disember 2009. Syarikat tersebut juga telah mengemukakan surat makluman kepada PPj pada 18 November 2010 mengenai tempahan dengan pembekal dan berjanji akan membuat penggantian pada akhir tahun 2010. Bagaimanapun, penggantian tong sampah tersebut masih belum dibuat dan PPj telah mengeluarkan surat peringatan pada 11 November 2010 dan 23 Februari 2011.</p>	

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Perenggan 10 : Pengurusan Biasiswa Tenaga Pengajar Muda

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.4.1.1.b	<p>Pensyarah Sementara Dilantik Tanpa Bukti Tamat Pengajian</p> <p>Semakan Audit mendapati 15 penerima biasiswa terdiri daripada seorang peringkat PhD dan 14 peringkat sarjana yang telah dilantik sebagai pensyarah sementara pada tahun 2003 hingga 2009 berdasarkan Borang Melapor Diri Bagi Pemegang Biasiswa TPM. Mengikut borang tersebut 15 penerima biasiswa itu menyatakan telah menamatkan pengajian tetapi masih belum menerima keputusan rasmi daripada Universiti berkaitan. Pelantikan ini adalah bertentangan dengan prosedur pelantikan pensyarah sementara kerana tidak mengemukakan bukti tamat pengajian.</p>	<p>Penambahbaikan ke atas memorandum baru biasiswa dengan memasukkan klausula tambahan iaitu:</p> <p>Pegawai hendaklah mengemukakan surat Senat /surat Pengesahan Universiti tempat pengajian semasa atau selepas melapor diri sebagai bukti tamat pengajian.</p>
10.4.1.1.c	<p>Ini disebabkan Borang Melapor Diri Bagi Pemegang Biasiswa TPM tidak menghendaki sesalinan skrol, transkrip atau pengesahan Universiti tempat pengajian dikemukakan bersama sebagai bukti tamat pengajian. Oleh itu semua 15 pensyarah sementara ini telah berkhidmat selama 2 hingga 8 tahun tetapi tidak dapat diserap ke jawatan tetap.</p> <p>Pada pendapat Audit, UiTM hendaklah mengambil tindakan proaktif dengan menghubungi Universiti berkaitan bagi memastikan 15 pensyarah sementara tersebut telah tamat pengajian dengan jayanya. Selain itu, UiTM perlu memastikan semua penerima biasiswa TPM mengemukakan bukti tamat pengajian dengan jayanya semasa melaporkan diri.</p> <p><i>UiTM memaklumkan pemegang biasiswa bertanggungjawab memberitahu UiTM jika ada perubahan status Ijazah seperti mana perkara 10 (d) dalam Memorandum Syarat-Syarat Tawaran Biasiswa. Selain itu, Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) pada 27.02.2012 telah membuat keputusan pemegang biasiswa TPM yang melaporkan diri selepas tamat tempoh pengajian tanpa mengemukakan salinan surat Senat bagi pengesahan tamat pengajian tidak akan dilantik ke jawatan pensyarah.</i></p>	

10.4.4.1.b	<p>Prosedur Kerja Pengurusan Biasiswa TPM</p> <p>Semakan Audit mendapati JPSM dan JPbSM tidak mempunyai prosedur kerja yang lengkap untuk pengurusan biasiswa TPM. Ini menyebabkan pengurusan biasiswa TPM tidak dapat diurus dengan teratur. Selain itu, Pejabat PUU tidak mempunyai prosedur kerja terperinci berkenaan tempoh masa dan kekerapan bagi pengeluaran notis serta surat peringatan.</p>	<p>UiTM telah memberi maklumbalas pada 25 Jun 2012 berdasarkan surat daripada Jabatan Audit Negara bertarikh 14 Jun 2012: Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2011 seperti berikut:-</p> <p>Pihak UiTM memohon para 10.4.4.1 -"JPSM dan JPbSM tidak mempunyai prosedur kerja yang lengkap dengan pengurusan biasiswa TPM. Ini menyebabkan pengurusan biasiswa TPM tidak dapat diurus dengan teratur" digugurkan kerana JPSM tidak terlibat dengan pengurusan biasiswa TPM, hanya melibatkan urusan pelantikan TPM sebagai Pensyarah. JPbSM pula, mempunyai prosedur kerja yang lengkap dan terperinci melibatkan pengurusan biasiswa seperti mana yang telah dilampirkan selepas mesyuarat <i>exit conference</i> pada 27 April 2012.</p> <p>PUU dalam proses merangka prosedur kerja yang lengkap melibatkan urusan mengambil tindakan undang-undang ke atas tindakan pecah kontrak.</p>
10.4.4.1.c	<p>Semakan lanjut terhadap 48 fail pemegang biasiswa TPM yang pecah kontrak di Pejabat PUU mendapati ia tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Proses kerja yang tidak lengkap menyebabkan tindakan undang-undang dan susulan sukar diambil. Butirannya adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lima fail tiada dokumen asal perjanjian dan surat tawaran. • Tiga puluh fail tiada dokumen asal perjanjian. • Kesemua 48 fail tiada kertas minit dan senarai semak kandungan. <p>Pada pendapat Audit, UiTM perlu menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang terperinci bagi pengurusan biasiswa TPM. Selain itu, Pejabat PUU perlu menambah baik proses kerja yang sedia ada dan menyediakan senarai semak dokumen terhadap fail individu yang pecah kontrak untuk memudahkan tindakan undang-undang.</p> <p><i>UiTM memaklumkan proses mendokumentkan proses kerja di unit yang berkaitan akan dilaksanakan meliputi skop aliran kerja, prosedur kerja, tugas dan tanggungjawab serta penguatkuasaan dan pemantauan. UiTM juga memaklumkan dasar Pejabat PUU tidak memerlukan penyimpanan dokumen asal.</i></p>	<p>Bagi proses tindakan undang-undang, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia hanya mengemukakan salinan dokumen berkaitan untuk tindakan pihak PUU.</p>

10.4.4.3.b	<p>Tiada Tindakan Tuntutan Pecah Kontrak</p> <p>Semakan Audit mendapati seorang pemegang biasiswa TPM yang gagal dalam pengajian telah dilantik sebagai pensyarah sementara pada bulan Jun 2003. Pada bulan April 2004, mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) telah memutuskan pemegang biasiswa ini perlu membayar ganti rugi pecah kontrak berjumlah RM50, 000 kerana telah melanggar syarat perjanjian iaitu gagal menyempurnakan pengajian.</p>	<p>Notis tuntutan gantirugi pecah kontrak biasiswa telah dikeluarkan oleh peguam panel iaitu Tetuan Salbiyah Fazilah & Partners pada 29 Mei 2012. Sekiranya tiada maklumbalas pihak PUU akan mengarahkan peguam panel meneruskan tindakan saman ke atas penama.</p>
10.4.4.3.c	<p>Semakan lanjut mendapati, pada bulan November 2004 Pejabat PUU telah mengeluarkan notis tuntutan ganti rugi kepada pensyarah berkenaan, namun tiada tindakan tuntutan ganti rugi diambil oleh UiTM seperti pemotongan gaji. Pensyarah sementara tersebut telah meletakkan jawatan pada bulan Februari 2007 tanpa membuat sebarang pembayaran ganti rugi kepada UiTM. Ini menyebabkan UiTM perlu menanggung perbelanjaan tambahan bagi proses tuntutan di Mahkamah.</p> <p>Pada pendapat Audit, tuntutan ganti rugi terhadap pemegang biasiswa TPM yang pecah kontrak perlu diambil dengan segera.</p> <p><i>UiTM memaklumkan keputusan tuntutan bayaran ganti rugi penama telah dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) bertarikh 13 April 2004. Penama hanya didapati pecah kontrak selepas beliau meletakkan jawatan pada tahun 2007 dan tidak memenuhi syarat kontrak 7 tahun perkhidmatan. Potongan gaji tidak boleh dibuat melainkan dengan persetujuan staf memandangkan dalam perjanjian tidak wujud klausa berkenaan perkara ini. Bagaimanapun pada bulan April 2012, Pejabat PUU telah mengarahkan panel peguam untuk memulakan tindakan mahkama.</i></p>	
10.4.6.b	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati UiTM tidak mewujudkan kaedah pemantauan yang berkesan dan bersistematis. Antara kelemahan pemantauan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada mekanisme bagi pemantauan pematuhan ikatan perkhidmatan selama 7 tahun dengan UiTM. • Lewat mengambil tindakan ke atas penerima biasiswa TPM yang pecah kontrak termasuk pembayaran ganti rugi. • Tiada mekanisme bagi pemantauan pensyarah sementara yang masih belum menamatkan pengajian. • Tiada koordinasi antara unit dan bahagian yang terlibat dalam pengurusan biasiswa TPM. • Tiada senarai jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat JPbSM, fakulti dan JPSM serta jawatankuasa yang diwujudkan tidak dipantau prestasinya. • Tiada daftar induk yang lengkap mengenai pemegang biasiswa TPM yang mengandungi butiran antaranya nama penerima, tarikh menerima, jumlah diterima, peringkat pengajian, tarikh lapor diri, tarikh perlanggaran perjanjian 	<p>Sistem Maklumat bagi pemegang biasiswa Tenaga Pengajar Muda sedang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan Pejabat Teknologi Maklumat, UiTM.</p> <p>UiTM telah dalam usaha membangunkan dan mengintegrasikan sistem sedia ada di Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari dan Pejabat Pensihat Undang-Undang.</p>

	<p>(jika ada), dan status pengajian.</p> <p>Pada pendapat Audit, JPbSM perlu memastikan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan terhadap program biasiswa TPM disediakan supaya program ini dapat mencapai objektif yang ditetapkan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas, UiTM dalam proses penambahbaikan terhadap sistem pengurusan maklumat pemegang biasiswa TPM berikutan proses ini melibatkan pelbagai PTJ, unit dan bahagian serta ketiadaan integrasi antara sistem. Bagi meningkatkan prestasi pemantauan terhadap pengurusan biasiswa TPM, Bahagian Biasiswa telah membuat penyusunan semula yang berkuat kuasa pada bulan November 2011.</i></p>	
--	--	--

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Perenggan 11 : Pengurusan Sistem Kewangan Pelajar UiTM

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.1.b	<p>Pelan Strategik Teknologi Maklumat</p> <p>Semakan Audit pada bulan Jun 2011 mendapati Pelan Strategik Teknologi Maklumat UiTM secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 belum disediakan tetapi Pelan Perancangan ICT Bahagian FAIS bagi tahun 2006 hingga 2010 ada disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pelan Strategik Teknologi Maklumat hendaklah disediakan mengikut kehendak <i>Standards, Policies and Guidelines – Malaysian Public Sector ICT Strategic Plan Guide</i> yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Sehubungan itu, pelan tersebut hendaklah disediakan dengan lebih awal supaya strategi dan perancangan ICT di UiTM dapat berjalan lancar.</p> <p><i>UiTM memaklumkan akan mempunyai satu dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat UiTM bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 dan pelan tersebut dijangka siap sepenuhnya pada bulan September 2012.</i></p>	<p>Memandangkan kepada skop ISP yang besar iaitu merangkumi seluruh cawangan, maka penyediaan draf ISP ini telah menghadapi sedikit kelewatan di mana ia dijangka hanya dapat disiapkan pada September 2012. Walau bagaimanapun, pasukan kerja ISP sedang di peringkat akhir penulisan draf.</p>
11.4.2.b	<p>Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat</p> <p>Semakan Audit mendapati pihak UiTM telah menyediakan 2 garis panduan ICT iaitu Garis Panduan Penggunaan ICT bagi Pentadbir Sistem/Pegawai ICT dan Garis Panduan Penggunaan ICT bagi Pengguna Sistem yang lengkap dan terperinci. Bagaimanapun, Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat UiTM masih belum disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak UiTM hendaklah menyediakan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000. Dasar ini perlu dinyatakan dengan jelas mengenai prinsip, objektif dan skop dasar keselamatan ICT di UiTM.</p> <p><i>UiTM memaklumkan sedang dalam proses pemurnian Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat berdasarkan maklum balas MAMPU dan seterusnya mendapatkan</i></p>	<p>Pembentangan kepada Jawatankuasa Eksekutif masih belum dilaksanakan kerana Dasar ICT masih perlu dikemaskini terlebih dahulu (peringkat pemurnian).</p>

	<i>kelulusan Jawatankuasa Eksekutif UiTM.</i>	
11.4.3.b	Dokumentasi Spesifikasi Sistem Semakan Audit mendapati dokumen spesifikasi bagi Sistem Kewangan Pelajar adalah tidak lengkap dan tidak kemas kini. Dokumen spesifikasi bagi Sistem Kewangan Pelajar hanya dikemas kini sehingga tahun 2004. Prosedur Operasi Standard (SOP) tidak disediakan kerana tidak ada dokumen Kawalan Perubahan Sistem untuk setiap penambahbaikan terhadap sistem. Penambahbaikan hanya dilaksanakan secara berperingkat dan tidak formal serta tidak ada jawatankuasa bagi memantau perubahan terhadap sistem. <i>UiTM memaklumkan Pejabat Teknologi Maklumat sedang dalam proses mengemas kini dokumen spesifikasi bagi kesemua sistem termasuk Sistem FAIS yang merangkumi Sistem Kewangan Pelajar.</i>	Masih dalam tindakan.
11.4.4.2.a	Analisis tersebut menunjukkan peningkatan ketara dalam bil pelajar tertunggak sejumlah RM703,112 kepada RM716,633 dalam tahun 2010 berbanding RM13,520 pada tahun 2008. Bilangan bil tertunggak juga meningkat sebanyak 707 bagi tempoh yang sama. Bil pelajar juga dikeluarkan kepada pelajar yang berstatus tidak aktif. Ini disebabkan status pelajar dalam <i>Student Information Management System</i> (SIMS) tidak diselaraskan secara automatik dengan Sistem Kewangan Pelajar.	Pada sesi Jun-Nov 2012, seramai 1,381 pelajar telah diberi status GT (Gugurtaraf). Jumlah tunggakan bil pelajar berstatus GT (Gugurtaraf): RM309,204.50. Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar telah menghantar kertas kerja untuk pertimbangan dan kelulusan JKP -Tajuk: Cadangan Menghapuskan Bil Pelajar yang Memohon Berhenti atau Diberhentikan. Sejumlah 15,019 status pelajar telah disemak dan telah siap dikemaskini. Ini penting dalam memastikan bil pelajar yang berstatus TM (Tamat) tidak akan dijana lagi.
11.4.4.2.b	Status penangguhan bayaran bil yang diberikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi mengelakkan mereka daripada digugur taraf juga diambil kira.	Seramai 535 pelajar telah diberi penangguhan bayaran yuran (bagi sesi akademik Jun-November 2012) – Mengikut kelulusan JKP 171.
11.4.4.2.c	Kelewatan bayaran bil bagi pelajar tajaan terutama pelajar antarabangsa disebabkan keadaan pergolakan politik yang menyukarkan penghantaran bayaran.	Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan dengan pihak penaja.
11.4.4.2.d	Kelewatan bayaran oleh pihak penaja disebabkan dokumen perjanjian pelajar tidak lengkap dan tempoh tajaan serta surat tawaran tajaan pelajar tidak dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar.	Tujuan perbincangan : Memberi cadangan kepada pihak penaja untuk membuat bayaran yuran pelajar tajaan terus kepada pelajar.
11.4.4.2.e	Pelajar yang masih belum menjelaskan bil yuran pengajian pada tahun sebelumnya tidak ditukar kepada status gugur taraf dan bil yuran masih dijana pada tahun berikutnya.	Status pelajar yang berstatus -1 (tidak aktif) pada sistem SIMS telah diselaraskan dalam sistem kewangan pelajar. JKP 171 telah meluluskan pelajar boleh memohon penangguhan bayaran yuran bagi mengelakkan dari digugurtaraf melalui kelulusan atau sokongan pegawai khas UiTM yang telah dilantik. Pihak JKP juga meluluskan untuk memberikan penangguhan bayaran yuran kepada pelajar tajaan (JKP 175).

11.4.4.3.a	<p>Semakan terhadap nombor pelajar 2005494310 menunjukkan beliau adalah seorang kakitangan UiTM yang layak mendapat potongan kadar yuran 50 peratus daripada yuran asal. Kesemua bil seperti di atas telah dibatalkan dan digantikan dengan bil baru berjumlah RM1,730 yang kini telah dijelaskan sepenuhnya.</p>	<p>JKP 171 telah meluluskan pelajar boleh memohon penangguhan bayaran yuran bagi mengelakkan dari digugur taraf melalui kelulusan atau sokongan pegawai khas UiTM yang telah dilantik. Pihak JKP juga meluluskan untuk memberikan penangguhan bayaran yuran kepada pelajar tajaan (JKP 175).</p> <p>Bil pelajar telah diselaraskan dan tunggakan bil juga telah diselesaikan oleh pelajar.</p>
11.4.4.3.b	<p>Data bil bagi nombor pelajar 2007239338 telah dikemas kini setelah semakan secara manual mendapati bayaran bil telah dijelaskan oleh pihak penaja.</p>	<p>Pihak penaja telah buat bayaran bagi bil tertungggak tersebut.</p>
11.4.4.3.c	<p>Bil bagi nombor pelajar 2007296586 juga telah dikemas kini secara manual di mana 4 bil telah dibatalkan kerana pelajar tersebut digantung semester manakala satu bil telah dibayar.</p>	<p>Bil pelajar telah diselaraskan.</p>
11.4.4.5	<p>Maklumat bil yang tidak selari ini disebabkan oleh sistem di laman web dan Sistem Kewangan Pelajar dipantau oleh bahagian yang berbeza iaitu Bahagian Kewangan Pelajar dan Bahagian FAIS. Penyesuaian maklumat secara automatik tidak dilaksanakan dan tidak dipantau oleh bahagian yang bertanggungjawab.</p> <p>Pada pendapat Audit, UiTM hendaklah menambah baik Sistem Kewangan Pelajar supaya penjanaan bil pelajar adalah tepat. Maklumat bil yang tidak selari antara data Sistem Kewangan Pelajar dan laman web Bendahari UiTM hendaklah diperbetulkan supaya tidak menjelaskan integriti data.</p> <p><i>UiTM memaklumkan bil dijana lebih daripada sekali disebabkan semakan Bahagian Kewangan Pelajar mendapati lejar pelajar berkenaan tidak mempunyai bilangan bil yang mencukupi untuk menggambarkan jumlah semester pelajar berada di UiTM. UiTM juga telah berhubung dengan pihak penaja bagi mendapat maklumat data pelajar yang masih ditaja untuk mengemas kini daftar tajaan dan tuntutan.</i></p>	<p>Tindakan telah diambil oleh pihak FAIS, Infotech.</p>
11.4.5.4.a	<p>Pusat Data Perindu</p> <p>Semakan Audit menunjukkan pusat data ini terletak di dalam kawasan asrama yang pada asalnya merupakan dewan makan dan telah diubahsuai. Sebahagiannya digunakan sebagai dewan serba guna kolej dan sebahagian lagi sebagai pusat data di mana dinding pusat data tersebut dikongsi bersama. Selain itu, penempatan pusat data tersebut yang berada dalam kawasan asrama tidak menepati kriteria keselamatan kerana ia terletak di kawasan laluan orang awam yang boleh menjelaskan keselamatannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pusat data hendaklah ditempatkan di kawasan yang sesuai mengikut amalan keselamatan fizikal seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009.</p> <p><i>UiTM memaklumkan lokasi penempatan Pusat Data Perindu diagihkan menerusi</i></p>	<p>Masih dalam tindakan.</p> <p>Kerja-kerja pemasangan kunci biometrik pada pintu kecemasan di Pusat Data telah dilaksanakan oleh Wira Teknik Resources. Pihak syarikat telah melaksanakan ujilari pada 9 Julai 2012.</p> <p>Kerja-kerja menggantikan pintu yang telah rosak dan pemasangan pintu baru telah dibuat pada 16 hingga 17 Jun 2012. Bingkai pintu yang retak telah siap dibaiki pada 17 Jun 2012.</p>

	<p>Jawatankuasa Pengurusan Ruang dan pemilihan lokasi dalam asrama disebabkan kekangan ruang dalam universiti bagi membina sebuah bangunan khas untuk menempatkan pusat data. Sehubungan itu, pihak Pejabat Teknologi Maklumat bercadang memohon tambahan ruang kepada pihak pengurusan dan melaksanakan pengubahsuaian bagi memisahkan antara asrama dan pusat data tersebut.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati kelemahan kawalan fizikal di mana pintu kecemasan pusat data yang terletak di bahagian belakang tidak mempunyai kunci keselamatan biometrik. Keselamatan pintu tersebut hanya dikuatkan dengan menambah selak pada pintu dan ini mendedahkan pusat data kepada risiko pencerobohan.</p> <p><i>UiTM memaklumkan bingkai pintu yang retak telah diganti dan tambahan kunci biometrik bagi pintu kecemasan bahagian belakang telah dipasang pada 3 Julai 2012.</i></p>	
11.4.5.4.b. i	<p>Pusat Data Sistem FAIS</p> <p>Pada bulan Disember 2011, UiTM telah menaik taraf pusat data dan bilik <i>server</i> rangkaian dalam Fasa 1. Bagaimanapun, pemerhatian Audit mendapati beberapa perkara yang masih perlu diberi perhatian. Antaranya adalah seperti berikut:</p> <p>Kunci biometrik yang menggunakan cap jari serta nombor ID di pintu masuk pusat data tidak berfungsi sejak bulan Mac 2011 walaupun kerosakan tersebut telah dilaporkan beberapa kali. Di samping itu, didapati kunci biometrik tidak disediakan bagi pintu masuk ke bilik <i>server</i> rangkaian. Pegawai bertanggungjawab hanya menggunakan kunci biasa untuk membuka kedua-dua pintu. Selain itu, pintu-pintu yang digunakan bukan daripada jenis kalis api.</p>	<p>Kertas kerja masih belum dihantar ke Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) kerana terdapat beberapa perubahan yang perlu dilakukan ke atas spesifikasi agar ianya selari dengan teknologi terkini.</p> <p>Dokumen ini akan dimajukan ke PPF selewat-lewatnya 30 Ogos 2012.</p>
11.4.5.4.b. ii	Pusat data juga tidak dilengkapi dengan kamera litar tertutup untuk memantau keadaan di dalam pusat data.	
11.4.5.4.b.iii	Kerosakan pada siling masih tidak dibaiki walaupun pusat data telah dinaik taraf. Akibatnya, ruang udara pusat data telah dicemari dengan habuk seperti yang ditunjukkan oleh panel kawalan <i>Very Early Warning Smoke Detection Apparatus</i> (VESDA). Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan projek membaik pulih siling tersebut akan dilaksanakan pada fasa akan datang.	
11.4.5.4.b.iv	Peralatan mengesan asap iaitu VESDA dan peralatan mengesan kebocoran air iaitu <i>Liqui-tect Monitoring System</i> telah dipasang di dalam pusat data dan bilik <i>server</i> rangkaian. Pemantauan terhadap perubahan suhu, keadaan ruang udara ataupun kebocoran air di pusat data dan bilik server rangkaian perlu dijalankan secara fizikal. Bagaimanapun, pemantauan sepatutnya dilaksanakan secara <i>remote</i> di mana panel kawalan dihubungkan kepada sistem pemantauan secara <i>online</i> . Pemantauan ini boleh mengesan setiap perubahan dalam bilik dan memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab melalui sistem pesanan ringkas (sms), e-mel secara automatik dan melalui laman <i>web</i> .	

	<p>Pada pendapat Audit, penambahbaikan dan penyenggaraan secara menyeluruh hendaklah dibuat seperti memasang pintu yang kalis api, menukar siling yang bocor dan melengkapkan proses pemantauan secara <i>online</i>. Lokasi pusat data juga hendaklah dikaji semula bagi memastikan ia ditempatkan di bangunan yang lebih sesuai. Projek menaiktaraf Pusat Data FAIS perlu diberi perhatian yang serius dan disegerakan kerana Sistem FAIS merupakan sistem yang kritikal kepada Pejabat Bendahari. Infrastruktur pusat data seharusnya dilengkapi dengan tahap keselamatan yang optimum bagi mengurangkan risiko kegagalan sistem yang boleh menjelaskan operasi kewangan UiTM.</p> <p><i>UiTM memaklumkan penambahbaikan Pusat Data FAIS seterusnya akan mengambil kira teguran pihak Audit.</i></p>	
11.4.5.4.c	<p>Pusat Pemulihan Bencana</p> <p>Pusat pemulihan bencana ini menempatkan <i>server</i> yang berfungsi secara <i>mirroring</i> bagi semua sistem termasuk Sistem FAIS. Lawatan Audit mendapati kamera litar tertutup tidak lagi berfungsi dan tiada pemantauan dibuat bagi pusat pemulihan data.</p> <p><i>UiTM memaklumkan kamera litar tertutup yang rosak akan diganti dan sedang dalam proses perolehan.</i></p>	Telah diganti dan diujilari pada 1 Ogos 2012.
11.4.6.2	<p>Kawalan Capaian Logikal</p> <p>Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan pada bulan Disember 2007 oleh pihak MAMPU telah menyatakan saiz minimum kata laluan sepatutnya 12 aksara dalam bentuk alpha-numerik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Polisi Pengguna FAIS tidak menyatakan had minimum ID pengguna dan saiz kata laluan pula ditetapkan minimum 6 aksara manakala Garis Panduan Penggunaan ICT (Pengguna Sistem) UiTM pula menetapkan had minimum kata laluan sebagai 8 aksara serta perlu mempunyai kombinasi alpha-numerik. Polisi Pengguna FAIS dan Garis Panduan tersebut bukan sahaja tidak menepati Arahan Teknologi Maklumat tetapi juga bercanggah antara satu sama lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak UiTM hendaklah menyelaraskan kedua-dua polisi dan garis panduan agar mematuhi Arahan Teknologi Maklumat.</p> <p><i>UiTM memaklumkan perkara ini akan diambil kira dalam pemurnian Dasar Keselamatan ICT UiTM.</i></p>	Perkara ini telah diambil kira dalam pemurnian dasar seperti yang dinyatakan dalam maklum balas sebelum ini.
11.4.7.2	<p>Kawalan Pelan Pemulihan Bencana</p> <p>Semakan Audit mendapati UiTM telah menyediakan Pelan Pemulihan Bencana untuk keseluruhan aplikasi dan sistem dan Pelan Pemulihan Bencana Sistem Kewangan. Bagaimanapun, Pelan Pemulihan Bencana untuk keseluruhan sistem tidak memenuhi kehendak <i>Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Techonology Security Handbook (MyMIS)</i>.</p>	Masih dalam tindakan.

	<p>Pada pendapat Audit, UiTM perlu mempunyai satu Pelan Pemulihan Bencana dan Pusat Pemulihan Bencana yang lengkap bagi menjamin sistem operasi serta aplikasi yang kritikal dapat dipulihkan dalam jangka masa yang paling singkat.</p> <p><i>UiTM memaklumkan Pelan Pemulihan Bencana tersebut akan disemak semula bagi memenuhi keperluan yang dinyatakan di dalam Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Techonology Security Handbook (MyMIS).</i></p>	
11.4.8.2	<p>Penilaian Sistem</p> <p>Semakan Audit mendapati pihak UiTM ada menyediakan Borang Pelaksanaan Projek dan dikemukakan kepada MAMPU. Bagaimanapun, laporan lengkap penilaian terhadap Sistem FAIS tidak dapat dikemukakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak UiTM hendaklah menyimpan rekod laporan-laporan penilaian ke atas sistem yang telah dilaksanakan. Dengan cara ini, pemantauan terhadap tahap pencapaian sistem dapat dilaksanakan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan di masa hadapan dapat ditentukan.</p> <p><i>UiTM memaklumkan penggunaan borang Post Implementation Review akan dikuatkuasakan bagi projek-projek yang bermula atau disiapkan pada tahun 2012.</i></p>	<p><i>Post Implementation Review</i> telah mula dilaksanakan bagi semua projek yang bermula atau disiapkan pada tahun 2012.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (LPSVN)

Perenggan 12 : Pengurusan Koleksi Himpunan Tetap

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.1.c.i	<p>Lakaran Pen Di Atas Kanvas Tidak Siap Dan Tidak Diserahkan</p> <p>Pelukis tersebut hanya menyiapkan lakaran sepanjang 800 meter sahaja menyebabkan objektif program ini tidak tercapai. Semakan lanjut mendapati perjanjian penajaan pelukis tidak menyatakan denda yang patut dikenakan sekiranya berlaku kelewatan menyiapkan lakaran tersebut.</p>	Perkara ini telah selesai.
12.4.1.c.ii	<p>Pada bulan Oktober 2009, Lembaga Amanah LPSVN telah memutuskan kontrak tidak dilanjutkan dan lakaran menjadi milik LPSVN serta dipersetujui oleh pelukis. KeKKWA telah melunaskan bayaran bagi perjalanan serta dokumentari berjumlah RM140,000 dan LPSVN membayar honorarium sejumlah RM16,000. Bagaimanapun, setakat bulan Mei 2012 pelukis gagal menyerahkan lakaran tersebut kepada LPSVN untuk disimpan sebagai koleksi.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu mendapatkan kerjasama daripada KPKK untuk membuat susulan dengan pelukis terbabit supaya menyerahkan hasil lakaran kepada LPSVN seperti yang telah dipersetujui. Selain itu, klausu denda perlu dimasukkan dalam perjanjian untuk program masa hadapan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan akan memasukkan klausu denda bagi perjanjian baru pada masa akan datang. Selain itu, LPSVN telah mengarahkan pelukis menyerahkan lakaran sepanjang 800 meter pada 28 Jun 2012.</i></p>	
12.4.2.1.a	<p>Keselamatan Koleksi – Kebocoran Bumbung Bangunan</p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati bumbung bangunan LPSVN telah mengalami kerosakan dan berkarat sejak tahun 2006. Bumbung yang berkarat ini menjelaskan imej LPSVN, membahayakan keselamatan pengunjung dan kakitangan serta Koleksi Himpunan Tetap. LPSVN telah membuat pembaikan pertama tahun 2006 dengan kos berjumlah RM4.50 juta dan pembaikan kedua pada tahun 2008 dengan kos berjumlah RM0.75 juta. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Oktober 2011 mendapati bumbung tersebut masih lagi mengalami kebocoran dan berkarat</p>	Kemajuan kerja-kerja pembaikan kebocoran bumbung bangunan sehingga 30 Ogos 2012 adalah sebanyak 96%.

	<p>manakala lawatan Audit pada bulan Februari 2012 mendapati kerja-kerja membaik pulih bumbung dengan kos berjumlah RM2.70 juta sedang dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu membuat perancangan pembaikan bumbung dengan teliti serta menggunakan bahan yang berkualiti. Ini dapat mengelakkan kerosakan kerap berlaku dan mengurangkan kos pembaikan dalam jangka masa panjang.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan kos RM7.95 juta adalah termasuk kerja-kerja menaik taraf bangunan LPSVN seperti re-sealant bumbung yang bocor dan pembinaan bumbung tambahan di ruang teres terbuka LPSVN yang dijadikan Kota Galeri. LPSVN mengambil maklum berkenaan kebocoran bumbung dan pemantauan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan karya. Sehingga bulan Julai 2012, kemajuan kerja terhadap pembaikan bumbung adalah sebanyak 81 peratus.</i></p>	
12.4.2.2.a	<p>Kawalan Kebakaran – Penggunaan Alat Semburan Air Galeri Pameran</p> <p>Semakan Audit mendapati LPSVN menggunakan kaedah semburan air sebagai alat pencegah kebakaran untuk keseluruhan bangunan termasuk di Galeri Pameran kecuali di bilik Repozitori yang menggunakan kaedah semburan jenis kering. Kaedah semburan jenis kering tidak digunakan di Galeri Pameran kerana ia melibatkan kos pemasangan yang tinggi. Kesan daripada kaedah semburan air di Galeri Pameran boleh mengakibatkan kerosakan terhadap koleksi jika berlaku kebakaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu mengkaji semula kesesuaian penggunaan semburan jenis air di Galeri Pameran supaya keselamatan koleksi lebih terjamin apabila berlaku kebakaran. Selain itu, LPSVN hendaklah mematuhi peraturan mengenai alat pemadam api seperti yang diguna pakai oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.</p>	<p>LPSVN dan KPKK akan memohon peruntukan khas dari Kementerian Kewangan untuk membiayai perolehan ini memandangkan kos yang tinggi. Dalam masa yang sama usaha-usaha untuk menambah baik dilaksanakan secara berperingkat dengan menggunakan peruntukan ABM.</p>
12.4.2.2.b.ii	<p>Laluan Kecemasan Terhalang</p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati pintu dan laluan kecemasan telah dihalang oleh sampah sarap dan sisa buangan pameran menyebabkan kesukaran untuk melalui laluan tersebut. Sekiranya berlaku kebakaran, kakitangan sukar untuk menyelamatkan koleksi di Galeri Pameran. Selain itu, latihan kebakaran juga tidak pernah dijalankan sepanjang tempoh penubuhan LPSVN.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN hendaklah mematuhi pelan pencegahan kebakaran Jabatan Bomba Dan Penyelamat sepenuhnya bagi menjamin keselamatan koleksi yang dipamerkan, kakitangan dan pengunjung. Selain itu, LPSVN hendaklah memberikan latihan kebakaran kepada kakitangan dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat.</p> <p><i>Pihak LPSVN memaklumkan akan bekerjasama dengan Jabatan Bomba Dan</i></p>	<p>LPSVN akan memastikan semua laluan kecemasan tidak terhalang dan mana-mana pegawai yang menyebabkan laluan kecemasan terhalang lagi akan diambil tindakan tatatertib. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak dibenarkan sama sekali untuk menggunakan tempat laluan sebagai tempat menyimpan barang-barang.</p>

	<p>Penyelamat untuk membuat pemeriksaan terhadap ciri keselamatan yang perlu dipatuhi. LPSVN juga telah mengambil tindakan membersihkan laluan kecemasan yang berkenaan.</p>	
12.4.2.3.a.i	<p>Kamera Litar Tertutup - Sudut Pengawasan Kamera Litar Tertutup Terhalang</p> <p>Semakan Audit pada 27 Oktober 2011, mendapati kamera litar tertutup yang dipasang di Galeri Pameran 1A semasa Pameran Konseptual tidak memfokuskan ke arah laluan pintu utama Galeri Pameran. Selain itu, sudut pengawasan kamera litar tertutup semasa Pameran Raja'ah di Galeri Pameran 3A dihalang oleh dinding panel menyebabkan kamera tidak dapat memaparkan visual secara menyeluruh. Semakan lanjut mendapati LPSVN tidak mempunyai garis panduan pemasangan dinding panel pameran. Ini menyebabkan kerja pemasangan panel tidak menitik beratkan keperluan keselamatan.</p>	<p>LPSVN akan sentiasa memastikan kamera litar tertutup tidak terhalang oleh mana-mana objek. Syarikat yang menyelenggara sistem litar tertutup ini dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan.</p>
12.4.2.3.a.ii	<p>Kamera Litar Tertutup Di Repozitori Tidak Mempunyai Ciri <i>Night Vision</i></p> <p>Semakan Audit mendapati monitor kamera litar tertutup di Bahagian Kawalan Keselamatan tidak memaparkan sebarang visual sewaktu lampu bilik Repozitori dipadamkan kerana kamera ini tidak mempunyai ciri <i>night vision</i>. Ini menjelaskan keselamatan koleksi sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan karya.</p> <p>Pada pendapat Audit, sistem kamera litar tertutup hendaklah disenggarakan secara berkala supaya ia berfungsi dengan baik pada setiap masa. Selain itu, LPSVN perlu menyediakan garis panduan pemasangan dinding panel di Galeri Pameran bagi memastikan liputan kamera litar tertutup tidak terhalang. LPSVN juga perlu mengambil kira penggunaan kamera litar tertutup dengan ciri <i>night vision</i> bagi meningkatkan kawalan keselamatan terhadap koleksi. Di samping itu, LPSVN hendaklah meningkatkan kawalan keselamatan terhadap karya yang dipamerkan bagi mengelakkan vandalisme.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan akan mengambil tindakan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Mengambil kira sudut pengawasan kamera litar tertutup sewaktu membina dinding panel di ruang galeri pada masa akan datang.</i>• <i>Membuat permohonan kepada Perbendaharaan di dalam RMKe-10 bagi mendapatkan bajet pembelian kamera litar tertutup yang mempunyai ciri <i>night vision</i>.</i>	<p>KPKK akan memastikan supaya kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan CCTV memasukkan ciri <i>Night Vision</i> pada kamera litar tertutup di LPSVN.</p>
12.4.3.a.i	<p>Bilik Repozitori Tidak Diurus Dengan Sempurna – Penyimpanan Karya Yang Tidak Teratur</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 215 karya yang diperoleh pada tahun 2010 dan 2011 tidak disimpan dengan teratur kerana kekurangan ruang.</p>	<p>LPSVN dan KPKK akan menggunakan peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus 2013 untuk tujuan ini.</p>

12.4.3.a.ii	<p>Bilik Repotori Tidak Diurus Dengan Sempurna – Penyimpanan Barang Lain</p> <p>Semakan lanjut mendapati barang lain seperti gulungan <i>bubble wrap</i> dan bahan buangan yang tidak digunakan juga disimpan di Bilik Repotori. Ini menyebabkan Bilik Repotori menjadi sempit dan tidak dapat menampung penyimpanan koleksi yang baru diperoleh.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu menyimpan semua karya dengan kemas dan teratur bagi memudahkan pengesanan karya. Selain itu, LPSVN hendaklah melupuskan barang yang tidak diperlukan bagi menjimatkan ruang.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan jumlah koleksi yang semakin bertambah tidak selari dengan ruang sedia ada, namun kerja-kerja housekeeping akan dilakukan dari semasa ke semasa.</i></p>	<p>Perkara ini telah selesai dan LPSVN akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi.</p> <p>Kerja-kerja penyimpanan bahan-bahan repositori akan dibuat dari semasa kesmasa secara bergotong royong dikalangan staff LPSVN.</p> <p>Kerja-kerja gotong royong telah dilaksanakan oleh kakitangan LPSVN pada 14 Ogos 2012.</p>
12.4.3.a.iii	<p>Bilik Repotori Tidak Diurus Dengan Sempurna – Lantai Rosak</p> <p>Menurut Manual Prosedur Kerja LPSVN, keadaan persekitaran Bilik Repotori perlu bebas daripada habuk, bahan kimia dan lain-lain yang boleh menyebabkan kerosakan dan menjasikan kualiti karya. Semakan Audit mendapati lapisan cat minyak pada lantai Bilik Repotori dan simen telah tertanggal akibat geseran tayar troli yang digunakan ketika membawa koleksi keluar dan masuk dari tempat penyimpanan. Ini menyebabkan lantai Bilik Repotori berhabuk dan boleh menjasikan kualiti karya.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu membaiki kerosakan lantai supaya tidak berhabuk yang boleh menjasikan kualiti karya.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan kerja pembaikan lantai Bilik Repotori hanya akan dijalankan selepas kerja menaik taraf makmal konservasi selesai.</i></p>	<p>Pihak IKRAM Engineering Services Sdn. Bhd. dalam laporan bertarikh 3 Ogos 2012 telah memaklumkan bahawa terdapatnya kerosakan pada lantai asal sama seperti pendapat pihak JKR. Lanjutan dari itu, LPSVN telah memulakan proses sebutharga pada 6 Ogos 2012. Kontraktor yang berjaya dilantik perlu menyiapkan kerja-kerja pembaikan ini sebelum September 2012.</p> <p>Mesyuarat akhir bagi sebut harga pembaikan lantai telah diadakan pada 6 September 2012 dan proses lantikan bagi kontraktor yang berjaya akan dilaksanakan sebelum November 2012.</p>
12.4.4.1.a	<p>Kelewatan Memperbaharui Polisi Insurans Koleksi</p> <p>Semakan Audit mendapati LPSVN lewat memperbaharui polisi insurans bagi 3,925 karya yang bernilai RM65 juta selama 21 hari mulai dari 1 hingga 21 Julai 2011. Ini menyebabkan koleksi tersebut tidak dilindungi insurans daripada risiko kebakaran, kecurian dan kehilangan dalam tempoh berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN hendaklah memantau tarikh tamat polisi insurans supaya tindakan memperbaharui polisi tersebut dapat dilakukan lebih awal sebelum tamat tempoh polisi. Ini bagi mengelakkan LPSVN menanggung kerugian daripada sebarang risiko kebakaran, kecurian dan kehilangan koleksi.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan akan mengenal pasti hanya karya yang terpilih diberi keutamaan perlindungan insurans.</i></p>	<p>Syarikat insurans telah dilantik pada 9 Ogos 2012 untuk tempoh setahun. Bagi mengelakkan perkara ini berulang dimasa akan datang sistem peringatan (<i>alert system</i>) akan dibangunkan menggunakan kemudahan ICT supaya dapat memberi amaran awal sebelum sesuatu tempoh insurans berkenaan tamat.</p>

12.4.4.2	<p>LPSVN Lewat Memulangkan Karya Yang Dipinjam</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 6 daripada 10 karya yang dipinjam bagi tujuan pameran telah dipulangkan melebihi tempoh 1 hingga 11 hari daripada tarikh tamat perlindungan insurans iaitu pada 21 Februari 2010.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu memastikan karya dipulangkan mengikut tempoh yang diinsuranskan bagi mengelakkan LPSVN menanggung kos kerugian karya sekiranya berlaku kehilangan, kerosakan, kecurian dan sebagainya.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan akan memastikan karya diberi perlindungan insurans sebulan sebelum dan selepas pameran dijalankan.</i></p>	Perkara ini telah selesai.
12.4.5.1	<p>Masalah Serangan Kulat – Alat <i>Dehumidifier</i> Tidak Disenggarakan Dengan Baik</p> <p>Mengikut Manual Prosedur Kerja LPSVN, <i>Dehumidifier</i> yang bertujuan mengawal serangan kulat perlu disenggarakan pada setiap pagi untuk mengelakkan dipenuhi air yang diserap. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2011 mendapati <i>Dehumidifier</i> tidak berfungsi dengan berkesan kerana tangkinya dipenuhi air. Selain itu, terdapat juga <i>Dehumidifier</i> yang tidak digunakan menyebabkan serangan kulat pada karya yang dipamerkan.</p>	Tindakan telah diambil dan semua Pembantu Muzium telah pun menjalankan tanggungjawab ini dengan merekod suhu dan Kelembapan Perbandingan (RH) di setiap galeri setiap hari.
12.4.5.2	<p>Masalah Serangan Kulat – Kawalan Suhu Tidak Dibuat Dengan Baik</p> <p>Mengikut Manual Prosedur Kerja LPSVN, bacaan suhu perlu dikawal bagi menjaga kelembapan yang sesuai untuk memastikan kualiti karya terjamin. Pemeriksaan Audit mendapati, suhu dan tahap kelembapan tidak dikawal kerana penghawa dingin yang berpusat dan bilangan <i>Dehumidifier</i> tidak dapat menampung keluasan galeri. Ini mengakibatkan dinding ditumbuhki kulat.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN hendaklah menambah bilangan <i>Dehumidifier</i> dan menyenggarakannya setiap hari supaya suhu serta kelembapan sentiasa berada di paras normal bagi mengelakkan berlakunya serangan kulat.</p> <p><i>LPSVN telah mengambil tindakan membuat penyenggaraan alat <i>Dehumidifier</i> dan menetapkan suhu pada paras sesuai.</i></p>	KPKK akan menyalurkan peruntukan kepada LPSVN bagi menguruskan perolehan ini sebelum akhir tahun 2012.
12.4.6.b	<p>Karya Yang Tidak Diambil Semula</p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 1,555 karya pameran sejak 5 tahun lepas tidak dituntut oleh pemiliknya dan diletakkan di ruang pemunggahan, laluan tangga kecemasan dan lorong ruang kerja di LPSVN. Ini menyebabkan ruang LPSVN menjadi sempit.</p> <p>Pada pendapat Audit, Akta Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (Akta 724) telah memberi kuasa kepada LPSVN untuk menghantar notis kepada pemilik bagi</p>	<p>LPSVN telah memberi notis kepada pemilik-pemilik untuk mengambil semula karya-karya mereka sehingga tempoh akhir 31 Disember 2012. LPSVN akan melupuskan karya-karya yang tidak dituntut mulai 1 Januari 2013.</p> <p>SOP bagi pelupusan ini sedang disediakan dan setiap pelukis yang menyerah karya mereka kepada LPSVN akan</p>

	<p>mengambil karya dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, sehingga bulan Januari 2012 LPSVN masih belum mengambil tindakan seperti yang ditetapkan dalam Akta.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan telah membentuk satu Jawatankuasa Bertindak bagi mengumpul dan mengenal pasti pemilik asal karya. Maklumat keseluruhan akan dibawa ke Jawatankuasa Pelupusan yang akan ditubuhkan.</i></p>	dimaklumkan tentang SOP ini.
12.4.7.b	<p>Ruang Pemunggahan Tidak Dikosongkan</p> <p>Lawatan Audit mendapati ruang pemunggahan dipenuhi dengan karya yang tidak dituntut oleh pemilik, bahan pameran dan kayu balak. Ruang ini juga digunakan untuk kerja kayu.</p> <p>Pada pendapat Audit, ruang pemunggahan perlu dikosongkan untuk memudahkan urusan membawa karya bagi tujuan koleksi atau pameran.</p> <p><i>LPSVN telah membersihkan laluan di ruang pemunggahan. Bagaimanapun, barang-barang dan bengkel pertukangan masih dapat dikeluarkan kerana ruang yang terhad.</i></p>	LPSVN akan memastikan perkara ini tidak berulang lagi.
12.4.8.a.i	<p>Penyelenggaraan Rekod</p> <p>Semakan Audit mendapati perkara LPSVN tidak menyelenggarakan rekod yang lengkap seperti Daftar Peminjaman Karya, Rekod Rawatan Karya, Laporan Keadaan Karya serta Rekod Bacaan Suhu Dan Kelembapan Bandingan.</p>	LPSVN akan sentiasa memastikan rekod-rekod diselenggara dengan sempurna dan dikemas kini dari masa ke masa.
12.4.8.a.ii	<p>Bilangan pengunjung dalam Laporan Data Pengunjung yang dilaporkan kepada Lembaga Amanah berbeza dengan ketara berbanding jumlah yang direkodkan dalam Buku Pelawat. Pihak Audit difahamkan bilangan pengunjung dalam laporan adalah anggaran LPSVN sahaja. Jumlah yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah seramai 179,862 orang manakala hanya seramai 19,955 orang sahaja direkodkan dalam Buku Pelawat. Sehingga bulan September 2011, jumlah yang dilaporkan adalah seramai 90,459 orang berbanding hanya seramai 31,731 orang sahaja di dalam Buku Pelawat.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN hendaklah menyelenggarakan Daftar Rekod Rawatan Karya, Daftar Peminjaman Karya, Daftar Rekod Bacaan Suhu Dan Kelembapan Bandingan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan rujukan. Selain itu, statistik data pengunjung yang dilaporkan dalam Laporan Pengunjung hendaklah selari dengan rekod di Buku Pelawat supaya maklumat pengunjung yang dilaporkan kepada Lembaga LPSVN adalah tepat.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan rekod dinyatakan adalah mengambil kira bilangan pengunjung portal rasmi dan bilangan peserta yang menyertai program LPSVN serta bilangan pelawat yang mengunjungi aktiviti luar.</i></p>	LPSVN telahpun menyediakan buku log/daftar pelawat. Jumlah bilangan data pengunjung akan dilaporkan berdasarkan buku log/daftar pelawat tersebut.

12.4.8.1.b	<p>Kertas Kerja Penilaian Semula Karya Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit mendapati laporan penilaian karya telah disediakan. Bagaimanapun, laporan penilaian ini tidak disertakan dengan kertas kerja untuk menyokong justifikasi penilaian.</p> <p>Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Penilaian Karya LPSVN perlu menyediakan kertas kerja bagi setiap karya yang dinilai untuk menyokong justifikasi laporan penilaian dan karya diinsuranskan mengikut nilai yang sebenar.</p> <p><i>LPSVN mengambil maklum dan akan memastikan kertas kerja disediakan.</i></p>	<p>LPSVN telah membuat semakan semula dan mendapati kertas kerja berasingan tidak diperlukan memandangkan Laporan Penilaian Karya adalah memadai.</p>
12.4.9	<p>Garis Panduan Penetapan Nilai Karya Daripada Artis Tamu</p> <p>Semakan Audit mendapati LPSVN tidak mempunyai garis panduan bagi penetapan nilai karya yang dihasilkan oleh artis tamu. Pada tahun 2008, LPSVN membuat perolehan dua batang klirieng daripada artis tamu sempena Program Kesinambungan Hayat dengan kos berjumlah RM60,646. Oleh kerana ketiadaan garis panduan tersebut, nilai yang diambil kira dalam daftar koleksi hanya RM36,000. Ini menyebabkan nilai karya ini terkurang nyata sejumlah RM24,646.</p> <p>Pada pendapat Audit, LPSVN perlu menyediakan Garis Panduan Penetapan Nilai Karya Daripada Artis Tamu supaya penilaian dapat dibuat dengan teratur dan konsisten.</p> <p><i>LPSVN memaklumkan satu garis panduan sedang diteliti dan akan digunakan pada bulan Ogos 2012.</i></p>	<p>LPSVN telah menyediakan deraf garis panduan. Walau bagaimanapun, deraf ini perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan November 2012. Garis panduan ini akan digunakan sebaik sahaja diluluskan oleh ahli LPSVN.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

Perenggan 13 : Pengurusan Dana Perfileman

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.2	<p>Penyiaran Filem Terbitan FINAS</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga 1 April 2012, semua filem yang telah disiapkan antara tahun 2009 hingga 2011 masih belum disiarkan di mana-mana syarikat penyiaran kecuali bagi filem Dokumentari Kerjasama dengan Penyiar Antarabangsa. Filem yang dihasilkan tidak disiarkan kerana FINAS tidak menetapkan keperluan penyiaran sebagai objektif pemberian Dana Perfileman.</p> <p>Pada pendapat Audit, FINAS perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan filem yang telah siap dapat disiarkan supaya hasil karya produser dan syarikat produksi serta perbelanjaan dapat dimanfaatkan.</p> <p><i>FINAS memaklumkan bagi penerbitan filem di bawah Dana Dokumentari, pihak RTM telah bersetuju untuk menyediakan slot tayangan filem dokumentari terbitan FINAS bermula bulan Mac 2012. FINAS akan mengadakan perbincangan lanjut berkenaan penetapan waktu siaran dengan pihak RTM. Di samping itu, FINAS juga telah membuat beberapa edaran filem dokumentari dalam bentuk cakera video digital (DVD) kepada Kabinet, Kementerian berkaitan termasuk Kementerian Pelancongan serta Universiti tempatan.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, bagi penerbitan filem di bawah Dana Pembangunan Seni Filem Dan Multimedia tidak tertakluk untuk disiarkan di mana-mana syarikat penyiaran. Usaha untuk disiarkan ke stesen televisyen telah dibuat tetapi tiada peruntukan dan slot yang sesuai untuk tayangan filem pendek. Namun usaha lain telah dibuat di mana terdapat penerima Dana Pembangunan Seni Filem Dan Multimedia telah berjaya memasuki pertandingan di Festival Filem Malaysia dan peringkat Antarabangsa.</i></p>	<p>Sebanyak 4 judul dokumentari yang telah disiarkan oleh RTM. Pihak RTM juga telah bersetuju untuk memberi slot bagi menyiaran dokumentari terbitan FINAS di TV2.</p> <p>Sebanyak 7 buah dokumentari terbitan FINAS juga telah disiarkan di ASTRO pada 19 hingga 31 Ogos 2012. Antara tajuknya adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Royal Press, ii. Spirit Of Wood, iii. Agarwood "The Black Gold Of The Forest", iv. Royal Carver, v. Tanjung Pagar "The Last Train", vi. Fall of Penang, vii. Last Journey To Sarawak. <p>Keperluan penyiaran ada dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Penerbitan Filem Dokumentari. Walau bagaimanapun FINAS sedang membuat penambahbaikan untuk memasukkan keperluan penyiaran sebagai salah satu syarat pemberian Dana Perfileman.</p>
13.4.3.1.a.ii	<p>Laporan Dan Pengesahan Kemajuan Kerja Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit mendapati laporan dan pengesahan kemajuan kerja tidak disediakan oleh FINAS sebagai dokumen sokongan bagi pembayaran berjumlah RM2.01 juta yang dibuat kepada 25 judul dokumentari. Pembayaran ini tidak mengikut perjanjian yang ditetapkan dan FINAS juga tidak dapat memastikan kedudukan sebenar kemajuan</p>	<p>FINAS membuat bayaran mengikut kaedah pembayaran yang ditetapkan dalam perjanjian.</p> <p>Berikut laporan Audit, mulai 2012, FINAS telah melaksanakan</p>

	penerbitan.	sepenuh penyediaan laporan dan pengesahan kemajuan kerja sebagai dokumen sokongan bagi pembayaran kepada syarikat produksi.
13.4.3.1.a.iii	<p>Semakan Audit juga mendapati FINAS tidak menyediakan garis panduan terperinci berkaitan prosedur pembayaran bagi kerja penerbitan yang telah dilaksanakan oleh syarikat produksi. Sebagai contoh, pegawai yang mengesahkan laporan kemajuan dan format laporan yang perlu disediakan tidak dinyatakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat hendaklah disokong dengan laporan dan pengesahan kemajuan kerja. Di samping itu, garis panduan yang lengkap berkaitan prosedur pembayaran bagi kerja penerbitan hendaklah disediakan bagi memastikan segala pembayaran adalah teratur.</p> <p><i>FINAS memaklumkan garis panduan secara khusus berkaitan prosedur pembayaran dana filem dokumentari tidak disediakan. Bagaimanapun, prosedur pembayaran telah ditetapkan secara dalaman oleh Bahagian Produksi untuk tujuan pemantauan iaitu 20 peratus bagi bayaran pertama selepas perjanjian ditandatangani, 30 peratus bagi bayaran kedua selepas perbincangan mengenai skrip dan tarikh akhir penyerahan dokumentari, 30 peratus bagi bayaran ketiga setelah FINAS menerima draf pertama dokumentari dan arahan penambahbaikan dan 20 peratus bagi bayaran akhir selepas FINAS menerima produk akhir dalam bentuk DIGI BETA dan 10 salinan DVD. Mulai tahun 2012 Bahagian Produksi telah menyediakan dokumen sokongan sebelum pembayaran dilakukan dan mengambil maklum akan saranan daripada pihak Audit mengenai perkara tersebut.</i></p>	<p>Di samping itu FINAS juga telah menyediakan garis panduan terperinci berkaitan prosedur pembayaran agar kes seperti ini tidak berulang.</p>
13.4.3.1.b	<p>Kelewatan Menyiapkan Filem Dokumentari</p> <p>Semakan Audit mendapati 2 perjanjian penerbitan filem dokumentari tempatan ada menyatakan tempoh siap.</p> <p>Semakan lanjut mendapati FINAS tidak membuat pemantauan secara berkala terhadap kemajuan kerja penerbitan. Selain itu, FINAS juga tidak menyediakan garis panduan mengenai prosedur pemantauan. Kelewatan ini boleh menjelaskan pencapaian sasaran FINAS dalam penerbitan filem dokumentari.</p> <p>Pada pendapat Audit, FINAS hendaklah membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan kerja penerbitan filem dokumentari disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam perjanjian.</p> <p><i>FINAS memaklumkan terdapat beberapa penerbitan filem dokumentari tempatan yang lewat disiapkan atas sebab yang tidak dapat dielakkan dan ia telah dibincangkan antara pihak FINAS dan syarikat penerbit. Mulai tahun 2012, Bahagian Produksi akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan kerja penerbitan dokumentari disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.</i></p>	<p>Pemantauan secara berkala setiap penerbitan dokumentari dilakukan dari semasa ke semasa mulai 1 Januari 2012 bagi mengelakkan kes kelewatan berulang lagi.</p> <p>Disamping itu, FINAS sedang menyediakan prosedur pemantauan penerbitan dan akan diguna pakai mulai 1 Oktober 2012.</p>

13.4.3.1.b.ii	<p>Tempoh Siap Tidak Dinyatakan Dalam Perjanjian</p> <p>Semakan Audit mendapati FINAS tidak menyatakan tarikh siap dalam perjanjian bagi 23 penerbitan filem dokumentari. Ini menyebabkan kerja penerbitan filem dokumentari mengambil masa yang lama untuk disiapkan oleh syarikat produksi.</p> <p>Analisis Audit mendapati penerbitan 14 filem dokumentari mengambil masa antara 5 hingga 34 bulan untuk disiapkan. Selain itu, sebuah filem dokumentari yang berjudul <i>Chronicle of A Butterfly Catcher</i> dengan kos penerbitan berjumlah RM199,800 masih belum disiapkan sejak bulan Ogos 2009.</p> <p>Pada pendapat Audit, FINAS hendaklah menyatakan tempoh siap dengan jelas dalam perjanjian supaya penerbitan filem dokumentari dapat dipantau dan disempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p> <p><i>FINAS memaklumkan Bahagian Produksi akan mengambil tindakan perkara tersebut.</i></p>	<p>Bermula Jun 2012, FINAS telah memasukkan tarikh siap dalam perjanjian bagi 23 penerbitan dokumentari. Namun begitu, bagi mengelakkan perkara ini terlepas pandang dimasa hadapan satu perjanjian yang setara (standard) telah digubal dan digunakan yang memasukkan elemen-elemen tarikh siap produksi serta bayaran kelewatan/LAD yang perlu diambil perhatian oleh para penerbit.</p> <p>Bagi filem dokumentari yang berjudul <i>Chronicle of A Butterfly Catcher</i>, FINAS telah mengambil tindakan menamatkan kontrak ke atas DD Media Consult Sdn Bhd pada 25 April 2012. Syarikat tersebut telah menghadapi masalah perniagaan dan telah berhenti beroperasi.</p>
13.4.3.2.a.i	<p>Dana Pembangunan Seni, Filem Dan Multimedia</p> <p>Semakan Audit terhadap 11 penerima bantuan dana mendapati 7 pembayaran pertama telah dibuat antara 1 hingga 34 hari sebelum perjanjian ditandatangani dan ini bertentangan dengan syarat perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, bayaran hendaklah dibuat selepas perjanjian ditandatangani selaras dengan syarat yang ditetapkan.</p> <p><i>FINAS memaklumkan tindakan telah diambil segera selepas mendapat teguran daripada pihak Audit.</i></p>	<p>Berdasarkan amalan sebelum ini, pembayaran pertama dibuat setelah perjanjian ditandatangani tetapi belum dimatikan setem.</p> <p>Kini FINAS telah memastikan bayaran pertama hanya akan dibuat selepas perjanjian dimatikan setem.</p> <p>Bermula Jun 2012, FINAS telah mewujudkan garis panduan mengenai jadual/tempoh pembayaran dimasukkan di dalam kontrak perjanjian antara FINAS dengan penerbit bagi mengelakkan perkara ini berulang.</p>
13.4.3.2.a.ii	<p>Pembayaran Tanpa Dokumen sokongan</p> <p>Semakan Audit terhadap 17 penerima bantuan mendapati 7 pembayaran kedua telah dibuat tanpa laporan atau penyata perbelanjaan berserta resit. Bagaimanapun, penyata perbelanjaan berserta resit tersebut telah dikemukakan sebelum bayaran ketiga.</p> <p>Pada pendapat Audit, FINAS hendaklah memastikan penyata perbelanjaan dan resit dikemukakan oleh penerima bantuan sebelum pembayaran dibuat.</p> <p><i>FINAS memaklumkan penerima ada kemukakan perbelanjaan dan resit sebelum bayaran ketiga (akhir) dibuat 10%. Ini kerana semua resit dan penyata perbelanjaan dapat dikumpulkan dan dibukukan sehingga penerbitan filem siap sepenuhnya.</i></p>	<p>FINAS memastikan agar semua dokumen sokongan ada di lampirkan sebelum bayaran akhir dibuat mengikut syarat perjanjian para 4 – Kaedah Pembayaran.</p>

13.4.4	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati FINAS tidak menjalankan pemantauan terhadap perkembangan penerbitan filem. Ini menyebabkan FINAS tidak dapat memastikan sama ada penerbitan filem telah mencapai prestasi kemajuan yang ditetapkan. Ketiadaan pemantauan juga menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan sesuatu penerbitan filem dan syarikat produksi mengambil tempoh lama untuk menyempurnakan penerbitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, FINAS perlu mewujudkan satu mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan penerbitan filem disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.</p> <p><i>FINAS memaklumkan mulai bulan September 2011, beberapa orang penyelia telah dilantik untuk memantau dan memastikan penerbitan filem dokumentari dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Selain dari penerbitan filem dokumentari, FINAS sememangnya membuat pemantauan terhadap semua projek yang telah diluluskan, namun terdapat beberapa kes kelewatan dengan alasan yang munasabah.</i></p>	FINAS telah membuat pemantauan rapi ke atas semua penerbitan dokumentari.
--------	---	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Perenggan 14 : Pengurusan Penguatkuasaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.1.2	<p>Prestasi Pengurusan Kompaun</p> <p>Semakan Audit terhadap data Sistem Syarikat Dan Perniagaan mendapati sebanyak 694,038 bilangan kompaun telah dikeluarkan bagi tahun 2007 sehingga 2011. Dari semakan sistem tersebut diperhatikan terdapat kelemahan pengurusan dan pengemaskinian data tawaran kompaun seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengeluaran kompaun secara automatik melalui sistem kepada syarikat dan semua pengarah bagi kesalahan berangkai. ii. Pengeluaran kompaun bertindih melalui sistem bagi kesalahan yang sama. iii. Sistem Syarikat dan Perniagaan yang tidak dapat mengemas kini data berhubung tawaran kompaun bagi membantu tindakan penguatkuasaan selanjutnya diambil apabila kompaun tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. <p>Kelemahan tersebut telah menyebabkan sebanyak 346,546 bilangan atau 49.9 peratus kompaun di mana nilai tidak dapat ditentukan masih belum diambil tindakan.</p>	<p>Kompaun yang dikeluarkan oleh SSM adalah satu ‘tawaran’ dan mempunyai tarikh luput. Ianya bukan merupakan suatu hutang atau pendapatan tertunggak yang perlu dikutip sebagaimana fi atau caj yang wajib dikutip oleh SSM.</p> <p>Peningkatan jumlah kompaun yang mendadak bermula tahun 2010 adalah berpuncu kelemahan dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran kompaun yang dikeluarkan secara automatik melalui sistem termasuk bagi kesalahan berangkai bukan sahaja kepada syarikat tetapi juga kesemua pengarah syarikat. • Pengeluaran kompaun yang bertindih, • Pengeluaran kompaun terhadap kesalahan melibatkan entiti-entiti yang sukar dikesan seperti pengarah warga asing dan lain-lain kategori kompaun yang telah dikenalpasti. <p>Berdasarkan kepada penemuan audit, SSM telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam aspek penguatkuasaan dan pengurusan kompaun dan telah mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberhentikan pengeluaran kompaun secara automatik bagi kesalahan berangkai mulai 9 Mei 2012; ii. Menubuhkan Task Force pada bulan Jun 2012 untuk melaksanakan proses penambahbaikan pengurusan kompaun sehingga akhir bulan Disember 2012;
14.4.1.5	<p>Pihak Audit mendapati SSM lewat mengambil tindakan untuk mengutip kompaun selepas tempoh 44 hari serta lewat mengemukakan kepada Bahagian Pendakwaan untuk tindakan selanjutnya. SSM juga tidak mempunyai Prosedur Kerja Kutipan dan Pemantauan Kompaun yang terperinci sebelum tindakan pendakwaan diambil. Selain itu, Sistem Syarikat Dan Perniagaan tidak boleh mengeluarkan peringatan secara automatik selepas tamat tempoh kompaun.</p>	
14.4.1.6	<p>Semakan lanjut terhadap senarai kompaun yang belum dikutip mendapati 5 pengarah syarikat telah menerima bilangan kompaun tertinggi antara tahun 2009 sehingga 2011. Semakan terperinci terhadap data daripada Sistem Syarikat Dan Perniagaan mendapati pengarah ini juga mempunyai antara 321 hingga 683 syarikat yang berdaftar.</p>	

14.4.1.7	<p>Pihak Audit juga mendapati pengarah syarikat tersebut masih aktif mendaftarkan syarikat dari bulan Januari hingga Februari 2012 walaupun pengarah tersebut belum menjelaskan antara 85 hingga 135 kompaun. Semakan lanjut mendapati SSM tidak mempunyai polisi untuk menghadkan individu membuat pendaftaran syarikat walaupun pengarah syarikat tersebut masih mempunyai kompaun yang belum dijelaskan.</p>	
14.4.1.8	<p>Merujuk kepada Peraturan 308.5, Amalan Terbaik Bursa Malaysia, seseorang pengarah hanya boleh menyandang jawatan pengarah untuk 15 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia bertujuan untuk memastikan syarikat dapat ditadbir dengan lebih berkesan dan pengarah dapat memberi lebih tumpuan terhadap pencapaian misi dan visi syarikat. Bagaimanapun, Akta Syarikat 1965 tidak menghadkan bilangan syarikat kepada individu untuk menjadi pengarah.</p> <p>Pada pendapat Audit, SSM perlu mewujudkan Prosedur Kerja Kutipan dan Pemantauan Kompaun supaya pengurusan kutipan kompaun dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. SSM juga perlu mengkaji Sistem Syarikat Dan Perniagaan dengan menambahbaik modul yang dapat mengeluarkan peringatan kepada pegawai yang mengeluarkan kompaun.</p> <p><i>SSM sedang mengambil tindakan serius terhadap pengeluaran kompaun berangkai dan kompaun bertindih. Peningkatan jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah tinggi disebabkan pelaksanaan sistem kompaun secara automatik yang diperkenalkan pada tahun 2010 berbanding secara manual yang digunakan sebelum ini. Melalui sistem ini, kompaun dari tahun 2008 sehingga 2010 telah dikenakan terhadap syarikat yang gagal menyerahkan Penyata Kewangan Tahunan dan Akaun Untung dan Rugi.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> iii. Penambahbaikan terhadap polisi dan mewujudkan mekanisma baru berkaitan pemantauan serahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat pada 27 Julai 2012 untuk digunakan selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2012; iv. Bagi mengatasi lambakan syarikat ‘dormant’ dalam daftar SSM, tempoh moratorium telah diperkenalkan pada 17 Ogos 2012 dan telah dihebahkan kepada orang ramai bagi memudahkan syarikat ‘dormant’ membuat permohonan pembatalan nama pada kos yang lebih rendah sekiranya masih mempunyai kompaun yang belum selesai; v. Menyediakan spesifikasi penambahbaikan terhadap modul dalam Sistem Syarikat Dan Perniagaan SSM bagi membolehkan pelantikan vendor dibuat selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2012; vi. Kajian penstrukturkan semula organisasi yang meliputi peranan penguatkuasaan dan semakan semula keperluan sumber manusia bagi mempertingkatkan kawalan dan tindakan penguatkuasaan sebelum 31 Disember 2012. <p>Sehingga kini, daripada 346,546 notis kompaun yang masih belum diselesaikan, tindakan-tindakan berikut telah diambil SSM:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti dan membatalkan kompaun bertindih. ii. Mengenalpasti kompaun yang telah dikeluarkan terhadap kesalahan berdasarkan andaian bagi tujuan pembatalan kompaun; iii. Mengenalpasti kompaun yang melibatkan syarikat yang telah menyerahsimpan penyata tahunan untuk tindakan pengurangan/pembatalan kompaun; iv. Mengenalpasti kompaun terhadap entiti yang sukar dikesan seperti pengarah warga asing untuk menentukan tindakan penguatkuasaan selanjutnya; v. Mengenalpasti syarikat yang telah bubar, dalam proses pembubarannya dan telah memohon pembatalan nama syarikat untuk pembatalan kompaun dan untuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya; vi. Mengenalpasti syarikat-syarikat ‘dormant’ bagi tujuan pembatalan nama syarikat;

		<p>vii. Mengadakan sesi taklimat pada 13 dan 14 Ogos melibatkan 4,722 syarikat kepada setiausaha-setiusaha syarikat berhubung tempoh moratorium pembatalan nama syarikat;</p> <p>viii. Membuat siasatan lanjut bagi pengumpulan maklumat dan bukti terutamanya terhadap individu-individu yang banyak memegang jawatan pengarah di dalam syarikat-syarikat yang gagal menyelesaikan kompaun bagi tujuan tindakan penguatkuasaan selanjutnya.</p> <p>Sehubungan dengan tindakan pembetulan dan penambahbaikan di atas, SSM menjangkakan data berkaitan kompaun di dalam Sistem Maklumat Syarikat dan Perniagaan akan dapat dbersihkan dan dikemaskini sebelum 31 Disember 2012.</p>	
14.4.2.2	Tindakan Pendakwaan	<p>Semakan Audit mendapati jumlah kompaun bagi kes telah dirujuk di Bahagian Pendakwaan untuk Cawangan Kuala Lumpur adalah rendah iaitu sejumlah RM8.59 juta atau hanya 1.5 peratus berbanding kompaun yang belum dikutip berjumlah RM554.94 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan untuk mengesan kompaun yang belum dijelaskan hendaklah dipertingkatkan dan kes hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pendakwaan sebaik sahaja tamat tempoh kompaun untuk tindakan perundangan.</p> <p><i>SSM memaklumkan pihaknya telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap syarikat dan pengarah yang gagal menyelesaikan kompaun atau tidak mengambil tindakan pematuhan dalam tempoh yang ditetapkan. Keutamaan tindakan pendakwaan juga diberi terhadap kesalahan jenayah kolar putih yang serius dan yang melibatkan kepentingan awam. Selain itu, Sistem Syarikat Dan Perniagaan tidak dapat mengeluarkan peringatan kepada pegawai setelah tamat tempoh pembayaran serta kekangan sumber manusia untuk menguruskan kompaun yang dikeluarkan.</i></p>	<p>Selain daripada tindakan pendakwaan, pembatalan nama syarikat juga boleh diambil sekiranya pengarah-pengarah syarikat tidak dapat dikesan. Seksyen Pendakwaan di Ibu Pejabat SSM tidak hanya bertumpu kepada kes-kes kompaun sahaja, tetapi memberi keutamaan kes-kes tadbir urus korporat melibatkan jenayah kolar putih dan kepentingan awam. Selain itu, Ibu Pejabat juga turut mengendalikan kes-kes perbicaraan melibatkan SSM di seluruh negara. Tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah dengan penempatan dua orang Timbalan Pendakwa Raya secara pinjaman kepada SSM pada 15 Jun 2012 dan penambahbaikan terhadap Sistem Syarikat dan Perniagaan yang akan mempunyai ciri-ciri pengeluaran peringatan berhubung tempoh luput sesuatu kompaun kepada pegawai yang mengeluarkan kompaun akan membantu mempercepatkan proses pendakwaan.</p>
14.4.3.2	Penetapan Kadar Kompaun	<p>Semakan Audit terhadap 560 notis kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat dan pengarah syarikat mendapati wujud perbezaan kadar kompaun yang dikeluarkan bagi setiap kesalahan yang sama. Pihak Audit mendapati sebanyak 172 ketidakpatuhan telah dikenakan kompaun kurang atau lebih daripada 10 peratus.</p>	<p>Polisi penetapan kadar kompaun yang baru telah diluluskan oleh pengurusan SSM pada 8 Ogos 2012 dan berkuatkuasa dengan serta-merta.</p>
14.4.3.3	<p>Semakan lanjut mendapati SSM hanya mengeluarkan Arahan Penguatkuasaan SSM pada tahun 2010 yang menetapkan kadar kompaun sebanyak 20 peratus dari kadar asal bagi kesalahan di bawah seksyen 143(1) dan seksyen 165(4) dan (5) Akta Syarikat 1965. Pihak Audit mendapati SSM telah mematuhi kadar kompaun</p>		

	<p>sebanyak 20 peratus selepas arahan ini dikeluarkan. Bagaimanapun, SSM tidak mengeluarkan sebarang arahan untuk kesalahan di bawah seksyen 169(1) tetapi masih mengekalkan kadar kompaun 10 peratus.</p> <p>Pada pendapat Audit, SSM hendaklah mengeluarkan Arahan Penguatkuasaan secara rasmi dengan menetapkan kadar kompaun bagi semua kesalahan di bawah seksyen yang berkaitan. Ini bagi memastikan kadar kompaun yang dikenakan adalah seragam terhadap syarikat dan pengarah syarikat.</p> <p><i>SSM memaklumkan arahan penguatkuasaan bagi penetapan kadar kompaun sedang dalam proses kelulusan pihak pengurusan SSM.</i></p>	
14.4.4.2	<p>Tempat Penyimpanan Ekshibit</p> <p>SSM telah menyediakan sebuah Bilik Ekshibit untuk penyimpanan ekshibit yang dilengkapi dengan ciri keselamatan. Bagaimanapun, bilik tersebut yang berkeluasan 36 kaki persegi tidak dapat menampung keperluan penyimpanan ekshibit. Oleh itu, SSM telah menggunakan Bilik Operasi 1 dan 2 serta Bilik Rakaman Percakapan sebagai bilik tambahan untuk penyimpanan ekshibit. Pihak Audit mendapati bilik tersebut tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan seperti tiada alat pengesan kebakaran, kamera litar tertutup dan alat pemadam api. Selain itu, pihak Audit juga mendapati Bilik Operasi 1 dan 2 tidak berkunci. Ekshibit yang disimpan bagi tempoh 2003 sehingga bulan November 2011 adalah sebanyak 1,037 kes.</p> <p>Pada pendapat Audit, SSM perlu menyediakan ruang penyimpanan yang dapat menampung keperluan penyimpanan ekshibit serta dilengkapi dengan ciri keselamatan. Ini bagi memastikan keselamatan ekshibit terjamin serta mengurangkan risiko kehilangan, kebakaran dan kerosakan.</p> <p><i>SSM memaklumkan pihaknya sedang mengenal pasti lokasi yang bersesuaian sebagai tambahan kepada ruang penyimpanan ekshibit yang sedia ada dan dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun ini.</i></p>	Lokasi tambahan tempat penyimpanan eksibit telah dikenalpasti di dalam bangunan SSM dan akan dapat digunakan selewat-lewatnya pada bulan Disember 2012 setelah proses pengubahsuaian selesai.
14.4.5.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati laporan tersebut mengandungi statistik aktiviti Pejabat Penguatkuasaan seperti statistik aduan, kompaun, pemeriksaan, kesalahan setiausaha syarikat serta kertas siasatan dibuka dan diselesaikan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati laporan yang disediakan hanya mengambil kira statistik aktiviti penguatkuasaan pada bulan semasa. Ini menyebabkan pemantauan tidak dapat dibuat terhadap kompaun yang masih belum selesai.</p>	SSM akan membentangkan statistik yang dicadangkan oleh Audit kepada Anggota Suruhanjaya selewat-lewatnya bermula pada bulan September 2012. Laporan penguatkuasaan bulanan termasuk pengurusan kompaun akan dibentangkan secara berkala di mesyuarat anggota suruhanjaya 3 bulan sekali.
14.4.5.3	<p>Selain itu, Laporan Penguatkuasaan Bulanan tidak dibentangkan di mesyuarat Anggota Suruhanjaya dan tidak dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan secara menyeluruh hendaklah dijalankan dan</p>	

	<p>laporan kepada Anggota Suruhanjaya hendaklah dibentangkan secara berkala supaya masalah pengurusan kompaun dapat dikenal pasti serta tindakan penyelesaian dapat dilaksanakan dengan segera.</p> <p><i>SSM mengambil maklum teguran audit dan akan melaksanakan cadangan tersebut.</i></p>	
--	---	--

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Perenggan 15 : Pengurusan Projek Pembangunan Tambahan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.4.1.1	<p>Pembinaan Projek Asrama Dan Bangunan Akademik.</p> <p>Kontraktor gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan. Hasil semakan lanjut mendapati pihak kontraktor ada mengemukakan sebanyak 2 kali permohonan Lanjutan Masa bagi menyiapkan projek kepada pihak JKR.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek menyebabkan pihak UPNM terpaksa menanggung kos tambahan bagi mencari alternatif yang sewajarnya untuk menguruskan penempatan pelajar sementara menunggu projek pembinaan tersebut siap.</p> <p><i>UPNM memaklumkan lanjutan masa yang diberikan kepada kontraktor adalah berdasarkan kepada alasan yang dipertimbangkan layak di bawah peruntukan kontrak. UPNM juga memaklumkan kedudukan UPNM yang terletak di dalam kawasan high security menyebabkan kesukaran dalam urusan masuk ke kawasan UPNM. JKR memaklumkan masalah ini menyebabkan ramai pekerja buruh menarik diri daripada projek pembinaan ini seterusnya menimbulkan masalah kekurangan pekerja buruh di tapak pembinaan. JKR memaklumkan kesukaran mendapatkan kelulusan permit pekerja menyebabkan pekerja menarik diri daripada projek ini untuk bekerja di tapak pembinaan lain.</i></p> <p><i>Di samping itu, UPNM memaklumkan lanjutan masa juga diberikan kerana berlaku perubahan terhadap susun atur dan kandungan di bilik air bangunan asrama bagi menjamin keselesaan pelajar.</i></p>	<p>Kemajuan sebenar kerja sehingga 31 Julai 2012 adalah sebanyak 98% berbanding 100% yang dijadualkan siap pada tarikh tersebut. Mesyuarat Pemantauan antara pihak kontraktor, JKR dan UPNM telah diadakan bagi memberitahu tarikh bangunan perlu disiap dan diserahkan untuk digunakan oleh UPNM.</p>
15.4.1.2.b	<p>Pemilihan Kontraktor</p> <p>Semakan Audit mendapati JKR selaku agensi pelaksana telah membuat pelawaan tender pada 27 Mac 2008. Sebanyak 10 petender telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Berdasarkan laporan penilaian tender yang dibuat, tiada petender yang layak untuk dipertimbangkan. Sehubungan itu, pihak JKR telah mengadakan Mesyuarat Klarifikasi Tender yang dihadiri oleh 10 petender tersebut bagi memastikan keperluan tender dipenuhi. Hasil daripada mesyuarat tersebut, hanya 3</p>	<p>Maklum balas Jabatan Audit Negara dipersetujui dan direkodkan seperti mana surat Jabatan Audit Negara bertarikh 5 Julai 2012.</p>

	<p>petender sahaja yang layak bagi penilaian kedua. Setelah penilaian kedua dibuat, hanya satu petender sahaja yang berjaya mencapai markah kelayakan bagi melaksanakan projek tersebut. Bagaimanapun, petender tersebut tidak dipilih kerana harga yang ditawarkan melebihi had peruntukan yang ditetapkan iaitu RM90 juta. Kontraktor kemudiannya dipilih kerana telah menawarkan harga kontrak yang rendah daripada had harga yang ditetapkan. Namun begitu, daripada laporan penilaian tender ada menyatakan bahawa kontraktor ini kurang berkeupayaan dari segi bilangan kakitangan teknikal yang berpengalaman dan pembiayaan disebabkan masih mempunyai tiga projek dalam tangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor yang dibuat perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan supaya projek dapat disiapkan mengikut jadual dan mengelakkan kos tambahan.</p> <p><i>JKR Cawangan PROKOM memaklumkan bahawa kontraktor telah dipilih selepas melalui beberapa peringkat penilaian, di mana peringkat terakhir merupakan penilaian semula petender berdasarkan penawaran harga kontrak di bawah had peruntukan RM80 juta. Walaupun kontraktor kurang berpengalaman dalam pelaksanaan projek berskala besar, namun kesemua tiga projek dalam tangan ketika itu mempunyai prestasi cemerlang dan baik. Berdasarkan penilaian prestasi kesemua projek tersebut, kontraktor kemudiannya dipilih sebagai kontraktor bagi projek pembinaan ini setelah dijangkakan akan dapat melaksanakan projek yang ditawarkan dengan memuaskan.</i></p>	
15.4.1.3.b	<p>Perubahan Tapak Pembinaan</p> <p>Pihak kontraktor terpaksa menukar tapak pembinaan bangunan akademik ke lokasi baru dan mengecilkan tapak bangunan asrama kerana mengikut keperluan semasa pihak UPNM. Keluasan tapak bangunan asrama telah mengecil disebabkan pertindihan sempadan dengan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPNM hendaklah membuat perancangan dan kajian terhadap tapak terlebih dahulu sebelum sesuatu kawasan dibangunkan. Ia bagi memastikan projek dapat dijalankan mengikut tawaran yang dibuat kepada kontraktor. Perubahan tapak telah menyebabkan kos asal berjumlah RM73.81 juta telah meningkat kepada RM89 juta.</p> <p><i>UPNM memaklumkan perubahan terhadap tapak pembinaan terpaksa dibuat kerana ketidaksesuaian tapak asal bangunan akademik manakala saiz tapak asal bagi bangunan asrama terpaksa dikurangkan kerana ruang yang terhad.</i></p>	Perkara ini akan diberikan perhatian yang serius oleh pihak UPNM untuk projek-projek pembangunan akan datang.
15.4.2.2.a	<p>Kos Sewaan Apartmen Dan Bas</p> <p>UPNM telah melantik sebuah syarikat pada 3 Mac 2009 bagi menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelajar dari Apartmen Lumayan ke UPNM sejauh 7 kilometer pergi dan balik. Pelantikan ini telah dibuat melalui kaedah sebut harga</p>	Maklum balas dipinda dan direkodkan bagi menggantikan perkataan ‘pampasan’ ditukar kepada ‘sewaan bas’ sepetimana surat Jabatan Audit Negara bertarikh 5 Julai 2012.

	<p>dan tender terbuka bagi tempoh bermula Mac 2009 sehingga September 2011.</p>	
15.4.2.2.b	<p>Kos Sewaan Bas</p> <p>Mulai bulan April 2011, pelajar telah dipindahkan dari Apartmen Lumayan ke bangunan milik Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang terletak di Kem Sungai Besi dan perkhidmatan bas bagi membawa pelajar tidak lagi diperlukan kerana bangunan MINDEF ini terletak berhampiran dengan UPNM.</p> <p>Semakan Audit mendapati UPNM terpaksa menanggung kos tambahan bagi tempoh 1 Disember 2010 sehingga 31 Mac 2011 berjumlah RM1.59 juta bagi menyediakan kemudahan kepada para pelajar sementara bangunan asrama dan bangunan akademik disiapkan. UPNM juga terpaksa menggunakan peruntukan sedia ada disebabkan kos penempatan dan pengangkutan pelajar tidak diambil kira sebagai kos yang akan ditanggung di dalam harga kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, sekiranya projek pembinaan ini disiapkan mengikut perancangan, UPNM tidak perlu menanggung kos tambahan berjumlah RM1.59 juta bagi tujuan penyediaan kemudahan pelajar.</p>	
15.4.3.1.a	<p>Bangunan Asrama - Tahap Keselamatan</p> <p>Tahap keselamatan asrama kurang diberi perhatian oleh kontraktor seperti longkang yang tidak dibina di bahagian atas <i>retaining wall</i> jenis <i>crib wall</i>. Pemasangan penyaman udara di atas panel elektrik boleh menyebabkan litar pintas sekiranya air menitis dan merosakkan peralatan elektrik tersebut. Penyambungan pada <i>earth electrode</i> yang menggunakan <i>clamp</i> dan tidak menggunakan kaedah <i>exothermic welding</i> pula tidak kukuh, mudah berkarat dan ikatan mudah tertanggal. Di samping itu, terdapat lubang di lantai yang tidak ditutup serta <i>fire barrier</i> yang tidak dipasang di laluan <i>trunking</i> yang boleh menyebabkan kebakaran merebak dengan cepat ke bahagian lain. Lawatan Audit juga mendapati tiada <i>copper bridge</i> dipasang di sambungan <i>trunking</i> di lobi bilik suis serta bahagian lain yang dilawati, tiada penebat <i>bush</i> pada bukaan masukan kabel ke papan suis serta pemasangan panel/DB di dalam ruang <i>hose reel</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR Cawangan PROKOM hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera bagi memastikan tahap keselamatan pengguna terjamin.</p> <p><i>JKR memaklumkan tindakan pembaikan akan dibuat dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi bangunan asrama yang akan berakhir pada 28 Disember 2013. Tindakan pembaikan yang akan diambil adalah mengubah kedudukan penghawa dingin, membuat penyambungan pada earth electrode menggunakan kaedah exothermic welding, memasang penutup lantai, memasang fire barrier di laluan trunking, memasang copper bridge di sambungan trunking, memasang penebat bush pada bukaan masukan kabel ke papan suis dan mengubah panel/DB ke lokasi lain.</i></p>	<p>Kebanyakan penemuan yang menjelaskan fungsi dan keselamatan telah diambil tindakan oleh pihak kontraktor dan sebagianya lagi yang tidak kritikal akan dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan sepertimana surat UPNM kepada Jabatan Audit Negara bertarikh 12 April 2012.</p>

15.4.3.1.b	<p>Persekutuan Asrama</p> <p>Terdapat cerun di tepi loji rawatan kumbahan yang tidak ditanam dengan rumput yang boleh mengakibatkan hakisan tanah dan seterusnya boleh menjelaskan kekuatan struktur tanah.</p> <p>Pada pendapat Audit, perkara ini berpunca daripada kurang pemantauan oleh JKR Cawangan PROKOM terhadap kerja yang dijalankan oleh kontraktor. Sehubungan itu, JKR Cawangan PROKOM perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan kontraktor menanam rumput untuk menahan hakisan tanah.</p> <p><i>JKR memaklumkan penanaman rumput akan dibuat oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan yang akan berakhir pada 28 Disember 2013. JKR juga memaklumkan retaining wall mampu menahan pergerakan tanah sekiranya berlaku hakisan.</i></p>	<p>JKR memantau daripada masa ke semasa mengenai status keselamatan cerun tersebut.</p>
15.4.3.1.c	<p>Kualiti Bahan Binaan</p> <p>Bahan binaan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Lawatan Audit mendapati <i>crib wall</i> yang dibina di belakang blok asrama telah pecah serta selak pintu pagar di loji kumbahan asrama dan konduit mudah lentur di <i>air compressor house</i> telah berkarat.</p> <p>Pada pendapat Audit, <i>crib wall</i> yang telah pecah perlu dibaiki sementara selak pintu pagar serta konduit mudah lentur perlu dicat bagi mengelakkan daripada berkarat. JKR Cawangan PROKOM perlu memantau secara berterusan dan memastikan semua kecacatan dibaiki dengan segera oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p><i>JKR memaklumkan kontraktor akan membaiki crib wall yang pecah, dan menggantikan selak pintu pagar dan konduit mudah lentur yang berkarat dalam tempoh tanggungan kecacatan yang akan berakhir pada 28 Disember 2013.</i></p>	<p>Kebanyakan penemuan yang menjelaskan fungsi dan keselamatan telah diambil tindakan oleh pihak kontraktor dan sebahagiannya lagi yang tidak kritikal akan dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan sepatimana surat UPNM kepada Jabatan Audit Negara bertarikh 12 April 2012.</p>
15.4.3.1.d	<p>Saliran Air</p> <p>Pembinaan saluran air hujan di aras tangki air melibatkan isu reka bentuk yang serius dan boleh menyebabkan air melimpah memenuhi bilik tangki air. Reka bentuk juga didapati tidak mengambil kira aspek penyenggaraan, di mana sepatutnya saluran air hujan dialirkkan terus ke luar bangunan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR Cawangan PROKOM hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan bagi mengelakkan kecacatan menjadi lebih teruk dan menyebabkan kos baik pulih meningkat.</p> <p><i>JKR memaklumkan saluran air hujan dibina seperti dalam lukisan pembinaan, namun kontraktor akan memperkemaskan saluran untuk mengalirkkan air hujan.</i></p>	<p>JKR memaklumkan bahawa saliran air hujan telah diperkemaskan dan memantau daripada masa ke semasa mutu saluran tersebut.</p>

15.4.3.1.e	<p>Perubahan Reka Bentuk</p> <p>Perubahan reka bentuk dan pemasangan bilangan paip jenis PVC didapati di <i>reinforced concrete retaining wall</i> di mana terdapat perubahan daripada <i>100Ø PVC pipe at 750 c/c 2 Layers</i> kepada <i>100Ø PVC pipe at 4800 c/c</i>. Perubahan ini boleh menyebabkan pembentukan gelembung air dalam jangka masa pendek. Semasa lawatan tapak dibuat, pihak Audit mendapati pembentukan gelembung air pada permukaan <i>reinforced concrete retaining wall</i> tersebut. Bagaimanapun, sehingga 19 Mac 2012, kesan gelembung air tersebut telah dilepa dan dicat semula. Namun begitu, ia menjelaskan kestabilan struktur binaan dalam jangka masa panjang.</p> <p>Pihak Audit berpendapat JKR Cawangan PROKOM hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan bagi mengelakkan kecacatan menjadi lebih teruk dan menyebabkan kos baik pulih meningkat.</p> <p><i>JKR memaklumkan telah meminta pihak perunding mengemukakan justifikasi serta lukisan perubahan reka bentuk dan bilangan weepholes.</i></p>	<p>Kerja-kerja lepaan dan cat semula telah dilakukan oleh kontraktor. Justifikasi serta perubahan reka bentuk dan bilangan weepholes masih dalam peringkat pengesahan dan penilaian antara JKR dan perunding.</p>
15.4.3.2.a	<p>Kualiti Pembinaan</p> <p>Pemeriksaan Audit di Bangunan Akademik mendapati <i>vent pipe</i> tidak dipasang dengan saiz yang sama dan terdapat sambungan pada <i>vent pipe</i>. Penyambungan di antara saluran air hujan pula didapati tidak menggunakan <i>sleeve</i>, di mana <i>sleeve</i> sepatutnya dipasang semasa kerja penyambungan dijalankan. Lantai konkrit di bilik pam pula didapati tidak dibina dan hanya diletakkan pasir dan lepaan simen di atasnya. Di loji rawatan najis, didapati <i>trash screen</i> tidak dipasang di bahagian masuk ke <i>retention pond</i> serta tiada lantai konkrit dibina bagi mengalirkkan air daripada <i>weepholes</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR Cawangan PROKOM hendaklah memantau kerja yang dijalankan oleh kontraktor ketika projek sedang dalam pembinaan bagi memastikan kualiti kerja pembinaan oleh kontraktor.</p> <p><i>JKR memaklumkan pembinaan bagi bangunan akademik masih belum disiapkan sepenuhnya. Sehubungan itu, kerja pembaikan terhadap vent pipe, pemasangan sleeve dan lepaan simen akan dijalankan sebelum penyerahan bangunan akademik kepada UPNM. JKR juga memaklumkan berdasarkan spesifikasi dan lukisan pembinaan, trash screen hanya perlu dipasang di bahagian outlet retention pond. Air yang menitik daripada weepholes pula akan terus meresap ke dalam tanah dan akan diperkemas oleh kontraktor sebelum penyerahan bangunan akademik kepada UPNM.</i></p>	<p>Pemeriksaan akhir sebelum projek diserahkan akan dibuat antara pihak kontraktor, JKR dan UPNM bagi memastikan perkara ini diambil tindakan.</p>

15.4.3.2.b	<p>Tahap Keselamatan</p> <p>Tahap keselamatan di bangunan akademik kurang diberi perhatian seperti pemasangan papan suis di bawah sesalur air kumbahan yang boleh menyebabkan litar pintas dan merosakkan papan suis jika berlaku kebocoran.</p> <p>Pada pendapat Audit, tahap keselamatan yang kurang diberi perhatian boleh membahayakan pengguna. Sehubungan itu, JKR Cawangan PROKOM hendaklah memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera.</p> <p><i>JKR memaklumkan projek pembinaan bangunan akademik masih belum siap sepenuhnya. Kontraktor akan membuat penambahbaikan dengan memasang pelindung di bahagian atas papan suis.</i></p>	<p>Pemeriksaan akhir sebelum projek diserahkan akan dibuat antara pihak kontraktor, JKR dan UPNM bagi memastikan perkara ini diambil tindakan.</p>
15.4.3.2.c	<p>Bekalan Aset</p> <p>Sebahagian aset bagi kegunaan di bangunan akademik telah dibekalkan oleh pembekal, ditempatkan di kawasan terbuka, dan boleh terus digunakan oleh UPNM. Bagaimanapun, ia tidak dapat digunakan kerana kerja pembinaan masih berjalan.</p> <p>Pada pendapat Audit, aset yang diletakkan di ruangan terbuka boleh mengakibatkan kehilangan dan kerosakan. Di samping itu, aset yang dibekalkan semasa kerja pembinaan masih berjalan boleh menyebabkan kerosakan aset.</p> <p><i>JKR memaklumkan kontrak pembekalan perabot telah dilaksanakan di bawah kerja Provisional Sum yang telah dipersetujui di antara kontraktor, UPNM dan pembekal. Kerja pembekalan ini tidak dapat ditangguhkan walaupun kerja pembinaan belum disiapkan.</i></p>	<p>Tindakan dan pemantauan berterusan dibuat oleh JKR dan UPNM bagi memastikan arahan ini dipatuhi oleh kontraktor sehingga serahan projek dibuat.</p>
15.4.4.2	<p>Pemantauan Projek - Laporan Ketidakpatuhan</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011, JKR Cawangan PROKOM telah mengeluarkan 55 NCR kepada kontraktor terhadap kerja yang tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak. Sebanyak 41 NCR telah ditutup sehingga tarikh pengauditan dijalankan manakala 14 lagi masih belum ditutup sejak dikeluarkan dari bulan Februari hingga Oktober 2011. Semakan lanjut mendapati 7 NCR disiapkan antara 9 hingga 21 bulan dari tarikh yang dipersetujui manakala 34 NCR lagi diselesaikan dalam tempoh kurang dari 9 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatian kontraktor mengambil tindakan terhadap NCR yang dikeluarkan oleh JKR Cawangan PROKOM telah menyebabkan projek lewat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.</p> <p><i>UPNM memaklumkan JKR telah membuat pemantauan terhadap status penutupan NCR melalui mesyuarat di samping mengeluarkan surat peringatan dan amaran kepada kontraktor. JKR hanya mengiktiraf kerja pembinaan setelah NCR ditutup bagi</i></p>	<p>Tindakan dan pemantauan dibuat secara berterusan melalui Mesyuarat Tapak, Penilaian Kemajuan Kerja Dan Laporan Kemajuan Bulanan Projek.</p>

	<i>memastikan kualiti kerja kontraktor walaupun tindakan penyelesaian oleh kontraktor mengambil masa yang lama.</i>	
15.5.1	Syor Audit Pemilihan kontraktor yang dibuat perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan kerana pemilihan kontraktor yang kurang berkeupayaan akan menyebabkan kemajuan projek tergendala dan meningkatkan kos projek.	JKR dan UPNM telah mengambil maklum ulasan yang diberikan dan perhatian yang lebih serius akan diambil dalam penyediaan dan pengurusan projek-projek pembangunan di masa akan datang.
15.5.2	UPNM hendaklah membuat perancangan dan kajian terhadap tapak terlebih dahulu sebelum sesuatu kawasan dibangunkan bagi memastikan projek dapat dijalankan mengikut tawaran yang dibuat kepada kontraktor.	JKR dan UPNM telah mengambil maklum ulasan yang diberikan dan perhatian yang lebih serius akan diambil dalam penyediaan dan pengurusan projek-projek pembangunan di masa akan datang.
15.5.3	Tindakan pembetulan perlu diambil terhadap kecacatan dan ketidakpatuhan sebelum tamat tempoh kecacatan.	Pemantauan dan semakan senarai kecacatan dan kepatuhan dibuat mengikut prosedur JKR.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Perenggan 16 : Pengurusan Kemudahan Dan Ternakan Di Taman Pertanian Universiti

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.4.1.1.d	<p>Kompleks Rumah Sembelih Di UPM Kampus Bintulu</p> <p>Kelewatan pembelian dan penerimaan peralatan tersebut telah mengakibatkan Kompleks Rumah Sembelih tidak dapat beroperasi dan perbelanjaan berjumlah RM2.90 juta tidak dapat dimanfaatkan oleh UPMKB.</p> <p><i>Pihak UPMKB memaklumkan bahawa rumah sembelih tersebut belum beroperasi kerana terdapat kecacatan yang belum dibaiki oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, mesyuarat kerja kecacatan akhir pada 17 Februari 2011 bersetuju bahawa kerja baik pulih tersebut telah pun diambil tindakan.</i></p> <p><i>Pihak UPMKB juga memaklumkan kerja pemasangan peralatan telah disiapkan sepenuhnya pada bulan Februari 2012 dan tugas mula peralatan rumah sembelih telah dilakukan pada 29 Mac 2012.</i></p>	<p>Projek pembinaan Makmal Ruminan dan Rumah Sembelih lengkap dengan <i>incinerator</i> telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan RMK9 dengan kos sebanyak RM2.9 juta tidak termasuk peralatan. Mesin dan peralatan telah digugurkan daripada pakej projek asal disebabkan oleh peruntukan tidak mencukupi pada masa tersebut.</p> <p>Projek rumah sembelih telah disiapkan pada 21.10.2009 iaitu 4 bulan lewat daripada jangkaan asal. Walaupun telah siap tetapi rumah sembelih tersebut tidak dapat digunakan kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Bangunan belum sesuai untuk beroperasi akibat masih banyak kecacatan yang belum dibaiki oleh pihak kontraktor dan di antaranya adalah: - <ul style="list-style-type: none"> (i) Masalah pada Pintu Utama (senget dan berongga dari bingkai); (ii) Longkang tidak rata dan kasar – memerangkap air dan tanah; (iii) Penutup/penghadang angin tidak dipasang di bahagian atas; (iv) Bumbung rosak (v) Alas (<i>footing</i>) tiang lampu tidak mengikut spesifikasi dan bahagian atas lampu menakung air; (vi) <i>Chiller Room</i> – kotak elektrik tidak kemas dan terdedah serta berbahaya kepada pengguna; (vii) Pengunci tempat <i>loading and unloading</i> lembu belum dipasang; (viii) Pintu bilik-bilik individu juga didapati senget dan rosak; (ix) Di bilik <i>Main switch Board</i> (MSB) terdapat <i>Residual</i>

	<p><i>Current Circuit Breaker (RCCB) yang telah pecah dan merbahaya;</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (x) Pintu bilik MSB senget; (xi) Laluan lembu banyak rekahan pada simen lantai; (xii) <i>Incinerator</i> – bocor pada serombong asap; (xiii) Siling Rumah Sembelih cengkung; (xiv) Lampu <i>chiller</i> kadangkala menyala dan tidak menyala; (xv) Bumbung Rumah Sembelih rosak, berlubang dan bocor; (xvi) Lampu pejabat hampir jatuh; (xvii) Penutup <i>main hole</i> lantai tidak kemas; (xviii) Makmal – rekahan semakin besar di hadapan pintu dan bahagian lantai luar tingkap; (xix) Luar <i>chiller</i> – air bertakung kerana tiada salur keluar; dan (xx) Penghadang besi – saiz tidak sepadan dan terdapat rekahan simen sekitar penghadang. <p>Kecacatan di atas masih belum diambil tindakan oleh pihak kontraktor sehingga ke tarikh mesyuarat kerja-kerja kecacatan akhir <i>Certificate Make Good Defect</i> (CMGD) pada 29 September 2010 (Rabu) walaupun kontraktor telah berjanji untuk menyiapkannya.</p> <p>Oleh kerana masih tidak ada tindakan daripada pihak kontraktor selepas setahun daripada tarikh mesyuarat kerja-kerja kecacatan akhir, maka Dekan FSPM, UPMKB telah menghantar surat kepada konsultan agar perkara ini diambil tindakan segera. Dekan pada Konsultan bertarikh 25 Oktober 2010. Kelewatan membaiki kecacatan di atas telah mengakibatkan kelewatan perolehan peralatan-peralatan sembelih dan operasi rumah sembelih.</p> <p>Perolehan peralatan sembelih</p> <p>Dari segi perancangan, perolehan peralatan sembelih ditangguh sehingga bangunan dibaiki daripada kecacatan. Jika perolehan dibuat sebelum bangunan dibaiki, UPMKB terpaksa menanggung kos tambahan untuk memasang dan memindahkan peralatan sembelih dari tempat simpanan sementara serta kerugian dari segi tempoh jaminan (<i>warranty</i>) peralatan sembelih.</p> <p>Permohonan pembelian peralatan sembelih telah dimulakan sejak November 2009. Dalam proses ini, pihak UPMKB telah membuat <i>survey</i> dan lawatan ke kilang-kilang Rumah</p>
--	---

	<p>Penyembelihan Senawang dan National Feedlot Corporation, Negeri Sembilan pada 23 Mac 2010 serta Pusat Teknologi Daging Sabah pada 6 April 2010. Memandangkan peralatan untuk menyembelih di rumah sembelih di UPMKB agak berbeza dari segi saiz, kapasiti, <i>custom made</i> mahupun kaedah operasi berbanding alatan rumah sembelih komersial, perkara ini memerlukan masa untuk menyiapkan spesifikasi peralatan dan proses tender.</p> <p>Senarai terperinci peralatan sembelih yang telah dikenal pasti hasil daripada lawatan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Perbincangan Perincian Kemudahan/Kelengkapan Sembelih pada 30 Mac 2010. Peruntukan yang diperlukan untuk menampung pembelian Peralatan/Kelengkapan Sembelih dipohon melalui peruntukan tambahan RMK9 telah diluluskan melalui Mesyuarat JPU kali ke-369, Minit 369.09 (c) bertarikh 25 Mei 2010.</p> <p>Tender telah diiklankan pada 27 Ogos 2010 tetapi oleh kerana tiada petender yang menghantar dokumen pada tarikh tutup (21 September 2010), maka tarikh iklan dilanjutkan selama tujuh (7) hari lagi dari tarikh tutup asal. Pada tarikh tutup yang telah dilanjutkan, petender yang menyertai telah mengemukakan dokumen yang tidak lengkap. Susulan daripada itu, retender kali ke-2 telah dibuka pada 26 Oktober 2010 dan ditutup pada 9 November 2010. Kelulusan tawaran tender telah dikeluarkan oleh JKSH UPM pada 29 Disember 2010. Pesanan Belian (P.O) untuk pembekal:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Wira Ria Supply & Services Sdn. Bhd. dikeluarkan pada 18 Januari 2011. (ii) Modiezham Sdn. Bhd. dikeluarkan pada 14 Januari 2011. <p>Tarikh asal (8 Februari 2011) penyiapan perkhidmatan membekal dan memasang oleh Wira Ria Supply & Services Sdn. Bhd. telah dilanjutkan sehingga ke 11 September 2011 untuk memperbetulkan struktur siling bangunan bagi membolehkan pemasangan <i>electric hoist with hanger</i> dilakukan. Pemasangan peralatan tersebut telah disiapkan pada 28 Oktober 2011. Pembekal kedua pula ialah Modiezham Sdn. Bhd. Tarikh asal siap projek tersebut sepatutnya pada 11 Mac 2011 terpaksa ditangguhkan kerana menunggu sehingga kerja pemasangan peralatan oleh Wira Ria Supply & Services Sdn. Bhd. siap sepenuhnya. Oleh yang demikian, pembekal Modiezham Sdn. Bhd. telah dilanjutkan tempoh penghantaran sehingga 2 Disember 2011. Pihak pembekal mengimport peralatan dari</p>
--	--

	<p>Amerika Syarikat dan kerja pemasangan telah siap sepenuhnya pada 23 Februari 2012 dan dijangka dapat ditugasmula (<i>commissioning</i>) pada akhir Mac 2012.</p> <p>Sejajar dengan Misi UPMKB menjadi Pusat Pendidikan Tinggi Wilayah penting yang memberi sumbangan kepada pembangunan persekitaran intelektual, sumber tenaga dan sosio-ekonomi Sarawak khasnya dan Malaysia amnya, Kompleks Rumah Sembelih telah dibina di bawah RMK9 untuk tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan bagi melatih pelajar UPMKB menggunakan teknologi terkini dalam pemprosesan hasil ternakan yang diiktiraf serta jaminan kualiti yang terpelihara. (<i>Pensijilan MS ISO 9002, Veterinary Health Mark, Hazard Analysis and Centre of Critical Point, Good Animal Husbandry Practices, dan Good Manufacturing Practices</i>).</p> <p>Kompleks ini digunakan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pelajar program:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Bachelor Sains Bioindustri (ii) Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan (iii) Diploma Pengurusan Perladangan Makanan (iv) Diploma Pertanian <p>Dengan pasaran industri penternakan yang kian meningkat, pelajar akan diberi latihan yang berkualiti dan dapat mempertingkatkan penghasilan bahan makanan yang bermutu.</p> <p>Kemudahan rumah penyembelihan ini juga akan membolehkan UPMKB menjalankan penyembelihan ternakan halal untuk pasaran Bintulu dan kawasan sekitarnya selari dengan usaha serta matlamat negara untuk menjadi pengeluar makanan halal (<i>Halal Food Hub</i>) di samping melatih usahawan dalam sistem pengeluaran makanan halal. Kompleks tersebut juga akan digunakan untuk tujuan komersial dengan menawarkan perkhidmatan penyembelihan ternakan ruminan kepada agensi luar serta komuniti masyarakat setempat.</p> <p>Untuk menghadapi cabaran pelaksanaan AFTA dan perdagangan bebas dunia, rumah-rumah penyembelihan ternakan atau “<i>abattoir</i>” perlu dipermodenkan mengikut piawaian antarabangsa. Kaedah perundungan <i>“Meat Inspection Rules and Slaughter House Rules”</i> akan dikuatkuasakan untuk mengatur dan mengawal industri ternakan. Kemudahan ini akan membolehkan penggunaan kesemua bahan berkonseptan mesra alam dan menjamin kebersihan alam sekitar.</p>
--	---

	<p>(i) <i>Commissioning</i> telah dijalankan pada 29 Mac 2012 dengan kehadiran Ahli Pengurusan UPMKB, wakil pembekal peralatan serta turut hadir bersama Dr. Humrawali Khan (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Veterinar Sarawak). Seekor lembu telah disembelih untuk aktiviti <i>commissioning</i> tersebut.</p> <p>(ii) Penyembelihan kali ke-2 menggunakan kemudahan kompleks rumah sembelih telah dijalankan pada 22 April 2012.</p> <p>(iii) Bagi memaksimumkan penggunaan rumah sembelih UPMKB, satu perbincangan Penggunaan Rumah Penyembelihan (<i>Abattoir</i>) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak telah diadakan pada 11 Jun 2012 dengan dihadiri oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ahli Pengurusan UPMKB b) Wakil dari Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) c) Encik Zaiedy Nor Bin Abu Nasir (Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen P.217 Bintulu), d) Wakil Sarawak Economy Development Corporation (SEDC) e) Dr. Humrawali Khan (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak) f) Tuan Haji Yakup bin Kari (Residen Bahagian Bintulu) g) Pegawai Agama Islam Bahagian Bintulu h) 3 orang wakil ketua masyarakat Bahagian Bintulu <p>Perbincangan penggunaan bersama rumah sembelih dan isu berkaitan permohonan lesen dan sijil halal serta lawatan tapak bersama jemputan di atas telah diadakan pada hari yang sama (11 Jun 2012).</p> <p>(iv) Lawatan tapak susulan bersama pihak Bahagian Veterinar telah dibuat pada 12 Jun 2012 untuk mendapatkan Lesen Rumah Sembelih (<i>Abattoir/Meat Processing Factory</i>) dari Pengguna Veterinar Sarawak melalui sokongan dan pengesahan daripada Lembaga Sumber Asli dan Persekutuan Sarawak (NREB).</p> <p>(v) Penyembelihan kali ke-3 menggunakan kemudahan kompleks rumah sembelih telah dijalankan pada 13 Julai 2012 bersama 10 orang pelajar (Mentoree) yang menjalankan Program Mentor Mentoree Keusahawanan UPMKB (program dan aktiviti berimpak tinggi IPT, KPT)</p>
--	--

	<p>melalui Projek Keusahawanan Ternakan Ruminan untuk memberi pendedahan dan perkongsian bersama pelajar.</p> <p>(vi) Lawatan pemeriksaan oleh pegawai NREB pula telah diadakan pada 26 Julai 2012. Pihak UPMKB masih menunggu laporan pemeriksaan tersebut daripada ibu pejabat NREB di Kuching yang dimajukan melalui Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak di Kuching.</p> <p>(vii) Mulai tahun 2012, di Sarawak, sijil penyembelihan halal hanya akan dikeluarkan kepada individu yang berdaftar kepada Premis penyembelihan halal yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Bangunan dijangka beroperasi sepenuhnya setelah mendapat Lesen Rumah Sembelih dan Sijil Halal Rumah Sembelih.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>UPMKB masih menunggu Lesen Rumah Sembelih dikeluarkan oleh Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak, Kuching setelah Bahagian Veterinar, Kuching meneliti laporan pemeriksaan tapak yang dikemukakan oleh NREB.</p> <p>Selepas Lesen Rumah Sembelih dikeluarkan oleh Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak, Kuching barulah permohonan sijil penyembelihan halal daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dapat dibuat. Sijil Penyembelihan Halal oleh pihak JAIS bagi membolehkan bangunan ini beroperasi sepenuhnya akan dikeluarkan setelah UPMKB lulus segala kriteria yang ditetapkan oleh pihak JAIS.</p>
16.4.1.2.c	<p>Mesin Penyeragaman dan Penetasan Telur (Inkubator) Di Pusat Penetasan Unggas, UPM Kampus Bintulu</p> <p>Semakan Audit mendapati inkubator yang dibeli pada tahun 2006 telah digunakan untuk mengeram sebanyak 820 biji telur ayam dalam 6 kitaran bagi tahun 2011 berbanding dengan kapasiti 5,000 biji telur untuk satu kitaran. Selain itu, inkubator yang dibeli pada bulan Jun 2011 telah digunakan untuk mengeram sebanyak 950 biji telur berbanding dengan kapasiti sebanyak 2,500 biji telur untuk satu kitaran. Penggunaan kurang daripada kapasiti inkubator tersebut adalah disebabkan inkubator digunakan khusus untuk tujuan amali pelajar dan kesukaran mendapatkan bekalan telur yang subur (5000 biji) pada peringkat permulaan kerana pembekal utama di negeri Sarawak tidak dapat menyediakan kuantiti yang dipohon UPMKB kerana pihak pembekal hanya mampu membekal 10 hingga 20 ekor induk ayam dan telur subur tidak melebihi 100 biji. Selain itu, alat penetasan (<i>Ostrich Hatcher</i>) masih belum digunakan kerana telur burung unta yang dieramkan tidak</p> <p>UPMKB tidak mempunyai kemudahan pusat penetasan semasa pembukaan semula kampus pada Disember 2001.</p> <p>Program pengajian Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan (DKHP) mula ditawarkan di UPMKB pada Sesi 2005/2006. Bagi menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran pelajar DKHP tersebut, pembelian sebuah inkubator (kapasiti 2500 biji telur dengan fungsi dua dalam satu atau (<i>2 in 1</i>), iaitu kemudahan pengeraman dan penetasan) telah dibuat pada 06 Mac 2006 untuk memberi gambaran sebenar kepada pelajar inkubator yang digunakan oleh industri komersial.</p>

<p>mencapai tahap kesuburan yang diperlukan untuk ditetaskan.</p> <p><i>UPMKB memaklumkan bahawa inkubator pertama yang dibeli pada tahun 2006 digunakan khusus untuk tujuan amali pelajar dan ia tidak boleh digunakan untuk aktiviti lain supaya tidak menjelaskan perkembangan embrio dalam telur yang digunakan semasa amali. UPMKB juga telah menjalankan penternakan Day Old Chick (DOC) bermula bulan Januari 2012 bagi mengatasi masalah untuk mendapatkan bekalan breeder parent stock subur yang berumur 24 minggu. Selain itu, UPMKB dalam perancangan untuk mendapatkan bekalan parent stock dari luar negara bagi menampung kekurangan bekalan serta meningkatkan kepelbagaiaan genetik ternakan.</i></p>	<p>Pada masa itu, inkubator tersebut telah ditempatkan sementara di Bengkel Mekanisasi. Penempatan inkubator dipindahkan ke Unit Hortikultur pada November 2006 memandangkan ruang di Bengkel Mekanisasi digunakan untuk menempatkan mesin dan jentera pertanian. Seterusnya inkubator tersebut dipindahkan sekali lagi ke Makmal Fisiologi pada 08 Mac 2007 disebabkan gangguan aliran elektrik kerap kali berlaku di Unit Hortikultur yang tidak mempunyai janakuasa sokongan (<i>backup gensef</i>). Asas penggunaan inkubator pertama adalah untuk memenuhi dan menyokong keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan pelajar program:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan [Produksi Poltri (SHW 2501)] (ii) Diploma Pengurusan Perladangan Makanan [Produksi Poltri (SHW 2202 dan AHP 2502)] <p>Untuk mengamalkan segala teori yang dipelajari di bilik kuliah ke dalam bentuk amali di ladang, inkubator yang sedia ada yang diperolehi pada 06 Mac 2006 digunakan khusus hanya untuk pelajar yang menjalankan amali SHW 2501, SHW 2202 dan AHP 2502 sahaja kerana telur perlu ditetaskan secara serentak (<i>in batch</i>) supaya tidak menjelaskan perkembangan embrio (pertumbuhan anak ayam/puyuh dan lain-lain) dalam telur tersebut.</p> <p>Bagi pelajar program Diploma Pertanian yang mengikuti kursus Ladang Kongsi (PRT 1002) dan pelajar program Diploma Pengurusan Perladangan Makanan yang mengikuti kursus Projek Keusahawanan (EPP 2301 dan CEP 2305), setiap pelajar dikehendaki menjalankan projek ladang kongsi ayam dan tanaman.</p> <p>Konsep ladang kongsi adalah sebagai latihan amali kepada pelajar bagi merancang, membuat anggaran perbelanjaan, melaksana, mengurus dan memasarkan hasil ternakan ayam/ikan dan tanaman mereka mengikut cara atau kaedah seberapa hampir yang boleh dengan sistem perusahaan yang sebenar yang sedang diusahakan dalam perniagaantani di negara atau negeri ini. Segala input untuk menjayakan projek ladang kongsi ini akan dibiayai sepenuhnya oleh para pelajar sendiri manakala hasil jualan daripada projek juga akan menjadi milik pelajar sepenuhnya.</p> <p>Disebabkan UPMKB tidak mempunyai Pusat Penetasan sendiri serta ketiadaan pusat penetasan yang serupa di sekitar Bintulu-</p>
--	--

		<p>Miri-Sibu, maka pihak TPU, UPMKB mendapatkan bekalan anak ayam dan anak puyuh berumur sehari (DOC) bagi menampung kegunaan Latihan Ladang Kongsi dan Projek Keusahawanan pelajar daripada pembekal anak ayam di Kuching dan Institut Kemajuan Ternakan Ayam, Johor. Dengan cara ini, kos perolehan anak ayam/puyuh agak tinggi kerana penghantaran anak ayam dibuat melalui perkhidmatan kargo (kapal terbang). Perkhidmatan kargo menjadi pilihan disebabkan masa penghantaran dari Kuching ke UPMKB misalnya hanya makan masa sejam berbanding dengan sekiranya menggunakan pengangkutan darat yang memakan masa 10-12 jam. Kadar kematian juga akan meningkat jika menggunakan pengangkutan darat kerana anak ayam yang berumur sehari akan terdedah kepada tekanan akibat perjalanan yang jauh (609 kilometer).</p> <p>Perolehan bekalan anak ayam dari pembekal di Kuching kerap kali tidak dapat menampung bilangan (5000 ekor) yang diperlukan dan keboleh-dapatannya (<i>availability</i>) juga kerap tidak menepati jadual akademik pelajar disebabkan penawaran (<i>supply</i>) yang terhad. Dalam keadaan ini, pembekal cenderung untuk menawarkan bekalan anak ayam kepada penternak yang berdekatan kerana tidak melibatkan prosedur penghantaran yang kompleks berbanding menggunakan kargo/kapal terbang.</p> <p>Sehubungan dengan itu, pihak universiti mengambil inisiatif untuk menetaskan dan membekalkan <i>Day Old Chick</i> (DOC) untuk kegunaan pelajar yang menjalankan aktiviti kursus Ladang Kongsi dan Projek Keusahawanan bagi memastikan anak ayam yang diternak memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Ternakan TPU. Atas keperluan inilah, maka UPMKB mengesyorkan pembinaan Pusat Penetasan Unggas bagi menampung keperluan seperti di atas. Pusat ini telah dibina dan siap sepenuhnya pada Oktober 2009. Projek Pusat Penetasan Unggas telah diluluskan di bawah peruntukan <i>One-off</i> 2008 dengan kos sebanyak RM860,771 manakala pembelian peralatan inkubator kedua adalah di bawah peruntukan RMK9.</p> <p>Dengan adanya Pusat Penetasan ini, UPMKB dapat membekalkan DOC sendiri kepada pelajar yang menjalankan Latihan Ladang Kongsi dan Projek Keusahawanan (Diploma Pertanian dan Diploma Pengurusan Perladangan Makanan) bagi mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar. Di samping itu, UPMKB juga dapat membekal dan menjual DOC kepada petani/penternak di sekitar Bintulu bagi menjana pendapatan kepada universiti selain membantu petani/penternak di sekitar Bintulu mendapatkan bekalan anak</p>
--	--	---

	<p>ayam yang lebih murah berbanding jika mereka mendapatkannya daripada pembekal luar.</p> <p>Untuk menetaskan dan membekalkan anak ayam (poltri), UPMKB perlu mempunyai dan memelihara ayam pembiakbaakan. Namun demikian, UPMKB menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan <i>breeder parent stock</i> (ayam dara yang subur dan akan mula bertelur pada umur 24 minggu) walaupun usaha untuk mendapatkan <i>parent stock</i> telah dimulakan sejak 2008 kerana mulai tahun 2008 bekalan anak ayam untuk dijadikan <i>parent stock</i> kerap kali terhad dan sukar diperolehi daripada pasaran tempatan.</p> <p>Inkubator yang pertama digunakan khusus oleh pelajar DKHP [Produksi Poltri (SHW 2501)] dan pelajar DPPM [Produksi Poltri (SHW 2202 dan AHP 2502)] untuk tujuan amali dan tidak boleh digunakan untuk aktiviti lain supaya tidak menjelaskan perkembangan embrio dalam telur yang digunakan semasa amali tersebut.</p> <p>Tujuan asal pembelian inkubator yang kedua pula adalah untuk mengeluarkan anak ayam (poltri) bagi kegunaan projek ladang kongsi, yang mana sebanyak 5000 ekor anak ayam diperlukan bagi satu kitaran projek ladang kongsi. Kemudahan penggeraman dan penetasan (<i>incubator and hatcher</i>) pada inkubator kedua belum dapat dipenuhi ke kapasiti maksimum kerana bilangan <i>parent stock</i> belum dapat disediakan mengikut perancangan awal disebabkan bekalan ayam <i>parent stock</i> tidak dapat dibekalkan oleh pembekal utama di negeri ini mengikut bilangan yang dipohon UPMKB.</p> <p>Bagi mengatasi masalah untuk mendapatkan bekalan <i>breeder parent stock</i> subur yang berumur 24 minggu, maka mulai 04.01.2012, UPMKB sudah menjalankan penternakan <i>Day Old Chick</i> (DOC) untuk dijadikan <i>parent stock</i>. Dengan cara ini, anak ayam perlu dipelihara dan dijaga dari umur sehari sehingga berumur 24 minggu, iaitu umur bagi <i>parent stock</i> tersebut mula bertelur.</p> <p>Perancangan tambahan UPMKB untuk memaksimumkan kapasiti inkubator adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) mendapatkan bekalan <i>parent stock</i> dari luar negara bagi menampung kekurangan sementara <i>parent stock</i> ternakan produksi daging dan telur serta meningkatkan kepelbagaiaan genetik ternakan.
--	--

		<p>(ii) melaksanakan Program Mentor Mente Keusahawanan UPMKB (program dan aktiviti berimpak tinggi IPT, KPT) mulai April 2012 melalui Projek Keusahawanan Pernernakan Poltri dimana anak-anak ayam akan dibekalkan dari hasil penetasan inkubator tersebut.</p> <p>(iii) bekerjasama dengan Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak bagi menetaskan telur dan membekalkan anak ayam bagi melaksanakan aktiviti pengembangan komuniti, juga menggunakan kemudahan inkubator di UPMKB menjadikan pusat penetasan UPMKB sebagai sumber rujukan pihak luar dan penternak tempatan bagi mendapatkan latihan, pengetahuan, pendedahan dan khidmat nasihat berkenaan dengan pengurusan penetasan unggas selaras dengan konsep <i>1Bintulu Community Networking</i>.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya.</p>
16.4.1.3.b	<p>Kandang Kambing Di UPM Kampus Bintulu</p> <p>Lawatan Audit pada bulan November 2011, mendapati kandang B tidak digunakan sebab tidak ada bekalan air akibat tekanan air yang rendah. Pihak Audit dimaklumkan kandang B tidak digunakan sejak bulan Mei 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, perbelanjaan pembangunan kandang kambing berjumlah RM1 juta tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. UPM perlu mengkaji semula penggunaan kandang kambing untuk mengoptimalkannya.</p> <p><i>Pihak UPMKB memaklumkan bahawa Kandang A digunakan sebagai kandang kuarantin dan penggunaannya adalah bergantung kepada jumlah kambing yang sakit. Selain itu, masalah bekalan air di Kandang B juga akan diambil tindakan oleh pihak UPMKB selepas mendapat peruntukan dari Serdang. Bilangan kambing di Kandang Pembibitan pula tidak dimaksimumkan kerana ruang diperlukan untuk pembiakan.</i></p>	<p>Kandang A telah dibina pada tahun 2003 untuk tujuan pengajaran dan amali lapangan pelajar dengan kapasiti 30 ekor kambing. Pada masa itu, kandang tersebut telah digunakan untuk menempatkan 8 ekor kambing sumbangan Bahagian Veterinar Sarawak (31 Julai 2003) dan bilangan ini bertambah dengan kelahiran 12 ekor anak kambing. Pada tahun 2004, kes kematian mula dikesan. Mengikut amalan <i>Good Animal Husbandry Practices</i> (GAHP), ternakan yang sakit perlulah diasingkan daripada kumpulan ternakan yang sihat. Bagi tujuan ini, maka Kandang B telah dibina pada tahun 2005, dengan kapasiti 30 ekor kambing. Untuk mencapai kapasiti kandang sedia ada, maka pembelian ternakan 11 ekor (baka Katjang) telah dibuat 12 Disember 2007.</p> <p>Susulan daripada komen Audit Negara pada 2006 yang menyatakan bahawa jumlah ternakan dan kemudahan sedia ada tersebut tidak mencukupi bagi menampung kegunaan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pelajar Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan pengambilan pertama pada Sesi 2005/2006, maka kandang pembibitan telah dibina dan siap sepenuhnya pada 2008. Kandang pembibitan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu, Bahagian 1 untuk pembibitan, 2 untuk pembesaran dan 3 untuk penyelidikan.</p>

	<p>Bahagian 3 telah digunakan oleh En. Mohamad Nasir Hassan (Pensyarah UPMKB) bermula September 2009 hingga November 2011. Bilangan asal kambing di Bahagian 3 ialah sebanyak 60 ekor. Daripada 60 ekor tersebut, baki kambing yang tinggal di Bahagian 3 menjadi 19 ekor sahaja semasa pengauditan dijalankan kerana sebanyak 31 telah mati sepanjang projek penyelidikan dijalankan manakala 10 ekor telah dikorbankan untuk penyelidikan beliau ketika pengauditan dijalankan. Seterusnya untuk mempelbagai jenis baka ternakan kambing dan bebiri maka pada 17 Ogos 2009, UPMKB telah membeli sebanyak 28 ekor ternakan (baka Feral, Boer, Kalahari, Damara, Dorper dan Jamnapari).</p> <p>Ternakan di kandang B telah dipindahkan ke Kandang A pada Jun 2009 kerana masalah tekanan air yang rendah. Pada masa audit dijalankan, Kandang A telah dijadikan kandang khas/kuarantin untuk kambing Katjang sahaja untuk kegunaan pelajar Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan yang menjalani latihan amali mengenai cara-cara merawat ternakan manakala baka lain seperti Boer, Barbados Black Belly telah dipindahkan ke Kandang Pembiakbakaan.</p> <p>Bagi memudahkan pengurusan ternakan, Seksyen Ternakan mengambil keputusan untuk menempatkan ternakan dari Kandang B ke Kandang Pembiakbakaan memandangkan ruang kandang pembiakbakaan masih banyak ruang di samping menjimatkan utiliti serta penggunaan sumber manusia lebih efisien dan meningkatkan produktiviti kerja staf sebab tidak perlu mencuci kandang yang banyak dengan bilangan ternakan yang belum memenuhi kapasiti kandang. Selain itu, kandang pembiakbakaan juga sentiasa menjadi tumpuan lawatan pelajar dan masyarakat tempatan.</p> <p>Ringkasan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kandang A digunakan sebagai kandang kuarantin. Penggunaan kandang kuarantin tidak semestinya memenuhi kapasiti 30 ekor kerana bilangan yang dikuarantin adalah bergantung kepada kambing yang sakit. (ii) Masalah bekalan air di Kandang B akan diambil tindakan oleh Bahagian Pembangunan, UPMKB dalam masa terdekat selepas mendapat peruntukan dari Serdang. (iii) Bilangan kambing di Kandang Pembiakbakaan sekarang ialah sebanyak 63 ekor. Kapasiti 100 tidak dimaksimumkan
--	---

		<p>kerana UPMKB perlu menyediakan dan mengagihkan ruangan bagi menampung kambing yang beranak selaras dengan fungsi kandang ini sebagai kandang pembiakbakaan.</p> <p>Bekalan air di Kandang B masalah air akan diselesaikan sebaik sahaja mendapat peruntukan yang dimohon.</p> <p>Bagi memaksimumkan kapasiti kandang, UPMKB akan menjalankan program pembiakbakaan dan penggemukan ternakan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan produksi komersial. Selain itu, Program Mentor Mentee Keusahawanan UPMKB (program dan aktiviti berimpak tinggi IPT, KPT) melalui Projek Keusahawanan Ternakan Ruminan akan dijalankan menggunakan kandang pembiakbakaan mulai April 2012.</p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya pada 25 Julai 2012.</p>
16.4.1.4	<p>Kandang Kuda Di UPM Kampus Serdang</p> <p>Pada tahun 2003, UPM telah membina sebuah kandang kuda lagi (B) di Kompleks Ekuin tersebut dengan kos berjumlah RM1.88 juta yang boleh menempatkan sebanyak 19 ekor kuda. Lawatan Audit ke Kompleks Ekuin pada bulan Oktober 2011 mendapati kandang kuda (A) menempatkan 20 kuda sahaja manakala tidak ada kuda di kandang B. Semakan Audit mendapati kandang B telah disewakan kepada orang perseorangan, Institut Sukan Negara dan <i>Royal Terengganu Endurance Stable (RTES)</i> dengan pulangan sewa berjumlah RM265,830 dari tahun 2005 sehingga 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPM perlu membuat perancangan untuk meningkatkan penggunaan kandang kuda selaras dengan fungsi utama Unit Ekuin supaya dapat memanfaatkan sepenuhnya.</p> <p><i>Pihak UPM memaklumkan bahawa fungsi utama Unit Ekuin ialah untuk pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Bagaimanapun, usaha akan dipertingkatkan supaya penggunaan kemudahan di unit ini dapat menjana pendapatan Universiti.</i></p>	<p>Unit Ekuin ditubuhkan di bawah Fakulti Perubatan Veterinar yang mana fungsi utamanya ialah untuk pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.</p> <p>Unit ini digunakan sepenuhnya oleh pelajar Doktor Perubatan Veterinar bagi latihan praktik untuk tahun 4 dan tahun 5. Selain daripada itu ia juga digunakan untuk pelajar-pelajar kokurikulum berkredit dan untuk pengajian kes rawatan penyakit. Di samping itu unit ini juga memberi perkhidmatan latihan menunggang kuda kepada warga kampus dan orang awam, walaubagaimana pun perkhidmatan ini agak terhad.</p> <p>Berdasarkan faktor ini tujuan utama unit ekuin bukanlah untuk penjaan pendapatan dimana keutamaan masih diberikan kepada pengajaran dan penyelidikan. Usaha akan di pertingkatkan lagi untuk menggunakan kemudahan ini untuk penjaan pendapatan.</p> <p>Mulai 2002, Unit Ekuin telah diletakkan di bawah pengurusan Taman Pertanian Universiti (TPU) bagi membolehkan penglibatan aktiviti berkuda sepenuhnya oleh warga kampus.</p> <p>Jumlah kuda di Unit Ekuin sentiasa berubah dan perubahan adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kelahiran anak kuda (ii) Keluar masuk kuda dari Unit Ekuin ke Fakulti Perubatan

	<p>Veterinar bagi program biakbaka</p> <p>(iii) Sumbangan kuda oleh pihak awam</p> <p>(iv) Penyewaan stabel kuda</p> <p>Antara program pengajaran yang menggunakan kemudahan di Unit Ekuin adalah seperti:-</p> <p>(i) VPK3610 – Kemahiran Klinikal (<i>Clinical Skills -Ruminant Rotation</i>)</p> <p>(ii) VPK3120 – Anestesiologi dan Surgeri Am (<i>Veterinary Anaesthesiology and General Surgery</i>)</p> <p>(iii) VPK3800 - Teriogenologi Veterinar (<i>Veterinary Theriogenology</i>)</p> <p>(iv) VPK3710 - Klinik Veterinar I (<i>Veterinary Clinic I</i>)</p> <p>Di samping pendapatan sewaan sebanyak RM55,830 yang telah diterima, Unit Ekuin juga telah menerima sebanyak RM140,000 bayaran sewaan dari Institut Sukan Negara pada 4 April 2011.</p> <p>Semasa lawatan audit pada bulan Oktober 2011, sebanyak 10 stable di kandang B telah diperuntukkan dengan kuda Royal Terengganu Endurance Stable (RTES). Walau bagaimanapun, semasa tempoh tersebut kuda-kuda berkenaan berada di lapangan/menyertai pertandingan ekuestrian.</p> <p>Kemudahan ini masih berterusan sehingga kini.</p> <p>Bagi baki 10 stable yang masih kosong, promosi Penyewaan sedang dibuat seperti yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hebahian telah dimuatkan dalam laman sesawang beserta harga yang ditawarkan. • Promosi ditingkatkan dengan menghubungi individu dan pihak yang berminat. <p>Untuk pendapatan dari Januari hingga Jun 2012 pendapatan Unit Ekuin adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas Menunggang Kuda – RM 11,700.00 2. Penyewaan Stable – RM 7,500.00 3. Penyewaan Kuda – RM 215.00 <p>Pada amnya pasaran untuk sukan ekuin tidak banyak dan tertumpu kepada ‘Turf Club’, Kelab menunggang individu, PDRM, DBKL dan seumpamanya. Walau bagaimanapun Unit</p>
--	--

		Ekuin akan terus berusaha untuk menambahkan pendapatan dengan mengiklan dan berhubung terus kepada individu mengenai kemudahan menunggang dan stable yang ada. Untuk menambah pendapatan juga perkhidmatan 'kahwin' kuda betina dari luar menggunakan penjantan Unit Ekuin akan diuruskan sedikit masa lagi dengan tujuan penjanaan pendapatan.
16.4.1.5.b	<p>Reban Ayam Tertutup Di Ladang Puchong</p> <p>Lawatan fizikal di Ladang Puchong pada bulan November 2011 mendapati, hanya satu daripada 2 buah reban ayam digunakan untuk menternak burung puyuh. Sebuah lagi reban ayam didapati terbiar dan tidak digunakan sejak tahun 2009</p>	Aktiviti penternakan ayam telah dimulakan pada bulan Disember 2007 dan hasil ternakan ayam telah mula dipasarkan pada 15 Januari 2008. Cadangan aktiviti penternakan semula telah ditetapkan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar yang mendaftar semester kedua sesi 2007/2008.
16.4.1.5.c	<p>Reban ayam tersebut tidak digunakan kerana Fakulti Pertanian tidak mendapat peruntukan untuk melaksanakan program ternakan ayam seperti yang dirancang. Selain itu, reban tidak digunakan sepenuhnya bagi program ternakan burung puyuh kerana staf yang menguruskannya masih belum mahir. Ini juga bagi mengelakkan kerugian akibat kadar kematian burung puyuh yang tinggi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan reban ayam tertutup tidak dirancang dengan teliti oleh Fakulti Pertanian kerana gagal memperoleh peruntukan untuk melaksanakan program ternakan ayam. Ini menjelaskan pembelajaran pelajar untuk mendapat latihan amali dalam bidang penternakan ayam. Dengan ini perbelanjaan pembangunan reban ayam tertutup berjumlah RM292,950 tidak mencapai objektif Fakulti Pertanian untuk meningkatkan kemahiran pelajar.</p> <p><i>Pihak UPM memaklumkan sehingga kini, kedua-dua reban telah digunakan secara giliran bagi tempoh 2 hingga 3 minggu untuk membolehkan pemuliharaan reban dijalankan.</i></p>	<p>Walau bagaimana pun disebabkan terdapat kerosakan ke atas alatan untuk kemudahan pemakanan ternakan serta kedudukan lokasi yang kurang sesuai untuk pelajar-peajar menguruskan aktiviti penternakan maka aktiviti penternakan ayam telah dihentikan bagi mengelakkan kos yang tinggi.</p> <p>TPU telah mengambil inisiatif untuk menternak itik bagi menggantikan penternakan ayam tetapi aktiviti ini kurang sesuai dengan kemudahan yang sedia ada dan tidak menguntungkan. Sehubungan dengan itu, pihak TPU telah mengambil keputusan untuk memulakan penternakan puyuh dengan menggunakan hanya sebuah reban sahaja dahulu untuk melihat keberhasilannya.</p> <p>Pihak TPU telah merancang untuk menghantar kakitangan yang terlibat bagi menghadiri latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan kemahiran kakitangan didalam penternakan puyuh. UPM akan meneruskan usaha penternakan puyuh dengan menggunakan kemudahan sediaada dikedua-dua reban ayam selaras dengan hasrat UPM untuk meningkatkan penjanaan pendapatan Universiti.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Staf menimba pengalaman secara langsung melalui aktiviti tiga (3) pusingan ternakan puyuh serta menerima latihan kemahiran daripada Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia.</p> <p>Selain daripada meneruskan penternakan puyuh di reban tersebut, TPU juga telah menghantar 3 orang staf untuk</p>

		<p>menjalani kursus ternakan puyuh pada 27 - 28 Jun 2012 di tempat pengusaha penternakan puyuh kormesial di Sungai Siput Perak.</p> <p>Sehingga kini, kedua-dua reban telah digunakan secara giliran bagi tempoh 2-3 minggu untuk membolehkan pemuliharaan reban dijalankan.</p> <p>Hasil pendapatan jualan puyuh bagi tahun 2011 dicatatkan sejumlah RM10,325 dan bagi tahun 2012 (sehingga Mei) berjumlah RM6,050.</p> <p>Pihak TPU sedang mempertimbang permohonan daripada bekas peserta Program Inkubasi Usahawantani, Fakulti Pertanian untuk menyewa satu unit reban untuk projek ternakan</p> <p>Reban ayam tidak digunakan oleh Fakulti Pertanian bukan disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan tetapi adalah disebabkan oleh kedudukan lokasi yang kurang sesuai untuk aktiviti pengajaran kerana pelajar terpaksa berulang alik secara kerap dari kampus utama ke kawasan lokasi.</p>
16.4.2.1	<p>Kandang Fidlot Ladang 15, UPM Serdang</p> <p>Lawatan Audit mendapati tiada sistem pengaliran air yang teratur dan sempurna disediakan di kandang fidlot Ladang 15, Serdang dan kandang burung unta di Bintulu.</p> <p>Sistem pengaliran air yang tidak teratur menyebabkan air mudah bertakung dan berlumpur di hadapan kandang apabila musim hujan. Keadaan ini boleh menyebabkan pembiakan kuman dan serangan penyakit kepada ternakan.</p>	<p>UPM Serdang - Kandang fidlot di ladang 15 hanya digunakan untuk penempatan sementara sahaja. Ia digunakan untuk aktiviti <i>seasonal mating</i> (dikahwinkan) dan bangunan ini akan dirobohkan bagi menempatkan projek <i>Animal House</i> yang akan diuruskan oleh Institut Biosains.</p> <p>UPM Serdang - Ternakan berkenaan telah dipindahkan ke Ladang 16 kesemuanya. Sebuah bangunan fidlot yang baru telah siap dibangunkan di ladang 16 walaupun saiznya kecil sedikit kerana peruntukan yang terhad. Sebilangan lembu telah ditempatkan di fidlot yang baru siap dibina di ladang 16, TPU, Serdang dan sebahagiannya dipindahkan ke kawasan ladang ragutan .</p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya dengan perpindahan ternakan tersebut di lokasi yang baru.</p> <p>Status terkini Untuk kandang burung unta di UPMKB, burung unta tersebut adalah sumbangan Jabatan Pertanian Sarawak pada tahun 2005 untuk tujuan pengajaran dan rekreasi berbanding untuk pengeluaran daging atau telur sebanyak 2 ekor dan telah ditempatkan bersebelahan dengan kandang</p>

		<p>fidlot lembu pedaging (Ladang Kongsi 1, TPU, UPMKB).</p> <p>Burung unta tersebut telah dipindahkan ke Biopark, UPMKB pada 6 April 2010 sebelum kerja naiktaraf kandang lembu fidlot dijalankan pada (13 Mei 2010 hingga 18 September 2010).</p> <p>UPMKB akan mengambil tindakan susulan seperti yang disyorkan oleh audit dengan membina parit perimeter dan pondok teduhan dalam masa terdekat serta menghampar batu 'kelikir' di lantai kandang burung unta di Biopark, UPMKB supaya sentiasa dalam keadaan kering.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya pada 25 April 2012.</p>
16.4.2.2	Lawatan Audit di Ladang 15, Serdang mendapati bumbung kandang fidlot lembu pedaging mengalami kerosakan sejak tahun 2008 dan tidak dibaiki	<p>Kandang fidlot di ladang 15 akan dibuat proses pelupusan dan akan dirobohkan bagi menempatkan projek <i>Animal House</i> yang akan diuruskan oleh Institut Biosains.</p> <p>Lawatan tapak oleh Jawatankuasa Pelupusan ialah pada 20 Mac 2012. Bangunan fidlot tersebut telah dilupuskan sepenuhnya pada 18 Mei 2012. Nombor rujukan pelupusan ialah 31/2012 dan tidak digunakan lagi dan tiada ternakan lagi di lokasi.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya.</p>
16.4.2.3	<p>Pembersihan lantai kandang yang tidak dilakukan secara berkala menyebabkan lantai tersebut menjadi licin. Selain itu, pembinaan lantai kandang lembu tenusu di Bintulu yang rata dan tidak mencuram ke sistem saliran air menyebabkan air sentiasa bertakung dan sukar untuk dibersihkan. Keadaan ini boleh menyebabkan pembiakan bakteria dan serangan wabak penyakit terhadap ternakan serta membahayakan staf dan pelajar semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Lawatan Audit mendapati lantai di kandang lembu tenusu di Serdang dan Bintulu licin dan berlumut serta tidak disenggarakan dengan baik. Bagaimanapun, selepas teguran audit tindakan pembersihan telah diambil.</p> <p><i>Pihak UPM Serdang memaklumkan lantai di kandang lembu tenusu dicuci setiap hari selaras dengan tahap kebersihan yang diperlukan bagi memproses pemerasan susu. Bagaimanapun, kualiti lantai simen adalah kurang sesuai dan pihak TPU telah mengambil tindakan untuk menaik taraf lantai dan dinding kandang tersebut.</i></p> <p><i>Pihak UPMKB pula memaklumkan lantai di kandang lembu tenusu direka bagi</i></p>	<p>UPM Serdang - Pembinaan Lantai kandang lembu tenusu dengan perlukaan baru telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Pemasangan tile pada dinding kawasan pemerasan susu telah dibuat agar kelihatan lebih kemas dan menarik. Insiden lantai licin telah dapat diibaiki</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya.</p> <p>UPMKB – Lantai adalah direka sedemikian bagi memudahkan pengumpulan najis ternakan untuk dijadikan baja kompos. Bagi memastikan kebersihan kandang, seorang staf (pekerja awam) ditugaskan untuk mengumpul najis dan membersihkan kandang setiap hari. Staf ini (pekerja awam) dipantau oleh Pembantu Pertanian.</p>

	<p>memudahkan pengumpulan najis ternakan untuk dijadikan baja kompos. Bagaimanapun, pengubahsuai kecerunan lantai akan dilakukan secara berperingkat mulai bulan Mei 2012 supaya lantai tidak menakung air serta memudahkan kerja-kerja pembersihan kandang dilakukan.</p>	<u>Status Terkini 6 September 2012</u> <p>Tiada isu lagi sebab sudah diambil tindakan pembetulan dengan menugaskan secara sepenuh masa seorang staf (pekerja awam) untuk mengumpul najis dan membersihkan kandang setiap hari dengan dipantau oleh Pembantu Pertanian.</p>
16.4.2.4	<p>Stor Baja Ladang 15</p> <p>Lawatan Audit mendapati pintu dan siling stor baja ini telah mengalami kerosakan sejak tahun 2010 dan tiada tindakan pemberian dibuat sehingga bulan November 2011. Keadaan pintu stor yang usang dan tidak berjeriji boleh menyebabkan stor terdedah kepada risiko kehilangan dan kecurian.</p> <p><i>Pihak UPM memaklumkan kerosakan stor di Ladang 15 telah dibaiki dan pihak TPU dalam perancangan untuk membina stor baja dan makanan ternakan di Ladang 16 bagi memudahkan pengurusan pembajaan dan penyimpanan makanan ternakan serta dapat meningkatkan kawalan keselamatan kerana lebih dekat dengan Ladang ternakan.</i></p>	<p>Kerosakan telah dibaiki dan di samping itu TPU didalam perancangan untuk membina stor baja dan makanan ternakan di Ladang 16 bagi memudahkan pengurusan pembajaan dan penyimpanan makanan ternakan serta dapat meningkatkan kawalan keselamatan. Di samping itu lokasi cadangan stor di Ladang 16 adalah lebih bersesuaian kerana lebih dekat dengan tempat kegunaan.</p> <p>UPM juga akan mengadakan latihan pengurusan stor pada 15 Mac 2012 bagi meningkatkan kemahiran pengurusan stor kepada semua kakitangan yang terlibat dengan pengurusan stor khasnya. Pihak TPU akan membuat pemantauan pengurusan setor secara berterusan bagi memastikan keberkesanan latihan.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Oleh kerana kawasan akan diambil alih oleh Institut Biosains pengurusan TPU telah meluluskan peruntukan RM66,000.00 untuk pembinaan setor makanan dan setor baja yang baru dengan ciri keselamatan dan pergerakan bekalan keluar masuk yang lebih baik dan mengikut kaedah yang ditetapkan.</p>
16.4.3.1.b	<p>Stok Makanan Lembu – Palm Kernel Pallet (PKP)</p> <p>Analisis Audit selanjutnya mendapati jumlah penghantaran bekalan makanan tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kuantiti yang sepatutnya dibekalkan adalah sebanyak 7,940 beg berbanding kuantiti yang direkodkan dalam buku log sebanyak 7,490 beg. Ini menyebabkan kuantiti yang diterima bagi tempoh tersebut telah terkurang sebanyak 450 beg. Pembayaran telah dibuat kepada pembekal dan mengikut perkiraan Audit, UPM telah terlebih bayar sejumlah RM13,275. Selepas teguran Audit, UPM membuat semakan semula stok bekalan tersebut dan telah mendapat balik kekurangan stok sebanyak 450 beg.</p> <p><i>Pihak UPM memaklumkan perbezaan penghantaran sebanyak 450 beg adalah disebabkan oleh pertindihan di antara pesanan bekalan baru dan lama. Pihak pembekal telah menghantar semula perbezaan tersebut pada 7 Disember 2011.</i></p>	<p>Penghantaran tidak dapat dibuat mengikut jadual yang tercatat kerana jadual penghantaran terlalu rapat dan banyak bekalan terpaksa diterima pada satu-satu masa. Kekurangan tempat penyimpanan yang mencukupi juga menambah kesukaran untuk mematuhi jadual ini. Makanan akan dicemari kulat tahi atau kencing tikus akibat simpanan terlalu lama didalam stor. Dengan itu bekalan yang selalu diterima adalah dalam jumlah kecil dan mengambil masa untuk menghabiskan penghantaran bagi satu-satu pesanan.</p> <p>Berikutnya daripada situasi ini maka berlaku pertindihan di antara pesanan tempatan baharu dan lama yang masih belum selesai.</p>

		<p>Justeru itu terdapat perbezaan penghantaran sebanyak 450 beg dan pihak pembekal telah menghantar semula bekalan sebanyak 450 beg PKP pada 7 Disember 2011.</p> <p>Di samping itu juga pihak TPU akan menganjurkan latihan pengurusan stor pada 15 Mac 2012 kepada semua staf yang terlibat dengan pengurusan stor bagi meningkatkan kemahiran mereka. Pihak pengurusan TPU akan mengambil tindakan yang berkesan bagi memastikan perkara tidak berulang.</p> <p>Pegawai yang ditugaskan di Unit Ekuin adalah seorang Penolong Pegawai Veterinar yang berkemahiran dalam bidang pemakanan dan penjagaan kuda. Pegawai ini tiada pendedahan sepenuhnya tentang pengurusan setor.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Dengan kursus yang dihadiri akan meningkatkan kemahiran pegawai terlibat. Peruntukan untuk pembinaan stor makanan yang baru juga telah diluluskan dan projek pembinaan akan dimulakan dalam masa terdekat dan ianya akan dapat menyelesaikan masalah ini sepenuhnya</p>
16.4.3.2.b	<p>Stok Makanan Kuda</p> <p>Semakan Audit mendapati penghantaran stok makanan kuda dilakukan secara berperingkat. Analisis terhadap rekod penerimaan stok di buku log dan nota penghantaran mendapati kuantiti stok makanan tidak mengikut pesanan atau kontrak yang ditetapkan. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pegawai penerima dilantik secara bertulis bagi memastikan stok makanan ternakan yang diterima mengikut kuantiti dan spesifikasi yang ditetapkan. Ini menyebabkan UPM telah terlebih bayar kepada pembekal sejumlah RM101,553.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPM hendaklah sentiasa memantau tugas pegawai stor dan memastikan tatacara pengurusan stor dipatuhi. Latihan secukupnya perlu diberi kepada pegawai stor yang terlibat supaya stor dapat diurus dengan cekap. Pengesahan penerimaan bekalan hendaklah dibuat oleh pegawai penerima stor yang dilantik sebelum pembayaran dibuat.</p> <p><i>Pihak UPM memaklumkan bahawa pihak pembekal akan menghantar semula perbezaan stok makanan bagi PO4107, PO4319, PO4779 dan PO5144 berjumlah RM46,599 secara berperingkat bermula bulan Mei hingga Julai 2012. Selain itu, pihak pembekal juga telah selesai menghantar perbezaan bekalan bagi PO5163, PO5450 dan PO5716 berjumlah RM54,954 pada bulan November 2011 hingga Februari 2012. Pegawai yang mengesahkan terimaan makanan ternakan juga telah diberi surat kuasa dan diberikan kursus pengurusan stor bagi meningkatkan</i></p>	<p>Penghantaran stok makanan kuda dilakukan secara berperingkat bagi memenuhi beberapa keperluan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Ruang simpanan makanan yang terhad, makanan tersebut perlu ditempatkan di tempat yang bersesuaian bagi mengelakkan pencemaran. (ii) Memenuhi keperluan semasa mengelakkan tarikh luput, jumlah yang dibekal untuk memenuhi keperluan semasa sahaja. (iii) Pembekal yang agak terhad (iv) Makanan perlu diimport dari luar negara (Australia). (i) Menjaga kualiti makanan yang dibekalkan. <p>Pegawai yang ditugaskan di Unit Ekuin adalah seorang Penolong Pegawai Veterinar yang berkemahiran dalam bidang pemakanan dan penjagaan kuda. Pegawai ini tiada pendedahan sepenuhnya tentang pengurusan setor.</p> <p>TPU melantik hanya satu pembekal yang akan membekalkan makanan kuda pada satu-satu tempoh dan bayaran akan</p>

	<p><i>kemahiran terhadap tatacara pengurusan stor.</i></p>	<p>dibuat secara berperingkat mengikut bekalan yang diberikan. Walaubagaimana pun setelah proses penyesuaian dilakukan terdapat perbezaan diantara nota hantaran dengan daftar didalam buku log.</p> <p>Pihak TPU telah membuat semakan seperti makluman di bawah, dan juga sedang membuat semakan secara terperinci antara buku log dan nota hantaran bagi menentukan jumlah sebenar terimaan bagi semua pesanan yang di senaraikan oleh pihak audit. Pada masa yang sama pihak TPU akan menghubungi pembekal berkenaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan bagi membantu pihak TPU membuat pelarasian. Walau bagaimana pun bagi Bekalan pesanan belian bernombor PO5163 dan PO5450 pula perbezaan sebenarnya adalah disebabkan pertukaran bekalan yang dipesan dengan bekalan yang diperlukan pada sesuatu masa. Pertukaran makanan adalah perlu bagi menyesuaikan keadaan kesihatan kuda pada masa tersebut.</p> <p>Untuk perolehan bagi pesanan belian P05716, bekalan tidak dapat diterima pada masa yang ditetapkan kerana kekangan ruang. Atas dasar kepercayaan oleh kerana syarikat telah berurusn bagi tempoh yang agak lama dan berdasarkan prestasi pembekal yang sangat memuaskan, pegawai berkenaan membenarkan syarikat membekal makanan secara berperingkat. TPU membuat pembelian terus melalui pesanan belian bernombor PO5716 dan bekalan telah diterima. Mengikut peraturan Universiti pegawai penerima mestilah berjawatan tetap dan ditugaskan untuk menjaga setor (dinyatakan didalam senarai tugas) pegawai berkenaan, manakala pegawai yang mengesahkan terimaan telah diberi surat kuasa. UPM telah mengadakan kursus pengurusan stor bagi meningkatkan kemahiran kakitangan dan akan menganjurkan kursus tersebut secara berterusan.</p> <p>Disamping itu juga UPM akan meningkatkan pemantauan bagi memastikan staf yang terlibat dengan pengurusan kewangan memahami prosidur pengurusan kewangan serta meningkatkan akauntabiliti mereka.</p> <p>TPU melantik hanya satu pembekal yang akan membekalkan makanan kuda pada satu-satu tempoh dan bayaran akan dibuat secara berperingkat mengikut bekalan yang diberikan. Walaubagaimana pun setelah proses penyesuaian dilakukan terdapat perbezaan diantara nota hantaran dengan daftar</p>
--	--	--

		<p>didalam buku log.</p> <p>Pihak TPU telah membuat semakan seperti makluman di bawah, dan juga sedang membuat semakan secara terperinci antara buku log dan nota hantaran bagi menentukan jumlah sebenar terimaan bagi semua pesanan yang di senaraikan oleh pihak audit. Pada masa yang sama pihak TPU akan menghubungi pembekal berkenaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan bagi membantu pihak TPU membuat pelarasan.</p>
16.4.4.1.a	Pengeluaran Stok Baja Tidak Mengikut Kaedah MDKD Semakan selanjutnya mendapati staf stor tidak mengamalkan pengeluaran stok mengikut kaedah masuk dahulu keluar dahulu (MDKD).	
16.4.4.1.b	Kaedah pengeluaran ini tidak dapat diamalkan kerana baja tidak disusun secara teratur dan sistematik. Pegawai yang kurang berpengetahuan dan tidak mendapat latihan yang secukupnya mengenai tatacara pengurusan stor juga merupakan antara sebab perkara ini berlaku. Kesannya sebanyak 14 beg baja bernilai RM1,099 telah menjadi keras dan tidak dapat digunakan untuk pembajaan	<p>UPM telah menganjurkan kursus pengurusan stor sebanyak 2 kali iaitu pada 22 Mac 2010 dan 6 Mei 2011 bagi meningkatkan kemahiran pengurusan stor selaras dengan keperluan Pekeliling Kerajaan untuk pengurusan stor.</p> <p>Walau bagaimanapun UPM akan menganjurkan kursus pengurusan stor secara berterusan. Bagi tahun 2012 kursus pengurusan setor akan diadakan pada 15 Mac 2012 bagi memantapkan kemahiran pengurusan stor untuk staf TPU khasnya dan tindakan yang sama juga akan dibuat untuk Pusat Tanggungjawab yang lain. Pihak TPU akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanannya.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Dengan pembinaan setor baja dan makanan yang baru diluluskan peruntukan dijangka masalah ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya.</p>
16.4.4.2.a	Penyusunan Stok Tidak Teratur dan Sistematis Pihak Audit mendapati kaedah penyusunan stok di stor makanan ayam Kampus Bintulu dan stor makanan lembu Kampus Serdang adalah tidak teratur serta tiada lorong laluan disediakan	<p>UPM Serdang - Stok telah disusun semula dan UPM juga akan sentiasa berusaha untuk memberi latihan pengurusan stor kepada semua staf yang terlibat bagi meningkatkan kemahiran mereka agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan.</p>
16.4.4.2.b	Perkara ini berlaku disebabkan staf TPU kurang diberi pendedahan dan latihan mengenai tatacara pengurusan stor. Penyusunan stok yang tidak teratur telah menyebabkan ketepatan baki stok sebenar berbanding jumlah baki yang direkodkan di dalam buku log tidak dapat disahkan dan pemeriksaan stok juga sukar dijalankan oleh staf TPU.	<p>UPMKB - Susunan sedemikian adalah bagi menjimatkan ruang kontena. Keperluan makanan atau stok untuk setiap projek ternakan ayam yang dimasukkan dalam ruang kontena hanyalah mencukupi bagi menampung makanan ternakan untuk tempoh masa 1 kitaran penternakan kerana</p>

		<p>pengiraan keperluan makanan telah dibuat awal. Saiz ruang kontena penyimpanan makanan = 38' x 7'.</p> <p>UPMKB - Menggunakan khidmat Pembantu Pertanian untuk menjaga stor selaras dengan konsep <i>multi-tasking</i> sebab tiada kerani stor khas untuk menjaga stor dan menguruskan stok. Beliau juga akan sentiasa peka dengan stok peralatan pertanian yang digunakan untuk mengajar pelajar di lapangan.</p> <p>Stok makanan ayam telah disusun secara sistematik seperti yang disyorkan oleh pihak audit.</p> <p>UPMKB - Telah menempatkan seorang Pembantu Am Pejabat, Pn. Noor Irawati Ahmad serta mengagih tugas menjaga stor dan stok kepada beliau berkuatkuasa 16 Januari 2012. Beliau telah diberi latihan yang bersesuaian.</p> <p><u>UPMKB: Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya pada 16 Januari 2012.</p>
16.4.5.2	<p>Penjagaan Ternakan</p> <p>Semakan Audit di Ladang ternakan UPMKB mendapati sebanyak 55 ekor kambing, 28 ekor rusa, 40 ekor lembu pedaging dan 4 ekor kerbau tidak ditimbang seperti yang telah ditetapkan di dalam garis panduan. Pihak Audit mendapati rusa tidak ditimbang disebabkan tiada kemudahan rumah gelap disediakan di Ladang ternakan rusa. Selain itu, kemudahan <i>yard</i> dan mesin penimbang tidak disediakan bagi ternakan kerbau. Proses timbangan yang tidak dilakukan mengikut jadual menyebabkan pemantauan terhadap tahap kesihatan tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan rekod mengenai kenaikan berat ternakan juga tidak dapat diselenggara dengan baik.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPMKB perlu menimbang ternakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan supaya tahap kesihatan ternakan dapat dipantau dan mengambil tindakan rawatan lanjut jika ternakan tersebut diserang penyakit.</p> <p><i>UPMKB memaklumkan penimbangan kambing, lembu dan kerbau telah dilakukan mulai bulan Januari 2012 manakala penimbangan rusa hanya dapat dilakukan selepas rumah gelap dibina bagi mengelakkan ternakan mengalami stress</i></p>	<p>UPMKB ada melakukan penimbangan ternakan seperti berikut:-</p> <p>(i) Penimbangan ternakan kambing dilakukan setiap bulan (ii) Penimbangan lembu pedaging dan kerbau (yang diterima 8 Mac 2011) dilakukan 3 bulan sekali mulai Mac 2011 menggunakan kemudahan '<i>headcrush</i>' (memudahkan penimbangan ternakan) dibina semasa projek menaiktaraf kandang fidlot yang siap pada 18 September 2010.</p> <p>Bagi ternakan rusa, iaanya tidak dapat dibuat penimbangan kerana ketiadaan rumah gelap dan pengurusannya menggunakan konsep/kaedah perhutanan lestari.</p> <p>UPMKB telah melaksanakan penimbangan kambing dan ayam di mengikut buku panduan sementara bagi lembu dan kerbau dibuat sebulan sekali mulai Januari 2012.</p> <p>Penimbangan rusa hanya dapat dilakukan selepas rumah gelap dibina bagi mengekang ternakan dan mengelakkan ternakan mengalami masalah <i>capture myopathy</i> akibat stress semasa pengendalian dan penimbangan ternakan tersebut.</p>

		<u>Status Terkini 6 September 2012</u> Pembinaan rumah gelap: proses penyediaan spesifikasi rumah gelap sudah 95% siap dan akan dibentangkan oleh Bahagian Pembangunan kepada pihak TPU, UPMKB cadangan tarikh pada 12 September 2012 sebelum diiklankan untuk tender/sebut harga.
16.4.6.1	Pembajaan Rumput Pastura - Kampus Serdang Semakan Audit di TPU, Serdang mendapati aktiviti pembajaan tidak dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan di dalam garis panduan pengurusan pastura. Sebanyak 12 sampel yang dipilih, didapati 10 petak yang dirancang pembajaan bagi tahun 2011 tidak dilaksanakan dan 2 petak dibuat pembajaan tidak mengikut jadual. Tempoh kelewatan pembajaan antara satu hingga 10 bulan. Ini disebabkan cuaca panas yang berpanjangan sepanjang tahun dan kekurangan stok baja. Pembajaan hanya dapat dilakukan bermula daripada pertengahan tahun atau hujung tahun iaitu apabila tiba musim hujan kerana ia akan mempercepatkan proses penyerapan baja ke dalam tanah.	Pembajaan bagi rumput yang ditanam bagi kaedah potong dan angkut (<i>cut and carry</i>) dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun kekerapan pembajaan bergantung pada cuaca, contohnya pembajaan tidak digalakkan dilakukan pada musim panas. Bagi padang ragut pembajaan tidak perlu dibuat mengikut jadual kerana penggiliran padang ragut pada dasarnya boleh dikira sebagai membaja pastura secara tidak langsung kerana najis lembu adalah baja organik. Pihak TPU akan memastikan perekodan dikemaskini mengikut perubahan jadual. Di samping itu, ternakan lembu yang meragut bebas dibekalkan juga dengan makanan tambahan seperti <i>palm kernel cake</i> (pkc) serta bekalan batu garam dan air untuk meningkatkan penjagaan kesihatan ternakan berkenaan.
16.4.6.2	Pembajaan Rumput Pastura - Kampus Bintulu Semakan Audit mendapati pembajaan rumput pastura tidak dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan antara satu hingga 5 bulan kerana masalah cuaca yang tidak menentu dan kekurangan staf yang berkemahiran untuk melakukan pembajaan. Bagaimanapun, pembajaan dilakukan mengikut jadual Program Buku Hijau yang dilaksanakan di bawah Fakulti Sains Pertanian Dan Makanan. Program ini menghendaki pelajar untuk melakukan aktiviti pembajaan sendiri yang merupakan salah satu kriteria di dalam program tersebut. Aktiviti pembajaan yang tidak dilakukan mengikut jadual boleh menjelaskan kualiti makanan yang diberikan kepada semua ternakan. Selain itu, ia juga boleh mengganggu kadar pertumbuhan rumput pastura serta mengurangkan kuantiti rumput pastura yang dapat dihasilkan. Pada pendapat Audit, aktiviti pembajaan perlu dilakukan mengikut jadual dengan kadar penggunaan baja yang telah ditetapkan bagi memastikan kesuburan tanah dan kandungan nutrien pastura adalah pada tahap maksimum. Aktiviti pembajaan juga perlu dilakukan bagi mencapai tahap pengeluaran pastura yang maksimum serta memastikan ternakan mendapat makanan yang berkualiti dan berkhasiat.	Penggiliran petak ragutan dan melepaskan lembu meragut bebas di kawasan pastura pada dasarnya boleh dikira sebagai membaja pastura secara tidak langsung kerana najis lembu adalah baja organik. Bagi ternakan lembu dan kerbau secara integrasi, Ternakan meragut bebas di kawasan yang ditumbuhinya rumput liar yang dipagar menggunakan <i>electric fencing</i> . Penanaman pastura di UPMKB iaitu rumput Napier, Setaria p dan Guatemala hanya untuk kaedah potong dan angkut sahaja. Pembajaan dilakukan seminggu selepas rumput di plot berkenaan dituai. Pembajaan dilakukan semasa amali pelajar Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan (kursus Sains Foraj, SHW2300) dan Program Buku Hijau, AFS 2001 Siri 4 (Pastura) bagi pelajar program pengajian Diploma Pertanian, Diploma Perikanan, Diploma Perhutanan, Diploma Pengurusan Perladangan Makanan, Diploma Perniagaantani dan Bachelor Sains

	<p>Pihak UPM Serdang memaklumkan bahawa penggiliran padang ragut boleh dikira sebagai membaja pastura secara tidak langsung kerana najis lembu adalah baja organik. Bagi ternakan lembu dan kerbau secara integrasi, ternakan meragut bebas di kawasan yang ditumbuhi rumput liar yang menggunakan pagar elektrik. Pihak UPMKB pula memaklumkan jadual pembajaan pastura yang baru telah disediakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti pada bulan Februari 2012 dan telah diguna pakai di UPMKB mengikut jadual yang ditetapkan.</p>	<p>Bioindustri dengan menggunakan baja urea serta mengambil kira jadual sebenar dan kalender akademik semua program pelajar yang terlibat.</p> <p>Jadual pembajaan pastura telah disediakan dalam SPK Skop TPU pada 20 Februari 2012 yang lepas dan telah digunakan di UPMKB mengikut jadual yang telah ditetapkan.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Isu sudah diselesaikan sepenuhnya pada 9 Mac 2012.</p>
16.4.7.2	<p>Pendaftaran Ternakan</p> <p>Lawatan Audit di ladang ternakan, Kampus Bintulu pada bulan November 2011 mendapati sebanyak 28 ekor rusa dan 4 ekor kerbau masih belum diberi tanda pengenalan</p>	
16.4.7.3	<p>Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan ketiadaan kemudahan <i>yard</i> dan pasung di ladang ternakan kerbau serta rumah gelap di ladang ternakan rusa bagi memudahkan proses pemberian tanda pengenalan dilakukan. Kegagalan memberi tanda pengenalan ini menyebabkan rekod mengenai rawatan kesihatan kumpulan, kematian dan timbangan tidak dapat di selenggara dengan baik dan teratur.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPMKB perlu memberi tanda pengenalan kepada ternakan rusa dan kerbau bagi memudahkan penyelenggaraan rekod seperti rawatan, kematian dan timbangan serta dapat mengenal pasti haiwan ternakan melalui tanda pengenalan jika berlaku kehilangan.</p> <p><i>Pihak UPMKB memaklumkan bahawa ternakan kerbau telah diberi tanda pengenalan pada bulan Disember 2011 manakala bagi ternakan rusa, UPMKB sedang dalam proses penyediaan spesifikasi rumah gelap dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2012.</i></p>	<p>Ekoran teguran Audit Negara pada 2006, pembinaan rumah gelap di Biopark, UPMKB pernah dibincangkan pada tahun 2007 tetapi pihak pengurusan UPMKB pada ketika itu berpendapat bahawa rumah gelap tidak sesuai untuk konsep biopark kerana dalam biopark rusa sepatutnya dilepaskan secara bebas seperti di habitat asal.</p> <p>Kerja meletakkan tanda pengenalan (<i>tagging</i>) sebanyak 22 ekor sambar dan 6 ekor Timorensis (sumbangan daripada Bahagian Veterinar Sarawak 09.09.2011) telah cuba dilakukan pada sepanjang Disember 2011 tetapi tidak berjaya kerana tiada rumah gelap. Ternakan tidak dapat dikekang sepenuhnya dan mengalami stress yang boleh menyebabkan kematian. Manakala ternakan kerbau yang sampai di UPMKB pada 08.03.2011 masih belum jinak sepenuhnya.</p> <p>Kerja pengenalan tanda ternakan setakat ini adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kerbau telah ditanda (<i>tagging</i>) pada 30 Disember 2011. (ii) UPMKB telah cuba membuat penandaan pengenalan bagi ternakan rusa ketika ternakan sedang makan tetapi tidak berjaya. Oleh yang demikian, penanda pengenalan rusa hanya dapat dilakukan selepas rumah gelap dibina bagi mengekang ternakan dan mengelakkan ternakan mengalami masalah <i>capture myopathy</i> akibat stress semasa pengendalian dan penimbangan ternakan tersebut. Pada masa ini, UPMKB sedang dalam proses penyediaan spesifikasi rumah gelap dan dijangka akan

		<p>siap sepenuhnya pada Disember 2012.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012</u></p> <p>Pembinaan rumah gelap: proses penyediaan spesifikasi rumah gelap sudah 95% siap dan akan dibentangkan oleh Bahagian Pembangunan kepada pihak TPU, UPMKB cadangan tarikh pada 12 September 2012 sebelum diiklankan untuk tender/sebut harga.</p>
16.4.8.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati UPM telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat pengurusan dan lawatan fizikal oleh pegawai bertanggungjawab untuk memastikan masalah yang berbangkit dapat diselesaikan. Bagaimanapun, pemantauan adalah kurang berkesan menyebabkan wujudnya beberapa kelemahan dalam pengurusan kemudahan dan ternakan di TPU.</p> <p>Pada pendapat Audit, UPM perlu membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan ternakan dan kemudahan di TPU dapat diuruskan dengan cekap dan teratur serta kemudahan dapat digunakan secara optimum bagi mengelak berlaku pembaziran.</p> <p><i>Pihak UPM mengambil maklum pandangan Audit dan akan meningkatkan pemantauan dari semasa ke semasa.</i></p>	<p>UPM mengambil maklum pandangan Audit dan akan meningkatkan pemantauan dari masa kesmasa.</p> <p>UPMKB - Di peringkat TPU, UPMKB pemantauan dibuat oleh Ketua Unit, Ketua Seksyen dan Ketua TPU sendiri secara berkala.</p> <p>Selain itu, sistem penyediaan laporan oleh Ketua Unit, Ketua Seksyen dan juga individu yang bertanggungjawab serta penggunaan buku catatan kerja harian (<i>log book</i>) juga merupakan salah satu kaedah pemantauan secara berekod (<i>documented</i>) yang telah digunakan selama ini.</p> <p>Pengurusan tertinggi seperti Ketua PTJ (Dekan) sendiri juga sering membuat pemantauan secara berkala dan sentiasa mengadakan perjumpaan atau mesyuarat dengan pihak TPU dari semasa ke semasa.</p> <p>Pengauditan secara dalaman juga dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali dalam setahun, iaitu melalui Semakan Kendiri dan Audit Dalaman.</p> <p>Ketua TPU, UPMKB telah menyediakan jadual pemantauan kemudahan dan pengurusan tanaman dan ternakan UPMKB kepada semua pegawai TPU bagimemastikan pemantauan dijalankan dengan berkesan.</p> <p>Ketua PTJ (Dekan) menjalankan pemantauan melalui lawatan ke ladang TPU, UPMKB sekurang-kurangnya 2 kali sebulan serta melalui Mesyuarat Pengurusan FSPM sebulan sekali.</p> <p>Di samping itu, melalui Program Buku Hijau (PBH) warga staf UPMKB yang akan dijalankan mulai April 2012, semua staf UPMKB dan ahli pengurusan dapat membantu</p>

	<p>dalam memantau setiap perkembangan di ladang TPU sebab PBH akan dijalankan pada hari Jumaat (8 – 11 pagi) setiap minggu.</p> <p><u>Status Terkini 6 September 2012 – UPM Serdang dan UPMKB</u></p> <p>Tiada isu lagi sebab sudah diambil tindakan sepenuhnya.</p>
--	--

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)

Perenggan 17 : Pengurusan Program Latihan Kemahiran Oleh Institut Kemahiran Tinggi PERDA

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.4.3.2	<p>Keperluan Tenaga Pengajar Mahir</p> <p>Semakan Audit terhadap perjawatan yang diluluskan di PERDA-TECH mendapati sebanyak 11 jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang berkelulusan Diploma adalah berstatus tetap. Bilangan Penolong Pegawai Latihan Vokasional ini tidak selari dengan syarat akreditasi yang ditetapkan oleh MQA. Oleh itu, seramai 29 tenaga pengajar dalam pelbagai bidang telah dilantik secara kontrak bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan syarat yang ditetapkan oleh MQA dan JPK. Semakan selanjutnya mendapati dari tahun 2008 sehingga 2011 seramai 7 pegawai latihan kontrak telah meletak jawatan kerana mendapat tawaran kerja tetap di institusi lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, berdasarkan pencapaian PERDA-TECH, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri perlu mempertimbangkan permohonan PERDA untuk pertambahan perjawatan tetap Pegawai Latihan Vokasional supaya program latihan yang ditawarkan dapat dimantapkan lagi. Keperluan tenaga pengajar mahir secara tetap adalah penting supaya PERDA-TECH dapat meningkatkan profesionalismenya seiring dengan Institusi Kemahiran yang lain seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA.</p> <p><i>PERDA memaklumkan permohonan pengukuhan perjawatan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 15 Mei 2012. Pihak JPA telah mengadakan perbincangan dan lawatan di PERDA-TECH pada 14 Julai 2012 bagi mempertimbangkan dan meneliti permohonan PERDA.</i></p>	<p>JPA telahpun mengadakan perbincangan dan lawatan pengukuhan perjawatan di PERDA-TECH pada 14 Julai 2012 yang lalu. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, permohonan semula telah dikemukakan kepada JPA pada 3 Ogos 2012.</p> <p>Pihak PERDA telah dimaklumkan bahawa cadangan bagi pertimbangan dan kelulusan perjawatan sedang diambil tindakan oleh JPA dan maklumbalas bagi keputusan tersebut dijangka diperolehi pada bulan Oktober 2012.</p>
17.4.4.2	<p>Pembekal Perkhidmatan</p> <p>Semakan Audit mendapati spesifikasi bagi 7 peralatan yang dianggarkan bernilai RM4.74 juta hanya dimuktamadkan oleh pembekal perkhidmatan pada bulan Jun 2011 walaupun ia telah dilantik sejak tahun 2006. Sehingga bulan Mac 2012, PERDA masih belum membuat perolehan bagi 7 peralatan ini dan menyebabkan kursus Kejuruteraan Teknologi Pembuatan (Reka Bentuk Alat dan Acuan) dan</p>	<p>Tindakan bersama Perunding Perkhidmatan telah diadakan mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Semua proses tender bagi pembekalan peralatan yang baru berjalan mengikut jadual. Tender bagi pembekalan mesin terbaru telahpun ditawarkan kepada pembekal yang berjaya pada 27 Jun 2012.</p>

	<p>kursus Kejuruteraan Teknologi Pembuatan (Pemesinan) mendapat akreditasi bersyarat pada 23 Februari 2012. Sekiranya perolehan peralatan tidak dibuat dalam tempoh 3 tahun dari tarikh akreditasi, MQA akan menarik balik pengiktirafan yang diberi. Setakat ini, PERDA-TECH telah menanggung kos pengangkutan dan penginapan lebih kurang RM40, 000 bagi menghantar pelajar menjalani latihan amali peralatan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau, Pulau Pinang. Kos ini akan meningkat sejumlah RM20, 000 setahun sekiranya peralatan tersebut masih belum dibekalkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERDA perlu memastikan syarat perjanjian dengan pembekal perkhidmatan dinyatakan dengan jelas bagi menjaga kepentingannya seperti menetapkan tempoh bagi menyempurnakan tanggungjawab. Selain itu, PERDA perlu memastikan pembekal perkhidmatan memuktamadkan senarai peralatan dan spesifikasi dengan lebih awal supaya justifikasi permohonan peruntukan kewangan dapat disediakan.</p> <p><i>PERDA memaklumkan kelewatkan perolehan adalah disebabkan pembekal perkhidmatan lewat menyediakan spesifikasi peralatan. Sebagai penambahbaikan, kaedah penyediaan spesifikasi peralatan telah dibuat secara bersama antara pembekal perkhidmatan dan PERDA. Perolehan bagi 7 peralatan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan B pada 22 Jun 2012 dan Surat Setuju Terima Tender telah dikemukakan kepada pembekal yang berjaya pada 27 Jun 2012. Tempoh penghantaran peralatan akan mengambil masa 180 hari dari tarikh 12 Julai 2012.</i></p>	<p>Selepas proses perolehan ini selesai, dijangka Perunding Perkhidmatan luar bagi perolehan mesin dan peralatan yang akan datang tidak lagi diperlukan. Ini kerana tenaga pengajar yang sedia ada telah mencapai tahap kepakaran melalui pengalaman yang diperolehi sebelum ini dalam Program Kejuruteraan Teknologi Pembuatan.</p> <p>Proses perlantikan tenaga pengajar sedia ada sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal akan dibuat mengikut keperluan perolehan tender mesin dan peralatan yang akan datang.</p>
17.4.5.3	<p>Bengkel Latihan Amali</p> <p>Pengubahsuaian yang telah dibuat tidak menepati keperluan asas sebuah bengkel dan menyebabkan PERDA-TECH membuka siling asal bagi tujuan pengudaraan dan pencahayaan di 2 Bengkel Kejuruteraan Kimpalan. Ruang bengkel juga terhad untuk latihan amali dan susun atur peralatan. Keadaan bengkel yang sempit ini juga menyebabkan <i>shearing cutting machine</i> yang bernilai RM161, 000 telah diletakkan di luar Bengkel Kejuruteraan Kimpalan. Ini menjelaskan jangka hayat peralatan tersebut kerana terdedah kepada cahaya matahari dan hujan.</p> <p>Pada pendapat Audit, usaha yang berterusan perlu diambil oleh PERDA-TECH untuk mengemukakan permohonan kepada Unit Penyalaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bagi pembinaan bengkel yang memenuhi keperluan industri supaya pelajar didedahkan kepada persekitaran kondusif. Selain itu, pembinaan bengkel baru juga membolehkan PERDA-TECH meningkatkan pengambilan pelajar kerana graduannya mempunyai pasaran kerja dalam industri.</p> <p><i>PERDA memaklumkan telah mengemukakan 3 kali permohonan peruntukan bagi pembinaan blok akademik. Bagaimanapun, permohonan tidak diluluskan. Permohonan semula akan dibuat bagi tahun 2014-2015 termasuk peruntukan pembinaan blok bengkel yang baru.</i></p>	<p>Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Rolling Plan Ketiga (RP III) PERDA bagi tahun 2014 telah diadakan pada 8 Ogos 2012 di EPU, JPM. Permohonan pembinaan Satu Blok Bengkel Kursus Kimpalan, Pertanian, Elektrik dan Automotif adalah termasuk di dalam permohonan bajet RP III ini.</p> <p>PERDA masih menunggu maklumbalas kelulusan Bajet Rolling Plan Ketiga (RP III) daripada EPU, JPM bagi permohonan yang telah dikemukakan.</p>

17.4.6.1.a	<p>Penggunaan Peralatan Dan Inventori</p> <p>Jawatankuasa Sebut Harga PERDA telah meluluskan kerja membangun, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah 40 unit perkakasan dan perisian komputer peribadi jenama <i>Hewlett Packard</i> berjumlah RM99,600 kepada syarikat pembekalan tempatan pada bulan Ogos 2010. Pemeriksaan Audit mendapati 35 unit komputer telah dihantar dan dipasang oleh pembekal pada bulan Oktober 2010 di PERDA dan PERDA-TECH manakala 5 unit lagi disimpan di dalam stor Teknologi Maklumat PERDA-TECH. Pihak Audit mendapati 5 unit komputer ini tidak digunakan selama 13 bulan dari tarikh penerimaan. Selepas teguran Audit, PERDA telah memasang komputer tersebut untuk kegunaan pegawai.</p>	<p>Tindakan pemasangan ke atas semua komponen peralatan tersebut telah diselesaikan pada 8 Mac 2012 dan semua peralatan tersebut telah digunakan sepenuhnya.</p>
17.4.6.1.b	<p>Projektor LCD</p> <p>PERDA-TECH telah membuat perolehan 5 unit projektor Model Canon LV7280 bernilai RM14,750 pada 11 Oktober 2010 bagi kegunaan pegawai latihan. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan Audit pada bulan November 2011 mendapati 5 unit projektor tersebut belum digunakan dan masih dalam kotak walaupun tempoh waranti telah tamat.</p>	<p>Semua peralatan tersebut telah digunakan dan telah dicatat di dalam buku log pergerakan yang telah diwujudkan pada 19 Mac 2012.</p> <p>Semua pergerakan peralatan tersebut telah dan sedang dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan penggunaannya.</p>
17.4.6.1.c	<p>Stok Peralatan Komputer</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati stok <i>toner</i> mesin pencetak, perisian anti-virus Norton 2006 dan <i>serial 9 pin mouse</i> masih disimpan sejak pembelian dan tidak digunakan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh pembelian stok peralatan tersebut kerana rekod berkenaan tidak dikemas kini. Stok peralatan komputer ini didapati telah luput tempoh penggunaan dan usang. Berdasarkan kad kawalan stok, didapati tiada pergerakan penggunaan sejak tahun 2007 dan 2009. Selain itu, diperhatikan PERDA tidak melaksanakan verifikasi stok pada tahun 2010 dan 2011 bagi mengenal pasti baki stok.</p>	<p>Tindakan pelupusan ke atas semua komponen peralatan tersebut telah diselesaikan pada 29 Mac 2012. Bagi tujuan penambahbaikan, pengurusan PERDA telah menubuhkan Unit Pengurusan Aset supaya dapat memantau bagi mengelakkan perkara tersebut berulang di masa hadapan.</p> <p>Unit Pengurusan Aset PERDA yang ditubuhkan telah dan sedang menjalankan verifikasi stok ke atas semua peralatan.</p>
17.4.6.1.d.i & 17.4.6.1.d.ii	<p>Peralatan Kursus Kejuruteraan Teknologi Pembuatan</p> <p>Pada tahun 2009, PERDA telah melantik 6 pembekal untuk menghantar, memasang, menguji lari dan mentauliah 19 peralatan bagi Kursus Kejuruteraan Teknologi Pembuatan. Mengikut syarat perjanjian, tempoh pembekalan peralatan termasuk menguji lari dan mentauliah adalah selama 120 hari dari tarikh Surat Setuju Terima Tender. Pembekal juga dikehendaki menyediakan latihan penggunaan peralatan secara percuma kepada pegawai PERDA-TECH. Merujuk kepada Jadual Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal, penyediaan latihan adalah termasuk dalam tempoh 120 hari pembekalan peralatan.</p> <p>Semakan Audit mendapati PERDA-TECH telah menerima 19 peralatan tersebut pada tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, latihan terhadap penggunaan 8 peralatan berjumlah RM3.70 juta telah lewat disediakan kepada tenaga pengajar</p>	<p>Untuk kerja-kerja perolehan mesin yang seterusnya PERDA telah mengambil pendekatan menambahbaik dengan memanjangkan tempoh membekal, mengujilari dan mentauliah serta penyediaan latihan daripada 120 hari kepada 180 hari. Tindakan telah dimulakan dengan tender yang terbaru yang telahpun ditawarkan kepada pembekal yang berjaya melalui Surat Setujuterima bertarikh 27 Jun 2012. Tindakan penambahbaikan juga telah diambil dengan melaksanakan Jadual Kerja Pembekalan secara persetujuan bersama di antara pembekal dan PERDA bagi memastikan proses kerja pembekalan berjalan mengikut jadual. Pelaksanaan jadual kerja ini telah dimulakan pada tarikh 27 Jun 2012.</p>

	<p>iaitu melebihi 120 hari dari tarikh Surat Setuju Terima Tender. Akibatnya, peralatan tersebut tidak dapat digunakan antara 33 hingga 181 hari daripada tarikh penerimaannya. Kelewatan ini menyebabkan pelajar diantar ke Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau, Pulau Pinang bagi menjalani latihan amali peralatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERDA hendaklah merancang perolehan peralatan komputer dengan lebih cekap supaya tidak membeli berlebihan untuk mengelak pembaziran. Selain itu, PERDA perlu memastikan semua peralatan diuji lari, ditauliah dan pegawai berkenaan diberi latihan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya peralatan tersebut dapat digunakan oleh pensyarah dan pelajar mengikut jadual pengajaran.</p> <p><i>PERDA memaklumkan buku log pergerakan projektor LCD telah diwujudkan bagi tujuan daftar penggunaan oleh Pegawai Latihan. Selain itu, stok toner, perisian anti-virus Norton 2006 dan serial 9 pin mouse yang luput tempoh penggunaan telah diambil tindakan pelupusan pada 29 Mac 2012. PERDA turut memaklumkan 8 peralatan tidak dapat ditauliah dan latihan tidak dapat disediakan pada tempoh yang ditetapkan kerana jadual akademik Pegawai Latihan terlalu padat dan tarikh latihan yang dicadangkan bertindih dengan tarikh ujian pelajar. Kelas gantian selepas waktu pejabat juga tidak dapat dibuat kerana mengambil kira keselamatan pelajar dan pegawai latihan memandangkan lokasi kampus terletak di pedalaman. Bagaimanapun, penambahbaikan telah dilaksanakan dengan memberi tempoh yang mencukupi kepada pembekalan dan PERDA supaya pentauliahan peralatan dan penyediaan latihan dapat disempurnakan mengikut jadual pengajaran.</i></p>	<p>Pemantauan ke atas pelaksanaan Jadual Kerja Pembekalan telah dibuat oleh Bahagian Hartanah dan Teknikal PERDA.</p>
17.4.7.1.a	<p>Penyenggaraan Peralatan</p> <p>Pemeriksaan Audit di Bengkel Kejuruteraan Kimpalan pada bulan November 2011 mendapati sebanyak 14 mesin kimpalan jenis <i>shielded metal arc welding</i> (SMAW) rosak dan tidak disenggara sejak tahun 2008. Rancangan penyenggaraan bagi mesin kimpalan ini tidak disediakan dan mesin telah tidak digunakan selama 3 tahun. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku kerana tiada peruntukan penyenggaraan untuk membaiki mesin tersebut.</p>	<p>Tindakan penyelenggaraan ke atas semua komponen peralatan tersebut telahpun selesai dijalankan pada 16 Julai 2012 dan juga telah dikemaskini di dalam KEW.PA-14. Tindakan penyelenggaraan seterusnya akan dilaksanakan secara berkala dan akan dipantau oleh Unit Pengurusan Aset PERDA.</p> <p>Unit Pengurusan Aset telah dan sedang mengemaskini rekod penyelenggaraan dari semasa ke semasa di dalam KEW.PA-14.</p>
17.4.7.1.b	<p>Sebanyak 4 peralatan bagi kursus Kejuruteraan Kimpalan yang digunakan pada awal penubuhan Pusat Latihan PERDA telah usang dan rosak. Peralatan tersebut tidak disenggara sejak bulan November 2008. Pemeriksaan Audit yang dijalankan pada bulan November 2011 mendapati PERDA-TECH masih belum membuat perancangan untuk membaiki peralatan tersebut.</p>	
17.4.8.1.a	<p>Pengurusan Pembayaran</p> <p>Mengikut syarat am perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2009, setiap tuntutan pembayaran terhadap pembekalan peralatan yang telah disempurnakan tertakluk kepada Sijil Akuan Penerimaan (SAP) yang telah ditandatangani oleh pegawai penerima hendaklah disertakan sebagai pengesahan bahawa peralatan diterima dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi.</p>	<p>Arahan pematuhan ke atas penggunaan format SAP dan SPP melalui Pekeliling Pengurusan telahpun dikeluarkan kepada semua pegawai-pegawai PERDA berkuatkuasa 15 Jun 2012. Pematuhan penggunaan format ini juga telah dimasukkan di dalam dokumen tender perolehan mesin yang baru ditawarkan</p>

17.4.8.1.b	<p>Pembayaran bagi peralatan yang memerlukan pembekal membuat pemasangan dan pengujian, pembayaran penuh hanya akan dibuat sekiranya peralatan berkenaan telah diuji dan dipasang dengan memuaskan. Sijil Pemasangan dan Pengujian (SPP) perlu disediakan oleh pembekal dan ditandatangani oleh Pegawai Penerima sebagai bukti kerja pemasangan dan pengujian telah dijalankan.</p>	<p>kepada pembekal yang berjaya pada 27 Jun 2012. Lanjutan kepada Pekeliling tersebut, pindaan di dalam Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian Kewangan PERDA telah dilakukan di mana sebelum sesuatu pembayaran dibuat, format SAP dan SPP perlu disertakan. Pindaan kepada MPK telah dilaksanakan pada 15 Jun 2012.</p>
17.4.8.2	<p>Semakan Audit mendapati pembayaran terhadap peralatan yang dibekalkan tidak disertakan dengan SAP dan SPP. Ini telah menyebabkan pembayaran tidak dilaksanakan dengan teratur dan tiada bukti uji lari serta pentaluhan peralatan telah dilaksanakan. Pembayaran terhadap pembekalan yang telah disempurnakan hanya berdasarkan Nota Penghantaran sahaja.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERDA hendaklah memastikan 2 sijil iaitu SAP dan SPP serta semua dokumen sokongan diterima sebelum pembayaran dilaksanakan.</p> <p><i>PERDA memaklumkan telah melaksanakan proses pengesahan penerimaan peralatan serta pemasangan dan pengujian melalui dokumen pengesahan sebelum pembayaran dibuat. Pembayaran telah dibuat dengan menggunakan perakuan bayaran di Inden Kerja. Bagaimanapun, pengesahan ini tidak dibuat melalui format SAP dan SPP sepetimana dalam perjanjian. Oleh itu, arahan menggunakan format SAP dan SPP bagi tujuan pembayaran telah dikeluarkan kepada semua Pengurus Bahagian pada 15 Jun 2012.</i></p>	<p>Format SAP dan SPP juga telah dikemaskinikan di dalam MPK Bahagian Hartanah dan Teknikal pada 28 Ogos 2012. Semua pegawai telahpun mengambil tindakan bagi penggunaan format tersebut.</p>
17.4.9.2	<p>Beban Tugas Pegawai Aset</p> <p>Semakan Audit mendapati Penolong Pengurus Kewangan gred N41 telah dilantik sebagai Pegawai Aset dan Stor. Selain itu, pegawai ini turut bertanggungjawab terhadap pengurusan belanjawan mengurus, pembiayaan, perolehan dan pengurusan panjar wang runcit. Pihak Audit dimaklumkan PERDA-TECH tidak mempunyai pegawai yang mencukupi bagi melaksanakan urusan yang berkaitan dengan harta modal dan inventori. Beban tugas yang berat telah menyebabkan pegawai ini tidak dapat memberi tumpuan kepada pengurusan aset dan inventori.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERDA hendaklah melantik seorang lagi pegawai yang bertanggungjawab terhadap tugas penjagaan aset sahaja. Ini adalah penting bagi memastikan pengurusan peralatan PERDA-TECH dapat dibuat dengan cekap, teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p><i>PERDA memaklumkan perkara ini telah dibangkitkan semasa perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 14 Julai 2012 untuk mempertimbangkan dan meneliti permohonan PERDA.</i></p>	<p>Pengurusan PERDA telahpun menujuhkan Unit Pengurusan Aset yang diketuai oleh Pegawai Eksekutif (N27) dan diletakkan di bawah seliaan Bahagian Khidmat Pengurusan berkuatkuasa pada 30 Julai 2012. Pegawai ini akan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir (N17). Unit ini juga akan dibantu dan diselaraskan oleh wakil-wakil dari setiap Bahagian di PERDA bagi melicinkan pengurusan aset PERDA bawah seliaan Bahagian masing-masing.</p> <p>Unit Pengurusan Aset PERDA yang baru ditubuhkan telah memulakan tugas mengikut skop bidang yang ditetapkan.</p>
17.4.10.2	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan bagi pengurusan peralatan PERDA-TECH ada dilaksanakan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) yang telah bermesyuarat sebanyak 4 kali setahun pada tahun 2010 dan 2011. Mesyuarat</p>	<p>Permohonan lima (5) jawatan Juruteknik juga telah dimasukkan di dalam permohonan perjawatan yang telah dikemukakan kepada JPA pada 3 Ogos 2012.</p>

<p>JKPAK bilangan 2 tahun 2011 telah membincangkan perkara mengenai bebanan tugas seliaan mesin latihan di PERDA-TECH yang sekarang ini hanya di bawah kawalan seorang Juruteknik sahaja. Selain itu, didapati PERDA tidak menjalankan aktiviti pemeriksaan aset alih dan verifikasi stor pada tahun 2010 dan 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERDA perlu menambah bilangan Juruteknik untuk melaksanakan tugas di PERDA-TECH memandangkan peralatan dan mesin kejuruteraan memerlukan penyenggaraan berkala.</p> <p><i>PERDA memaklumkan perkara ini telah dibangkitkan semasa perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 14 Julai 2012 untuk mempertimbangkan dan meneliti permohonan PERDA.</i></p>	<p>Pihak PERDA telah dimaklumkan bahawa cadangan bagi pertimbangan dan kelulusan perjawatan sedang diambil tindakan oleh JPA dan maklumbalas bagi keputusan tersebut dijangka diperolehi pada bulan Oktober 2012.</p>
--	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Perenggan 18 : Pengurusan Pinjaman Sewa Beli Kenderaan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini										
		SETAKAT APRIL 2012		SETAKAT MEI 2012		SETAKAT JUN 2012		SETAKAT JUL 2012		SETAKAT OGOS 2012		
18.4.2.3	Tempoh Tindakan Litigasi	STATUS LITIGASI	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	
		SAMAN / JD	6	0.58	5	0.42	4	0.32	4	0.32	4	0.34
		NOTIS KEBANKRAPAN	7	0.86	8	1.02	7	0.92	7	0.92	6	0.76
		PETISYEN PEMIUTANG	7	0.62	6	0.58	6	0.50	6	0.50	8	0.76
		AORO	3	0.28	2	0.15	1	0.11	1	0.11	0	0.00
		BORANG BUKTI HUTANG	8	0.81	10	0.99	13	1.30	13	1.30	13	1.29
		PEMBELAAN	2	0.11	2	0.11	2	0.11	2	0.11	2	0.11
		AKAUN DITUTUP	1	0.06	1	0.06	1	0.06	1	0.06	1	0.06
		CADANGAN PEMBAYARAN	1	0.03	1	0.03	1	0.03	1	0.03	1	0.03
		JUMLAH KESELURUHAN	35	3.35	35	3.35	35	3.35	35	3.35	35	3.35
<p>Setakat Ogos 2012, terdapat perubahan terhadap 35 akaun yang telah diambil tindakan sewajarnya dari jumlah keseluruhan.</p> <p>Tiada perubahan dalam status Borang Bukti Hutang namun status Petisyen Pemiutang telah meningkat dari 6 akaun setakat Julai kepada 8 akaun setakat Ogos. Tiada pelaporan yang direkodkan ke atas akaun yang berstatus Perintah Penghukuman dan Perintah Penerimaan (AORO) .</p>												

18.4.3.2	<p>Tindakan Litigasi Selepas Pinjaman Dihapus Kira</p> <p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah pada 3 Mei 2007 telah memberi kelulusan untuk menghapus kira 1,593 pinjaman tidak berbayar berjumlah RM28.53 juta. Semakan lanjut terhadap 20 sampel pinjaman tersebut mendapati tindakan litigasi terhadap 9 pinjaman yang telah dihapus kira berjumlah RM0.61 juta masih belum diselesaikan. Status terkini tindakan litigasi yang diambil adalah penghakiman ingkar, cadangan semula proses litigasi selepas penghakiman ingkar tamat tempoh, mengeluarkan notis kebankrapan, petisyen pemutang serta perintah penghukuman dan perintah penerimaan atas petisyen pemutang.</p>	<p>Tindakan litigasi diambil sepenuhnya oleh Seksyen Sewabeli dan Lain – lain berkuatkuasa pada 1 Julai 2012.</p>																																																																																																																																																																																																				
18.4.3.3	<p>Semakan lanjut dengan Jabatan Insolvensi Malaysia mendapati 8 daripada 50 peminjam yang telah dihapus kira pinjamannya pada tahun 2007 masih belum diisyiharkan bankrap. Nama dan nombor kad pengenalan bagi 2 daripada 8 peminjam tidak dapat disahkan status kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi kerana tidak sepadan. Butiran status kebankrapan peminjam sehingga 31 Disember 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, BSN perlu mempercepatkan tindakan litigasi terhadap semua pinjaman yang telah dihapus kira bagi memastikan peminjam dikenakan tindakan sewajarnya seperti yang ditetapkan oleh mahkamah.</p>	<table border="1" data-bbox="1282 446 1971 774"> <thead> <tr> <th rowspan="2">STATUS LITIGASI</th> <th colspan="2">SETAKAT APRIL 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT MEI 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT JUN 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT JUL 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT OGOS 2012</th> </tr> <tr> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CADANGAN PEMBAYARAN</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>0</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td>NOTIS KEBANKRAPAN</td> <td>4</td> <td>0.25</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>3</td> <td>0.20</td> </tr> <tr> <td>PETISYEN PEMIUTANG</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>3</td> <td>0.18</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>0</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td>AORO</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>1</td> <td>0.05</td> <td>1</td> <td>0.05</td> <td>0</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td>BORANG BUKTI HUTANG</td> <td>4</td> <td>0.29</td> <td>4</td> <td>0.29</td> <td>4</td> <td>0.29</td> <td>4</td> <td>0.29</td> <td>5</td> <td>0.34</td> </tr> <tr> <td>AKAUN DITUTUP</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>1</td> <td>0.07</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>9</td> <td>0.61</td> <td>9</td> <td>0.61</td> <td>9</td> <td>0.61</td> <td>9</td> <td>0.61</td> <td>9</td> <td>0.61</td> </tr> </tbody> </table> <p>Setakat Ogos, terdapat penambahan sebanyak 1 akaun dari status Borang Bukti Hutang dari 4 akaun kepada 5 akaun.</p> <p>Tiada pelaporan direkodkan ke atas status Petisyen Pemiutang dan AORO setakat Ogos. Ini disebabkan oleh 2 akaun yang berubah status dari Petisyen Pemiutang ke Notis Kebankrapan kerana Petisyen Pemiutang yang difailkan sebelum ini telah tamat tempoh.</p> <table border="1" data-bbox="1282 1029 1971 1357"> <thead> <tr> <th rowspan="2">STATUS LITIGASI</th> <th colspan="2">SETAKAT APRIL 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT MEI 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT JUN 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT JUL 2012</th> <th colspan="2">SETAKAT OGOS 2012</th> </tr> <tr> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> <th>BIL</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CADANGAN PEMBAYARAN</td> <td>2</td> <td>0.33</td> <td>1</td> <td>0.26</td> <td>1</td> <td>0.26</td> <td>1</td> <td>0.26</td> <td>1</td> <td>0.26</td> </tr> <tr> <td>NOTIS KEBANKRAPAN</td> <td>3</td> <td>0.18</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>2</td> <td>0.13</td> </tr> <tr> <td>PETISYEN PEMIUTANG</td> <td>1</td> <td>0.08</td> <td>2</td> <td>0.13</td> <td>1</td> <td>0.08</td> <td>1</td> <td>0.08</td> <td>1</td> <td>0.08</td> </tr> <tr> <td>AORO</td> <td>1</td> <td>0.06</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>1</td> <td>0.05</td> <td>1</td> <td>0.05</td> <td>0</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td>BORANG BUKTI HUTANG</td> <td>0</td> <td>0.00</td> <td>1</td> <td>0.06</td> <td>1</td> <td>0.06</td> <td>1</td> <td>0.06</td> <td>2</td> <td>0.11</td> </tr> <tr> <td>AKAUN DITUTUP</td> <td>1</td> <td>0.07</td> <td>2</td> <td>0.14</td> <td>2</td> <td>0.14</td> <td>2</td> <td>0.14</td> <td>2</td> <td>0.14</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>8</td> <td>0.72</td> <td>8</td> <td>0.72</td> <td>8</td> <td>0.72</td> <td>8</td> <td>0.72</td> <td>8</td> <td>0.72</td> </tr> </tbody> </table> <p>Makluman pengesahan 1 status akaun yang masih belum diisyiharkan Bankrap.</p>	STATUS LITIGASI	SETAKAT APRIL 2012		SETAKAT MEI 2012		SETAKAT JUN 2012		SETAKAT JUL 2012		SETAKAT OGOS 2012		BIL	RM	CADANGAN PEMBAYARAN	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	NOTIS KEBANKRAPAN	4	0.25	1	0.07	1	0.07	1	0.07	3	0.20	PETISYEN PEMIUTANG	0	0.00	3	0.18	2	0.13	2	0.13	0	0.00	AORO	0	0.00	0	0.00	1	0.05	1	0.05	0	0.00	BORANG BUKTI HUTANG	4	0.29	4	0.29	4	0.29	4	0.29	5	0.34	AKAUN DITUTUP	1	0.07	1	0.07	1	0.07	1	0.07	1	0.07	JUMLAH KESELURUHAN	9	0.61	9	0.61	9	0.61	9	0.61	9	0.61	STATUS LITIGASI	SETAKAT APRIL 2012		SETAKAT MEI 2012		SETAKAT JUN 2012		SETAKAT JUL 2012		SETAKAT OGOS 2012		BIL	RM	CADANGAN PEMBAYARAN	2	0.33	1	0.26	1	0.26	1	0.26	1	0.26	NOTIS KEBANKRAPAN	3	0.18	2	0.13	2	0.13	2	0.13	2	0.13	PETISYEN PEMIUTANG	1	0.08	2	0.13	1	0.08	1	0.08	1	0.08	AORO	1	0.06	0	0.00	1	0.05	1	0.05	0	0.00	BORANG BUKTI HUTANG	0	0.00	1	0.06	1	0.06	1	0.06	2	0.11	AKAUN DITUTUP	1	0.07	2	0.14	2	0.14	2	0.14	2	0.14	JUMLAH KESELURUHAN	8	0.72	8	0.72	8	0.72	8	0.72	8	0.72																
STATUS LITIGASI	SETAKAT APRIL 2012			SETAKAT MEI 2012		SETAKAT JUN 2012		SETAKAT JUL 2012		SETAKAT OGOS 2012																																																																																																																																																																																												
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM																																																																																																																																																																																												
CADANGAN PEMBAYARAN	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00																																																																																																																																																																																												
NOTIS KEBANKRAPAN	4	0.25	1	0.07	1	0.07	1	0.07	3	0.20																																																																																																																																																																																												
PETISYEN PEMIUTANG	0	0.00	3	0.18	2	0.13	2	0.13	0	0.00																																																																																																																																																																																												
AORO	0	0.00	0	0.00	1	0.05	1	0.05	0	0.00																																																																																																																																																																																												
BORANG BUKTI HUTANG	4	0.29	4	0.29	4	0.29	4	0.29	5	0.34																																																																																																																																																																																												
AKAUN DITUTUP	1	0.07	1	0.07	1	0.07	1	0.07	1	0.07																																																																																																																																																																																												
JUMLAH KESELURUHAN	9	0.61	9	0.61	9	0.61	9	0.61	9	0.61																																																																																																																																																																																												
STATUS LITIGASI	SETAKAT APRIL 2012		SETAKAT MEI 2012		SETAKAT JUN 2012		SETAKAT JUL 2012		SETAKAT OGOS 2012																																																																																																																																																																																													
	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM																																																																																																																																																																																												
CADANGAN PEMBAYARAN	2	0.33	1	0.26	1	0.26	1	0.26	1	0.26																																																																																																																																																																																												
NOTIS KEBANKRAPAN	3	0.18	2	0.13	2	0.13	2	0.13	2	0.13																																																																																																																																																																																												
PETISYEN PEMIUTANG	1	0.08	2	0.13	1	0.08	1	0.08	1	0.08																																																																																																																																																																																												
AORO	1	0.06	0	0.00	1	0.05	1	0.05	0	0.00																																																																																																																																																																																												
BORANG BUKTI HUTANG	0	0.00	1	0.06	1	0.06	1	0.06	2	0.11																																																																																																																																																																																												
AKAUN DITUTUP	1	0.07	2	0.14	2	0.14	2	0.14	2	0.14																																																																																																																																																																																												
JUMLAH KESELURUHAN	8	0.72	8	0.72	8	0.72	8	0.72	8	0.72																																																																																																																																																																																												

		<p>Semakan dibuat melalui pihak peguam dan dimaklumkan bahawa akaun Mat Disa Bin Hashim telah mendapat Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman 28 September 2010. Arahan memfailkan Borang Bukti Hutang dikeluarkan pada 12 Julai 2012.</p> <p>Manakala 1 lagi akaun atas nama Tang Ah Sang telah pun berstatus bankrap pada 31 Mei 2005 dan Borang Bukti Hutang telah difailkan pada 18 Januari 2006.</p>
18.4.4.2	<p>Pembayaran Balik Pinjaman Skim Kakitangan Awam Persekutuan</p> <p>Semakan Audit mendapati JANM telah meluluskan kod potongan gaji penjawat awam (kod 4518) bagi pinjaman sewa beli BSN. Bagaimanapun, pengesahan Audit dengan JANM terhadap 30 peminjam SKAP berjumlah RM1.33 juta mendapati tiada transaksi potongan gaji menggunakan kod berkenaan. Ini disebabkan sistem berkomputer bagi bayaran balik pinjaman sewa beli BSN tidak diintegrasikan dengan sistem berkomputer JANM. Oleh itu, seramai 140 peminjam SKAP yang telah diluluskan pinjaman sehingga bulan Disember 2011 perlu membuat bayaran balik melalui kaunter BSN.</p> <p>Pada pendapat Audit, BSN hendaklah menambah baik sistem bayaran balik berkomputer supaya dapat berintegrasi dengan sistem JANM dan juga mengurangkan risiko pinjaman tidak berbayar.</p>	<p>Versi terbaru <i>Functional Specification Document</i> (FSD) untuk mengendalikan satu sumber pemotongan untuk pembayaran balik pinjaman telah pun selesai.</p> <p>Kos penambahaikan telah dipersetujui dan diluluskan.</p> <p>Pembekal kini sedang di dalam proses membangunkan aplikasi dan dijangka siap dalam tempoh 2 bulan.</p> <p>Kini di dalam proses percubaan untuk penyesuaian dan mengenalpasti keperluan sewajarnya untuk penambahaikan di masa akan datang.</p> <p>Sistem dijangka siap sepenuhnya pada awal November 2012.</p>
18.4.5.3	<p>Standard Operating Procedures Tidak Lengkap</p> <p>Semakan Audit mendapati BSN tidak menetapkan tempoh masa bagi setiap peringkat proses kerja bagi pengurusan pinjaman sewa beli. Perkara ini menyukarkan pegawai untuk menentukan tempoh masa sebenar yang perlu diambil bagi setiap peringkat proses kerja dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab. Semakan Audit seterusnya mendapati 6 permohonan telah diluluskan pinjaman bagi tempoh antara 35 hingga 68 hari dari tarikh penerimaan borang permohonan.</p> <p>Pada pendapat Audit, BSN perlu mengemas kini <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) bagi pinjaman sewa beli kenderaan dengan menetapkan tempoh masa bagi setiap peringkat aliran kerja supaya pengurusan pinjaman sewa beli kenderaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.</p>	<p>Mesyuarat telah dijalankan pada 26 Jun 2012 dan SOP bagi sewa-beli kenderaan telah diwujudkan disamping pemilihan ahli jawatankuasa secara muktamad.</p> <p>Proses aliran kerja bagi setiap unit masih ditunggu sebelum penghasilan Proses aliran kerja yang utama untuk dipersetujui oleh ahli jawatankuasa pada mesyuarat berikutnya.</p> <p>Projek ini melibatkan usaha bersepada daripada pelbagai jabatan yang berkaitan dengan proses sewa-beli kenderaan sementara BOKK sebagai pemegang amanah.</p> <p>Proses keseluruhan dijangka siap sepenuhnya pada awal Oktober 2012.</p>

18.4.6.2	<p>Pemantauan</p> <p>Semakan Audit mendapati tiada pinjaman tidak berbayar untuk pinjaman sewa beli kenderaan bagi tahun 2008 hingga 2011. Ini menunjukkan BSN telah mengambil tindakan segera bagi kutipan balik pinjaman yang melebihi tempoh bayaran balik yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemantauan berkala prestasi guaman yang kurang memuaskan menyebabkan tindakan litigasi mengambil masa lama untuk diselesaikan akibat pertukaran panel peguam.</p> <p>Pada pendapat Audit pemantauan pinjaman aktif terutamanya dalam proses kutipan balik adalah teratur. Bagaimanapun, BSN perlu membuat pemantauan secara berterusan dengan lebih berkesan terhadap prestasi guamannya supaya tindakan litigasi dapat diselesaikan dengan segera.</p>	<p>BSN masih mengekalkan cara pemantauan prestasi panel peguam dengan cara yang sama.</p>
----------	---	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)

Perenggan 19 : Pengurusan Dana Eksport Perkhidmatan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.4.1.1.e	<p>Pemberian Geran DEP</p> <p>Semakan Audit mendapati MATRADE telah mewujudkan mekanisme pengesanan bagi menilai prestasi dan kemajuan syarikat yang telah menerima geran.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun MATRADE telah melaksanakan mekanisme pengesanan, MATRADE perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sewajarnya bagi mengukur pencapaian objektif pemberian geran. Petunjuk prestasi dan mekanisme pengesanan perlu dinyatakan dalam manual pengurusan geran sebagai panduan dan rujukan supaya ia dapat dilaksanakan dengan teratur.</p>	<p>Mekanisme ini dijalankan dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah maklumbalas secara bertulis melalui borang maklumbalas kepada syarikat, maklumbalas secara lisan oleh syarikat, pembentangan dari syarikat-syarikat dan laporan terus dari syarikat mengenai status projek selepas geran diluluskan.</p> <p>Makluman ini diperolehi sebaik sahaja selepas aktiviti dijalankan melalui tindakan susulan selepas 3 dan 6 bulan.</p>
19.4.2.2	<p>Peruntukan Kewangan</p> <p>Semakan Audit mendapati MATRADE telah menyalurkan geran DEP berjumlah RM96.49 juta atau 83.9 peratus sehingga tahun 2011 berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM115 juta. Lebihan peruntukan berjumlah RM18.51 juta atau 16.1 peratus disebabkan tuntutan bayaran balik oleh syarikat kurang daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh MATRADE.</p> <p>Pada pendapat Audit, MATRADE perlu memulangkan lebihan Dana Eksport Perkhidmatan kepada Kementerian Kewangan kerana aktiviti ini telah tamat di bawah RMKe-9.</p> <p><i>Mengikut maklum balas, MATRADE telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan mengenai cadangan penggunaan baki dana eksport perkhidmatan pada 19 Jun 2012.</i></p>	<p>Dana Eksport Perkhidmatan (DEP) telah tamat pada 31 Disember 2010. Walau bagaimanapun, proses pembayaran tuntutan masih dibuat sehingga 31 Disember 2011 kerana ada tuntutan bagi tahun 2010 dikemukakan oleh syarikat pada tahun 2011.</p> <p>MATRADE memastikan bahawa tiada lagi tuntutan daripada syarikat bagi mendapatkan baki sebenar geran DEP sebelum memaklumkannya kepada pihak MOF mengenai baki sebenarnya dan cadangan bagi penggunaan baki tersebut.</p> <p>MATRADE telah menerima kelulusan daripada MOF melalui surat bil B(4X5)248/5-1 bertarikh 23 Julai 2012 dan telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal pada 30 Julai 2012.</p>
19.4.3.2	<p>Jawatankuasa Pemilihan Aktiviti Dana Eksport Perkhidmatan</p> <p>Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelulus DEP telah menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Pelulus Dalaman pada 23 Februari 2009 untuk memberikan kelulusan terhadap permohonan Geran 1 dan 2. Bagaimanapun, ahli Jawatankuasa Pelulus Dalaman tidak dilantik secara bertulis dan had nilai kelulusan tidak</p>	<p>Mulai 1 Januari 2012, MATRADE memastikan geran lain dibawah pengurusan MATRADE mempunyai perlantikan jawatankuasa secara bertulis dan penetapan had nilai kelulusan geran dibuat berdasarkan kriteria dan potensi perniagaan syarikat.</p>

	<p>ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan geran DEP tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Pelulus Dalaman tetapi diluluskan oleh Pengarah Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Produk & Perkhidmatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, MATRADE sepatutnya melantik jawatankuasa secara bertulis supaya proses kelulusan pemberian geran dibuat dengan teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain itu, had nilai kelulusan hendaklah ditetapkan dan kelulusan geran dibuat berdasarkan kriteria dan potensi perniagaan syarikat.</p>	
19.4.4.2	<p>Kelewatan Memproses Geran MDG-MSP</p> <p>Semakan Audit secara rambang mendapati 27 daripada 35 permohonan geran MDG-MSP yang diterima telah lewat diproses antara 25 hingga 319 hari. Ini mengakibatkan kelewatan pembayaran antara 34 hingga 331 hari daripada tarikh permohonan diterima. Perkara ini berlaku kerana MATRADE tidak mengemas kini tempoh proses tuntutan bayaran balik geran DEP dalam Manual Prosedur Pembayaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, MATRADE perlu mengemas kini tempoh proses tuntutan bayaran balik DEP dalam Manual Prosedur Pembayaran selaras dengan keputusan Jawatankuasa Pelulus Geran 4 Dan Pembayaran Tuntutan supaya pemohon dapat menggunakan geran ini untuk mencapai tujuan yang dipohn dengan segera.</p> <p><i>MATRADE memaklumkan proses pemantauan dan kelulusan geran telah dijalankan berdasarkan piagam pelanggan untuk mengelakkan kelewatan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah mengemas kini proses aliran kerja bagi mempercepatkan tuntutan dan mewajibkan syarikat membuat permohonan secara online.</i></p>	<p>Pada 1 Julai 2012, MATRADE mewajibkan syarikat membuat permohonan geran secara online. Ini merupakan salah satu usaha MATRADE untuk mempercepatkan proses tuntutan dan memudahkan syarikat membuat permohonan. MATRADE juga memastikan proses tuntutan dibuat selaras dengan piagam pelanggan MATRADE iaitu dalam masa 21 hari bekerja.</p>
19.4.5.2	<p>Pemantauan</p> <p>Pemantauan DEP telah dijalankan di peringkat Kementerian dan Agensi Pusat iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri. Pemantauan di peringkat MATRADE dibuat melalui Mesyuarat Khas Pemantauan Projek RMKe-9, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, Mesyuarat Lembaga Pengarah, Mesyuarat Pengurusan Kanan dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dan Pemantauan. Semakan Audit mendapati laporan susulan prestasi syarikat yang mendapat bantuan geran DEP telah disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun MATRADE telah melaksanakan pemantauan terhadap geran DEP, MATRADE perlu menetapkan prosedur pemantauan di dalam manual pengurusan pemberian geran supaya ia dapat dilaksanakan dengan teratur.</p>	<p>Mulai 1 Januari 2012, MATRADE memastikan prosedur pemantauan terhadap geran di bawah MATRADE ditetapkan di dalam manual pengurusan pemberian geran supaya ianya dapat dilaksanakan dengan teratur.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Perenggan 20 : Pengurusan Pelaburan Hartanah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.4.2.1 b.i	<p>Pembangunan Projek Perumahan</p> <p>Semakan Audit mendapati MBSB melalui syarikat subsidiarinya telah gagal menyiapkan projek perumahan yang dirancang. Pemaju hanya menyiapkan 720 unit rumah iaitu 62 peratus daripada 1,151 unit rumah dalam tempoh 6 tahun iaitu dari tahun 1995 hingga 2001. Selain itu, sebanyak 97 unit rumah di fasa 2 iaitu 19 unit rumah kedai dan 78 unit rumah teres dua tingkat bernilai RM17.58 juta tidak dapat dijual.</p>	<p>Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan projek usaha sama yang telah diluluskan oleh Panel Pelaburan untuk dimasuki oleh KWSP pada tahun 1993. Pelbagai faktor telah diambil kira dan nasihat pakar telah diperolehi sebelum Pengurusan pada masa itu membuat keputusan untuk memasuki pelaburan harta tersebut.</p> <p>Projek usaha sama bersama MBSB ini adalah berdasarkan konsep bina dan jual. MBSB tidak dapat menyiapkan projek mengikut perancangan disebabkan faktor pasaran harta yang lembap akibat daripada krisis kewangan yang melanda rantau ini di antara tahun 1997 sehingga 2001 dan kadar pinjaman asas bank (BLR) yang tinggi iaitu melebihi 10% pada tahun 1998. Keadaan ini telah memberi impak kepada kemajuan dan penyiapan projek berkenaan.</p> <p>KWSP sentiasa memantau prestasi projek perumahan ini melalui laporan kemajuan berkala yang disediakan oleh MBSB. Berdasarkan pemantauan yang berterusan, KWSP telah mengambil keputusan untuk menamatkan perjanjian usahasama dengan MBSB pada tahun 2002.</p>
20.4.2.1.b.ii	<p>Penamatkan Perjanjian Usaha Sama</p> <p>Semakan Audit mendapati Panel Pelaburan telah meluluskan tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh MBSB dengan alasan kerja pra pembangunan di Fasa 3 dan 4 perlu dibuat kerana melibatkan sambungan jalan ke projek perumahan di Fasa 1 dan 2. Bagaimanapun, Jabatan Undang-undang berpendapat KWSP tidak terikat dengan projek perumahan Fasa 3 dan 4. Ini kerana perjanjian tersebut adalah berdasarkan kepada <i>success basis</i> dan tuntutan hanya boleh dibuat berdasarkan penamatkan projek.</p>	<p>Kerja-kerja infrastruktur telah dilakukan di Fasa 3 dan Fasa 4 dan Panel Pelaburan KWSP telah meluluskan tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh MBSB berkaitan kerja-kerja tersebut kerana kerja infrastruktur itu melibatkan sambungan jalan (<i>access road</i>) ke projek pembangunan di Fasa 1 dan 2 yang telah dibangunkan. Kerja-kerja awal infrastruktur dibuat berdasarkan projek ini akan dapat disiapkan dalam tempoh yang</p>

	<p>KWSP perlu membayar kos kerja permulaan berjumlah RM2.51 juta bagi Fasa 1B yang tidak disiapkan mengikut perancangan akibat penamatkan perjanjian.</p> <p>KWSP tidak memasukkan terma denda atas kelewatan (LAD) sekiranya projek perumahan lewat disiapkan dalam perjanjian usaha sama.</p> <p>MBSB telah lewat mengemukakan baki tuntutan kos projek perumahan pada bulan Februari 2003 walaupun perjanjian ditamatkan pada bulan Jun 2002. KWSP juga telah lewat meluluskan baki tuntutan MBSB pada bulan Januari 2004 yang menyebabkan KWSP dikenakan faedah atas kelewatan berjumlah RM4.70 juta.</p>	<p>ditetapkan. Kerja pra pembangunan ini adalah <i>capital in nature</i> dan telah menaikkan nilai tanah tersebut.</p> <p>Berhubung dengan terma LAD, perjanjian dengan MBSB adalah merupakan satu perjanjian pembangunan dan bukan satu perjanjian kontrak pembinaan. Secara amnya, terma denda atas kelewatan (LAD) dimasukkan di dalam perjanjian kontrak pembinaan. Terma-terma yang dimeterai di dalam perjanjian usahasama ini adalah berdasarkan pertimbangan komersil dengan mengambilkira faktor-faktor yang mempengaruhi projek berkenaan pada masa tersebut dan merupakan keputusan rundingan bersama di antara KWSP dan MBSB pada masa tersebut. Tindakan penambahbaikan ialah KWSP telah memastikan terma LAD dimasukkan di dalam perjanjian-perjanjian yang baru mengikut keperluan.</p> <p>Kelulusan bayaran ke atas tuntutan baki kos projek perumahan oleh MBSB hanya dibuat setelah KWSP mendapat nasihat perundangan berhubung tuntutan MBSB tersebut. Selain daripada itu, KWSP juga perlu mendapatkan kelulusan Panel Pelaburan sebelum tuntutan MBSB berkenaan dapat dijelaskan.</p>
20.4.2.2.a.i	<p>Kegagalan Pemaju Pertama Menyiapkan Projek</p> <p>Semakan Audit terhadap perjanjian usaha sama antara KWSP dengan MBSB mendapati tempoh siap kerja dan klausa denda atas kelewatan (LAD) bagi menyiapkan projek perumahan tidak ditetapkan.</p>	<p>Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan projek pembangunan yang dimasuki oleh KWSP pada tahun 1998 melalui <i>Project Development Agreement</i> bertarikh 17 Mei 1998 ("Perjanjian"). Perjanjian antara KWSP dengan MBSB ini adalah merupakan satu perjanjian pembangunan dan bukan satu kontrak pembinaan. Tempoh siap kerja dinyatakan di dalam "Perjanjian" dan ianya terikat dengan pelbagai kelulusan yang perlu diperolehi daripada Pihak Berkuasa yang berkaitan. Di samping itu, remedii kepada KWSP sekiranya MBSB gagal menyiapkan projek di dalam tempoh yang dipersetujui, KWSP berhak menamatkan Perjanjian di atas. Selain daripada itu, terma Perjanjian ini adalah berdasarkan pertimbangan komersial dan keputusan rundingan bersama di antara KWSP dan MBSB bersesuaian keadaan sektor harta tanah yang sangat lembap pada sekitar tahun 1997-1998 kesan krisis kewangan Asia. Tindakan penambahbaikan ialah KWSP telah memastikan terma LAD dimasukkan di dalam perjanjian-perjanjian yang baru mengikut keperluan.</p>

20.4.2.2.a.ii	<p>Kelewatan Pemaju Baru Menyiapkan Projek</p> <p>Semakan Audit mendapati pemaju baru telah lewat menyiapkan projek perumahan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada bulan Julai 2011. Bagaimanapun, pada bulan Jun 2010 Panel Pelaburan KWSP telah meluluskan lanjutan tempoh siap projek sehingga bulan Julai 2013 iaitu dari 7 ke-10 tahun.</p>	<p>Perjanjian projek pembangunan Sg. Besi dengan pemaju baru adalah bagi tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 2003 sehingga tahun 2011. Penyelesaian isu setinggan yang menetap di harta tanah tersebut, serta masa yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan telah memberi kesan ke atas kelancaran penyiapan projek ini. Selain daripada itu, faktor-faktor luaran seperti krisis kewangan yang melanda rantau ini pada tahun 1997 sehingga 2001, kadar faedah yang tinggi serta pasaran harta tanah yang lembap telah memberi impak ke atas pembangunan projek berkenaan. Pelancaran fasa-fasa di projek pembangunan ini adalah berdasarkan permintaan pasaran bagi memastikan <i>take-up rate</i> yang terbaik diperolehi.</p>
20.4.3.1.d	<p>Prestasi Projek Tidak Mengikut Perancangan</p> <p>Lawatan Audit ke bangunan KWSP Negeri Sembilan pada bulan Januari 2012 mendapati :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pondok pengawal seperti dalam pelan asal tidak dibina. • <i>Certificate Of Completion And Compliance</i> (CCC) masih belum dikeluarkan oleh perunding arkitek kerana KWSP dalam proses berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. 	<p>Di dalam pengurusan projek ini, pelaksanaan skop kerja berdasarkan pelan asal selalunya akan berhadapan dengan pelbagai kekangan dimana keputusan perlu dibuat samada bagi <i>omission</i> atau <i>addition</i>. Contohnya seperti kekangan ketidakcukupan ruang dan sebagainya atau terdapat paip dan servis bawah tanah yang ditemui dan memerlukan perubahan dibuat. Bagi skop kerja pembinaan Pondok Pengawal, Pengurusan telah membuat keputusan untuk mengeluarkan skop kerja ini daripada pelan asal kerana:-</p>
20.4.3.1.e	<p>Semakan Audit juga mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek pembinaan adalah kerana prestasi perunding yang kurang memuaskan. Perunding yang dilantik bagi projek pembinaan bangunan KWSP Negeri Sembilan adalah perunding arkitek, perunding kejuruteraan struktur dan awam, perunding kejuruteraan mekanikal dan elektrik serta perunding ukur bahan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan memberi laluan pelarasan skop kerja pengalihan paip air bawah tanah yang telah ditemui. • Keperluan memberi laluan pelarasan kepada skop kerja pemasangan kabel bawah tanah. • Mengelakkan <i>boundary alignment</i> bagi mengelakkan pengalihan longkang yang dibina oleh Majlis Perbandaran Seremban (MPS). • Mengelakkan pengurangan petak meletak kenderaan sekiranya pelarasan kedudukan Pondok Pengawal dibuat dan binaan kerja dinyatakan diatas dilaksanakan.
20.4.3.1.f	<p>KWSP telah mengeluarkan surat teguran pada bulan November 2009 kepada semua perunding supaya memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan projek pembinaan bangunan KWSP Negeri Sembilan dapat disiapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, KWSP hendaklah menyenaraihitamkan kontraktor dan perunding bagi projek pembinaan bangunan KWSP Negeri Sembilan supaya mereka tidak dilantik untuk projek KWSP yang lain.</p> <p><i>KWSP memaklumkan kelewatan projek ini disumbangkan oleh masalah kelemahan kontraktor, kurangnya komitmen perunding dan masalah kewangan kontraktor. KWSP telah meneruskan projek dengan kontraktor dan perunding yang sama serta memberi pengecualian LAD bagi memastikan projek ini dapat disiapkan. Certificate Of Completion And Compliance telah diperolehi pada bulan Jun 2012 dan tindakan untuk menyenaraihitamkan Jurutera perunding Sivil dan Struktur untuk projek KWSP akan diambil.</i></p>	<p>Secara keseluruhannya, keputusan pengurusan untuk mengeluarkan skop kerja pembinaan Pondok Pengawal ini adalah keputusan terbaik bagi mengelakkan pertambahan kos yang tinggi serta pertambahan jangkamasa tempoh penyiapan projek. Sekiranya alternatif lain seperti pengalihan paip air keluar sempadan bangunan KWSP atau pengalihan longkang MPS diambil, kelulusan semula perlu diperolehi daripada MPS dan</p>

	<p><i>KWSP juga memaklumkan skop kerja pembinaan pondok pengawal dikeluarkan daripada pelan asal kerana memberi laluan pelarasan skop kerja pengalihan paip air dan kabel bawah tanah, mengekalkan boundary alignment bagi mengelakkan pengalihan longkang serta mengelakkan pengurangan parkir kendaraan.</i></p>	<p>kerja-kerja akan melibatkan kos yang lebih tinggi kerana penyesuaian perlu dibuat semula ke atas semua kabel dan servis bawah tanah termasuk sebarang kabel dan servis sediada kepunyaan MPS. Kos bagi kerja-kerja pembinaan Pondok Pengawal ini telah dikeluarkan daripada akaun projek dan perkara ini akan diambil kira dalam penyediaan akaun muktamad projek.</p> <p>Sebahagian besar masalah kelewatan yang dihadapi KWSP adalah disumbang oleh kelemahan di pihak kontraktor dan juga kelemahan serta kurangnya komitmen perunding bagi menyelesaikan isu-isu di tapak dengan segera sehingga memerlukan campur tangan pihak KWSP. KWSP mempunyai dua pilihan bagi menangani masalah ini iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pilihan 1 : Penamatian Kontrak ii) Pilihan 2: Meneruskan dengan kontrak dengan menjalankan penyeliaan dan pengurusan projek yang lebih kerap dan rapi. <p>Berdasarkan rundingan yang telah dijalankan dengan pihak kontraktor pada 8 Oktober 2009 pihak kontraktor telah memberikan jaminan dan menunjukkan kesungguhan untuk menyiapkan projek ini. Sehubungan dengan itu, KWSP telah meneruskan dengan Pilihan 2 kerana sekiranya Pilihan 1 iaitu tindakan penamatian kontrak diambil, ianya akan memberi risiko dan impak yang lebih besar kepada perjalanan dan kemajuan kerja di tapak sehingga memungkinkan projek ini terbengkalai dan melibatkan isu perundungan bagi determination kontrak yang kebiasaannya akan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan.</p> <p>Tindakan penamatian ke atas perunding juga tidak dibuat kerana sekiranya tindakan ini diambil, KWSP perlu mendapatkan surat pelepasan tanggungan daripada perunding ini, perlu melalui semula proses pelantikan perunding baru, proses permohonan semula kelulusan merancang / pelan bangunan dan sebagainya kerana pertukaran pihak yang bertanggungjawab merekabentuk pelan-pelan berkenaan. Keadaan ini akan mengambil masa yang panjang dan bakal menyebabkan kelewatan penyiapan projek.</p> <p>Dengan kelewatan penyiapan yang dihadapi ini, KWSP mengenalpasti salah satu punca kelemahan prestasi kontraktor adalah masalah kewangan kerana kontraktor ini terpaksa berdepan dengan masalah kenaikan kadar harga semasa bahan</p>
--	--	---

		<p>binaan. Manakala bagi pihak perunding pula, memandangkan kontrak ini telah berlanjut agak lama melebihi tempoh penyiapan asal, komitmen yang diberikan oleh perunding juga telah menurun. Bagi mengatasi masalah ini, KWSP telah mengambil tindakan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Meluluskan bayaran Perubahan Harga kepada kontraktor selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 yang menetapkan kaedah pelaksanaan syarat perubahan harga bagi kontrak secara konvensional termasuk Kerja-Kerja Binaan Bangunan, Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam dan Kerja-Kerja Mekanikal dan Elektrikal. Kelulusan ini telah diperolehi di Mesyuarat Lembaga Perolehan B Bil. 8/2008 pada 24 November 2008. ii) Memberikan pengecualian LAD kepada kontraktor. iii) Melaksanakan pengurusan dan pemantauan projek secara lebih kerap dan dekat dengan mengadakan mesyuarat secara mingguan di tapak projek. iv) Melaksanakan sebahagian kerja secara design & built oleh kontraktor (contoh: kerja-kerja pengalihan paip air). v) Menguruskan dengan pihak-pihak Berkuasa Tempatan bagi mempercepatkan penyelesaian keperluan dan isu-isu berkaitan permohonan kelulusan kerja dan pengeluaran surat sokongan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC – <i>Certificate of Completion And Compliance</i>) oleh pihak Majlis. <p>CCC telah diperolehi pada bulan Jun 2012.</p> <p>Pengurusan KWSP telah mengeluarkan arahan bagi menyenaraikan hitam Jurutera perunding Sivil & Struktur untuk projek-projek KWSP. Tindakan menyenaraihitam akan diambil setelah penutupan akaun dan kontrak projek ini dibuat bagi mitigasi risiko komitmen perunding di dalam urusan <i>post</i> pembinaan seperti pengurusan kecacatan kerja dan akaun muktamad.</p>
20.4.4.1.b	Pemajak Gagal Mematuhi Syarat Perjanjian	<p>Semakan selanjutnya mendapati KWSP telah menghantar surat peringatan pada bulan Mei 2011 kepada pemajak supaya membayar tunggakan sewa, membuka Akaun <i>Escrow</i>, mencarum kepada Akaun <i>Sinking Fund</i> dan membayar caj penyenggaraan kepada syarikat pengurusan bangunan. Bagaimanapun, pemajak tidak mengambil tindakan terhadap surat peringatan tersebut.</p> <p>Bagi memastikan Pemajak mematuhi syarat-syarat dan terma Perjanjian Pajakan, KWSP telah menghantar surat peringatan pada bulan Mei 2011 kepada Pemajak supaya membayar tunggakan sewa, membuka akaun <i>Escrow</i>, mencarum kepada akaun <i>Sinking Fund</i> dan membayar caj penyenggaraan kepada syarikat pengurusan bangunan di samping telah berusaha untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Pemajak.</p>

		<p>Oleh kerana tiada jawapan daripada pihak Pemajak dan konsisten dengan peruntukan Perjanjian Pajakan, pihak KWSP telah memulakan proses menyaman CASB pada 20 Disember 2011. Pada 10 Mei 2012, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah bersetuju ke atas tuntutan saman KWSP ke atas pemajak bagi penyerahan semula hartanah kepada KWSP dan tuntutan bayaran tunggakan sewa.</p> <p>Bagi memperkemaskan pemantauan ke atas pelaburan yang dibuat, satu Seksyen Pengawasan Portfolio telah ditubuhkan di bawah Jabatan Pasaran Persendirian untuk memantau pelaburan di Jabatan ini. Di samping itu, satu <i>database</i> pengawasan yang mengandungi ringkasan terma-terma perjanjian sedang dibangunkan. Projek ini dijangka siap dalam masa 6 bulan hingga 12 bulan.</p> <p>Satu <i>database</i> pengawasan yang mengandungi ringkasan terma-terma perjanjian sedang dibangunkan. Projek ini dijangka siap dalam masa 6 bulan hingga 12 bulan.</p>
20.4.4.2.b	Pemajak Gagal Membayar Pajakan	<p>Semakan Audit mendapati pemajak telah gagal membayar pajakan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian mulai bulan Julai 2011 sehingga Mac 2012 iaitu selama 9 bulan. KWSP telah melunaskan 2 bulan deposit pajakan bagi menyelesaikan tunggakan sewa 2 bulan.</p>
20.4.4.2.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati KWSP telah menghantar notis tuntutan kerana gagal membayar tunggakan pajakan bagi bulan Julai hingga Disember 2011. Sehingga bulan Mac 2012, tunggakan pajakan adalah berjumlah RM11.03 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, KWSP sepatutnya memastikan pemajak mematuhi syarat yang telah ditetapkan sebaik sahaja perjanjian pajakan ditandatangani bagi menjaga kepentingannya.</p> <p><i>KWSP telah mengambil tindakan untuk mendapatkan sewa tertunggak dan tuntutan ke atas segala kerugian KWSP disebabkan kegagalan pihak pemajak untuk mematuhi terma Perjanjian Pajakan tersebut. KWSP telah menghantar surat peringatan pada bulan Mei 2011 bagi memastikan pemajak mematuhi syarat-syarat dan terma Perjanjian Pajakan. KWSP telah menyaman pemajak pada bulan Disember 2011 dan pada bulan Mei 2012, Mahkamah Tinggi telah bersetuju ke atas tuntutan saman KWSP. Perjanjian Pajakan telah dibatalkan pada bulan Jun 2012 dan KWSP telah mengambil alih kedua-dua pengurusan hotel tersebut.</i></p>	<p>Pada 1 Jun 2012, Perjanjian Pajakan telah dibatalkan dan KWSP telah mengambil alih kedua-dua hotel tersebut.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

Perenggan 21 : Pengurusan Aset

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.4.1.1.b.i	<p>Harga Peralatan Tidak Dinyatakan Dalam Perjanjian</p> <p>Semakan Audit mendapati butiran spesifikasi dan harga bagi setiap peralatan dalam unit PTCL tidak dinyatakan dengan terperinci dalam perjanjian. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada harga bagi setiap peralatan yang dibekalkan adalah berpatutan.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM hendaklah memastikan spesifikasi peralatan yang perlu dibekalkan dalam unit PTCL bersama dengan harganya dinyatakan secara terperinci di dalam perjanjian untuk mendapatkan harga yang paling menguntungkan.</p>	FRIM akan memastikan perincian harga dibuat seperti disarankan oleh pihak Audit sekiranya perkara yang sama berlaku dimasa akan datang dan keperluan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jabatan pada bulan Julai 2012.
21.4.1.1.b.ii	<p>Pembekalan <i>Portable Tissue Culture Laboratory</i> Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak</p> <p>Semakan Audit mendapati kontraktor telah membekalkan 4 unit kontena yang dibaik pulih (<i>reconditioned unit</i>) pada bulan November 2008. Semakan lanjut mendapati FRIM telah mengenakan denda ganti rugi berjumlah RM30,000 daripada harga kontrak kerana pembekalan ini tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor kerana gagal membekalkan 4 unit <i>Portable Tissue Culture Laboratory</i> mengikut perjanjian. Di samping itu, tindakan perlu diambil terhadap pegawai penerima kerana tidak menolak pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi.</p> <p><i>FRIM memaklumkan 4 kontena yang dibekalkan dikenal pasti sebagai dibaik pulih setelah penghantaran dan pengisian peralatan dalam makmal tersebut dilakukan. Memandangkan penghantaran telah dibuat dan keperluan segera PTCL untuk Program Bio-usahawan Siswazah FRIM-MTDC, FRIM bersetuju untuk menerima perubahan spesifikasi. Bagaimanapun, kontraktor dikenakan bayaran ganti rugi sejumlah RM30, 000 daripada harga kontrak.</i></p>	Tindakan memohon penjelasan bertulis telah dikeluarkan kepada pegawai penerima pada 7 Mei 2009. Pengurusan FRIM mengambil maklum penjelasan bahawa keputusan untuk menerima pembekalan adalah merupakan keputusan bersama (<i>collective decision</i>). FRIM menganggap perkara ini telah selesai kerana FRIM telah memperolehi ganti rugi yang setimpal daripada kontraktor.

21.4.1.1.b.iii	<p>Kemudahan Asas Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit mendapati FRIM tidak menyediakan tapak makmal untuk penghantaran 4 unit PTCL kerana pembinaan bangunan Bio-usahawan telah tertangguh. Pada tahun 2009, FRIM telah mengeluarkan tawaran sebut harga berasingan bagi pembinaan tapak sementara di bangunan Herbarium dengan kos berjumlah RM14,980 dan penyewaan kren berjumlah RM10,500. Pembinaan ini menyebabkan kos berjumlah RM25,480 yang tiada dalam perancangan semasa penyediaan dokumen tender. Pada tahun 2011, FRIM telah membina tapak makmal yang tetap bersebelahan dengan bangunan Bio-usahawan dengan kos RM34,738. FRIM tidak menyediakan bekalan elektrik dan air semasa penghantaran 4 unit PTCL pada bulan November 2008. Bekalan air dan elektrik hanya dibekalkan pada bulan Februari dan Mac 2009 manakala PTCL dapat disewakan setelah diserahkan oleh kontraktor secara rasmi pada bulan Julai 2009.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu merancang dengan teliti dan menyediakan kemudahan yang sepatutnya supaya PTCL dapat digunakan selepas diterima dan diuji lari.</p> <p><i>FRIM memaklumkan kelewatan ini disebabkan oleh keputusan pemilihan tapak yang bersesuaian lewat dibuat dan mengambil masa untuk menyediakan tapak, bekalan elektrik serta air. Ini menyebabkan proses menguji lari tidak dapat dilakukan semasa penghantaran dibuat. Penyelarasian dan perancangan kerja yang lebih teliti akan dilaksanakan untuk projek-projek pembangunan pada masa hadapan.</i></p>	<p>Seperti dimaklumkan dalam maklumbalas audit sebelum ini penyelarasian dan perancangan kerja yang lebih teliti akan dilaksanakan untuk projek-projek pembangunan pada masa hadapan.</p>
21.4.1.1.b.iv	<p>Penyewaan Portable Tissue Culture Laboratory Tiada Perjanjian</p> <p>Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • PTCL telah disewakan kepada 4 syarikat dengan kadar sewaan RM5,000 sebulan. Tempoh sewaan adalah selama 16 bulan bermula pada 1 September 2009 sehingga 31 Disember 2010. Bagaimanapun, tiada perjanjian penyewaan disediakan dan ini boleh menjelaskan kepentingan FRIM. • Kadar sewaan salah sebuah syarikat yang menyewa dari 1 Januari hingga 31 Mei 2011 telah diturunkan daripada RM5,000 kepada RM1,000 sebulan. Bagaimanapun, FRIM tidak dapat mengemukakan dokumen justifikasi dan kelulusan penurunan kadar sewa yang ditetapkan. • <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> bagi penggunaan PTCL tidak disediakan oleh FRIM. <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu memastikan perjanjian penyewaan disedia sebelum PTCL disewakan kepada usahawan supaya kepentingan FRIM terjamin. Selain itu, <i>Standard Operating Procedures</i> perlu disediakan supaya penggunaan makmal adalah teratur dan selamat.</p>	<p>Semasa proses auditan, perjanjian ini telah pun ditandatangani dan tiada tunggakan sewa serta kelulusan pengurangan kadar sewa telah diperolehi. SOP juga telah disediakan dalam bulan April 2012 dan telah dilaksanakan. Kadar sewa telah dinaikkan semula setelah kemudahan PTCL berfungsi sepenuhnya pada Ogos 2011. Perkara ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat Jabatan pada bulan Julai 2012.</p>

	<p><i>FRIM memaklumkan menghadapi kelewatan dalam memuktamadkan perjanjian penyewaan tersebut memandangkan PTCL ini baru digunakan kali pertama, di mana FRIM dan syarikat memerlukan masa untuk mencapai persetujuan bersama. Namun, persetujuan penyewaan telah didokumenkan. FRIM bersetuju untuk mengurangkan kadar sewa daripada RM5,000 kepada RM1,000 atas permohonan penyewa disebabkan kemudahan PTCL yang belum berfungsi sepenuhnya. Selain itu, SOP telah diwujudkan yang akan diguna pakai oleh penyewa.</i></p>	
21.4.1.2.a.ii	<p>Sistem Kamera Litar Tertutup dan Automatic Drop Gate System Yang Tidak Berfungsi</p> <p>Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan <i>Automatic Drop Gate System</i> penting untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan sekitar FRIM. Lawatan Audit pada bulan Mac 2012 mendapatkan perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebanyak 22 CCTV telah dipasang pada bulan Mac 2009 di 9 lokasi sekitar FRIM. Bagaimanapun, pihak Audit mendapat hanya 5 daripada 22 CCTV yang berfungsi. • Sebanyak 4 unit <i>Automatic Drop Gate System</i> di pintu utama FRIM tidak berfungsi dan tindakan pembaikan masih belum dijalankan sejak bulan September 2011 • Perolehan CCTV dan <i>Automatic Drop Gate System</i> bernilai RM670,739 adalah satu pembaziran kerana hanya 5 CCTV yang beroperasi dan semua 4 unit palang <i>Automatic Drop Gate System</i> tidak dipasang dan disimpan dalam stor. <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu memastikan tindakan pembaikan segera diambil terhadap CCTV dan Sistem Automatik <i>Drop Gate</i> yang rosak dan tidak berfungsi bagi menjamin keselamatan FRIM sentiasa terpelihara.</p> <p><i>FRIM memaklumkan usaha untuk membaik pulih sistem CCTV dan Sistem Automatik Drop Gate sentiasa dibuat. Selain itu, sistem ini mengalami kerosakan yang teruk kesan daripada litar pintas akibat kilat manakala Sistem Automatik Drop Gate telah tidak digunakan kerana telah mengalami kerosakan. Satu kajian penilaian penggunaan Sistem Automatik Drop Gate akan dilaksanakan dan Sistem CCTV akan diperbaiki secepat mungkin sebelum 31 Julai 2012.</i></p>	<p>Kerja membaikpulih CCTV telah disiapkan dalam bulan Ogos 2012. Penilaian penggunaan <i>Sistem Automatik Drop Gate</i> sedang dilaksanakan dan laporan akan disiapkan sebelum Oktober 2012.</p>
21.4.1.3.a	<p>Perjanjian Lewat Ditandatangani</p> <p>Semakan Audit mendapat 3 daripada 5 perjanjian telah lewat ditandatangani antara 27 sehingga 80 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan perjanjian ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan supaya kepentingan FRIM</p>	<p>FRIM telah membincangkan perkara ini dalam mesyuarat Jabatan pada bulan Julai 2012 dan juga mengingatkan pegawai bertanggungjawab supaya perkara ini tidak berulang.</p>

	<p>terpelihara dan tidak menimbulkan sebarang implikasi jika berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat perjanjian.</p> <p><i>FRIM memaklumkan sentiasa berusaha untuk memastikan perjanjian kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh surat setuju terima dan akan memastikan perkara ini terus dipatuhi.</i></p>	
21.4.2.b	<p>Pelupusan Aset</p> <p>Semakan Audit mendapati Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan sijil tidak ekonomi dibaiki terhadap 3 kenderaan FRIM pada bulan April 2002. Bagaimanapun, kenderaan tersebut masih lagi digunakan. Buku log bagi 2 kenderaan tersebut iaitu Land Rover 110 (D) dan Toyota Corolla DX tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu memastikan tindakan pelupusan bagi kenderaan yang tidak ekonomi dibaiki dibuat dengan segera bagi mengelakkan kemerosotan nilai, mendapat pulangan yang terbaik melalui kaedah pelupusan yang dipilih dan menjamin keselamatan pengguna.</p> <p><i>FRIM memaklumkan semua kenderaan yang tidak ekonomi dibaiki hanya digunakan untuk kegunaan dalaman sahaja seperti oleh Unit Pendingin Hawa dan Taman Botani Kepong dan tidak bagi perjalanan di luar. Ini bagi memenuhi keperluan dalaman FRIM. Permohonan pelupusan bagi Lori Isuzu telah diterima pada Mac 2012 dan akan dilupuskan pada tahun 2012 manakala Land Rover dan Toyota Corolla telah dilupuskan dan dijual pada bulan April 2012.</i></p>	Perkara ini akan diberi perhatian/tindakan segera dalam proses pelupusan yang akan datang
21.4.3.a.i	<p>Penyelenggaraan Rekod</p> <p>Semakan Audit mendapati Bahagian Teknologi Maklumat tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala bagi komputer. Penyenggaraan hanya dilaksanakan berdasarkan aduan kerosakan daripada pengguna.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu menambah baik pengurusan penyelenggaraan rekod dengan menyediakan jadual penyenggaraan komputer secara berkala bagi memastikan komputer dapat digunakan dalam jangka masa panjang.</p> <p><i>FRIM memaklumkan jadual penyenggaraan komputer secara berkala tidak dilaksanakan kerana cawangan ICT hanya mempunyai 2 juruteknik komputer yang ditugaskan untuk membantu kerja-kerja pemberian kerosakan komputer sebanyak 758 unit dan kos tambahan berjumlah RM120,000 diperlukan. Selaras dengan aspirasi right sizing dan multi tasking, kaedah self-service untuk penyenggaraan komputer telah dilaksanakan pada tahun 2009. Di samping itu, buku log high performance purification di makmal Proteomic Timber Technology Center telah disedia dan digunakan mulai bulan Januari 2012.</i></p>	FRIM akan menyediakan satu jadual penyelenggaraan secara berkala untuk mula dilaksanakan pada tahun 2013.

21.4.3.a.ii	<p>Buku log tidak disediakan bagi penggunaan peralatan <i>High Perfomance Purification System</i> yang ditempatkan di Makmal <i>Proteomic Timber Technology Center</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, FRIM perlu menambah baik pengurusan penyelenggaraan rekod dengan menyediakan jadual penyenggaraan komputer secara berkala bagi memastikan komputer dapat digunakan dalam jangka masa panjang.</p>	<p>Buku <i>Log High Performance Purification</i> di Makmal Proteomic Timber Technology Center telah disedia dan digunakan mulai bulan Januari 2012.</p>
--------------------	---	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Perenggan 22 : Pengurusan Pelaburan Sekuriti Hutang Persendirian Dan Bon Kuasi

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.4.3.1.b	<p>Kertas Cadangan Pembelian Pelaburan</p> <p>Semakan Audit terhadap 37 sampel kertas cadangan pembelian Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Kuasi yang telah diluluskan Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sebanyak 6 kertas cadangan pembelian pelaburan berjumlah RM970 juta tidak dicatatkan tarikh kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan. ii. Sebanyak 19 kertas cadangan pembelian pelaburan Sekuriti Hutang Persendirian berjumlah RM2.66 bilion telah dibentang untuk kelulusan Panel Pelaburan sebelum setiap ahli Jawatankuasa Pelaburan memberi maklum balas. iii. Kertas kelulusan hanya ditandatangani oleh ahli Jawatankuasa Pelaburan tanpa menyatakan sama ada menyokong atau tidak bagi 1 kertas cadangan pembelian pelaburan berjumlah RM150 juta. <p>Pihak Audit berpendapat KWAP perlu mematuhi prosedur kelulusan bagi setiap cadangan pembelian Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Kuasi seperti yang ditetapkan dalam Polisi dan Garis Panduan Pelaburan. Ini bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan secara cekap dan teratur.</p> <p><i>KWAP memaklumkan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi mengemas kini proses kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Panel Pelaburan serta penyeragaman format kertas kelulusan yang digunakan.</i></p>	<p>KWAP akan mengemas kini prosedur kelulusan bagi setiap cadangan pembelian Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) dan Bon Kuasi dari semasa ke semasa dan memantau pematuhan prosedur mengikut Polisi dan Garis Panduan Pelaburan (IPG). KWAP telah melaksanakan penyeragaman format jawapan kertas kelulusan yang digunakan dalam proses kelulusan Jawatankuasa Pelaburan.</p> <p>Format baru jawapan kertas kelulusan secara edaran Jawatankuasa Pelaburan telah dilaksanakan bermula Januari 2012.</p>
22.4.3.2	<p>Format Kelulusan Cadangan Pembelian Secara Resolusi</p> <p>Semakan Audit mendapati 37 daripada 38 cadangan pembelian pelaburan Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Kuasi yang bernilai RM11.21 bilion telah diluluskan melalui resolusi. Keputusan terhadap cadangan pembelian tersebut dibentangkan di</p>	<p>Merujuk perbincangan mesyuarat pada 5 Julai 2012 di antara Jabatan Audit Negara (JAN) dan KWAP, pihak JAN bersetuju dan menerima alasan tentang keperluan bagi KWAP</p>

	<p>mesyuarat Panel Pelaburan untuk pengesahan dan makluman.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelulusan bagi cadangan pembelian Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Kuasi perlu dibincang dengan lebih mendalam dalam mesyuarat bagi memastikan kelulusan yang dibuat lebih teratur serta mewujudkan tadbir urus yang baik.</p> <p><i>KWAP memaklumkan bahawa kelulusan melalui edaran adalah bagi mengatasi isu kekangan masa untuk mendapat kelulusan segera daripada Panel Pelaburan. Kelulusan secara edaran memerlukan kelulusan sebulat suara (unanimous approval) manakala keputusan melalui mesyuarat memerlukan keputusan majoriti. Kelulusan yang dibuat melalui edaran mahupun melalui perbincangan dalam mesyuarat, tidak menjelaskan kualiti keputusan yang dibuat.</i></p>	<p>menggunakan kelulusan secara edaran iaitu bagi mengatasi kekangan masa serta membolehkan KWAP mendapat lebih peluang untuk membeli Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Kuasi di pasaran.</p> <p>Kelulusan secara edaran mahupun melalui mesyuarat akan dibuat berdasarkan keperluan semasa.</p>
22.4.3.3.b	<p>Kelulusan Pembelian Bon Cagamas</p> <p>Semakan Audit mendapati Panel Pelaburan telah memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pelaburan pada 7 Oktober 2009 untuk pembelian bon yang diterbitkan oleh Cagamas Berhad dan Cagamas MBS Berhad yang berjumlah RM215 juta. Semakan lanjut mendapati IPG tidak menyatakan secara jelas mengenai kriteria bon yang boleh dibuat penurunan kuasa oleh Panel Pelaburan kepada Jawatankuasa Pelaburan untuk meluluskan pembelian bon tanpa kelulusan Panel Pelaburan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat terma khusus berkaitan kriteria bon yang boleh dibuat penurunan kuasa oleh Panel Pelaburan perlu dinyatakan dengan jelas supaya proses pembelian dapat dibuat dengan lebih teratur.</p> <p><i>KWAP memaklumkan tujuan utama Panel Pelaburan bersetuju atas penurunan kuasa meluluskan sesetengah pembelian bon korporat, bon kuasi atau bon dijamin Kerajaan kerana kualiti bon dan tahap risiko yang hampir sama dengan bon Kerajaan. KWAP juga memaklumkan proses pertimbangan cadangan pelaburan masih tidak berubah walaupun kelulusan dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan. Bagaimanapun, KWAP akan mengemas kini IPG bagi menjelaskan kriteria bon yang boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan.</i></p>	<p>KWAP telah membuat penambahbaikan dalam IPG (berbentuk lampiran) mengenai kriteria bon yang boleh dibuat penurunan kuasa oleh Panel Pelaburan kepada Jawatankuasa Pelaburan.</p> <p>KWAP menjangka tindakan penambahbaikan akan disempurnakan sebelum suku ke-empat tahun 2012.</p>
22.4.4.1.a	<p>Pengurusan Kata Pengenalan Diri Pengguna</p> <p>Semakan Audit mendapati KWAP telah mewujudkan had capaian berdasarkan tugas dan had kuasa setiap pegawai. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada prosedur bertulis disediakan bagi mengemas kini had capaian pegawai terutamanya apabila pegawai bercuti atau menghadiri kursus.</p>	<p>Draf baru Prosedur Operasi Standard (SOP), termasuk prosedur untuk menguruskan ID pengguna kakitangan yang bercuti panjang atau dipinjamkan, telah disediakan pada suku pertama 2012 dan akan dikemukakan untuk kelulusan Pengurusan KWAP pada suku ketiga 2012.</p>
22.4.4.1.b	<p>Pihak Audit dimaklumkan kawalan keselamatan terhadap akaun pengguna yang tidak aktif dilaksanakan menerusi had pengumuran kata laluan yang hanya ditetapkan sehingga 90 hari. Akaun pengguna yang tidak dikemas kini kata laluan selepas tempoh tersebut secara automatik diklasifikasikan sebagai tidak aktif.</p>	

<p>Akaun tersebut tidak boleh digunakan untuk mengakses Sistem MFUND sehingga pengaktifan semula dilaksanakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat apabila pengguna tersebut mengemukakan permohonan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat ketiadaan prosedur bertulis bagi akaun yang tidak aktif akan meningkatkan risiko penyalahgunaan kata laluan sekiranya digunakan oleh pegawai lain. Kelemahan ini boleh menjelaskan keselamatan dan integriti data pelaburan KWAP.</p> <p><i>KWAP memaklumkan draf baru Prosedur Operasi Standard (SOP), termasuk prosedur untuk menguruskan ID pengguna kakitangan yang bercuti panjang atau dipinjamkan telah disediakan pada suku pertama 2012 dan akan dikemukakan untuk kelulusan pada suku ketiga 2012.</i></p>	
--	--

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN II : PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Perenggan 23 : Pengurusan Pembayaran Faedah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.4.1.2	<p>Prestasi Pembayaran Faedah</p> <p>Semakan Audit mendapati bayaran faedah adalah mengikut peruntukan yang disediakan. Pada tahun 2009, faedah sejumlah RM1,255.13 juta telah dibayar melebihi peruntukan sejumlah RM1,190 juta. Lebihan sejumlah RM65.13 juta disebabkan peningkatan dalam bilangan kes tuntutan faedah mengikut kelayakan di bawah AKSP 1969. Bagaimanapun, PERKESO telah memperoleh peruntukan tambahan berjumlah RM76.88 juta bagi perbelanjaan tanggungan dan telah diluluskan untuk menampung perbelanjaan tersebut.</p>	<p>Perkara tuntutan faedah melebihi daripada anggaran peruntukan semasa tidak dapat dielakkan atas alasan peningkatan kadar kemalangan yang di luar kawalan PERKESO. Bagi menangani peningkatan tuntutan faedah ini, PERKESO telah melaksanakan pelbagai program dan antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Program Kembali Bekerja (<i>Return To Work</i>). (b) Langkah pencegahan (<i>preventive</i>) melalui kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di kalangan pencarum. (c) Kempen pencegahan kemalangan.
23.4.1.3	<p>Semakan Audit terhadap <i>trend</i> pendapatan caruman dan pembayaran faedah mengikut skim mendapati caruman bagi Skim Pencen Ilat tidak dapat menampung bayaran faedah dan perlu menggunakan caruman daripada Skim Insurans Bencana Pekerjaan. Ini berdasarkan 55 peratus pendapatan caruman akan diperuntukkan kepada penerima faedah di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan baki sebanyak 45 peratus kepada penerima faedah Skim Pencen Ilat. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan Oktober 2010. Pihak Audit mendapati peningkatan pembayaran faedah adalah disebabkan kesedaran pencarum atau waris mengenai hak mereka serta kenaikan kadar faedah apabila PERKESO membuat penyesuaian kos sara hidup penerima bayaran.</p>	<p>PERKESO telah dan akan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan, antaranya melalui "Ops Kesan" bagi mengenalpasti majikan-majikan yang ingkar mencarum supaya bertanggungjawab mencarum, dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kutipan caruman.</p> <p>Peningkatan dalam perbelanjaan faedah berbanding jumlah caruman di bawah Skim Pencen Ilat adalah disebabkan peningkatan dalam bilangan tuntutan kes faedah berikut peningkatan kesedaran pencarum terhadap hak mereka dan faktor di luar kawalan PERKESO antaranya pencarum tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat dan peningkatan dalam kes kematian pencarum disebabkan oleh kemalangan yang serius dan juga amalan gaya hidup yang kurang sihat. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab PERKESO dalam melaksanakan pembayaran kepada penerima faedah yang layak.</p>

	<p><u>Tindakan Penambahbaikan:-</u></p> <p>(a) PERKESO sentiasa melaksanakan inisiatif bagi memupuk kesedaran Orang Berinsurans mengenai keselamatan di tempat kerja secara berterusan menerusi kempen publisiti, seminar seranta dan jalinan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak majikan bagi membendung peningkatan kadar kemalangan di tempat kerja;</p> <p>(b) Skop keselamatan di tempat kerja juga diperluaskan dengan turut merangkumi keselamatan semasa perjalanan pergi balik kerja dan dalam waktu rehat yang dibenarkan. Sehubungan itu, sebanyak 359 program dan kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dianjurkan dengan kerjasama NGO pada tahun 2011, antaranya Seminar Pencegahan Kemalangan PERKESO dan Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja. Pelaksanaan program ini bertujuan memberi kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan yang mencatat kadar kemalangan yang tinggi di tempat kerja dan kemalangan semasa dalam perjalanan berkaitan pekerjaan (<i>commuting accident</i>). Antara kempen keselamatan yang telah dijalankan oleh PERKESO di premis majikan yang dikenalpasti mempunyai kadar kemalangan yang tinggi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan bagi majikan LSG Skychef Brahim Sdn Bhd (Jun 2011) dan majikan Tenaga Nasional Berhad (April 2012); dan ii. Kempen Keselamatan Bermotosikal Kepada Pencarum PERKESO Peringkat Kebangsaan bagi majikan Plus Malaysia Berhad (Ogos 2012). <p>(c) Bagi meningkatkan kesedaran golongan pekerja mengenai keselamatan di tempat kerja dan semasa dalam perjalanan berkaitan pekerjaan (<i>commuting accident</i>), PERKESO dengan kerjasama NGO telah menerbitkan 3 buah video pencegahan kemalangan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pilihan Di Tangan Anda (berkaitan '<i>commuting accident</i>') ii. Dah Nak Sampai (berkaitan '<i>commuting accident</i>') iii. Kecuaian Membawa Padah (berkaitan '<i>occupational safety</i>')
--	---

		<p>Statistik peningkatan kemalangan di tempat kerja dan kemalangan semasa dalam perjalanan berkaitan pekerjaan berbanding bilangan pekerja masih terkawal iaitu pada kadar 1.04% sahaja bagi tahun 2009 hingga 2011.</p>
23.4.1.4	<p>Analisis Audit mendapati pembayaran faedah dan bilangan penerima faedah telah meningkat setiap tahun mulai tahun 2009 sehingga 2011. Bilangan penerima faedah meningkat sebanyak 17,132 atau 5.2 peratus pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 dengan peningkatan bayaran sejumlah RM15.33 juta. Secara keseluruhannya, didapati bilangan penerima faedah meningkat untuk tempoh 3 tahun dengan peningkatan yang ketara bagi penerima faedah Pencen Penakat iaitu sebanyak 22,516 kes. Peningkatan ini disebabkan kesedaran pencarum atau waris mengenai hak mereka dan kurang mengutamakan keselamatan di tempat kerja.</p> <p>Pada pendapat Audit, kadar caruman harus dikaji semula bagi menampung bayaran faedah yang semakin meningkat. Selain itu, PERKESO perlu meneruskan usaha untuk memberi kesedaran kepada pekerja mengenai keperluan insurans dan keselamatan di tempat kerja.</p> <p><i>PERKESO memaklumkan isu defisit ini turut dikaji dan diteliti oleh pakar aktuari antarabangsa, International Labour Organisation (ILO) dalam Kajian Aktuari Ke-9. Pihak aktuari ILO berpendapat defisit dalam Skim Pencen llat ini masih boleh ditampung dengan lebihan daripada Skim Bencana Kerja menerusi rezab bebas. Bagaimanapun, impak kenaikan kadar caruman bagi Skim Pencen llat sedang dikaji secara menyeluruh sebelum ia dimuktamadkan bagi skop Kajian Aktuari Ke-10 yang akan datang.</i></p>	<p>Peningkatan keseluruhan pembayaran faedah PERKESO adalah disebabkan kesedaran pencarum atau waris mengenai hak mereka, kurangnya kesedaran terhadap keselamatan di tempat kerja dan tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat.</p> <p>Langkah-langkah sewajarnya telah dilaksanakan oleh PERKESO secara berterusan antaranya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Meningkatkan kesedaran umum dan melaksanakan inisiatif bagi membendung peningkatan kemalangan di tempat kerja sejak April 2008; (b) Menambahbaik proses penyampaian perkhidmatan melalui pengendalian kes-kes secara pro-aktif di mana kes-kes bencana kerja yang dilaporkan melalui media cetak atau elektronik dipantau untuk tindakan susulan tanpa menunggu permohonan daripada majikan atau Orang Berinsurans sejak Januari 2009; (c) Bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin masyarakat di setiap negeri dan daerah bagi memberi sesi penerangan dan ceramah berhubung hak Orang Berinsurans dan Orang Tanggungan sejak tahun 2009; dan (d) Perluasan kempen publisiti melalui media massa dengan lebih kerap. Impak pelaksanaan kempen publisiti ini telah meningkatkan kesedaran kepada pencarum PERKESO dan waris pencarum seterusnya menyumbang kepada pertambahan tuntutan faedah Pencen Penakat termasuklah bagi kes-kes kematian yang lewat dilapor dan layak di bawah faedah Pencen Penakat PERKESO.
23.4.2.1	<p>Kes Lebihan Bayaran</p> <p>Pihak Audit mendapati kes Pencen Dan Bantuan llat serta Pencen Penakat merupakan kes tertinggi berlakunya lebihan bayaran. Kes lebihan bayaran kepada waris bagi faedah Pencen Penakat adalah sebanyak 1,956 kes yang berjumlah RM1.88 juta untuk tempoh tahun 2009 sehingga 2011. Ini diikuti dengan faedah Pencen Dan Bantuan llat sebanyak 920 kes yang berjumlah RM0.86 juta bagi tempoh yang sama. Semakan Audit mendapati lebihan bayaran kepada 1,465 pekerja terbencana atau waris berjumlah RM1.86 juta berlaku pada tahun 2011.</p>	<p>PERKESO telah mengambil inisiatif bagi membendung peningkatan lebihan bayaran, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Melaksanakan bengkel dan kursus berkaitan pengurusan dan pemprosesan kes tuntutan faedah kepada anggota PERKESO secara berterusan sejak April 2011;

	<p>Perkara ini berlaku disebabkan kesilapan semasa melulus dan membayar tuntutan faedah serta perubahan status penerima faedah lewat dimaklumkan seperti kematian dan perkahwinan semula balu atau duda sebelum 1 Mei 2005.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (b) Melaksanakan pindaan terhadap proses kerja bagi pengesahan gaji pekerja berdasarkan Borang 8A (Jadual Caruman Bulanan) serta Borang PKS(F)43 (Pengesahan Penyata Gaji dan Caruman) berbanding rujukan rekod caruman pekerja di pangkalan data PERKESO. Proses kerja baru ini telah dilaksanakan mulai Oktober 2011; dan (c) Melaksanakan perkongsian maklumat dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bermula Disember 2011 bagi mengemaskini status kematian penerima faedah PERKESO. Sehingga kini, padanan data dengan JPN telah dilaksanakan sebanyak 4 kali yang melibatkan 250,000 rekod penerima faedah. Pemadanan data yang terkini dengan rekod JPN telah dilaksanakan pada Ogos 2012. <p>PERKESO juga telah mengambil beberapa pendekatan secara proaktif dan berterusan mulai Mac 2011 dalam usaha memungut kembali amaun lebih bayaran daripada penghutang belanja tanggungan, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mengeluarkan surat peringatan secara konsisten kepada penerima faedah / waris agar menjelaskan tunggakan hutang PERKESO; (b) Mengambil tindakan susulan dengan lebih proaktif bagi mendapatkan kembali amaun lebih bayaran daripada bank pembayar sebaik sahaja sijil kematian diperolehi oleh PERKESO; (c) Melaksanakan potongan daripada bayaran berkala penerima faedah atau orang tanggungan yang masih menerima bayaran faedah pada kadar maksimum 40% daripada pencen bulanan; (d) Bermula Januari 2012 PERKESO telah menguatkuasakan penetapan KPI kepada semua Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO dalam usaha memastikan amaun lebih bayaran dapat dikutip semula; dan (e) Mewujudkan Unit <i>Recovery</i> bermula Ogos 2012 bagi mengutip kembali amaun lebih bayaran dengan lebih sistematis.
23.4.2.2	Semakan Audit selanjutnya terhadap 120 fail kes lebihan bayaran bagi faedah HUK, FOT, Penakat dan llat mendapati antara punca lebihan pembayaran faedah adalah kematian pencarum atau waris tidak dimaklumkan kepada PERKESO, status terkini waris tidak dikemas kini dan kadar ulang kaji lewat dikemas kini di fail induk.	Untuk mengatasi lebihan bayaran disebabkan kematian pencarum tidak dimaklumkan kepada PERKESO, status terkini waris tidak dikemas kini dan kadar ulang kaji lewat dikemas kini di fail induk, PERKESO telah mengambil langkah-langkah

	<p>berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Melaksanakan bengkel atau kursus berkaitan pengurusan dan pemprosesan kes tuntutan faedah kepada anggota PERKESO secara berterusan sejak April 2011; (b) Meminda proses kerja bagi semakan gaji dengan mewajibkan Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO melaksanakan semakan terhadap Borang 8A dan pengesahan penyata gaji dan caruman majikan sejak Oktober 2011; (c) Melaksanakan perkongsian maklumat dengan JPN bermula Disember 2011 bagi mengemaskini status kematian penerima faedah PERKESO. Sehingga kini, padanan data dengan JPN telah dilaksanakan sebanyak 4 kali yang melibatkan 250,000 rekod penerima faedah. Pemadanan data yang terkini dengan rekod JPN telah dilaksanakan pada Ogos 2012; dan (d) PERKESO telah melantik pembekal pada 6 April 2012 bagi membangunkan projek ICT "Core System" baharu PERKESO dan dijangka ditaliahkan pada Jun 2013. Pembangunan projek ICT ini turut merangkumi automasi proses kerja bagi sistem pengurusan bayaran faedah PERKESO. <p>Secara umumnya, faktor yang menyumbang kepada lebihan bayaran boleh dikategorikan sebagai faktor dalaman dan faktor luaran. Berdasarkan 120 kes lebihan bayaran yang telah disemak oleh pihak Audit, sebanyak 88 kes (73.33%) merupakan lebihan bayaran yang berpunca daripada faktor luaran, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kematian penerima faedah lewat / tidak dimaklumkan kepada PERKESO; (b) Waris tamat belajar / berkahwin sebelum mencapai umur 21 tahun; (c) Wujud tuntutan baru selepas Pencen Penakat atau Faedah Orang Tanggungan dibayar; dan (d) Orang Berinsurans tidak lagi layak menerima faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) kerana memilih Pencen Ilat selaras dengan Seksyen 96 AKSP 1969.
--	--

		<p>Manakala hanya 32 kes (26.67%) yang diaudit berpunca daripada faktor dalaman antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kadar ulangkaji lewat dikemaskini di <i>Master File</i>; (b) Kesilapan menentukan tarikh bayaran; dan (c) Penerima tidak layak menerima faedah PERKESO.
23.4.2.3	<p>Semakan Audit juga mendapati fail induk bagi faedah HUK lewat dikemas kini kerana tiada <i>Standard Operating Procedures</i> secara menyeluruh yang menetapkan tempoh masa bagi mengemas kini kadar taksiran baru yang diluluskan selepas dikaji semula. Tempoh masa yang ditetapkan oleh Bahagian Operasi adalah 20 hari dari tarikh kes diterima sehingga dikemukakan untuk proses bayaran manakala selepas teguran Audit, Bahagian Perbendaharaan telah menetapkan tempoh 5 hari bagi mengemas kini kadar taksiran baru. Bagaimanapun, Bahagian Teknologi Maklumat masih belum menetapkan tempoh masa untuk mengemas kini kadar taksiran baru yang diluluskan. Apabila pencarum tidak berpuas hati dengan kadar taksiran yang diberikan oleh Jemaah Doktor, kes tersebut akan dikaji semula dan dirujuk kepada Jemaah Doktor Rayuan. Setelah mendapat kadar taksiran baru daripada Jemaah Doktor Rayuan, Pejabat Cawangan akan menghantar maklumat tersebut ke Bahagian Operasi di Ibu Pejabat untuk dikemas kini ke dalam Sistem <i>Unisys</i>. Bahagian Operasi akan mengemukakan kes terlibat ke Bahagian Perbendaharaan bagi tujuan semakan status bayaran terdahulu serta membuat perkiraan kadar taksiran baru. Bahagian Perbendaharaan akan memaklumkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat untuk menyelaraskan kadar yang terkini.</p>	<p>PERKESO telah berjaya mempercepatkan pengemaskinian kadar taksiran baru ulangkaji HUK secara manual daripada suatu tempoh yang lama kepada 28 hari sahaja dengan penetapan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) SOP yang ditetapkan bagi pemprosesan faedah yang melibatkan ulangkaji adalah 20 hari daripada tarikh kes berkenaan diterima oleh Bahagian Operasi sehingga fail dikemukakan ke Bahagian Perbendaharaan. (b) Manakala mulai Mei 2012, Bahagian Perbendaharaan telah menetapkan SOP bagi tindakan menyemak, mengemaskini maklumat serta meminitkan fail ulangkaji dalam tempoh 5 hari ke Bahagian Teknologi Maklumat. (c) Bahagian Teknologi Maklumat pula menetapkan SOP 3 hari daripada tarikh fail diterima daripada Bahagian Perbendaharaan untuk mengemaskini maklumat ulangkaji di fail induk dalam pangkalan data PERKESO sejak Mei 2012.
23.4.2.4	<p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh maklumat dihantar dan diterima antara Pejabat Cawangan dan Bahagian Operasi Ibu Pejabat. Semakan Audit terhadap tempoh masa Bahagian Operasi untuk mengarahkan Bahagian Perbendaharaan membuat kiraan semula kadar selepas mendapat keputusan Jemaah Doktor melibatkan antara 1 hingga 18 tahun. Bagaimanapun, baki sebanyak satu fail tidak dapat disahkan kerana minit yang dikeluarkan oleh Bahagian Operasi ke Bahagian Perbendaharaan tidak mempunyai tarikh. Pihak Audit mendapati tempoh masa yang diambil oleh Bahagian Perbendaharaan untuk menghantar ke Bahagian Teknologi Maklumat selepas minit dikeluarkan oleh Bahagian Operasi adalah antara 15 hingga 264 hari. Kelewatan ini menyebabkan PERKESO perlu mengutip balik lebihan bayaran daripada penerima bayaran yang terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO perlu menetapkan tempoh masa pemprosesan bayaran faedah antara bahagian dalam <i>Standard Operating Procedures</i> untuk mengelakkan lebihan bayaran. Selain itu, kadar taksiran semak semula perlu dikemas kini dengan segera dalam sistem.</p>	<p>Penerima faedah HUK boleh memohon untuk ulangkaji taksiran akibat daripada kecederaan yang bertambah teruk. Jemaah Doktor akan membuat keputusan sama ada wajar untuk menaikkan kadar taksiran atau sebaliknya. Apabila PERKESO menerima keputusan Jemaah Doktor tersebut, tempoh yang diambil bagi memproses kiraan semula kadar ulangkaji selepas mendapat keputusan Jemaah Doktor adalah tidak lama. Pada masa sekarang, tempoh yang diambil adalah selama 28 hari daripada tarikh taksiran baru. Tempoh 1 hingga 18 tahun yang diambil kira oleh pihak Audit adalah berdasarkan keputusan asal Jemaah Doktor dan bukan daripada tarikh kes diulangkaji.</p> <p>Dalam tempoh 18 tahun tersebut, proses pembayaran sebenarnya telah dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kadar faedah yang dilulus pada tempoh tersebut. Proses ulangkaji bayaran HUK berkala sama ada melibatkan ulangkaji taksiran mahupun penyesuaian kos sara hidup akan dikira</p>

	<p><i>PERKESO memaklumkan tempoh masa bagi melaksanakan proses semakan semula kadar taksiran secara manual ini dijangka dapat dipерcepatkan dengan pelaksanaan projek ICT PERKESO.</i></p>	<p>secara kebelakang (tunggakan) berdasarkan tarikh kuatkuasa yang telah diluluskan.</p> <p>PERKESO telah pun mewujudkan SOP bagi memantapkan prosenan kes ulangkaji bayaran faedah untuk memastikan penerima faedah mendapat bayaran kadar faedah baru dengan secepat mungkin sementara menunggu pentauliahan projek ICT "Core System" PERKESO pada Jun 2013.</p>
23.4.2.5	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh masa lebihan bayaran kurang dari 1 tahun melibatkan 657 kes berjumlah RM1.33 juta. Kes lebihan bayaran antara 1 hingga 3 tahun berjumlah RM1.80 juta dengan 699 kes dan melebihi 3 tahun mempunyai bilangan kes tertinggi iaitu 821 kes berjumlah RM2.54 juta.</p>	<p><u>Tindakan Penambahbaikan:-</u></p> <p>PERKESO telah mengambil inisiatif bagi membendung peningkatan lebihan bayaran ini, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Melaksanakan bengkel dan kursus berkaitan pengurusan dan pemprosesan kes tuntutan faedah kepada anggota PERKESO secara berterusan sejak April 2011; (b) Melaksanakan pindaan terhadap proses kerja bagi pengesahan gaji pekerja berdasarkan Borang 8A (Jadual Caruman Bulanan) serta Borang PKS(F)43 (Pengesahan Penyata Gaji dan Caruman) berbanding rujukan rekod caruman pekerja di pangkalan data PERKESO. Proses kerja baru ini telah dilaksanakan mulai Oktober 2011; dan (c) Melaksanakan perkongsian maklumat dengan JPN bermula Disember 2011 bagi mengemaskini status kematian penerima faedah PERKESO. Sehingga kini, padanan data dengan JPN telah dilaksanakan sebanyak 3 kali yang melibatkan 250,000 rekod penerima faedah. <p>PERKESO juga telah mengambil beberapa pendekatan secara proaktif dan berterusan mulai Mac 2011 dalam usaha memungut kembali amaun lebihan bayaran daripada penghutang belanja tanggungan, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mengeluarkan surat peringatan secara konsisten kepada penerima faedah / waris agar menjelaskan tunggakan hutang PERKESO; (b) Mengambil tindakan susulan dengan lebih proaktif bagi mendapatkan kembali amaun lebihan bayaran sebaik sahaja sijil kematian diperolehi oleh PERKESO; (c) Melaksanakan potongan daripada bayaran berkala penerima faedah atau orang tanggungan yang masih menerima bayaran faedah pada kadar maksimum 40%

		<p>daripada pence bulanan;</p> <p>(d) Bermula Januari 2012 PERKESO telah menguatkuasakan penetapan KPI kepada semua Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO dalam usaha memastikan amaun lebihan bayaran dapat dikutip semula; dan</p> <p>(e) Mewujudkan Unit <i>Recovery</i> bermula Ogos 2012 bagi mengutip kembali amaun lebihan bayaran dengan lebih sistematis.</p>
23.4.2.6	Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2011 bilangan kes lebihan bayaran masih mempunyai baki sebanyak 2,207 kes yang berjumlah RM5.72 juta. Jumlah keseluruhan yang berjaya dikutip dari tahun 2009 hingga 2011 adalah RM3.70 juta.	<p>PERKESO <i>komited</i> untuk membendung dan mendapatkan kembali amaun lebihan bayaran dengan pelaksanaan langkah-langkah berikut:-</p> <p>(a) Memberi penekanan terhadap kes-kes ragu melalui pematuhan terhadap Arahan Pentadbiran Bil. 3 Tahun 2008 supaya kes dirujuk terus ke Bahagian Operasi untuk penelitian khas bagi memastikan kes-kes ragu ini dapat diputuskan dengan teratur dan tepat;</p> <p>(b) Melaksanakan penggunaan Borang Ketakakuran mulai Januari 2011 bagi mengenalpasti ketakakuran dalam proses tuntutan faedah dalam usaha mengelakkan kesilapan sama dari berulang di masa hadapan;</p> <p>(c) Mengeluarkan Garis Panduan Penentuan (Keputusan) Bencana Kerja pada 7 Mac 2011 sebagai rujukan kepada Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO untuk mencapai keseragaman keputusan kes dan seterusnya membendung lebihan bayaran;</p> <p>(d) Mengeluarkan surat peringatan secara konsisten kepada penerima faedah / waris agar menjelaskan tunggakan hutang PERKESO mulai Mac 2011;</p> <p>(e) Mengambil tindakan susulan dengan lebih proaktif bagi mendapatkan kembali amaun lebihan bayaran dari bank pembayar sebaik sahaja sijil kematian diperolehi oleh PERKESO mulai Mac 2011;</p> <p>(f) Melaksanakan potongan daripada bayaran berkala penerima faedah atau orang tanggungan yang masih menerima bayaran faedah pada kadar maksimum 40% daripada pence bulanan mulai Mac 2011;</p> <p>(g) Melaksanakan bengkel dan kursus berkaitan pengurusan</p>

		<p>dan pemprosesan kes tuntutan faedah kepada anggota PERKESO secara berterusan mulai April 2011;</p> <ul style="list-style-type: none"> (h) Melaksanakan pindaan terhadap proses kerja mulai Oktober 2011 bagi pengesahan gaji pekerja berdasarkan Borang 8A (Jadual Caruman Bulanan) serta Borang PKS(F)43 (Pengesahan Penyata Gaji dan Caruman) berbanding rujukan rekod caruman pekerja di pangkalan data PERKESO; (i) Melaksanakan perkongsian maklumat dengan JPN bermula Disember 2011 bagi mengemaskini status kematian penerima faedah PERKESO. Sehingga kini, padanan data dengan JPN telah dilaksanakan sebanyak 4 kali yang melibatkan 250,000 rekod penerima faedah. Pemadanan data yang terkini dengan rekod JPN telah dilaksanakan pada Ogos 2012; (j) Bermula Januari 2012 PERKESO telah menguatkuasakan penetapan KPI kepada semua Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO dalam usaha memastikan amaun lebihan bayaran dapat dikutip semula; dan (k) Mewujudkan Unit <i>Recovery</i> bermula Ogos 2012 bagi mengutip kembali amaun lebihan bayaran dengan lebih sistematik.
23.4.3.2	<p>Wang Tak Dituntut</p> <p>Semakan Audit mendapati WTD telah meningkat dengan ketara pada tahun 2011 iaitu berjumlah RM539,998 berbanding sejumlah RM259,999 pada tahun 2010. Antara sebabnya peningkatan Wang Tak Dituntut adalah penerima telah berpindah dan tidak memaklumkan kepada PERKESO, alamat tidak lengkap, berhenti kerja, meninggal dunia atau tidak hadir di pejabat untuk mengambil cek.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO perlu mengambil tindakan proaktif bagi memastikan kesemua penerima faedah dapat menerima faedah bagi mengurangkan jumlah wang tak dituntut yang meningkat setiap tahun. Pihak Audit mengesyorkan supaya Cawangan Faedah bekerjasama dengan Cawangan Caruman untuk mengemas kini data terkini pencarum atau waris ketika lawatan ke premis majikan dilaksanakan oleh Pegawai Penguatkuasa.</p> <p><i>PERKESO memaklumkan pelaksanaan inisiatif ini merupakan antara alternatif pengesanan yang boleh dipertimbangkan. Ini kerana terdapat peningkatan dalam jumlah majikan aktif menyebabkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pemeriksa lebih menumpukan kepada aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan majikan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan peraturan yang berkuat</i></p>	<p>PERKESO telah mengambil langkah bagi mengurangkan jumlah amaun Wang Tak Dituntut (WTDT) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mengeluarkan surat peringatan kepada penerima faedah untuk memaklumkan alamat terkini; (b) PERKESO melaksanakan tindakan pengesanan kepada penerima faedah untuk menyerahkan cek faedah; (c) Mendapatkan kerjasama dengan agensi Kerajaan seperti JPN bagi mengesan penerima faedah berkenaan; (d) Menggalakkan penerima faedah memilih kaedah pembayaran secara “<i>direct credit</i>” terus ke akaun bank penerima bagi membendung peningkatan WTDT; dan (e) PERKESO sentiasa akan memikirkan langkah-langkah penyelesaian untuk mengurangkan jumlah amaun faedah

	<i>kuasa.</i>	yang tidak dituntut.
23.4.4.1	Penambahbaikan Kepada Sistem Imejan Kaedah Automasi Sistem Imejan Kaedah Automasi PERKESO (SIKAP) mula digunakan di 20 pejabat tempatan dan telah diperluaskan ke 45 pejabat cawangan pada tahun 2001. Sistem SIKAP bertujuan untuk menyimpan semua dokumen tuntutan dalam satu pangkalan data untuk memudahkan proses pembayaran di samping mengelak berlakunya kes kehilangan fail. Bagaimanapun, pembangunan sistem ini adalah secara <i>decentralised</i> dan tidak berintegrasi dengan Sistem <i>Unisys</i> serta sistem SAGA yang menyebabkan data tidak dapat dilihat secara <i>real time</i> . Selain itu, sebanyak 10,096 aduan berkaitan sistem SIKAP bagi tahun 2009 hingga 2011 telah dilaporkan. Antara aduan yang dilaporkan adalah <i>Application Error</i> sebanyak 682 aduan dan aduan imej adalah sebanyak 2,379.	PERKESO telah melaksanakan tindakan pembetulan dengan mengambil tindakan segera ke atas aduan yang diterima mengenai <i>application error</i> bagi sistem SIKAP tersebut. Masalah ini dijangka akan dapat diatasi sepenuhnya apabila projek ICT “Core System” PERKESO dijangka berjaya ditauliahkan sepenuhnya pada Jun 2013.
23.4.4.1.a	Klasifikasi status kes rayuan ke Jemaah Doktor Rayuan dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak ditunjukkan dalam SIKAP. Sistem sedia ada hanya menunjukkan kes rayuan sebagai selesai atau tutup melainkan kes dibuka semula selepas diluluskan untuk bayaran oleh Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial.	Sistem SIKAP yang tidak dapat menunjukkan klasifikasi status berhubung dengan kes rayuan akan dapat diatasi apabila PERKESO melaksanakan projek ICT “Core System” PERKESO yang sedang dibangunkan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Jun 2013.
23.4.4.1.b	Tiada penggabungan data dibuat antara pejabat cawangan dengan Ibu Pejabat. Setiap pejabat cawangan mempunyai <i>server</i> sendiri untuk menyimpan data dan imej tuntutan yang dibuat. Penyenggaraan <i>server</i> dan <i>uninterrupted power supply</i> untuk SIKAP dikawal secara berpusat di Ibu Pejabat. Pejabat Cawangan juga tidak dapat memantau dan mengemukakan statistik bagi kes tuntutan yang dipindahkan ke pejabat lain atau Ibu Pejabat.	Isu data yang tidak dapat diintegrasikan akan dapat diatasi apabila PERKESO melaksanakan projek ICT “Core System” PERKESO yang sedang dibangunkan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Jun 2013.
23.4.4.1.c	Tiada integrasi antara Sistem SIKAP, Sistem <i>Unisys</i> dan Sistem SAGA bagi merekodkan segala perbelanjaan bayaran faedah termasuk rekod Wang Tak Dituntut. Integrasi perlu bagi memberi maklumat terkini terhadap segala pembayaran seperti cek batal, cek gantian selepas cek tamat tempoh dan bayaran faedah yang tak dituntut. Pada pendapat Audit, Sistem SIKAP perlu berintegrasi dengan sistem yang lain di PERKESO bagi memastikan data di semua sistem adalah tepat dan mampu memberi maklumat terkini untuk memastikan setiap pembayaran adalah betul dan teratur. <i>PERKESO memaklumkan Sistem SIKAP dijangka dapat digunakan sehingga bulan Jun 2013. Perancangan rapi telah dibuat oleh PERKESO bersama pembekal yang dilantik bagi tempoh masa pembangunan dan go live projek ICT PERKESO di mana sistem baru tersebut akan mula mengambil alih peranan dan fungsi sistem SIKAP selepas bulan Jun 2013.</i>	Isu tiada integrasi antara sistem SIKAP (bayaran faedah) dengan sistem Unisys (penerimaan caruman) serta sistem SAGA (perakaunan) akan diatasi apabila apabila PERKESO melaksanakan projek ICT “Core System” PERKESO yang sedang dibangunkan dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Jun 2013. Di bawah ICT “Core System”, sistem bayaran faedah dan penerimaan caruman akan diintegrasikan dengan sistem SAGA.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

HASIL PENG AUDITAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

Perenggan 24 : Pengurusan Caruman Ahli

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.2	<p>Pengurusan Caruman Ahli</p> <p>Mengikut seksyen 13 Akta 101, amaun sesuatu caruman tidak boleh diserah hak, dipindah milik atau ditahan kecuali bagi tujuan menjelaskan hutang Kerajaan. Seksyen 8, Akta Wang Tak Dituntut 1965 pula menyatakan Lembaga yang ditubuhkan untuk mengurus kumpulan wang berkaitan dengan faedah persaraan diwajibkan untuk mematuhi peruntukan di bawah Akta ini. Semakan Audit mendapati LTAT telah mengkreditkan dana caruman terkumpul bagi 74 pencarum berjumlah RM3.55 juta kepada pendapatannya. Semakan lanjut mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Jun 2011 telah bersetuju untuk mengeluarkan seramai 74 pencarum tersebut dari Fail Induk Caruman.</p>	<p>Tindakan mengeluarkan seramai 74 orang pencarum dari Fail induk Caruman telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LTAT di dalam mesyuaratnya pada 13 Jun 2011 berdasarkan pengesahan bertulis dari pihak Jabatanarah Rekod & Pencen (JRP) dan Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) bahawa pencarum berkenaan tidak terdapat di dalam pangkalan data dan rekod simpanan mereka.</p> <p>Pihak Bahagian Industri Pertahanan Kementerian melalui surat bertarikh 20 Jun 2012 telah menyatakan bahawa Kementerian bersetuju supaya LTAT mengemukakan cadangan peraturan berhubung pengendalian dana milik 74 pencarum berkenaan untuk persetujuan dan kelulusan YB Menteri Pertahanan selaras dengan Seksyen 22 (f) Akta 101.</p> <p>Sehingga kini 10 pencarum berkenaan telah dapat dikesan oleh JRP dan LTAT telah mewujudkan semula akaun caruman pencarum berkenaan berserta akaun bonus khas dalam bentuk saham amanah.</p> <p>LTAT melalui surat bertarikh 31 Julai 2012 kepada Dato' KSU MINDEF telah memaklumkan perkembangan perkara di atas dan memohon kerjasama supaya pengesahan status baki 64 pencarum berkenaan dapat dimajukan segera ke LTAT untuk tindakan sewajarnya.</p>
	<p>Pada 30 September 2011, Ketua Eksekutif LTAT telah meluluskan penjualan bonus khas terkumpul milik 74 pencarum berkenaan. Jabatanarah Rekod dan Pencen (JRP) dan Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) Kementerian Pertahanan Malaysia telah mengesahkan tidak memiliki rekod mengenai semua 74 pencarum tersebut. Jumlah caruman terkumpul adalah RM2.98 juta termasuk</p>	<p>Jumlah keseluruhan caruman terkumpul termasuk hasil penjualan bonus khas dalam bentuk saham amanah yang telah dikreditkan ke dalam akaun Pendapatan-pendapatan lain LTAT telah dipindahkan ke dalam akaun Pembiutang LTAT dan bukannya ke dalam akaun dorman.</p>

<p>caruman Kerajaan dan dividennya berjumlah RM1.45 juta. Hasil jualan tersebut berjumlah RM0.57 juta telah dikreditkan ke pendapatan LTAT pada bulan Oktober 2011. Pihak Audit mendapati LTAT telah merujuk perkara ini kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Bagaimanapun, maklum balas belum diterima daripada Pendaftar tersebut dan sejumlah RM3.55 juta telah dipindahkan ke akaun dorman pada bulan Februari 2012.</p> <p>Mengikut Prosedur Pembayaran Balik Caruman Berhenti LTAT, permohonan pengeluaran berhenti berkhidmat hendaklah disertai dengan Kenyataan Tamat Perkhidmatan daripada JRP dan Sijil Penyelesaian Hutang Kerajaan serta Borang Pengakuan Ahli daripada UGAT sebelum permohonan pengeluaran diproses oleh LTAT. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011 sebanyak 731 permohonan pengeluaran berhenti berkhidmat berjumlah RM24.76 juta tidak dapat diproses kerana tiada dokumen yang lengkap, pencarum tidak hadir dan tidak melapor diri. Kelewatan pengeluaran Sijil Penyelesaian Hutang Kerajaan menyebabkan LTAT perlu menguruskan akaun caruman ahli yang tidak lagi aktif dan membayar dividen tahunan berserta bonus selepas penamatan perkhidmatan pencarum tersebut.</p> <p><i>LTAT bersetuju dengan cadangan Audit untuk memastikan permohonan pengeluaran yang lengkap sahaja diterima daripada JRP dan UGAT supaya permohonan dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.</i></p>	<p>Pihak Bahagian Industri Pertahanan Kementerian melalui surat bertarikh 20 Jun 2012 telah menyatakan bahawa Kementerian bersetuju supaya LTAT mengemukakan cadangan peraturan berhubung pengendalian dana milik 74 pencarum berkenaan untuk persetujuan dan kelulusan YB Menteri Pertahanan selaras dengan Seksyen 22 (f) Akta 101.</p> <p>Sehingga kini 10 pencarum berkenaan telah dapat dikesan oleh JRP dan LTAT telah mewujudkan semula akaun caruman pencarum berkenaan berserta akaun bonus khas dalam bentuk saham amanah.</p> <p>LTAT melalui surat bertarikh 31 Julai 2012 kepada Dato' KSU MINDEF telah memaklumkan perkembangan perkara di atas dan memohon kerjasama supaya pengesahan status baki 64 pencarum berkenaan dapat dimajukan segera ke LTAT untuk tindakan sewajarnya.</p> <p>Cadangan pihak Audit telah dilaksanakan pada 17 Mei 2012.</p>
<p>Semakan Audit mendapati sebanyak 156 akaun berjumlah RM1.37 juta tidak dapat dikelaskan sebagai akaun dorman kerana permohonan pengeluaran yang tidak lengkap walaupun pencarum wajib tersebut telah menamatkan perkhidmatan sejak tahun 2000. Ini menyebabkan LTAT perlu menguruskan akaun caruman ahli tersebut.</p> <p><i>LTAT bersetuju dengan cadangan Audit untuk menyemak semula Peraturan-Peraturan Tabung Angkatan Tentera (Pengendalian dan Pembayaran Balik Caruman Bagi Akaun Dorman) 2009 supaya pengelasan akaun dorman adalah selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965. Perkara ini akan dikemukakan semasa perbincangan bersama Bahagian Undang-Undang, Kementerian Pertahanan Malaysia semasa proses pewartaan peraturan ini</i></p>	<p>Berdasarkan kepada maklumbalas BUU Kementerian bahawa bahagian tersebut tidak dapat memberi pandangan dan nasihat undang-undang kepada LTAT, LTAT telah merujuk perkara ini kepada Bahagian Industri Pertahanan melalui surat bertarikh 16 Julai 2012.</p>
<p>Analisis menggunakan perisian audit terhadap data SCAB bagi 12,510 transaksi pengeluaran perumahan mendapati kesilapan pengiraan umur bagi 9 pencarum.</p> <p><i>LTAT memaklumkan senarai pencarum yang mempunyai kesilapan tarikh lahir akan dihantar kepada UGAT setiap 3 bulan sekali untuk pembetulan.</i></p>	<p>Tindakan telah dilaksanakan mulai 13 Ogos 2012.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

HASIL PENG AUDITAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)

Perenggan 25 : Pengurusan Pelaburan Hartanah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.2.2	<p>Sehingga 31 Disember 2011, Syarikat ini telah membangun dan menjual tanah bernilai RM293.80 juta dengan keluasan 1,863.21 ekar. Semakan Audit mendapati syarikat tersebut telah membuat bayaran kepada LTH sejumlah RM235.09 juta dengan baki bayaran berjumlah RM58.71 juta. Bagaimanapun, LTH telah menerima bayaran dividen berjumlah RM60 juta pada bulan Disember 2011 daripada syarikat ini.</p>	<p>Syarikat subsidiari telah membayar kepada <i>TH</i> hasil penjualan tanah sebanyak RM10 juta pada tahun 2010 dan RM15.0 juta pada tahun 2011.</p> <p>Bagi tahun 2012, syarikat subsidiari telah membayar kepada <i>TH</i> hasil penjualan tanah sebanyak RM2.5 juta dan dijangka membuat pembayaran kedua RM7.5 juta sebelum 31 Disember 2012.</p>
25.2.3	<p>Sehingga akhir tahun 2011, LTH memiliki 259 bangunan dengan keluasan 5.73 juta kaki persegi. Daripada jumlah tersebut, ruang seluas 5.15 juta kaki persegi atau 89 peratus telah disewakan kepada 764 penyewa dan 0.58 juta kaki persegi adalah untuk kegunaan LTH. Semakan lanjut mendapati tunggakan sewa telah meningkat dari RM8.71 juta pada tahun 2010 kepada RM11.55 juta pada tahun 2011 yang terdiri daripada sewaan pejabat, parkir, utiliti dan kemudahan lain berjumlah RM5.72 juta dan hutang lain berjumlah RM5.83 juta. Bagaimanapun, LTH telah mengambil tindakan undang-undang terhadap seramai 128 penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa berjumlah RM1.94 juta.</p> <p><i>LTH</i> memaklumkan penyemakan dan pemantauan pergerakan bayaran sewa sentiasa dilaksanakan setiap bulan melalui Aging Report (Laporan Pengusiaan Penghutang) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan dan diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah. Selain itu, Jabatan Kewangan juga turut mengeluarkan Laporan Status Akaun kepada cawangan LTH untuk membuat susulan hutang penyewa bangunan-bangunan milik LTH. Bagi kelewatan bayaran sewa, <i>LTH</i> memaklumkan tindakan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pengurusan Hartanah melalui Surat Peringatan dan tindakan undang-undang oleh Bahagian Undang-undang turut dilaksanakan.</p>	<p><i>TH</i> telah menyenaraikan sebanyak 39 bangunan yang tidak berdaya maju dengan jumlah keluasan 469,365 kps untuk dilupuskan/dijual. Sehingga kini <i>TH</i> telah berjaya menjual bangunan terlibat sebanyak 16 unit dengan jumlah keluasan 112,982 kps.</p> <p>Mengikut rekod <i>TH</i> tunggakan sewa tidak meningkat iaitu RM5.72 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 berbanding RM6.32 juta bagi tahun 2010. Kenaikan hanyalah kepada hutang/pembentukan lain iaitu RM5.83 juta bagi tahun 2011 berbanding RM2.39 juta bagi tahun 2010 disebabkan oleh pembentukan rumah anggota dan pembentukan sistem anak syarikat dan bukan tanggungan hutang sewa.</p> <p>Tindakan <i>TH</i> bagi melaksanakan kutipan dan pemantauan ke atas hutang sewa dibuat setiap bulan melalui aging report (Laporan pengusiaan penghutang) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan <i>TH</i> kepada Bahagian Pengurusan Hartanah dan laporan status akaun kepada pejabat <i>TH</i> cawangan untuk dibuat susulan hutang dengan penyewa.</p> <p>Bagi menangani kelewatan bayaran sewa, <i>TH</i> mengeluarkan surat peringatan, tindakan memutuskan bekalan utiliti dan tindakan undang-undang turut dilaksanakan.</p>

	<p>Pada 4 hingga 5 Mei 2012 satu bengkel Intensif Perundangan yang berkaitan dengan tindakan penyewaan telah dijalankan dan dihadiri oleh 40 kakitangan yang terlibat secara langsung dari setiap <i>TH</i> cawangan seluruh Malaysia.</p> <p>Pejabat <i>TH</i> cawangan juga telah disediakan format analisa laporan pemantauan kawalan hutang yang boleh dilayari melalui akses internet <i>TH</i> di alamat http://10.10.38.20/jphp (Portal Hartanah) yang baru diwujudkan mulai bulan Mei 2012.</p> <p>Sehingga 30 Jun 2012 baki tunggakan bagi penyewa tamat adalah RM3,193,490.30. Hasil dari pemantauan dan susulan yang berterusan pihak Cawangan Penyewaan berjaya membuat kutipan sejumlah RM2,033,980.98 dan baki tunggakan terkini setakat 30 Jun 2012 adalah RM1,159,509.32.</p> <p>Selaras dengan tindakan penambahbaikan sistem kawalan penyediaan ruang bisnes (ruang sewa) dan pelaburan <i>TH</i>, Bahagian Pengurusan Hartanah kini dalam persediaan kearah Pensijilan MS ISO 9001:2008 terhadap Perkhidmatan Ruang Bisnes yang dijadualkan untuk pensijilan pada 12 Disember 2012.</p>	
25.2.4	<p>Semakan Audit mendapati pemantauan perolehan bangunan dibuat melalui mesyuarat berkala Panel Pelaburan dan di peringkat Lembaga Pengarah LTH. Bahagian Pengurusan Hartanah bertanggungjawab memantau aspek penyewaan dan penyenggaraan setiap kompleks serta bangunan yang dimiliki oleh LTH. Bahagian ini juga menjalankan kerja pemantauan secara berkala seperti membuat lawatan dan menyemak laporan penyenggaraan bagi setiap bangunan yang dimiliki oleh LTH. Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Hartanah telah menyediakan Laporan Pengurusan Penyenggaraan Am setiap tahun dan menyemak Laporan Prestasi Hartanah yang dikemukakan 2 kali setahun oleh penyelia bangunan di peringkat negeri. Bagaimanapun, LTH Cawangan Negeri tidak menyelenggarakan laporan penyenggaraan hartanah secara berkala untuk dikemukakan ke Ibu Pejabat.</p> <p><i>LTH memaklumkan Bahagian Pengurusan Hartanah akan melaksanakan dan mewujudkan jadual pemantauan yang standard untuk semua cawangan LTH serta bekerjasama dengan Bahagian Operasi Cawangan bagi memastikan pemantauan dilaksanakan di peringkat cawangan.</i></p>	Borang pemantauan tersebut telah disediakan dan diedarkan ke seluruh <i>TH</i> Cawangan pada 30 Julai 2012 untuk diguna pakai bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN III : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan 30 : PENGURUSAN MARDITECH CORPORATION SDN. BERHAD

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
30.4.2.2.a	<p>Sasaran Populasi Lembu Belum Tercapai Sepenuhnya</p> <p>Marditech telah menetapkan sasaran populasi lembu yang perlu dicapai oleh Ladang Nukleus dalam pelan perniagaannya. Semakan Audit mendapati hanya lembu pejantan telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 30 ekor daripada disasarkan. Bagaimanapun, baka lembu induk betina, anak jantan dan betina tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2011, pencapaian keseluruhan populasi lembu adalah 1,162 ekor atau 81.2 peratus daripada sasarannya iaitu 1,430 ekor.</p> <p><i>Marditech memaklumkan pencapaian sebenarnya populasi pada tahun 2011 adalah sebanyak 1,347 ekor lembu. Bagaimanapun, pada tahun 2011 sebanyak 159 ekor lembu telah ditakai dan 26 ekor lembu telah mati. Selain itu, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan memperoleh baka bergenetik tinggi bagi meningkatkan indeks pemilihan untuk mencapai sasaran keseluruhan projek pada akhir tahun 2016.</i></p>	<p>Populasi lembu di Projek ARB pada 6 Ogos 2012 adalah 1,550 ekor atau 108.4 % mencapai sasaran.</p> <p>Proses penakaian induk yang tidak produktif diteruskan dari semasa ke semasa.</p> <p>Bagi meningkatkan populasi lembu Brahman, pihak ARB akan memperluaskan ladang ternakan ARB di MARDI Bintulu mulai September 2012 sebanyak 100 ekor. Di samping itu, sebanyak 312 ekor lembu Brakmas telah di perolehi dan ditempatkan di ladang nukleus ARB Muadzam Shah, Pahang.</p>
30.4.2.2.b	<p>Sasaran Populasi Kambing Belum Tercapai Sepenuhnya</p> <p>Marditech telah menetapkan sasaran populasi bilangan kambing yang perlu dicapai oleh Ladang Nukleus dalam pelan perniagaannya. Semakan Audit mendapati hanya baka kambing Boer pejantan telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 20 ekor yang disasarkan. Bagaimanapun, baka kambing induk betina, anak jantan dan betina belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2011, pencapaian keseluruhan populasi kambing adalah 1,017 ekor atau 74.2 peratus daripada sasarannya iaitu 1,370 ekor.</p> <p><i>Marditech memaklumkan sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai kerana kadar kematian dewasa dan anak adalah tinggi serta kadar kesuburan yang rendah disebabkan oleh masalah adaptasi persekitaran, makanan dan penyakit tempatan sejak peringkat awal pengimportan.</i></p>	<p>Populasi kambing di Projek ARB pada 6 Ogos 2012 adalah 1,088 ekor iaitu pencapaian 79.4 peratus daripada sasaran 1,370 ekor.</p> <p>Sebanyak 147 ekor induk kambing yang tidak produktif dan kurus (penyakit kronik/ masalah adaptasi) ditakai sehingga 5 Ogos 2012.</p> <p>Tender untuk memperolehi 200 ekor induk Boer dan 10 ekor pejantan diperingkat penilaian teknikal oleh Jawatankuasa teknikal ARB/Marditech.</p>

30.4.2.2.c	<p>Kadar Kematian Kambing</p> <p>Marditech telah memperoleh kambing Boer, Kalahari dan Savannah dari Afrika Selatan dan Australia pada tahun 2007 hingga 2010 sebanyak 2,950 ekor berjumlah RM7.78 juta yang ditempatkan di Ladang Nukleus. Kadar kematian purata industri ternakan kambing di Malaysia adalah di antara 30 hingga 40 peratus. Semakan Audit mendapati selepas 5 tahun projek berjalan kematian kambing Boer adalah sebanyak 1,618 ekor terdiri daripada 861 ekor baka kambing Boer pada kadar purata tahunan 12.4 peratus dan 757 anak kambing Boer pada kadar purata tahunan 41.6 peratus. Kadar kematian tahunan baka kambing Boer adalah di bawah purata industri manakala kematian anak kambing Boer di atas lingkungan kadar purata industri ternakan di Malaysia iaitu di antara 30 hingga 40 peratus. Kematian baka dan anak kambing Boer bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 disebabkan masalah banjir, adaptasi, wabak penyakit <i>coccidiosis</i> dan keracunan makanan.</p> <p><i>Marditech memaklumkan telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan, pengawalan dan pencegahan supaya kadar kematian boleh dikurangkan.</i></p>	<p>Kadar kematian kambing sehingga 5 Ogos 2012 adalah 18.3 peratus (lebih rendah daripada kadar industri iaitu 30 hingga 40 peratus) atau 250 ekor. Kematian yang berlaku adalah daripada kumpulan anak yang baru dilahirkan yang mempunyai berat badan kurang dari 2 kg dan lemah. Anak kambing tersebut akan mati walaupun diberi penjagaan yang rapi.</p> <p>Punca masalah ini telah dikenalpasti dan tindakan untuk mengatasinya telah diambil. Ini termasuk menakai induk yang sentiasa melahirkan anak kecil dan memberi makanan tambahan sebanyak 500 hingga 600 gm /hari bagi induk yang bunting berat.</p> <p>Tender untuk memperolehi 200 ekor induk Boer dan 10 ekor pejantan diperingkat penilaian teknikal oleh Jawatankuasa teknikal ARB / Marditech.</p>
30.4.2.4	<p>Sasaran Bilangan Ladang Pengganda Belum Tercapai Sepenuhnya</p> <p>Sasaran yang ditetapkan adalah sebanyak 10 hingga 15 Ladang Pengganda kambing dibangunkan dalam tempoh 10 tahun projek bermula. Semakan Audit mendapati Program Ladang Pengganda kambing Boer telah mula dibangunkan pada tahun 2008 di 3 Ladang Pengganda sebagai program perintis. Pada tahun 2011, pencapaian bilangan Ladang Pengganda yang dibangunkan adalah sebanyak 6 daripada 7 atau 86 peratus yang disasarkan.</p> <p><i>Marditech memaklumkan sasaran sepenuhnya tidak tercapai kerana prestasi pengeluaran ladang nukleus tidak dapat membekalkan induk betina yang mencukupi kepada ladang pengganda disebabkan oleh masalah adaptasi kambing yang diimport kepada persekitaran, makanan dan penyakit tempatan. Selain itu, kekurangan pengusaha ladang pengganda yang mempunyai pengalaman, kepakaran dan infrastruktur yang lengkap juga merupakan penyebab sasaran tidak tercapai.</i></p>	<p>Dua buah ladang Boer telah dikenalpasti di Johor dan Perak untuk dibangunkan sebagai ladang pengganda. Kedua-dua ladang ini mempunyai fasiliti dan pastura yang mencukupi untuk 250 induk kambing dan anaknya.</p> <p>Dijangka selesai pada Disember 2012.</p> <p>Bengkel/latihan untuk pengurus dan penyelia ternakan dari ladang pengganda telah diadakan pada 5 hingga 6 Jun 2012. Bengkel tersebut memberi latihan dan bimbingan bagi mengatasi masalah berkaitan kadar kematian ternakan yang tinggi dan kadar kelahiran yang rendah di Ladang Pengganda.</p> <p>SOP ladang pengganda telah dibangunkan dan digunakan di semua ladang pengganda mulai Januari 2012.</p> <p>Latihan pembangunan kemahiran teknik AI untuk pengurus-pengurus ladang pengganda akan dilaksanakan pada suku tahun ke empat 2012.</p> <p>SOP ladang pengganda telah dibangunkan dan digunakan di semua ladang pengganda mulai Januari 2012.</p> <p>Pemantauan pengamalan SOP oleh ladang pengganda dilakukan secara berkala oleh pasukan MFVA.</p>

30.4.2.5.i	<p>Prestasi Ladang Pengganda Kambing Boer Kurang Memuaskan</p> <p>Semakan Audit mendapati prestasi Ladang Pengganda kurang memuaskan disebabkan oleh Penghantaran terus kambing Boer dari Australia sebanyak 755 ekor yang bernilai RM1.19 juta pada bulan November 2008 ke-3 Ladang Pengganda iaitu Ladang Pengganda di Johor, Perak dan Negeri Sembilan tanpa ditempatkan terlebih dahulu di Ladang Nukleus. Ladang Nukleus dibangunkan supaya kambing yang diimport atau melalui pembiakan menjalani adaptasi bagi menyesuaikan diri sebelum dihantar ke Ladang Pengganda.</p>	<p>Semua kambing telah diadaptasi di ladang ARB sebelum dihantar ke ladang pengganda.</p> <p>Lawatan Teknikal telah dilakukan oleh Ketua Projek ARB pada awal Suku Pertama 2012. Dalam lawatan tersebut setiap ladang pengganda dinilai keupayaan dan kemampuan menternak 500 ekor induk kambing serta anaknya.</p>
30.4.2.5.ii	<p>Sebanyak 4 daripada 6 Ladang Pengganda telah gagal memenuhi syarat perjanjian dengan MARDI bagi membangunkan 5 ladang komersial walaupun telah menerima lebih daripada 250 ekor kambing Boer bagi tujuan penggantian semula haiwan ternakan yang mati dan tidak produktif. Kegagalan ini disebabkan pembiakan di Ladang Pengganda masih rendah dan belum mempunyai bekalan yang mencukupi untuk membangunkan 5 ladang komersial.</p>	<p>Tiga ladang mempunyai kapasiti dan kawasan ragutan/folder yang mencukupi untuk menternak 500 induk serta anaknya. Dua ladang tidak mempunyai kawasan ragutan dan folder yang mencukupi untuk menampung keperluan 500 ekor induk dan anaknya.</p> <p>Perbincangan dengan pemilik dan pengurus semua ladang pengganda telah menetapkan sasaran untuk setiap ladang pengganda. Tiga ladang kekal dengan sasaran 500 ekor induk kambing pembiak, manakala dua ladang sasaran masing-masingnya ialah 250 ekor dan 150 ekor induk.</p> <p>Setiap ladang pengganda dikehendaki mengamalkan SOP ladang pengganda yang disediakan oleh projek ARB. Lawatan teknikal kedua oleh Ketua Projek pada suku kedua mendapati prestasi kambing di semua ladang pengganda memuaskan dan kadar kematian telah berkurangan.</p> <p>Lawatan MFVA ke ladang pengganda telah dilaksanakan setiap bulan untuk memastikan SOP dipatuhi.</p>
30.4.2.5.iii	<p>Marditech telah menetapkan kadar kelahiran pada 1:1.4 tetapi pencapaian sebenar kadar kelahiran ternakan kambing di Ladang Pengganda adalah rendah iaitu kurang daripada kadar 1:1.4 yang disasarkan manakala 4 Ladang Pengganda mencatatkan kadar kematian melebihi 3 peratus.</p> <p>Pada pendapat Audit, objektif program pengganda untuk mempercepatkan pembiak bakaan ke seluruh negara belum tercapai sepenuhnya. Marditech perlu mengambil langkah proaktif terhadap prestasi semua Ladang Pengganda dengan memastikan syarat perjanjian dan SOP dipatuhi sepenuhnya serta pemantauan yang berkesan terhadap Ladang Pengganda.</p> <p><i>Marditech memaklumkan penghantaran Boer dari Australia secara terus ke Ladang Pengganda pada bulan November 2008 adalah bagi mengelakkan daripada adaptasi berganda jika ia ditempatkan dahulu di ladang nukleus. Sehingga akhir tahun 2011 hanya 7 ladang komersial telah berjaya dibangunkan oleh 2 Ladang Pengganda. Ini adalah kerana Ladang Pengganda menghadapi masalah untuk</i></p>	<p>Maklum balas adalah seperti di penemuan audit para 30.4.2.5.iii</p>

	<p><i>membekal baka dan mendapatkan pengusaha yang sesuai bagi menguruskan ladang komersial. Prestasi kelahiran kambing di Ladang Pengganda rendah disebabkan kekurangan pengalaman dan infrastruktur di sesetengah ladang pengganda. Kadar kematian tinggi di Ladang Pengganda pada tahun 2008 dan 2009 disebabkan masalah banjir yang melanda di kawasan ladang.</i></p>	
30.4.3.a	<p>Pembiakan Kambing Melalui Embryo Transfer Adalah Memuaskan</p> <p>Semakan Audit mendapati penggunaan embrio kambing Boer, Kalahari dan Savannah sebanyak 199 embrio hanya melahirkan 35 ekor kambing iaitu 17.6 peratus. Prestasi kadar kambing bunting melalui teknologi ET adalah rendah disebabkan kekurangan pakar dalam pembiakan ET.</p> <p>Pada pendapat Audit, Marditech perlu melantik pakar dalam bidang ET untuk ditempatkan di NAEC bagi menampung kekurangan kepakaran dari MARDI supaya kemudahan dan peralatan yang disediakan di NAEC dapat digunakan secara optimum. Ini membolehkan pembiakan melalui ET berjalan lancar.</p> <p><i>Marditech memaklumkan pencapaian 17.6 peratus bagi kelahiran melalui program ET yang dijalankan oleh NAEC adalah amat memuaskan memandangkan teknologi ET dalam pembiakan kambing baru diperkenalkan di rantau ini. Peratus kelahiran melalui ET yang dilaporkan di negara maju di mana industrinya yang matang adalah dalam lingkungan 20 hingga 30 peratus sahaja. Kekurangan pakar di NAEC disebabkan oleh ramai kakitangan telah bersara wajib. Sehubungan itu, kakitangan NAEC telah ditambah melalui lantikan baru dan latihan sedang dijalankan. Pihak MARDI telah memantapkan kumpulan pakar ET dalam NAEC bagi memastikan objektif projek tercapai.</i></p>	<p>Kajian-kajian berkaitan dengan mengoptimumkan kaedah pemindahan embrio sedang dilaksanakan oleh Pegawai Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Strategik. Kajian ini diketuai oleh Ketua Unit NAEC Dr Habsah Bidin pakar embriologi.</p>
30.4.3.b	<p>Semen Lembu dan Kambing Yang Diperoleh Belum Digunakan</p> <p>Sejumlah 3,800 semen lembu dan kambing serta 600 embrio kambing bernilai RM1.39 juta telah diperoleh dari Afrika Selatan dan Australia bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 bertujuan untuk permanian berhadas bagi meningkatkan genetik baka. Selain daripada perolehan semen kambing dari Afrika Selatan dan Australia, Marditech juga mengambil sebanyak 1,212 straw semen dari kambing yang berada di Ladang Nukleus, Kluang, Johor.</p> <p>Semakan Audit mendapati semen kambing sebanyak 1,000 straw bernilai RM150,000 dan sebanyak 500 straw semen lembu bernilai RM61,000 yang dibeli dari Australia bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 masih belum digunakan. Nilai purata semen bagi baka kambing adalah RM150 per straw, semen baka lembu adalah RM122 per straw dan satu embrio baka kambing adalah RM1,391.</p> <p><i>Marditech memaklumkan permainan berhadas menggunakan semen lembu Brahman telah dijalankan dengan penggunaan sebanyak 70 straw. Selain itu, kualiti semen yang diimport tidak akan terjejas kerana NAEC mempunyai peralatan dan fasiliti yang canggih bagi penyimpanan semen tersebut.</i></p>	<p>Pada suku 2/2012 sebanyak 40 ekor induk lembu yang terdiri daripada baka Brahman dan Brakmas dalam kumpulan pertama dan 35 ekor yang terdiri daripada induk lembu baka Brahman menjadikan keseluruhannya 75 ekor berjaya dipilih untuk program AI.</p> <p>Sebanyak 44 straw semen Lembu Brahman telah digunakan untuk AI 35 ekor induk lembu. Program AI untuk baki lembu terpilih telah dijadualkan pada suku 3/2012.</p> <p>Pada suku 2/2012 juga sebanyak 49 straw semen Boer import dari Afrika Selatan telah digunakan untuk program AI 48 ekor kambing Boer tulen di Ladang Nukleus.</p>

30.4.5.1	<p>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Kewangan Syarikat</p> <p>Semakan Audit mendapati MARDI telah menubuhkan Unit Pembangunan Perniagaan dan Pusat Pembangunan Teknologi dan Promosi yang menjalankan fungsi yang sama dengan Marditech. Ini menyebabkan aktiviti yang dijalankan oleh Marditech, Unit Pembangunan Perniagaan dan Pusat Pembangunan Teknologi dan Promosi bertindih kerana menjalankan aktiviti yang sama iaitu dalam bidang pengkomersialan teknologi dan kepakaran MARDI. Selaras dengan pekeliling ini, aktiviti yang bertindih perlu digabungkan supaya dapat mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan dan tenaga kerja yang terhad. Pertindihan aktiviti ini juga menyebabkan wujud persaingan sesama sendiri.</p> <p><i>Marditech memaklumkan pihak MARDI telah mengadakan satu bengkel pada bulan November 2011 bagi membincangkan penstrukturkan semula MARDI secara keseluruhannya. Pihak MARDI juga telah menghantar struktur organisasi yang baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan masih menunggu maklum balas.</i></p>	<p>MARDI telah mengadakan beberapa siri perbincangan berkaitan dengan penstrukturkan semula MARDI. Penstrukturkan semula tersebut telah mengambil kira pandangan perunding dan audit serta dasar kerajaan berkaitan anak-anak syarikat kerajaan. Kajian penstrukturkan semula MARDI dijangka selesai pada tahun 2013 dan dikemukakan kepada JPA untuk kelulusan.</p>
30.4.5.2	<p>Semakan Audit mendapati Marditech telah memberi pendahuluan kepada pegawai, kakitangan syarikat subsidiari, perunding MARDI dan swasta. Seramai 29 pegawai mempunyai baki pendahuluan tertunggak pada bulan Jun 2011 berjumlah RM0.54 juta melebihi tempoh 42 bulan. Daripada jumlah ini, RM0.26 juta telah diberikan kepada kakitangan syarikat subsidiari, perunding MARDI dan swasta yang bercanggah dengan peraturan kewangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Marditech mempunyai tadbir urus korporat yang baik. Bagaimanapun, proses tuntutan balik pendahuluan perlu ditingkatkan. Marditech perlu meningkatkan kawalan dalaman pemberian pendahuluan dan memastikan pekeliling Kerajaan dan peraturan kewangan yang berkaitan dipatuhi. Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap pegawai Marditech yang meluluskan pendahuluan kepada kakitangan subsidiari, perunding MARDI dan swasta.</p> <p><i>Marditech memaklumkan pendahuluan diberikan untuk perlaksanaan dan pengurusan projek perundingan di dalam aktiviti penanaman dan pembangunan kejuruteraan. Sehingga akhir tahun 2011, jumlah keseluruhan pendahuluan telah menurun kepada RM0.36 juta di mana jumlah terhutang oleh bekas kakitangan Marditech, penyelidik MARDI dan konsultan luar adalah sebanyak RM0.10 juta. Surat peringatan telah dikeluarkan kepada penghutang untuk menjelaskan pendahuluan tersebut. Ia dijangka diselesaikan pada bulan Disember 2012.</i></p>	<p>Pada masa kini, jumlah keseluruhan pendahuluan telah menurun kepada RM329,011. Surat peringatan kedua telah dikeluarkan kepada pihak luar pada 6 Ogos 2012.</p> <p>Surat amaran kepada pegawai Marditech yang menguruskan kelulusan pendahuluan kepada kakitangan subsidiari, perunding MARDI dan swasta telah dikeluarkan pada 10 Februari 2012.</p>

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN III : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan 31 : PENGURUSAN KESEDAR PERKILANGAN SDN. BERHAD

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
31.4.3.1.b	<p>Perjanjian Pengurusan Ladang</p> <p>Semakan Audit mendapati perjanjian antara KESEDAR dan KPSB telah tamat pada bulan Disember 2009. Bagaimanapun, perjanjian baru yang telah disediakan oleh KESEDAR masih belum ditandatangani oleh kedua-dua pihak sehingga bulan Mac 2012. Ini disebabkan kedua-dua pihak belum memperoleh persetujuan bersama berkenaan terma dan syarat perjanjian khususnya berkaitan yuran pengurusan ladang.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian ini perlu ditandatangani secepat mungkin supaya kepentingan KESEDAR dan KPSB terjamin.</p> <p><i>KPSB memaklumkan satu perbincangan dengan KESEDAR melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Dan Penyelarasan Anak Syarikat KESEDAR telah diadakan pada 21 Jun 2012 mengenai terma dan syarat perjanjian yang belum dipersetujui.</i></p>	<p>Isu ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Anak Syarikat KESEDAR pada 21 Jun 2012 dan juga telah beberapa kali dibangkitkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah KPSB termasuk pada Mesyuarat Agong KPSB pada 23 Jun 2012. Lembaga Pengarah KPSB memaklumkan bahawa KESEDAR perlu memberikan respons secara bertulis kepada KPSB terhadap cadangan yang telah dikemukakan melalui surat bertarikh 8 Feb 2012 kerana pada pendapat Lembaga Pengarah KPSB, isu yang dibangkitkan melalui surat tersebut memberi kesan negatif secara langsung kepada pengurusan dan untung rugi syarikat. Antara lain dokumen sokongan berkaitan perkara ini telah dikemukakan semasa menjawab laporan Audit ini iaitu terdiri daripada :</p> <p>Salinan surat permohonan KPSB pada 8 Februari 2012 telah dikemukakan untuk menambah baik draf perjanjian pengurusan ladang bagi 6 perkara yang berbangkit.</p>
31.4.3.2	<p>Keluasan Ladang Tanpa Peneroka</p> <p>Ladang kelapa sawit tanpa peneroka KESEDAR yang diuruskan oleh KPSB adalah seluas 2,818.02 hektar. Semakan Audit mendapati hanya 1,559.87 hektar atau 55.3 peratus sahaja telah ditanam dengan kelapa sawit daripada jumlah keseluruhan keluasan ladang tersebut dan selebihnya adalah tanah kosong.</p> <p>Pada pendapat Audit, penanaman kelapa sawit di Ladang Tanpa Peneroka oleh KESEDAR adalah kurang cekap kerana 44.6 peratus kawasan tidak ada tanaman.</p> <p><i>KPSB memaklumkan kawasan yang tidak ada tanaman disebabkan pengambilalihan ladang tanpa peneroka milik KESEDAR yang sedia ada dan terletak dalam kawasan ladang kelapa sawit yang telah berusia. Selain itu, kawasan ini tidak bertanam kerana kedudukannya yang berselerak atau 'pocket blank' dan tidak ekonomik untuk ditanam pada masa ini. KPSB akan melaksanakan</i></p>	<p>Jumlah keluasan sebenar kawasan kosong ialah 1,258.25 hektar atau 44.65% daripada luas keseluruhan.</p> <p>Penanaman semula / pembangunan ladang sawit tidak ekonomik untuk dilaksanakan di kawasan kosong ini kerana kedudukannya yang berselerak (<i>scattered pockets</i>) dan usia pokok di kawasan bertanam juga perlu ditanam semula.</p> <p>Bagi mengatasi isu ini, KPSB telah mengemukakan cadangan tanam semula sawit bagi seluruh kawasan terlibat kepada KESEDAR. Bagaimanapun, KESEDAR telah memaklumkan bahawa program tanam semula ladang tanpa peneroka tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat atas sebab berikut:-</p>

	<i>penanaman semula apabila dana daripada KESEDAR diluluskan.</i>	Kekangan kewangan KESEDAR dan fokus KESEDAR pada masa ini adalah bagi Program Tanam Semula Ladang Peneroka.
31.4.4.b	<p>Penanaman Semula Sawit</p> <p>Semakan Audit mendapati 150 hektar atau 10.3 peratus ladang tanpa peneroka yang diurus oleh KPSB daripada keseluruhan ladang yang ditanam pokok kelapa sawit telah berusia 25 dan 26 tahun serta purata hasil adalah 13.29t sehektar. Ini bertentangan dengan kriteria penanaman semula yang ditetapkan oleh MPOB.</p> <p>Pada pendapat Audit, kriteria yang ditetapkan oleh MPOB perlu dipatuhi bagi meningkatkan hasil KPSB secara berterusan.</p> <p><i>KPSB memaklumkan cadangan tanam semula sawit telah dikemukakan kepada KESEDAR. Bagaimanapun, program tersebut tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kekangan kewangan KESEDAR dan keutamaan tanam semula sawit di kawasan ladang berpeneroka.</i></p>	KPSB telah mengemukakan cadangan tanam semula sawit bagi seluruh kawasan terlibat kepada KESEDAR. Bagaimanapun, KPSB dimaklumkan oleh KESEDAR bahawa program tanam semula ladang tanpa peneroka tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat atas sebab kekangan kewangan KESEDAR dan fokus KESEDAR pada masa ini adalah pada Program Tanam Semula Ladang Peneroka.
31.4.5.a	<p>Bekalan Buah Tandan Segar (BTS)</p> <p>Kilang Sawit KPSB memproses buah tandan segar (BTS) yang dibekalkan oleh ladang KESEDAR dan swasta. Semakan Audit mendapati Kilang Sawit KPSB bergantung kepada BTS dari ladang luar yang menyumbang 80 peratus daripada jumlah keseluruhan BTS yang diterima oleh kilang. Bekalan 20 peratus BTS pula disumbangkan oleh ladang tanpa peneroka yang diuruskan oleh KPSB dan ladang KESEDAR berpeneroka. Bagaimanapun, KPSB tiada kawalan terhadap ladang berpeneroka dan ladang swasta serta perlu bersaing dengan kilang sawit lain bagi mendapatkan bekalan BTS. Selain itu, jumlah BTS yang dibekalkan ke kilang juga terjejas kerana penanaman semula kelapa sawit di ladang KESEDAR melibatkan kawasan Paloh 1, Paloh 2 dan Paloh 4.</p> <p>Pada pendapat Audit, kilang KPSB bergantung kepada bekalan BTS dari ladang luar kerana ketiadaan ladang sendiri. Ini menjelaskan bekalan BTS yang diterima oleh kilang memandangkan pihak KPSB tidak dapat mengawal pengeluaran BTS dari ladang luar dan juga terdapat aktiviti penanaman semula kelapa sawit milik KESEDAR.</p>	<p>Sehingga kini, KPSB masih mengalami isu kebergantungan yang tinggi terhadap bekalan luar disebabkan oleh program tanam semula ladang peneroka KESEDAR dan peneroka FELDA di seluruh Gua Musang. Keadaan ini mewujudkan persaingan permintaan terhadap BTS yang sangat tinggi oleh tujuh (7) buah kilang sawit di Gua Musang.</p> <p>Oleh itu, KPSB terpaksa mengawal kemasukan BTS dengan melaksanakan penggredan BTS secara ketat dan dibantu oleh pegawai Penguat kuasa MPOB.</p> <p>KPSB juga telah mengusahakan perolehan BTS terus dari ladang swasta sekitar Gua Musang. Sehingga Julai, hampir 4000mt/sebulan diperoleh daripada tujuh ladang swasta.</p> <p>Pada masa depan, KPSB berhasrat memajak ladang Tanpa Peneroka KESEDAR bagi menjamin BTS dalaman yang lebih stabil dan berkualiti dengan kelulusan KESEDAR.</p> <p>Perolehan BTS khususnya dari sumber luar telah menunjukkan peningkatan, khususnya bagi bulan Ogos 2012 sebanyak 9650.68 matrik tan atau 83%. Peningkatan ini adalah hasil kerjasama dan hubungan yang semakin baik dengan ladang-ladang swasta/persendirian sekitar Gua Musang.</p>

31.4.6.b	<p>Hasil Buah Tandan Segar Ladang Tanpa Peneroka</p> <p>Mengikut statistik MPOB, pencapaian purata BTS kebangsaan pada tahun 2010 adalah 20t sehektar setahun. Daripada jadual di atas, didapati purata hasil ladang milik KPSB adalah rendah kecuali di Ladang Paloh 4 bagi kawasan/blok KS90A dan KS93A serta Ladang Chalil bagi kawasan/blok KS85B melebihi 20t sehektar. Pencapaian purata BTS KPSB pada tahun 2011 hanya 9.49t sehektar. Purata BTS yang rendah adalah disebabkan pusingan tuai kurang daripada 2 pusingan sebulan, amalan agronomi seperti pembajaan kurang memuaskan dan kepadatan tanaman yang rendah.</p> <p><i>KPSB memaklumkan purata BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan MPOB bagi tahun 2011 adalah 19.24t sehektar setahun manakala purata BTS bagi negeri Kelantan bagi tahun 2011 adalah 12.20t sehektar.</i></p>	<p>Laporan MPOB menyatakan bahawa purata pengeluaran BTS Negeri Kelantan adalah 12.20mt/ha. Perbandingan perlu dibuat dengan pengeluaran Negeri Kelantan kerana faktor geografi dan buruh yang berbeza dengan negeri lain.</p> <p>Mengambil kira usia pokok dan pembajaan yang dilaksanakan, KPSB telah membuat unjuran hasil dan didapati pengeluaran BTS kawasan tersebut telah mengatasi purata pengeluaran Negeri Kelantan bagi tahun 2011. Pencapaian purata keseluruhan ladang matang yang diuruskan KPSB adalah 14.49mt/ha. Manakala sehingga Jun 2012, pengeluaran purata bulanan masih mengatasi pengeluaran Negeri Kelantan.</p> <p>Pencapaian purata bagi Julai 2012 berjumlah 1.08 metrik tan/hektar dan Ogos berjumlah 1.04 metrik tan/hektar. Pencapaian Julai adalah setara dengan pencapaian Negeri Kelantan bagi Julai 2012 iaitu 1.09 metrik tan/hektar.</p>
31.4.8	<p>Penuaian Hasil Sawit</p> <p>Menurut <i>Code Of Good Agricultural Practice</i> MPOB, penuaian kelapa sawit hendaklah dilakukan antara 10 sehingga 15 hari atau 2 kali pusingan sebulan. Semakan Audit mendapati ladang tanpa peneroka KESEDAR dituai antara 0.5 kali sehingga 2 kali sebulan. Selain itu, terdapat kawasan matang yang tidak dituai. Ini menunjukkan hasil BTS tidak dituai sepenuhnya dan menyebabkan hasil keluaran yang rendah dan pembaziran.</p> <p>Pada pendapat Audit, penuaian yang cekap adalah penting bagi memastikan keluaran BTS pada tahap maksimum dan berkualiti. Mengutip buah lerai juga merupakan amalan pengurusan ladang yang penting bagi mencapai hasil keluaran yang maksimum. KPSB sepatutnya memastikan hasil buah sawit dituai sebanyak 2 pusingan dalam sebulan bagi mengelak buah sawit rosak dan terlalu masak.</p> <p><i>KPSB memaklumkan Jadual Pusingan Tuaian bagi tempoh bulan Oktober 2011 sehingga April 2012 telah disediakan bagi memastikan penuaian dilaksanakan secara teratur dan berterusan.</i></p> <p>Lawatan Audit pada 23 Oktober 2011 di Ladang Paloh 1 mendapati buah kelapa sawit lerai yang bertaburan di jalan Ladang Paloh 1 tidak dikutip dan digilis oleh lori kontraktor. Pengurus Ladang hendaklah memastikan Penyelia atau Mandur memantau kerja pemunggahan BTS ke dalam lori supaya kontraktor menjalankan kerja dengan sempurna dengan mengutip semua buah lerai.</p> <p><i>KPSB memaklumkan tindakan telah diambil dengan meletakkan kanvas di antara gerabak lori yang penuh dengan muatan buah sawit bagi mengelakkan buah lerai</i></p>	<p>KPSB telah membuat penambahbaikan terhadap jadual tuaian dan pemantauan terhadap kerja-kerja tuaian. Salinan Jadual Tuaian dan Buku Log Pembantu Ladang telah disediakan mulai bulan Oktober 2011.</p> <p>Tindakan menggunakan kanvas bagi memastikan buah relai dikumpulkan semula dan dikutip semasa pemindahan BTS.</p> <p>Langkah kawalan diteruskan. Walaubagaimanapun, faktor kekurangan buruh (asing) amat membimbangkan dan dikhawatir menjejaskan proses penuaian pada bulan-bulan akan datang.</p>

	<i>dari digilis lori</i>	
31.4.9	<p>Pembajaan Pokok Kelapa Sawit</p> <p>Semakan Audit mendapati amalan pembajaan di ladang tanpa peneroka tidak mematuhi amalan pembajaan terbaik dan nasihat daripada pihak agronomi. Sebanyak 117.6 hektar kawasan kelapa sawit di kawasan Chalil dan Lebir tidak dibaja sehingga bulan Disember 2011. Kekurangan pembajaan ini menyebabkan hasil yang rendah dan tidak berkualiti.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembajaan terhadap pokok kelapa sawit perlu dibuat mengikut jadual yang ditetapkan oleh MPOB supaya dapat menghasilkan BTS yang maksimum dan berkualiti.</p> <p><i>KPSB memaklumkan kelewatan pembajaan disebabkan oleh kelewatan penerimaan baja dan faktor cuaca. Pada tahun 2011, KPSB telah menyiapkan 80 peratus kawasan sebanyak 3 pusingan seperti yang disyorkan oleh Agronomi. Jadual pelaksanaan pembajaan telah disiapkan bagi tempoh bulan Januari hingga April 2012 dan secara berterusan.</i></p> <p>Secara keseluruhannya, pengurusan ladang tanpa peneroka adalah kurang memuaskan kerana hasil sawit tidak dituai sebanyak 2 pusingan dalam sebulan, pembajaan tidak mencukupi dan tidak mengikut jadual, aktiviti pemangkasan tidak dibuat dan aktiviti mengawal rumpai tidak mengikut jadual. Ini menjelaskan hasil keluaran dan kualiti BTS dari ladang. Pihak Audit mencadangkan supaya KPSB mengamalkan pengurusan tanaman dan amalan agronomi yang disarankan oleh MPOB supaya hasil keluaran BTS pada tahap maksimum dan berkualiti. Perjanjian yang disediakan antara KESEDAR dan KPSB perlu ditandatangani segera bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak.</p>	<p>KPSB telah menyediakan Jadual Pembajaan 2012 bagi tempoh Januari hingga Disember 2012. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan pembajaan bagi tahun 2012:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Hanya 1 pusingan (terdapat sebahagian kawasan telah dilaksanakan pusingan kedua) sahaja yang telah dilaksanakan sehingga kini dengan menggunakan baki baja tahun lepas. b) Bekalan baja mula diterima daripada pembekal (melalui perolehan yang dibuat KESEDAR) 28 Ogos 2012 dan dijangka berterusan dalam masa tiga bulan. Penjadualan semula pembajaan sedang dibuat dan dimulakan pada minggu kedua September 2012.
31.4.10.1.a	<p>Kadar Perahan Minyak Dan Isirong</p> <p>Menurut <i>Code Of Good Agricultural Practice</i> MPOB, kadar perahan minyak (OER) dan kadar perahan kernel (KER) yang baik adalah pada kadar 21 peratus bagi OER dan 5.5 peratus bagi KER. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 4 tahun dari tahun 2008 sehingga 2011, OER belum mencapai tahap 21 peratus yang disarankan oleh MPOB. KER juga belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh MPOB iaitu 5.5 peratus. Kadar OER yang terbaik pernah dicapai adalah pada tahun 2008 iaitu 19.6 peratus. Kadar KER yang terbaik dicapai pada tahun 2008 dan 2010 iaitu 5.3 peratus. Kadar OER dan KER yang rendah menjelaskan kualiti minyak sawit mentah yang dihasilkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kadar OER dan KER yang rendah adalah disebabkan ketidaktentuan kualiti BTS yang dihantar ke kilang dari ladang pihak luar.</p> <p><i>KPSB memaklumkan MPOB telah menempatkan seorang pegawai secara tetap di kilang bagi memantau prestasi pencapaian OER. Pencapaian OER Kilang Sawit</i></p>	<p>KPSB telah membuat semakan terhadap seluruh proses pengilangan sawit dan mendapati faktor utama yang menjadikan OER dan KER rendah adalah kualiti BTS yang diproses.</p> <p>KPSB telah meningkatkan kawalan kualiti kemasukan BTS walaupun terpaksa membayar harga yang sangat tinggi.</p> <p>OER telah dipertingkatkan setiap bulan mulai bulan Mac 2012 dan pencapaian terkini Julai adalah 19.90% berbanding 21 % tahap MPOB.</p> <p>Pencapaian OER pada Ogos 2012 adalah 20.10% dan dijangka berterusan tertakluk kepada perolehan BTS berkualiti yang konsisten pada bulan berikutnya.</p>

	<p>KPSB pada tahun 2010 pada 19.4 peratus adalah di bawah pencapaian kebangsaan iaitu pada kadar 20 peratus. Sasaran MPOB menjelang tahun 2020, OER ditingkatkan kepada 23 peratus.</p>
--	---

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2011**

BAHAGIAN III : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Perenggan 32 : PENGURUSAN MAJUIKAN SDN. BERHAD

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
32.4.1.4.a.i	<p>Analisis Nisbah Kewangan</p> <p>Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Semakin tinggi nisbah ini semakin meningkat kecairan syarikat.</p> <p>Analisis Audit mendapati tahap kecairan syarikat bagi tahun 2006 sehingga 2010 adalah kukuh dengan aset semasa yang mencukupi untuk menampung liabiliti semasa. Bagaimanapun, trend aset semasa menunjukkan penurunan manakala trend liabiliti semasa pula meningkat setiap tahun kecuali bagi tahun 2009. Aset semasa menurun daripada RM18.33 juta pada tahun 2009 menjadi RM17.61 juta pada 2010 disebabkan jumlah terutang oleh syarikat subsidiari berkurangan sejumlah RM1.94 juta daripada RM10.65 juta pada tahun 2009 kepada RM8.71 juta pada 2010. Liabiliti semasa pula menurun daripada RM8.27 juta pada tahun 2008 kepada RM6.84 juta pada 2009 disebabkan Majuikan telah melunaskan sejumlah RM1.34 juta pembiutang semasanya. Majuikan akan menghadapi masalah kewangan yang kritikal dan menjelaskan aliran tunainya jika liabiliti semasa meningkat setiap tahun dan melebihi aset semasa.</p>	<p>Mesyuarat Khas Jemaah Lembaga LKIM Bil. 2/2012 pada 19 April 2012 telah bersetuju mengambil tindakan penggulungan ke atas MSB. Mesyuarat Jemaah Lembaga juga bersetuju sementara proses penggulungan berjalan, tindakan untuk mengecilkan operasi syarikat dilaksanakan. Pengecilan operasi adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <u>Anak Syarikat</u> <ol style="list-style-type: none"> a) Majuikan Fish Protech Sdn Bhd ditutup pada 27 Julai 2012 dan akan disewa kepada Tiger Taipan Sdn Bhd JV Gabungan Koperasi Universiti Berhad pada 1 Oktober 2012 dengan kadar sewa RM5,000 sebulan. b) Barra Cafe SDN BHD ditutup pada 18 Jun 2012 dan akan diserahkan kembali kepada pemilik premis secara <i>making good</i> sebanyak RM40,000 dan aset serta kelengkapan akan dijual kepada Koperasi Kakitangan LKIM/ Majuikan dengan nilai yang sama pada tarikh 5 September 2012. 2) <u>Cawangan</u> <ol style="list-style-type: none"> a) Kilang Chendering Terengganu ditutup operasi pada 20 Julai 2012 dan akan diserahkan kepada LKIM pada satu tarikh yang akan dipersetujui (anggaran Oktober 2012). b) Kilang Makanan Udang Pantai Merdeka telah disewa kepada Double A.Z Trading pada 1 Mei 2012 dengan kadar sewa RM7,000 sebulan. c) Kilang IKS Kuantan akan dibeli asetnya oleh Persatuan Nelayan Negeri Pahang PENEPA dengan harga tawaran RM350,000 pada bulan September 2012. d) Kilang Majuikan Fish Centre Bangi dicadangkan dijual

		<p>kepada LKIM dengan harga tawaran yang akan ditetapkan kemudian.</p> <ul style="list-style-type: none"> e) Sukran Tok Bali telah ditutup pada Februari 2012 dan akan diserahkan kepada LKIM pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian (anggaran Oktober 2012). f) Sukran Naka masih beroperasi dan akan diserahkan kepada LKIM pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian (anggaran Oktober 2012). g) Bangunan Ibu pejabat Tingkat Bawah disewa kepada LKIM RM2,000, Tingkat 1 disewa kepada Warisan Biduanda RM1,200 dan Tingkat 2 disewa kepada Syaraman Sdn Bhd RM1,800 dengan jumlah besar RM5,000 sebulan. <p>Proses untuk menamatkan operasi MSB akan diambil setelah persetujuan YB Menteri diperoleh. Dijangkakan tindakan menutup operasi tersebut dapat dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan setelah mendapat pertimbangan dan kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap hasil kelulusan KPIAT.</p>
32.4.1.4.b	<p>Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah <i>value added</i> terhadap keuntungan syarikat. Analisis Audit menunjukkan bagi setiap ringgit hasil daripada pendapatan yang diperoleh dalam tempoh 5 tahun, Majuikan mengalami kerugian sejumlah RM0.47 juta pada tahun 2006, meningkat kepada sejumlah RM0.76 juta pada 2007, menurun kembali pada tahun 2008 dan 2009 tetapi meningkat semula kepada sejumlah RM0.65 juta pada 2010.</p>	<p>Kerugian bagi tahun 2010 meningkat kerana penurunan yang ketara dalam pendapatan dengan kos operasi yang masih tinggi iaitu perbelanjaan langsung (kos bahan mentah dan kos tetap kilang).</p>
32.4.1.4.b.i	<p>Margin Keuntungan Kasar adalah satu kaedah analisis untuk menilai kedudukan kewangan syarikat dengan menunjukkan baki jumlah pendapatan setelah mengambil kira perbelanjaan langsung. Margin keuntungan kasar adalah sumber untuk membayar perbelanjaan. Analisis Audit mendapati keuntungan kasar yang diperoleh daripada pendapatan hasil pemasaran ikan dan produk perikanan telah melebihi perbelanjaan langsung operasi bagi tempoh 5 tahun. Bagaimanapun, keuntungan yang diperoleh ini tidak dapat menampung perbelanjaan perkhidmatan dan pentadbiran yang melebihi 100% hingga menyebabkan syarikat mengalami kerugian.</p>	<p>Kerugian bagi tahun 2010 meningkat kerana penurunan yang ketara dalam pendapatan dengan kos operasi yang masih tinggi iaitu perbelanjaan langsung (kos bahan mentah dan kos tetap kilang).</p>
32.4.1.4.c	<p>Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas modal berbayar yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan pengurusan modal Majuikan adalah rendah pada tahun 2006 iaitu RM0.26 juta . LKIM telah menyuntik modal tambahan sejumlah RM0.37 juta pada tahun 2007 bagi meningkatkan prestasi pengurusan Majuikan.</p>	<p>Pulangan atas ekuiti syarikat semakin menurun disebabkan kerugian semasa dan kerugian terkumpul yang dialami oleh syarikat sejak tahun 2006 yang tidak dapat dipulihkan. Bagaimanapun, kerugian syarikat telah menurun sebanyak 43% iaitu RM3.30 juta.</p>

	Bagaimanapun, tahap kecekapan pengurusan modal menunjukkan trend meningkat dari tahun 2007 sehingga 2009 tetapi menurun kepada RM0.49 juta pada 2010.	
32.4.1.4.d	<p>Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh daripada pelaburan aset syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh bagi setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan Majuikan dalam menguruskan asetnya adalah kurang memuaskan kerana bagi tempoh 5 tahun tersebut pulangan yang diperoleh di bawah RM1.00 juta.</p> <p>Pada pendapat audit, prestasi kewangan Majuikan adalah kurang memuaskan dan berada pada tahap kritis kerana jumlah kerugian terkumpul syarikat semakin meningkat dan berterusan setiap tahun dari sejumlah RM1.21 juta pada tahun 2007 menjadi RM17.38 juta pada 2010. Selain itu, hutang Majuikan dengan LKIM adalah sangat tinggi iaitu dari sejumlah RM17.53 juta pada tahun 2006 terus meningkat menjadi sejumlah RM35.95 juta pada 2010. Majuikan juga menghadapi masalah mendapat balik wang yang terhutang oleh syarikat subsidiarinya dalam jangka masa pendek. Keupayaan Majuikan untuk meneruskan perniagaannya sebagai entiti yang berterusan bergantung kepada keuntungan operasi pada masa hadapan serta sokongan kewangan daripada LKIM sehingga syarikat mampu bangkit semula. Majuikan perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi bagi memulihkan prestasi kewangan syarikat serta mengurangkan jumlah kerugian terkumpul.</p>	Nilai aset tetap dan aset semasa syarikat mengalami aliran menurun secara berterusan sejak tahun 2008. Situasi ini mengakibatkan pulangan ke atas aset syarikat juga mengalami aliran penurunan yang sejajar.
32.4.3.1.b	Tadbir Urus Korporat Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Majuikan melalui mesyuarat bulan Januari 2011 meluluskan pembayaran elauan tetap bulanan bagi Pengerusi Syarikat Induk sejumlah RM2,000 dan Pengerusi Syarikat Subsidiari sejumlah RM1,000. Semakan selanjutnya mendapati Pengerusi Majuikan juga menjadi Pengerusi bagi 2 syarikat subsidiarinya. Pengerusi Majuikan telah dibayar sejumlah RM1,000 bagi setiap syarikat subsidiari dari bulan Januari sehingga Disember 2011 menjadikan jumlah keseluruhan adalah RM24,000. Pada pendapat Audit, elauan tetap bulanan yang diterima oleh Pengerusi Majuikan daripada 2 syarikat subsidiari tersebut perlu dibayar balik selaras dengan ketetapan pekeliling berkaitan.	Pihak pengurusan MSB telah mengemukakan surat kepada Pengerusi MSB mengenai bayaran balik elauan tetap yang diterima sebelum ini melalui surat bertarikh 30 April 2012. Dalam masa yang sama MSB telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan tarikh 30 April 2012 untuk mendapatkan pengecualian bagi membenarkan Pengerusi MSB mendapat elauan tetap sebagai Pengerusi kepada 2 anak syarikat MSB.
32.4.3.1.d	<p>Majuikan tidak membuat kajian semula sasaran yang ditetapkan dalam rancangan ini berdasarkan pencapaian sebenar dari semasa ke semasa. Selain itu, laporan mengenai prestasi pencapaian rancangan tersebut tidak dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.</p> <p><i>Majuikan memaklumkan cadangan penstrukturran semula tidak mendapat persetujuan dan kelulusan Jemaah Lembaga LKIM. Oleh itu cadangan tersebut tidak dilapor kepada Jemaah Lembaga LKIM.</i></p>	Kertas cadangan penstrukturran semula MSB tidak diterima oleh Jemaah Lembaga LKIM memandangkan prestasi MSB yang kritis. Oleh itu, beberapa cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh MSB telah dibentang kepada Mesyuarat Jemaah LKIM termasuk cadangan MBO, mengecilkan operasi syarikat dan penggulungan syarikat.

32.4.3.4.a	<p>Pengurusan Kewangan – Pengurusan Kawalan Kredit</p> <p>Semakan Audit mendapati penghutang Majuikan sehingga bulan Disember 2011 adalah berjumlah RM784,145. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM767,692 atau 97.9 peratus merupakan penghutang yang telah melebihi tempoh kredit 121 hari iaitu terdiri daripada Persatuan Nelayan Kawasan, Syarikat Bersekutu Majuikan, syarikat lain dan organisasi korporat.</p>	<p>Tindakan mengutip hutang akan dilakukan oleh pihak yang akan dilantik oleh mahkamah melalui likudiasi. Bagaimanapun, keputusan bagi perlaksanaan ini bergantung kepada kelulusan YB Menteri.</p>
32.4.3.4.b	<p>Pengurusan Pendahuluan dan Pinjaman</p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2011, Majuikan telah menerima pendahuluan dana modal berjumlah RM12.66 juta bagi melaksanakan operasi harianya kerana menghadapi kekangan kewangan. Pembayaran adalah untuk gaji kakitangan, perkhidmatan dan bekalan serta bayaran guaman bagi 3 kes mahkamah yang dihadapi oleh Majuikan. Selain itu, Majuikan juga memperoleh 5 pinjaman berjumlah RM19.29 juta daripada LKIM dan 2 daripadanya dikenakan faedah.</p> <p>Pada pendapat Audit, Majuikan tidak mempunyai keupayaan untuk melunaskan kesemua hutangnya memandangkan tanggungannya adalah tinggi iaitu RM29.55 juta. Majuikan juga mengalami kerugian berterusan dan pada akhir tahun 2010 kerugian terkumpul adalah RM17.38 juta berbanding dengan modal berbayar berjumlah RM10.89 juta.</p>	<p>Mesyuarat Khas Jemaah Lembaga LKIM Bil. 2/2012 bertarikh 19 April 2012 telah bersetuju supaya MSB digulungkan bagi melepaskan tanggungan dan menyelesaikan kesemua tindakan undang-undang ke atas MSB.</p> <p>Proses penggulungan MSB akan dimulakan sebaik sahaja mendapat kelulusan YB Menteri. Pada masa ini, pengurusan MSB telah menghenti atau menamatkan operasi anak-anak syarikat dan cawangan yang rugi.</p> <p>LKIM akan melaksanakan pengecilan operasi syarikat dengan mendormankan syarikat induk dahulu dan juga memberhentikan kakitangan dengan pampasan mengikut undang-undang buruh sedia ada dan seterusnya menjualkan anak-anak syarikat MSB mengikut nilai pasaran setelah mendapat kelulusan YB Menteri.</p> <p>Tindakan ini adalah penyelesaian menyeluruh bagi mengelakkan pihak LKIM daripada terus menanggung kerugian yang berterusan.</p>
32.4.4.1.a	<p>Syarikat Subsidiari</p> <p>Majuikan mempunyai 7 syarikat subsidiari yang mana 5 daripadanya adalah aktif dan 2 lagi tidak aktif iaitu LSM Aqua dan Majuikan International Ventures. Status syarikat subsidiari dan pegangan ekuiti serta jumlah pelaburan sehingga bulan Disember 2010.</p>	<p>Majuikan masih kekal mempunyai 7 syarikat subsidiari yang mana 5 aktif dan dua sebaliknya. Bagaimanapun, satu cadangan pengecilan syarikat (<i>Downsizing</i>) telah dibuat pada pertengahan tahun ini dimana 2 syarikat iaitu Majuikan Fish Protech Sdn Bhd dan Barra Cafe Sdn Bhd telah diberhentikan operasinya. Maka, hanya tinggal 3 anak syarikat subsidiari yang aktif iaitu Asas Ombak Sdn Bhd, Majuikan Engineering & Maritime Services Sdn Bhd dan Majuikan Forwarding Sdn Bhd.</p>
32.4.4.1.b	<p>Analisis terhadap penyata kewangan syarikat subsidiari Majuikan mendapati sehingga akhir tahun 2010 kesemua 7 syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM8.19 juta. Kerugian berterusan yang dialami oleh 4 syarikat subsidiari dalam tempoh 5 tahun adalah penyumbang utama kepada peningkatan kerugian terkumpul Majuikan. Prestasi kewangan syarikat subsidiari Majuikan bagi tahun 2006 sehingga 2010.</p>	<p>Kerugian yang dialami oleh syarikat subsidiari berpunca daripada ketiadaan pelan perniagaan yang komprehensif, kelemahan pengurusan yang ketara, faktor teknikal dan modal operasi yang kecil. Sebagai contoh, Asas Ombak Sdn Bhd mempunyai umur bot melebihi 20 tahun dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Contoh lain, Majuikan Fish Protech Sdn Bhd mempunyai masalah teknikal dimana</p>

		kemampuan teknologi hanya menghasilkan ikan berada pada tahap minimum berbanding cadangan asal. Pengurusan Majuikan telah melihat kelemahan ini dengan memperbaikinya secara holistik dan berperingkat. Laporan Kewangan berakhir Disember 2011 menunjukkan penurunan daripada RM5.8 juta kepada RM3.3 juta iaitu menyusut 43%.
32.4.4.1.c	<p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah Majuikan pada bulan November 2011 telah membubarkan LSM Aqua yang tidak beroperasi sejak tahun 2001. Operasi Majuikan Port Services telah dihentikan sejak tahun 1999 dan ditukarkan kepada syarikat Barra Cafe pada tahun 2010 manakala Majuikan International Ventures adalah dorman sejak tahun 1999.</p> <p>Pada pendapat Audit, Majuikan perlu mengkaji aktiviti setiap syarikat subsidiarinya untuk menentukan sama ada syarikat berdaya maju untuk meneruskan operasinya supaya tidak menjadi bebanan kepadanya.</p>	<p>Pembubaran LSM Akua Sdn Bhd belum dapat dilaksanakan sehingga kini kerana belum mendapatkan persetujuan daripada pemilik saham iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).</p> <p>Pihak Majuikan telah melihat beberapa anak syarikat yang mengalami kerugian (<i>non perform company</i>) untuk ditutup operasi dan mengekalkan anak syarikat yang mempunyai prospek untuk dipulihkan. Ia dianggarkan dapat mengurangkan bebanan operasi sehingga RM30,000 sebulan atau RM360,000 setahun. Dari segi kerugian, langkah ini dapat menyumbang penyusutan kerugian pada 40 – 50% pada tahun 2012.</p> <p>Operasi yang ditutup melibatkan 3 cawangan dan 2 anak syarikat, iaitu Majuikan Fish Protech Sdn Bhd dan Barra Cafe Sdn Bhd pada bulan Julai hingga Ogos 2012.</p>
32.4.5.2	<p>Pihak Audit mendapati Jemaah Lembaga LKIM tidak membincangkan mengenai status masa hadapan Majuikan dan Kumpulannya kerana tiada keputusan yang jelas dibuat mengenai hala tuju syarikat yang mengalami kerugian berterusan dan tiada penyelesaian kukuh yang dapat dibuat terhadap masalah kewangan yang dihadapi oleh Majuikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, LKIM perlu memberi perhatian serius dan penekanan terhadap hala tuju Majuikan bagi memastikan objektif penubuhan Majuikan direalisasikan.</p> <p><i>LKIM memaklumkan sedang mengambil langkah untuk mengecilkan operasi induk MSB, menutup operasi subsidiari yang rugi dan mengekalkan operasi subsidiari yang berdaya maju.</i></p>	<p>Pihak LKIM amat peka dengan situasi kerugian berterusan dan kes – kes mahkamah yang dihadapi oleh Majuikan. Sejak pertengahan tahun 2011 pihak LKIM telah menerima beberapa cadangan daripada Majuikan seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Rancangan Pengstruktur Semula (<i>Restructuring Plan</i>) b) Management Buyout (MBO) c) Downsizing (Pengeciran Syarikat) <p>Bagaimanapun, pihak LKIM mengalami kekangan berikut kes – kes mahkamah yang dihadapi oleh Majuikan dimana mempunyai risiko yang tinggi samada akan digulung oleh pihak plaintif atau penghutang. Oleh yang demikian, pihak LKIM telah mendapatkan nasihat panel peguam dalam menentukan arah tuju syarikat Majuikan dimana sehingga kini pilihan yang terbaik adalah penggulungan secara sukarela (<i>voluntary winding up</i>). Namun, ia tertakluk kepada keputusan KPIAT.</p>



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
JD005444

KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62592 WP Putrajaya